

## R A L A T

Muka Surat	Salah	Betul
Kulit Luar V IX	ejaan 'Perbicangan' Mohd Zulkifl J.G.B.	'Perbincangan' Mohd. Zulkifli J.G.G.
4 baris akhir para 2.	... Sultannya tetapi cadangan gugur	...Sultannya tetapi cadangan itu gagal
5 baris 4 para 2 19	Septmber James Klyne	September James Klyne
70	Arkitek Pembangunan Negara Johor	Arkitek Pembangunan Negeri Johor
82	Briokrat	Birokrat
91	Keaktif dan ker- poduktif	Keaktifan dan kepro- duktifan
Gambar Mejar Musa Yusof	... Tokoh Ghazali Johor	... Tokoh Ghazal Johor
Gambar akhir	Datuk Bentara Luar Luar, Muhd. Salleh Perang Arkitek Pembangunan Negeri Johor.	Mejar Datuk Haji Muhd. Said B. Haji Sulaiman, Tokoh P. Bm. P. B.
Selepas 262	KOLEKSI GAM- BAR MENGENA SEJARAH JOHOR MODEN 1855- 1940	KOLEKSI GAM- BAR MENGENAI SEJARAH JOHOR MODEN 1855- 1940
267	16. 17. 18. 19.	16._____ 17._____ 18._____ 19._____
275	Keturuanán Raja- Raja Melayu dan Bugis (Jawi)	Keturunan Raja-Raja Melayu dan Bugis (Jawi)

# SEJARAH JOHOR MODEN 1855—1940

Satu Perbicangan Dari Pelbagai Aspek

M.A. FAWZI BASRI

*B.A. Hons (Malaya)*

&

HASROM HARON

*B.A. Hons (Malaya)*



MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Cetakan Pertama 1978

© FAWZI & HASROM

M  
959-SH9  
FAW

APR  
132128

JABATAN MUZIUM  
SEmenanjung MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1978

II

22 APR 19  
Perpustakaan  
Malaysia

"Sedangkan ulat dalam batupun boleh hidup dan mencari makan inikan pula manusia yang berakal ...."

**untuk insan yang bakal  
menghuni dunia ini.**

### **III**

## PRA KATA KETUA PENGARAH MUZIUM NEGARA

Kelahiran buku ini merupakan satu sumbangan Muzium Negara dalam menambahkan bahan-bahan bacaan Sejarah Malaysia yang ditulis oleh rakyat Malaysia sendiri. Penulisan semula Sejarah Malaysia menurut perspektif baru sentiasa digalakkan. Muzium Negara mensifatkan buku ini sebagai keluaran pertama dalam siri *Pustaka Tinta Emas*, iaitu satu siri penerbitan Sejarah Malaysia yang berbentuk akademik dan separa akademik..

Buku ini ialah hasil dari koleksi rencana Sejarah Johor karya Encik M.A. Fawzi Basri yang pernah disiarkan di dalam Jurnal-Jurnal Sejarah, majallah dan akhbar tempatan. Memandangkan tulisan tersebut amat berguna kepada peminat sejarah, lantas Muzium Negara mengambil inisiatif mengumpul semula dan menerbitkannya. Perlaksanaan sukanan pelajaran sejarah sekolah yang baru menjadikan buku ini sebagai bacaan tambahan kepada guru-guru sejarah dan pengajilidik.

Saya mengambil kesempatan merakamkan rasa terima kasih kepada penyusun buku ini yang sudi membenarkan manuskrip mereka diterbitkan walaupun mereka sedar bahawa Muzium Negara tidak mampu mengeluarkan ganjaran wang Royalti mahupun Honarium atas titik peluh mereka itu. Pengorbanan mereka ini sungguh membanggakan pehak Muzium. Dengan kerjasama rapat dari mereka juga buku ini dapat diterbitkan sempena perayaan Jubli Perak Persatuan Sejarah Malaysia.

Sekian, terima kasih.

*Shahrum bin Yub,*  
(SHAHRUM BIN YUB, KMN., PJK.,)  
KETUA PENGARAH,  
JABATAN MUZIUM.

28hb. April, 1978.

Kuala Lumpur.

## PENGHARGAAN PENYUSUN

Buku ini adalah disusun sempena perayaan dua puluh lima tahun Persatuan Sejarah Malaysia pada bulan April 1978. Menjadi basrat kami mengajukan kandungan buku ini kepada masyarakat dengan pendedahan beberapa aspek baru dalam sejarah Malaysia, semoga ianya memberikan sedikit sebanyak faedah kepada pengkajilidik, guru-guru sejarah dan pelajar serta peminat sejarah amnya. Sesungguhnya bersesuainya dengan pelaksanaan sukanan pelajaran sejarah yang baru dirasakan buku ini turut memberi sumbangan kepustakaan dalam pelajaran sejarah tanah air yang berasaskan kebangsaan Malaysia.

Munculnya buku ini adalah hasil dorongan dari Prof. Khoo Kay Kim Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya yang telah mendidik kami semasa tahun pertama lagi hingga masing-masing dari kami berjaya melahirkan 'Latihan Ilmiah' berhubung dengan Johor. Dari situ juga terciptanya diskusi rencana mengenai Johor ini. Kami sungguh berterima kasih, kepada beliau, seterusnya kepada saudari-saudari Norsiah Isnin, Rubiah Zainun, Zaharah Lassim yang membantu kerja menaip manuskrip buku ini serta rakan-rakan yang telah memberikan galakan penerbitan buku ini.

Akhir sekali toqima kasih tidak terhingga kami kepada Ketua Pengarah Muzium Encik Shahrum Yub dan Timbalannya Encik Mohd Zulkifli Abdul Aziz, Kamarul Bahrin Buyung (Pemangku Kurator Kanan) dan lain-lain kakitangan Muzium Negara yang bertungkus lumus menjayakan penerbitan buku ini.

Atas segala kesilapan yang berlaku dalam buku ini adalah tanggungjawab kami sebagai penulis, anggaplah kelahiran buku ini sebagai satu sumbangan kecil kami dalam penulisan semula sejarah Malaysia dari kacamata penduduk negara ini sendiri. Semoga ianya berfaedah kepada bangsa dan negara ini.

FAWZI & HASROM

Kuala Lumpur  
28 April 1978

## KANDUNGAN

	Muka Surat.
Prakata Ketua Pengarah Muzium Negara .....	IV.
Penhargaan Penulis .....	V.
Kandungan .....	VI.
Singkatan .....	IX.
<b>I. PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
(Latar belakang sejarah Johor Moden)	
<b>II. PERBINCANGAN</b>	
<b>A. TOKOH</b>	
i) Datuk Jaafar Haji Muhammad : Menteri Besar Johor yang pertama .....	53
ii) Datuk Sri Amar Di Raja : Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Negeri Johor ....	59
iii) Datuk Bentara Luar: Arkitek Pembangunan Johor moden .....	70
iv) Muhd. Ibrahim Munsyi : Birokrat Pemaju Pendidikan Melayu di Johor.....	82
v) Major Datuk Muhd. Said Sulaiman: Peranan dan karyanya. ....	88
vi) Apakah Benar Sultan Abu Bakar Bapa Johor Moden .....	97
<b>B. EKONOMI</b>	
i) Perkembangan Ekonomi dan Infrastruktur Batu Pahat 1880 – 1917 .....	102
ii) Segamat Dalam Tahun 1917 .....	121
iii) Keretapi Muar (The Muar State Railways) 1889 – 1918 .....	127
iv) Bandar Endau di Sumpah ? .....	138

v)	Sejarah Endau suatu komentar sejarah .....	142
vi)	Perang Saudara di Muar .....	153
<b>C. PENTADBIRAN</b>		
i)	Birokrasi Negeri Johor dan Elit Tradisionalnya .....	161
ii)	Pasukan Polis Johor: Suatu komentar Sejarah .....	169
iii)	Perkembangan dan Peranan Jabatan Agama Johor 1895 – 1940 .....	176
iv)	Daerah Batu Pahat: Perkembangan Pentadbirannya .....	190
v)	Surat Dari Bukit Senyum .....	200
vi)	Johor Negeri Melayu Yang Tidak Pernah di jajah oleh Inggeris? .....	208

### **III. DOKUMENTASI**

Lampiran 1.	Persetiaan Antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim Menyerahkan Hak Milik Kerajaan dan semua Tanah Jajahan Johor .....	217
Lampiran 2.	Teriti Persetiaan antara Dato' Temenggung Abu bakar Johor dengan Dato' Bendahara Tun Koris Pahang, 19 Zulhijjah 1278 (12 Jun 1862) .....	221
Lampiran 3.	Surat Pegawai Pentadbir Kerajaan Negeri Selat kepada Maharaja Johor 1877 .....	224
Lampiran 4.	Surat Perjanjian Setia Kerajaan Johor 11 Disember 1885 .....	225
Lampiran 5.	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 – 1918 .....	228

**IV. KOLEKSI GAMBAR MENGENA: SEJARAH JOHOR  
MODEN 1855 – 1940.**

**V SUMBER RUJUKAN SEJARAH JOHOR**

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| i.  | Bibliografi sejarah Johor .....   | 263 |
| ii. | Daftar Bahan Arkib Negara Malaysia<br>mengenai Sejarah Johor (1971) ..... | 273 |

## SINGKATAN

AA	-	Assistant Adviser (Penolong Penasihat Am).
AABP	-	Assistant Adviser Batu Pahat
ANJ	-	Arkib Negeri Johor (sekarang Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan).
AR	-	Annual Report (Johor).
CLMS	-	Commissioner of land and Mines (Ukur).
CLR/BP	-	Collector of Land Revenue Batu Pahat.
CO	-	Colonial Office.
DPTB	-	Daftar Pengaduan Timur Barat.
ELC	-	East India Company.
GA	-	General Adviser (Penasihat Am)
GD	-	Governor's Despatches
JGB	-	Johore Government Gazette
JMBRAS	-	Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society.
JSBRAS	-	Journal of Straits Branch Royal Asiatic Society.
KMGLJ	-	Keterangan Membuka Kebun Gambir Lada Johor.
L.B. a	-	Letter Book, His Highness Maharaja of Johor. 1858-1885.
L.B. b.	-	Letter Book, His Highness Maharaja of Johor. 1885-1888.
L	-	Laporan.
PK	-	Penyata Kewangan.
PKBP	-	Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat.
PL	-	
Resd. Kond.	-	Residen Konsular.
RPKBP	-	Report Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat
SAD	-	Straits Almanac Directory.

SCD	-	Straits Colendar Directory
SDPTC/GAJ	-	Surat Dalam Perkara Tuan Campbell menjadi General Adviser Johor
SKMKJ	-	Surat-surat Keterangan Membuka Kebun Johor
SS/SUK	-	State Secretary/Setiausaha Kerajaan
SS	-	Straits Settlements
SSD	-	Singapore and Straits Directory
SSLB	-	State Secretary Letter Books
SSR	-	Straits Settlements Factory Record
SUK	-	Setiausaha Kerajaan
SWBS	-	Surat Wakil Bahagian Sungai

## PENGENALAN

Boleh dikatakan benar bahawa Johor adalah negeri yang unik dikalangan negeri-negeri Melayu. Kerana, bukan saja ia pecahan daripada Empayar Melayu Melaka tapi adalah nadi yang cuba mengembalikan keagungan Kerajaan Melayu Melaka itu melalui Empayar Johor-Riau-Lingga-Pahang; yang juga akhirnya hancur oleh kelemahan kuasa sultan dan kedatangan kuasa-kuasa penjajah. Inggeris dan Belanda melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, telah meletakkan garis-garis pembahagian pengaruh antara mereka berdua. Semenanjung Malaysia untuk Inggeris dan Nusantara untuk Belanda. Akhir sekali empayar itu lenyap bila Singapura dijual kepada Syarikat India Timur Inggeris (*English East India Company*) melalui Perjanjian 2hb. Ogos, 1824 antara Sultan Husain dengan John Crawford. Pada tahun 1853 pula; Pahang dibawah Bendahara Tun Ali mengisyiharkan keunggulan kuasanya dan menapikan kuasa Sultan Johor yang sedia nominal. Dengan ini empayar itu betul-betul hancur.

Tinggallah Johor sendiri yang kini dikuasai oleh Sultan Johor dengan kuasa *de jure* dan Temenggung dengan kuasa *de facto*. Melalui Persetiaan 10 Mac 1855, antara Temenggung Daing Ibrahim dengan Tengku Ali, baharulah Johor moden seperti bentuknya sekarang ini mulai wujud. Mulai tahun 1855 sejarah Johor seterusnya ialah sejarah pengasasan dan pengukuhan Johor moden dalam bidang-bidang ekonomi, pentadbiran, politik dan pengaruhnya. Mulai dari tarikh itu juga Johor dikuasai sepenuhnya oleh keturunan keluarga Temenggung Daing Ibrahim.

Temenggung biasanya bukanlah berdarah raja. Dia adalah pembesar negeri – ketua pengaman. Tetapi Temenggung Ibrahim lain halnya. Zaman itu di Singapura, keadaan telah membuktikan yang darjah saja tidak cukup; kekuatan ekonomi, kebijaksanaan dan kebolehan penting bagi seorang yang hendak berjaya. Begitulah Temenggung Daing Ibrahim. Dia dilantik menggantikan bapanya Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja yang mati pada tahun 1825. Gelaran penuhnya ialah Datuk Temenggung Daing

Ibrahim Seri Maharaja dan mendapat penceن dari Inggeris di Singapura sejak tahun 1841 sebanyak \$350/- sebulan. Dari Datuk Temenggung Seri Maharaja pangkat itu bertukar kepada Maharaja saja pada tahun 1868 dengan pengetahuan Queen Vitoria; kemudian bertukar kepada Sultan pada tahun 1885. Orang yang mendapat kejayaan ini ialah Sultan Abu Bakar dan ini menunjukkan dia mencapai status tercapai.

Oleh itu terlihat sejak tahun 1855 sejarah Johor di bawah pimpinan Temenggung Daing Ibrahim (T.M. 1841 – 1862) dan Sultan Abu Bakar (T.M. 1862 – 1895), adalah sejarah kebangkitan dan kemajuan – di asaskan oleh Temenggung Ibrahim dan dikukuhkan lagi oleh Maharaja Abu Bakar serta kaktungan kerajaan mereka semasa Maharaja Abu Bakar, sistem pentadbiran telah dimajukan, ekonomi dikembangkan dan pengaruh politik diluaskan, baik di dalam atau diluar negeri. Maharaja semasa hidupnya amat dikenali dan dihormati dan dengan itu membawakan penghormatan dan keuntungan bagi Johor kerana mendapat seorang pemerintah yang bijak dan berkalibar.

Di samping pemerintah yang bijak, Johor juga bermasib baik mempunyai menteri-menteri, datuk-datuk dan pegawai-pegawai negeri yang berkebolehan. Mereka telah berjaya membantu dan memajukan negeri Johor. Mereka dapatlah dianggap sebagai negarawan agung bagi Johor, yang meletakkan Johor di dalam kalangan negeri Melayu yang berpengaruh. Jika di bandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain dalam tahun 1860-an dan 1870-an adalah dalam huru hara; Johor tidak demikian. Kalau negeri-negeri Selangor, Perak, dan Sungai Ujung telah menggunakan Residen Inggeris sejak tahun 1874 lagi; di Johor hanya 40 tahun kemudian daripada itu diletakkan oleh penjajah Inggeris seorang Penasihat Am - *General Adviser*.

## PERJANJIAN TAHUN 1855 DAN SOAL MUAR – KESANG

Sejak tahun 1840, Tengku Ali; anak Sultan Husain telah diisytiharkan oleh Thomas Church, Residen Konsular di Singapura (T.M. 1837 – 1856) atas arahan Samuel George Bonham, Gabenor Negeri-negeri Selat (1837 – 1843):

*'..... Looked upon by the British Government in every respect as the successor of his late father and entitled to all the property upon the ground granted to the Sultan by the East India Company situated at Kampung Gelam'.*<sup>1</sup>

Pengisyiharaan ini dilanggap oleh Tengku Ali sebagai pengakuan yang baginda adalah pengganti ayahandanya, sebagai Sultan Johor. Tetapi pihak Inggeris berbuat demikian hanya bertujuan untuk mengelakkan daripada berlaku kesusutan mengenai harta tinggalan Sultan Husain yang di Kampung Gelam.<sup>2</sup> Church sendiri menganggap adalah satu perbuatan yang tidak bijak melantik dan mengakui Tengku Ali sebagai pengganti Sultan Husain, kerana kedudukan dan kebolehannya yang cetek. Di samping itu tentunya Temenggung Ibrahim dan Bendahara Tun Ali tidak bersetuju kerana pengiktirafan itu bertentangan dengan kepentingan mereka. Sejak tahun 1853, Bendahara Tun Ali telah mengisyiharkan dirinya sebagai pemerintah unggul di Pahang dan menafikan kekuasaan Sultan Johor yang sedia ‘nominal’ itu.<sup>3</sup> Selain dari Sultan Ali, Sultan Mahmud yang bertakhta di Lingga juga cuba hendak mengembalikan keagungannya sebagai Sultan bagi jajahan Johor-Riau-Lingga dan Pahang. Ini membawakan pula Temenggung Ibrahim yang berpengaruh itu juga ber-

- 
1. Tarling, N., ‘British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-71’, *JMBRAS*, Jilid 30, bhg. 3, 1957, ms. 57.
  2. Abdullah Ayob, *The Johore succession controversy, 1850-1878* B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1953, ms. 9, lihat juga Tarling, *op. cit.* ms. 57. Konsep Sultan Johor yang dipakai untuk Sultan Husain yang dilantik oleh Stamford Raffles tahun 1819 adalah untuk Sultan jajahan Johor, Pahang dan Singapura.
  3. Linehan, W., ‘A History of Pahang’ *JMBRAS*, Jilid 14, bhg. 2, 1936, ms. 67

keinginan hendak mendapatkan Johor dan menjadi pemerintah unggul seperti Bendahara Tun Ali. Di samping itu juga Temenggung Ibrahim telah cuba memajukan ekonomi dan pentadbiran Johor, manakala Tengku Ali pula tidak cuba untuk berbuat seperti yang dibuat oleh Temenggung bagi memajukan Johor.

Pertikaian antara Tengku Ali dengan Temenggung Ibrahim dalam tahun 1840-50-an memang tidak dapat dielakkan. Ini disebabkan perbezaan kekuatan ekonomi, pengaruh politik dan persenoliti di antara mereka. Temenggung mulai mendapat pendapatan yang lebih besar dalam tahun-tahun 1840-an kerana, selain dari menerima sagu hati daripada Inggeris sebanyak \$350/- sebulan, dia juga mendapat punca kewangan daripada perniagaan dan pengeluaran hasil hutan daripada Johor. Sebaliknya Tengku Ali terlibat dalam hutang piutang, sehingga pernah di saman di Mahkamah Singapura kerana tidak membayar hutang sejumlah kira-kira \$5,250/-<sup>4</sup>. Baginda bersahabat dengan Sultan Mahmud, Lingga, Sultan Omar, Trengganu; tetapi aktiviti mereka tidak jelas dalam usaha yang memberi faedah kepada kedudukan Tengku Ali. Tengku Ali juga bersahabat dengan W.H. Read; seorang saudagar Inggeris terkemuka di Negeri-negeri Selat, tetapi sejauh manakah Read berjaya membaiki taraf hidup Tengku Ali juga tidak jelas. Malah ada disebutkan Read sebagai penasihatnya, menyimpan mohor Tengku Ali dengan tujuan supaya ia tidak digunakan untuk penggunaan yang merugikan Tengku Ali. Read pernah mencadangkan supaya dibina kembali kesultanan Johor Lama dengan Tengku Ali sebagai Sultannya tetapi cadangan gugur<sup>5</sup>.

Jika dibandingkan dengan Tengku Ali, Temenggung Daing Ibrahim mempunyai sahabat di kalangan pegawai Inggeris dan diantaranya termasuk Gabenor Negeri-negeri Selat, William J. Butterworth (T.M. 1845-55). Pertolongan Temeng-

- 
4. Residen Konsul kepada Butterworth, no. 63, 28 April, 1854, *EIC Record I*.
  5. Read, W.H. (*An Old Resident*), *Play and Politics Recollections of Malaya*, London, 1901, ms. 15 - 16.

gung Daing Ibrahim ke atas W.J. Butterworth dalam memusnahkan sarang-sarang lanun di 'Old Straits' disanjung tinggi. Sebagai balasan jasanya Temenggung Johor telah dihadiahkan sebilah pedang di satu istiadat gemilang di Singapura pada September 1846<sup>6</sup>. Ini telah meletakkan dirinya di kalangan orang yang ternama, dihormati dan disegani. Tidak hairanlah W.J. Butterworth dalam satu notanya telah menyokong Temenggung Daing Ibrahim sebagai orang besar yang diakui sah dan katanya lagi dia terhutang budi kepada Temenggung, manakala Tengku Ali menurutnya adalah seorang yang lemah fikirannya dan pada masa itu Tengku Ali dikatakan berhutang sejumlah kira-kira \$15,000/- kerana menyara hidupnya.<sup>7</sup> Kebenarannya ada, bila W.H. Read menulis dan mengakui bahawa, Tengku Ali mempunyai daya pemikirannya yang lemah.<sup>8</sup>

Bagi Tengku Ali untuk mendapatkan pendapatan yang lebih besar dan mendapatkan kekuasaan hanyalah dengan cara mendapatkan balik gelaran Sultan Johor. Rayuan pertama kepada Gabenor General dibuat pada Septmber 1846 , tetapi W.J. Butterworth telah memberikan laporan yang menolak rayuan itu.<sup>9</sup> Peluang terbuka di dapatinya bila Edmund A. Blundell, Residen Konsular Pulau Pinang memangku jawatan Gabenor Butterworth yang pergi bercuti ke Australia antara November 1851 hingga November 1853, kerana Blundell mempunyai sikap untuk membantu Tengku Ali.

Pada 27 Mac 1852 F.A. Blundell menerima laporan daripada Gabenor General Belanda di Batavia, melaporkan

- 
6. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, *Hikayat Abdullah*, Jilid II, Kuala Lumpur, 1966, ms. 418-423. Sahabat-sahabat bangsa Eropah yang lain termasuk W.W. Ker, A. Logan, A.M. Aitken, W. Napier, W. Paterson, Rev. B.P. Kesaberry.
  7. Butterworth ke Gabenor General, no. 170, 21 Oktober 1846, *SSR R 13*. Lagi satu punca mengatakan ia telah berhutang sejumlah \$150,000 pada awal tahun 1860an. Lihat Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subject*, 1907-1916.
  8. Read, *op. cit.* ms. 14.
  9. Tarling, *op. cit.* ms. 57. juga Millis, L.A., *British Malaya 1824-67*, Kuala Lumpur, 1966. ms. 184.

kehadiran Tengku Ali di Lingga, dan dikatakan telah menyerahkan Johor kepada Sultan Mahmud. Blundell berjaya membawa balik Tengku Ali ke Singapura. Lalu dia mencadangkan penyelesaian antara Tengku Ali dengan Temenggung Daing Ibrahim. Tengku Ali akan diakui sebagai Sultan Johor dan mendapat sagu hati \$300/- tiap-tiap bulan daripada Temenggung dan akan mendapat tambahan kalau pendapatan Johor bertambah dan Temenggung menjadi orang besar di bawah Tengku Ali. Rancangan itu gagal, mungkin disebabkan oleh campur tangan W.H. Read yang menentang rancangan itu bagi pihak Tengku Ali<sup>10</sup>.

Pada Februari 1854, Tengku Ali menyatakan kemahuannya untuk mendirikan kerajaan di Johor dan berpindah daripada Singapura<sup>11</sup>. Kesan daripada itu Temenggung Daing Ibrahim telah menawarkan sebahagian daripada pendapatan Johor dan akan mengakui Tengku Ali sebagai Sultan dan sebaliknya Tengku Ali hendaklah mengakui Temenggung Daing Ibrahim sebagai pemerintah Johor yang penuh dan memindahkan hak itu hingga ke anak cucunya dan keluarga atau keturunan Tengku Ali tidak dibenarkan menetap di Johor tanpa kebenaran Temenggung Daing Ibrahim. Tetapi Tengku Ali muh sebaliknya baginda diakui sebagai Sultan Johor dan Temenggung sebagai menterinya dengan diberikan sedikit kawasan Johor, di mana sebahagian pendapatannya kelak hendaklah diberikan kepada Tengku Ali. Di samping itu \$10,000/- hendaklah dibayar kepada Tengku Ali berupa tunggakan. Temenggung tidak bersetuju.<sup>12</sup>

Tengku Ali, sebagai satu langkah yang menakutkan bagi pihak Inggeris dan lebih-lebih lagi pihak Temenggung telah mengancam untuk mendapatkan sokongan daripada pihak lain barangkali.<sup>13</sup> Maka pada Ogos 1854, Temenggung telah menawarkan kepada Tengku Ali \$500/- bayaran pence bulanan dan \$5,000/- tunggakan. Dia juga akan mengakui

---

10. Tarling, ms. 59

11. *Ibid.*, ms. 60

12. *Ibid.*, ms. 61

13. Tengku Ali kepada Butterworth, no. 1, 29 Mei, 1854, *EIC, Record 1*.

Tengku Ali sebagai Sultan tetapi Tengku Ali menyerahkan sepenuhnya jajahan Johor dan tidak akan menetap di Johor pada bila-bila masa pun; termasuk keturunannya.<sup>14</sup> Tengku Ali menerima tawaran \$500/- tetapi menghendaki tambahan bila pendapatan Johor bertambah dan ini disokong oleh Blundell; di samping Tengku Ali tidak mahu kehilangan semua kuasa ke atas Johor. Tengku Ali meminta Muar pula untuk kawasannya sendiri, kerana katanya ada hubungan darah di sana. Temenggung menolak permintaan itu, tetapi terpaksa mengalah oleh tekanan daripada T. Church. Akhirnya persetujuan dibuat dan hasilnya Persetiaan 10 Mac 1855, ditandatangani di Singapura dengan disaksikan oleh Gabenor W.J. Butterworth.<sup>15</sup>

Kini Tengku Ali diakui sebagai Sultan tetapi gelaran itu kosong — baginda hilang kawasan Johor yang luas, yang kini berada di tangan Temenggung Daing Ibrahim dan keadaan baginda berterusan di dalam kesusahan. Kawasan Muar — yaini Kesang yang diperuntukkan baginya adalah kawasan yang tidak berhasil dan baginda sendiri tidak mengusahakan untuk memajukannya. Ini lebih menyukarkan lagi kerana Kesang yang terletak di sebelah kiri sungai dalam daerah Muar yang terletak di bawah kuasa Temenggung Muar, Temenggung Ismail.<sup>16</sup> Oleh itu berlaku pertelingkahan kepentingan antara kedua-duanya.

Sultan Ali membuat ikatan dengan Tuk Suliwatang (pangkat bagi ketua orang Bugis); supaya menundukkan Temenggung Ismail. Hasilnya menimbulkan kekacauan. Penyelesaian dibuat bila Tuk Suliwatang dikeluarkan dari Sungai Muar apabila

14. Butterworth kepada Tengku Ali, no. 14, 29 Julai 1854, *EIC Record 1*.

15. Tengku Ali kepada Butterworth, no. 15, 21. 1854; Temenggung Ibrahim kepada Church, no. 15, 14, 1854: *EIC Record 1*. Dalam masa November, September perbincangan dibuat tidak disebutkan gelaran Sultan bagi mana-mana kawasan, e.g. Johor, hanya kemudian bila mendapat Kesang di dalam daerah Muar; baginda dikenali dengan Sultan Kesang.

16. Asalusul ketua tempatan — Temenggung ini sekurang-kurangnya bermula dari sejak tahun 1707; bila Seri Maharaja Di Raja mendapat ganjaran — Muar daripada Sultan Abdul Jalil, Johor. Lihat Winstedt, Sir R.O., 'The Temenggung of Muar', *JMBRAS* Jilid 10, bhg. 1. 1932, ms. 30-31.

Blundell memberi amaran kepada Sultan Ali.<sup>17</sup> Temenggung Ismail telah lari ke Pengkalan Kota, di daerah Segamat yang dianggap di dalam hak Temenggung Daing Ibrahim dan Alexander, Pembantu Residen Konsular Melaka telah berjaya mendapatkan pengakuan yang Temenggung Ismail akan mengadap Temenggung Ibrahim dan tunduk di bawah perintahnya.<sup>18</sup>

Kemudian timbul pula kekusutan antara Sultan Ali dengan Temenggung Daing Ibrahim. Sultan Ali mengadu kepada Gabenor E.A. Blundell yang orang-orangnya telah dihalang daripada mengambil hasil hutan di kawasan Johor oleh Temenggung dalam tahun 1855-56.<sup>19</sup> Kerana mengikutnya dalam perkara lima persetiaan tahun 1855 dinyatakan bahawa perniagaan antara kedua pihak hendaklah dijalankan dengan bebas. Aduan dan sungutan yang dibuat oleh Sultan Ali berdasarkan kepada kekurangan kewangan yang dialaminya. Dengan itu baginda cuba mengeluarkan hasil hutan Johor yang kini telah menjadi hak milik Temenggung untuk dijual di Singapura.

Satu lagi jalan bagi Sultan Ali untuk mendapatkan punca-punca kewangan ialah dengan mengembalikan Johor ke tangannya. Nafsu untuk mendapatkan Johor kembali bertambah bila perkembangan ekonomi Johor mulai dipesatkan dan berkembang maju. Sultan Ali dengan sokongan saudagar-saudagar dan setengah-setengah akhbar di Negeri Selat dan terutamanya dengan sokongan W.H. Read memberikan hujah-hujah yang Persetiaan tahun 1855 itu tidak sah. Di antara sebab-sebabnya kerana ia tidak dirujukkan kepada persetujuan pembesar-pembesar Sultan Ali dan juga oleh kerana Inggeris

---

17. Abdullah bin Ayob, op. cit., ms. 24.

18. Capt kpd Resd. Kon. Melaka kepada Blundell no. 9, 3 Oktober 1855, juga lihat Blundell kepada Resd. Kon. Singapura no. 486, 8, Oktober 1855, *EIC Record I*. Di situ nampaknya Temenggung Ismail mahu ia tunduk dibawahnya tidak di bawah Sultan Ali atau bebas sebagai ketua '*fiudal*' di Muar.

19. Perkara ini berpunca daripada anak raja yang lain daripada keluarga Sultan Ali. Lihat, Jun. 1855 – Januari, 1856, ms. 124, tidak jelas mengenai tarikh, *SSR R 28*.

memberikan tekanan terhadap Sultan Ali dengan menyokong Temenggung Daing Ibrahim dalam usaha Temenggung mendapatkan hak milik Johor.<sup>20</sup> Perkara ini sampai kepuncaknya bila pada Disember 1860 Encik Bujal, Setiausaha Sultan Ali berada di Muar (dikhabarkan) bersama-sama kira-kira 30,000 pengikut bertujuan hendak menyerang Johor. Tapi rancangan itu mati tidak berkubur.<sup>21</sup> Kira-kira bulan November 1862 Cavenagh menerima notis yang Sultan Ali hendak pindah menetap ke Umbai, di dalam negeri Melaka.<sup>22</sup>

Pada awal tahun 1870-an lagi sekali Suliwatang muncul di Sungai Muar, bertujuan mengenakan cukai kepada penduduk di kedua belah pihak; Kesang dan Muar. Ini dilakukan kerana untuk mendapatkan bahagian pendapatan yang dijanjikan dulu oleh Sultan Ali semasa dia menundukkan Temenggung Ismail. Datuk Bentara Dalam Johor dan Charles J. Irving telah pergi ke situ menemui Tuk Suliwatang dan berjaya mengeluarkannya dari Sungai Muar dan membawa Tuk Suliwatang pergi mengadap Temenggung Abu Bakar.<sup>23</sup>

Kesukaran kewangan Sultan Ali kini menginkat lagi. Baginda telah membuat ikatan dengan Baboo Ramasamy untuk mentadbirkan dan memungut pendapatan Kesang. Tetapi dalam masa itu juga baginda memberikan konsesi kepada Mr. Studer, Mr. Lind dan Mr. Penner.<sup>24</sup> Ini menjadikan pemberian konsesi itu berlapis-lapis. Tujuannya ialah

- 
20. Swettenham, Sir F.A., *British Malaya; an account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London 1948, ms. 100. Lihat juga David Mau Ming, *British - Johore Relations 1885 - 1914*, B.A. Honors Academic Exercise, University of Singapore 1966, ms. 1 - 3.
  21. Gabenor Cavenagh kepada Tengku Ali, 14 Disember 1860, *SSR V 32*. Lihat juga 'Correspondence with regard to the Muar Territory'; ms. 6 lampiran 1, *Precise of the history of Sultan Ali, S.S. Despatches & C.*
  22. Tetapi dalam satu nota lain diberitakan Sultan Ali pergi ke Muar secara rahsia; Lihat Gabenor Cavenagh kepada Sect. to Government of India, no. 181, 30 Disember 1862, *SSR R 41*.
  23. Datuk Bentara Dalam, *Kesah Pelayaran Ibrahim Munshi*, Johor Bahru 1956, ms. 25-34. Charles J. Irving ialah Auditor General, Negeri-negeri Selat.
  24. *S.S. Despatches & C.* ms. 10 - 11.

untuk mendapatkan wang yang lebih. Riwayatnya tamat bila baginda mangkat pada 20 Jun 1877, di Umbai, Melaka.<sup>25</sup>

Kemangkatannya masih belum memutuskan lagi soal Muar. Selepas baginda mangkat, Col Archibald. E. Anson, Pemangku Gabenor (1877), mengisyiharkan pada 29 Jun 1877 bahawa jajahan Kesang diletakkan di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar buat sementara waktu dan diterima baik oleh Maharaja.<sup>26</sup>

Tengku Alam, anak sulung isteri pertama Sultan Ali telah membantah dan merayu supaya baginda dijadikan ganti ayahandanya.<sup>27</sup> Dengan sokongan kuat daripada saudara-saudaranya juga daripada W.H. Read dan akhbar-akhbar di Negeri-negeri Selat untuk mendapatkan pengakuan sebagai Sultan dan kawasan Kesang. Tetapi semuanya gagal kerana Col. A.E. Anson nampaknya lebih menyetujui supaya Maharaja memerintah terus jajahan itu berdasarkan kebijaksanaannya mengawal kawasan itu. Penghulu-penghulu dan ketua-ketua tempatan juga lebih menyetujui supaya Maharaja memerintah Kesang, ini ternyata daripada satu perjumpaan mereka dengan Anson dalam bulan Ogos 1877. Temenggung Ismail dan anaknya Muhamed Salleh juga menyetujui supaya Maharaja mengambil Kesang. Pukulan terakhir kepada Tengku Alam ialah pilihan yang dijalankan di Kesang pada 9hb Nobember 1877 dengan keputusan, mereka memilih Maharaja sebagai pemerintah Kesang. Hicks Beach, Setiausaha Rendah Tetap Pejabat Kolonial sendiri menyatakan peretusuan akan keputusan yang telah dibuat; melalui suratnya kepada Gabenor Negeri-negeri Selat bertarikh 26hb. April 1878.<sup>28</sup>

- 
25. Muhammad Said b. Hj. Sulaiman, Dato' Capt Hj. *Hikayat Johore dan Sawarikh al marhum Sultan Abu Bakar*, Johor Bahru, 1940. ms. 25.
  26. Lihat juga The Officer Administering the Government of the S.S. kepada the Sect. of State, S.S. (tarikh tidak jelas) no. 212, lampiran 1 dan 2. *S.S. Despatches & C.*
  27. Governor of the S.S. kepada the Sect. of State, S.S. (tarikh tidak jelas) no. 365, lampiran 2., juga Minute Respecting Tengku Alam's Petition by the Colonial Sect., Singapore, 28 November 1877, *S.S. Despatches & C.*
  28. Sect. of State ke Gabnor Robinson, S.S. no. 46, 26.4.1878, *S.S. Despatches & c.*; Hujungan C (ii) & (iii).

Sebagai percubaan terakhir Tengku Alam telah menjalankan percuabaan mengambil Kesang dengan membuat penentangan bersenjata di Jementah pada bulan Oktober 1879. Tapi pemberontahan itu gagal. Awang Ibrahim, Setiausaha Tengku Alam telah ditangkap atas tuduhan merancangkan kekacauan. W.H. Read juga terlibat dan mengakibatkan perletakkan jawatannya sebagai wakil di Majlis Negeri-Negeri Selat.



*Temenggung Ibrahim, pengasas kerajaan Johor di Iskandar Puteri.*

## PEMBANGUNAN UMUM

### a. Pengasasan Pentadbiran

Pada tahun 1878, Thomas Heslop Hill telah mengembara selama kira-kira 5 minggu di Johor. Dia mengulas bahawa Johor adalah sebuah negeri *despotik* dan pada keseluruhaninya adalah di bawah kawalan pemerintah Maharaja Abu Bakar, dan perintahnya diturut dengan hormat. Adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan Johor sebagaimana negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia adalah bersifat 'feudal.' Tetapi feudalistik Johor berbeza sedikit kerana ia tidak mempunyai pembesar Melayu tempatan yang berkuasa melebih daripada kuasa Maharaja Perbezaan itu juga disebabkan oleh '*by the absense of actual misrule*'.<sup>29</sup>

Sebelum tahun 1855, Johor ditadbir dari Teluk Belanga, Singapura; yang dengan itu menimbulkan masaalah perhubungan dan perbezaan undang-undang yang dijalankan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris di Singapura dengan undang-undang yang digunakan oleh pihak Johor.<sup>30</sup> Daripada tulisan Datuk Bentara Luar, Muhd. Salleh bin Perang dinyatakan bahawa Temenggung Daing Ibrahim mempunyai kakitangan sebagai pembantu di pejabatnya di Teluk Belanga dalam pentadbiran hari-hari dan beliau sendiri salah seorang pekerja di Teluk Belanga.<sup>31</sup>

Selepas perjanjian tahun 1855, bila sebahagian besar Johor diserahkan kepada Temenggung Daing Ibrahim; dia telah membuka kawasan baharu di Johor. Ini termasuklah pembukaan Tanjung Putri dan pada tahun 1858 di situ juga diasaskan pejabat kecil di bawah Raja Ahmad yang bertugas sebagai Residen dengan kuasa polis, Pengawal undang-undang dan Pengeluar waran.<sup>32</sup> Sebelum pejabat itu dibuka di situ

---

29. Norman, H., *The People and Politics of the Far East*, London, 1894, ms. 63.

30. Blundell Gabenor General, no. 76, 12 Mei, 1859, *SSR, R 35*

31. Muhammad b. Hj. Elias, *op. cit* ms. 67 – 74.

32. *Ibid*, ms. 77.

hanya tersedia tempat menaruh orang salah saja. Tujuan penubuhan pejabat dan meletakkan pegawai-pegawai di situ ialah untuk mengwujudkan satu sistem pentadbiran yang baik serupa dengan yang terdapat di Singapura. Antara tahun 1855-1866 adalah jangka masa peralihan dibidang pentadbiran Johor. Kerana dalam jangka masa itulah urusan negeri Johor yang sebelum tahun 1855 berpusat di Teluk Belanga berpindah ke Tanjung Putri. Peralihan ini juga disebabkan oleh desakan Inggeris mengenai kedudukan Temenggung Daing Ibrahim di Singapura yang dianggap akan menimbulkan ketegangan.<sup>33</sup>

Pada bulan Disember 1863 Temenggung Abu Bakar telah meminjam wang sejumlah \$65,000/- daripada Paterson, seorang saudagar Inggeris terkemuka dan sahabat Temenggung.<sup>34</sup> Wang itu mungkin telah digunakan bagi kemajuan negeri Johor. Kerana pada 1hb. Januari 1866, Temenggung Abu Bakar menjalankan perasmian pembukaan bandar Johor Baharu, daripada nama asal Tanjung Putri. Bersaingan itu undang-undang dan aturan bagi menetapkan kerajaan diadakan. Maka segala pemerintahan dan hukuman dijalankan menurut aturan dan undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris.<sup>35</sup> Bersama-sama itu pejabat pentadbiran juga diperbesarkan. Undang-undang Jenayah Johor pada awal tahun 1860-an boleh dikatakan masih konservatif. Kerana dalam satu kes disebutkan hukuman merompak ialah diheret di tengah jalan diikat dengan tali atau juga dipenjara dan kerja berat.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun undang-undang jenayah itu telah melalui penelitian, pembetulan dan penyesuaian dari Gabenor Negeri-negeri Selat dalam tahun 1863.<sup>37</sup>

- 
33. Hanya mulai bulan September 1889 Sultan Abu Bakar dan keluarga dirajanya berpindah menetap di Johor Bahru, sebelum itu di Teluk Belanga.
  34. *Kumpulan Surat-surat Peribadi yang disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor 1853 – 1921*, nos. 19, 1. 12. 1863, ANJ.
  35. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 19.
  36. Temenggung Abu Bakar kepada Burn, 21, Mei, 1864, L.B.A.
  37. Burn kepada Temenggung Abu Bakar, no. 617, 9 November 1863; *SSR R*
  38. Juga Temenggung Abu Bakar kepada Cavenagh, 26 September, 1863, L.B.A.

Tahun 1873 dinyatakan bahawa di Johor telah ada satu Majlis Negeri yang berfungsi sebagai penasihat kepada Maharaja Johor; dianggotai oleh 21 orang Melayu dan 2 orang Cina yang diketuai oleh Ungku Abdul Rahman, sebagai Datuk Menteri. Dari sejak itu juga seorang Cina telah dilantik menjadi Wazir di Johor. Majlis Negeri ini mungkin telah diasaskan lebih awal lagi iaitu pada tahun 1866 bila ada disebutkan 'menetapkan lembaga kerajaan ....' Dalam tahun 1873 itu juga didapati Johor telah mempunyai jabatan-jabatan Bendahari, Mahkamah, Polis, Penjara, Ukur, Laut, Perubatan dan Keretapi.<sup>38</sup> Ini menunjukkan kemajuan yang penting dan menggalakkan dalam sistem pentadbiran Johor. Asas pentadbiran yang licin dan bersistematik seperti satu sistem pentadbiran yang dipakai oleh Inggeris pada masa itu amat penting. Ini akan metelakkan Johor dalam bilangan negeri yang pentadbirannya teratur dan bersistematik. Sedangkan dalam masa yang sama negeri-negeri Melayu seperti Perak, Selangor, Sungai Ujung dan lain-lain, tinggal dalam kancang kekacauan, tetapi tidak di Johor. Sebagaimana kata Hill, tiada satu kekacauan pun yang biasa dilaporkan di negeri-negeri Melayu lain itu berlaku di Johor.<sup>39</sup> Keadaan pentadbiran itu bertambah baik dari tahun demi tahun . Sehingga tahun 1885 sekolah-sekolah dibina termasuk sekolah-sekolah pertanian, Inggeris, Melayu dan Agama Islam. Bahagian Pentadbiran telah disusun lebih lengkap dan kemas lagi.<sup>40</sup> Jumlah pusat balai polis juga bertambah; dari tiga belas pusat dalam tahun 1873 ke dua puluh satu pusat dalam tahun 1885. Sejak tahun 1884, perkhidmatan pos telah dimulakan di Johor.<sup>41</sup>

Kalau di Larut, Kelang dan Sungai Ujung kegiatan pelombong dan kehadiran pelombong-pelombong Cina melibatkan kekacauan tetapi di Johor perlakuan orang Cina dalam

---

38. *The Colonial Directory of the Straits Settlements*, 1873, Singapore, ms. 1 Mulai 1886, jawatan Menteri Besar mulai dipakai.

39. Hill, T.H. *op. cit.* ms. 14.

40. *Singapore and Straits Directory*, 1885, Singapore, ms. 168 – 171.

41. *100 years of Singapore*, General editors Walter Makepeace, Dr. Gilbert B. Brooke, Roland St. J. Bradell, Murray. London 1921. ms.

kegiatan ekonomi tidak membawakan kekacauan. Ini disebabkan adanya undang-undang yang tersusun dalam bidang pertanian dan adanya pengawal keamanan yang agak cukup. Surat tauliah dikeluarkan seawal-awalnya tahun 1833 dan sehingga tahun 1873 Undang-undang Kangcu yang lebih lengkap lagi dikeluarkan.<sup>42</sup> Kangcu adalah ketua feudal yang telah ditauliahkan oleh Temenggung atau Maharaja bagi satu-satu kangkar yang mempunyai kuasa penuh dalam kangkar-kangkar; kawasan pertaniannya. Dengan ini Kangcu dapat mengawal segala gerak geri orang-orang di dalam kangkarnya dan dia bertanggung jawab kepada Temenggung. Orang Cina itu juga hanya terdiri daripada orang Teu Chew dan hanya Kongsi Ngee Hin saja dibenarkan wujud di Johor,<sup>43</sup> yang dengan ini tidak menimbulkan konflik suku atau kongsi. Satu lagi sebab tidak berlakunya kekacauan di kalangan orang Cina itu ialah kerana Sistem Kangcu itu memberikan kepuasan dan bersesuaian dengan kehendak masyarakat Cina, yang demikian tidak menimbulkan kekacuan<sup>44</sup>. Bagi buruh-buruh India pula, mulai tahun 1885-6 telah disediakan kod emigran orang India yang dipadankan dari kod-kod di Negeri-negeri Melayu beresiden.<sup>45</sup>

Sehingga tahun 1885 sekolah-sekolah dibina termasuk pentadbiran yang hampir-hampir serupa dan lengkap seperti yang dijalankan dan dipunyai oleh Inggeris di Singapura. Pegawai-pegawaiannya terdiri daripada orang Melayu dan beberapa jawatan dipegang oleh orang Inggeris terutamanya yang lebih bersifat sebagai penasihat. Mereka itu diberi gaji. Mulai tahun 1886 Johor mempunyai Lembaga Penasihat yang terletak di London yang menguruskan hubungan luar negeri dan menolong menguruskan dan menasihatkan pentadbiran dalam negeri. Sistem penggunaan penasihat ini

---

42. Lihat Undang-Undang Kangcu, 1873, ANJ.

43. Ibid, artikal 13.

44. Jackson, James, C., *Planters and Speculators*, Kuala Lumpur, 1968, ms. 17;  
Lihat juga Cowgill, A.V., Chinese Place Name in Johore, *JMBRAS*, jilid 2, bhg. 3, 1924, ms. 221.

45. Ungku Abdul Majid kepada Smith, 5 Julai, 1885, *L.B.b.*

telah digunakan seawal-awalnya tahun 1850-an bila Mr. William Napier menjadi Penasihat Undang-Undang Johor.

Kemudaiannya terdapat Messrs. Rodyk and Davidson yang juga menjadi penasihat Temenggung Daing Ibrahim dan Maharaja Abu Bakar. Maharaja juga telah menggunakan seorang Setiausaha Peribadinya yang terawal iaitu Mr. William Hole, sejak tahun 1873.

Satu lagi perkara yang harus juga diperturunkan di sini ialah sehingga tahun 1885, negeri Johor sudah mempunyai

Satu lagi perkara yang harus juga diperturunkan di sini ialah sehingga tahun 1885, negeri Johor sudah mempunyai satu sistem pentadbiran daerah yang agak rapi. Sejak tahun itu sudah ada pembahagian negeri Johor kepada lima kawasan pentadbiran. Pembahagian itu dapat dikemukakan seperti berikut. Kawasan Pertama ialah Kawasan Muar dengan Ungku Sulaiman sebagai Residen. Dia dibantu oleh beberapa pegawai lain termasuk seorang Hakim, seorang Pesuruhjaya Polis, kerani dan pejabat lainnya. Kawasan kedua ialah Parit Jawa dengan seorang Penolong Naib yang bernama Encik Mahmud mentadbirkan daerah tersebut. Kawasan ketiga ialah Endau dengan Encik Muhammad Ali sebagai Residenya serta seorang Penolong Naib dan seorang kerani. Kawasan keempat ialah Pantai Barat dan Pulau-pulaunya dan disinilah timbulnya jawatan Penggawa Kanan yang bersifat sebagai seorang Persuruhjaya. Penggawa Kanan yang bersifat sebagai ialah Encik Abdul Samat b. Ibrahim. Kawasan yang terakhir ialah Sedili dan Pulau-pulau Pantai Timur juga dengan seorang pesuruhjaya dengan gelar Penggawa Kiri yang bernama Encik Jaafar b. Nong Yahya. Ini tentu sekali menunjukkan satu kemajuan dalam sistem pentadbiran negeri Johor, ditambah lagi dengan kesediaan beberapa jabatan kerajaan yang lainnya. Maka itulah ada orang yang mengatakan bahawa sistem pentadbiran Johor mempunyai persamaan dengan kemajuan dan kebaikan sistem pentadbiran Inggeris yang diadakan di Singapura. Tetapi walau apapun ini menunjukkan satu kemajuan.<sup>46</sup>

---

46. Skinner, A.M., 'A. Geography of the Malay Peninsula and surrounding countries, 'The Eastern Geography', Singapore, 1884, ms. 55. lihat juga Smith kepada Colonial Office, 18 Mac, 1885, CO 273/133.

Di bawah ini diperturunkan panduan senarai Jabatan-jabatan dan Pegawai-pejawai kerajaan Johor dan panduan umum Johor untuk tahun 1885 yang dipetik dari *Singapore and Straits Directory* tahun 1885:

<i>Ketua Negara</i>	— Duli Yang Maha Mulia Maharaja Abu Bakar, Johor. G.C.M.G.; K.C.S.I.;
<i>Setiausaha Peribadi</i>	— William Hole
<i>Pemangku Raja</i>	— Ungku Abdullah; Ungku Abdul Majid
<i>Ahli Majlis Negeri</i>	— Ungku Abdul Majid; Ungku Muhammad Khalid; Ungku Ahmad; Ungku Haji Muhammad; Datuk Menteri, Jaafar b. Hj. Muhammad; Tuan Hakim Haji Muhammad Salleh; Mufti Saiyid Muhammad b. Sekh; Datuk Bentara Luar, Encik Muhammad Salleh b. Perang; Datuk Bentara Dalam, Encik Muhammad Ibrahim b. Abdullah; Pesuruhjaya Polis, Encik Abdullah b. Tahir; Jurutera dan Juruukur, Encik Yahya b. Awal; Imam Hj. Abdul Rahman; Encik Andak; Haji Othman;
<i>Setiausaha Majlis</i>	— Encik Muhammad b. Andak.
<i>Sekretariat</i>	— Datuk Menteri; Datuk Bentara Luar; Datuk Bentara Dalam (Penyimpan Mohor Negeri);

Encik Abdul Rahman b. Andak,  
Penolong Setiausaha Kerajaan dan  
Ketua Penterjemah Inggeris (dibawah  
Datuk Menteri)  
Encik Muhammad b. Mahbob,  
Penolong Setiausaha Dua

*Pejabat Menteri Besar*

Penolong (Pembantu Khas) — Tengku Saat  
Kerani Besar — Encik Muhammad b. Jaffar  
Penterjemah Inggeris — Encik Sulaiman bin Ahmad  
Pembantu Penterjema — Haji M. Kassim

Penjaga P

Penjaga Pejabat — Wan Muhammad

*Pejabat Datuk Bentara Dalam (Setiausaha kerajaan)*

Kerani Besar — Encik Awang b. Ali  
Pembantu Kerani — Encik Abdul Hamid  
Pembantu Kerani — Encik Ahmad b. Bakar

*Perbendaharaan*

Bendahari — Datuk Bentara Dalam  
Kerani Besar — Sajyid Alwee Al-Kodsi  
Pembantu Kerani — Encik Muhammad b. Andak.  
Pembantu Kerani — Encik Abdul Hamid  
Tukang Wang — Encik M. Salleh

*Mahkamah Tinggi*

Tuan Hakim

*Mufti (Penasihat Undang-undang Islam)*

Magistret — H.E. Bentley  
Pendaftar — Encik Mubin b. Ibrahim  
Kerani Besar — Encik Muhammad b. Hussain  
Kerani — Sajyid Mohsain  
Kerain — Sajyid Ab. Rahman  
Jurubahasa Cina — Eo Joo Guan

*Jabatan Kerja Raya*

- |                     |                                    |
|---------------------|------------------------------------|
| Persuruhjaya        | — Walter F. Garland,<br>A.M.I.C.E. |
| Penguasa            | — Encik Yahya b. Shaaban Aldatar   |
| Penolong penguasa   | — Ungku Indot                      |
| Kerani Besar        | — Encik Bakar b. Shaaban           |
| Tukang Pelan        | — Encik Tewik b. Ponak             |
| Penterjemah         | — Encik Ismail b. Bacok            |
| Penyelenggara Setor | — Encik Uda b. Othman              |
| Mandur              | — John Klyne                       |
| Mandur              | — James Klyne                      |
| Mandur              | — Tuan Sendut                      |
| Mandur              | — Nong Muda                        |
| Mandur              | — Leman b. Hj. Omar                |
| Mandur              | — Kassim b. Karim                  |

*Jabatan Penjara*

- |                |                                  |
|----------------|----------------------------------|
| Persuruhjaya   | — Encik Yahya b. Shaaban Aldatar |
| Kerani         | — Encik Uda b. Othman            |
| Ketua Warder   | — Encik Cik b. Omar              |
| Sarjan (Kabul) | — Alla Khan                      |

*Jabatan Laut*

- |          |                 |
|----------|-----------------|
| Ketua    | — Datuk Menteri |
| Pengawas | — Tengku Saat   |

*Kapal wap Pantie*

- |                |                           |
|----------------|---------------------------|
| Kapten         | — Encik Abu Bakar         |
| Ketua Jurutera | — W. Kilgour              |
| Ketua Pegawai  | — Encik Abdullah bin Omar |

*Botmeriam wap Pulai*

- |                |                          |
|----------------|--------------------------|
| Kapten         | — Haji M. Kassim         |
| Ketua Jurutera | — Encik Ahmad bin Othman |

Ketua Pegawai	– Encik Sulaiman b. Omar
	<i>Kapal lancar wap laju</i>
Bintayan, Phatander, Duffader.	
<i>Jabatan Perubatan</i>	
	Hospital Kerajaan (Umum dan Pauper)
Pegawai menjaga	– A.J.M. Bentley, M.D.
Pembancuh ubat	– J.L. Wheatley
Kerani dan Jurubahasa Cina	
<i>Jabatan Pos</i>	
Pegawai yang menjaga	– H.E. Bentley
<i>Polis</i>	
Pesuruhjaya Besar	– Abdullah Tahir
Timbalan Pesuruhjaya	– Ungku Muhammad
Timbalan Pesuruhjaya	– Encik Dapat
Ketua Inspektor	– Encik Muhammad Said bin Husain
Inspektor	– Encik H.B. Othman
Kerani Besar	– Encik Kabat
Kerani II	– Encik Abu Bakar bin Husain
Kerani III	– Encik Wan A. Majid
Kerani IV	– Encik Jaffar bin H.M. Ysain
Kerani V	– Encik Busu b. Saad
Kerani VI	– Encik Kilang b. Ali
Kerani VII	– Encik Muhammad Salleh
Kerani Cina	– Seah Ah Tak
Jurubahasa Cina	– Ng. Ey Huat
Penolong Jurubahasa Cina	– Tan Kiah Heng
	Bot Polis
Havildar	– Encik Yusof b. H. Muhammad
Duffadar	– Encik Moulud b. Onggai

### Balai Polis

Pusat	— Jemiddar Haji Abdurrahman
Edinburgh Pier	— Havildar Encik Mat
Pasir Gudang	— Duffadar Ambong
Kota Tinggi	— Duffadar H. Tahir
Kaki Gunung Pantai	— Duffadar Hassan
Tanjung Surat	— Duffadar Pandak
Tanjung Perleh	— Havildar Aman
Kuala Endau	— Jemiddar Batung
Kuala Semberung	— Duffadar Muhammad Said
Tanah Merah	— Duffadar Sulaiman
Tanjung Kupang	— Sauffadar Muhammad
Kukub	— Duffadar Awang Cik Abdul Ghani
Air Massin	— Duffadar Pandak
Tanjung Labuh	— Duffadar Bedin
Batu Pahat	— Haviddar Muhammad Ariff
Parit Jawa (Padang)	— Jamiddar Haji Abdullah
Kuala Lenga	— Haviddar Dayan
Tebing Tinggi (Sungai Muar)	— Duffadar Musa
Sempadan	— Duffadar Tap b. Khatib
Kuala Kesang	— Inspektor Husain
Chohong	— Duffadar Bujal

### Jabatan Ukur

#### Kawasan Gambir dan lada

Ketua	— Datuk Bentara Luar
Juruukur	— Encik Abu Bakar bin Koming
Juruukur III	— Encik Awang bin Husain
Tukang Pelan dan Kerani	— Encik Yusof bin Muhammad Salleh

Pembantu Tukang Pealn dan Kerani	– Encik Sulieman b. Mohd. Salleh
Perantis	– Saiyid Mashor
Kerani Cina dan Jurubahasa	– Teh Ah Wan
Mandur	– Encik Mahmud
	Kawasan Kopi
Juruukur	– Walter F. Garland, A.M.I.C.E.
<i>Cawangan Keluaran Hutan</i>	
Penguasa	– Datuk Bentara Dalam
Kerani	– Haji Muhammad Hassan
Penjaga sampan	– Encik Wan Othman
	– Tengku Bakar
Pendaftar	– Rodyk and Davidson, Singapore
Sungai	– Datuk Bentara Dalam
Kebun Gambir dan lada	– Persuruhjaya Polis
<i>Jabatan Tanah</i>	
Ketua Jurutera & Jurukur	– Encik Yahya Awal
Penolong Jurukur	– Encik Hamzah b. Haji Muhammad
Tukang Pelan	– Encik Yusof b. Taha
<i>Jabatan Pelajaran</i>	
Ketua	– Datuk Bentara Dalam
Pemeriksa (nazir sekolah)	– Encik Muhammad b. Mahbob
Guru Pelawat	– Encik Khalid b. Abdullah
Kerani	– Encik Awang b. Ali
	Sekolah
Sekolah Melayu	– Johor Baharu

Gurubesar	— Encik Khalid b. Abdullah
Guru	— Encik Ismail
Guru	— Encik Awang bin Net
Guru	— Encik Jusuh b. Omar

*Sekolah Agama*

Guru	— Saiyid Abdullah Ab. Masri.
Penolong Guru	— Encik Ismail bin Sahib
Sekolah Inggeris	
Gurubesar	— G.H. Yzleman
Sekolah Pertanian	
Guru	— Tuan Sulung
Padang	
Guru	— Encik Daud Mahmud

*Residensi*

**Muar dan Padang (Pantai Barat)**

Naib (Residen)	— Ungku Sulieman
Tuan Hakim	— Haji Othman
Persuruhjaya Polis	— Tengku Othman
Penolong Persuruhjaya	— Ungku Mahmud
Ketua Inspektor	— Encik Awang (A. Rahman)
Kerani besar dan Pendaftar	— Encik Abdullah bin Salleh
Pembantu I	— Encik M. Yassin
Pembantu II	— Haji M. Tahir
Kerani dan Juru-bahasa Cina	— Keng Huat
Pembancuh ubat (penguasa Hospital Kerajaan untuk orang Cina)	— Abdul Rahman bin Abdullah

**Parit Jawa**

Penolong Naib (Residen)	– Encik Mahmud
Naib (Residen)	Endau
Penolong Naib	– Encik Mohamed Ali bin Khamis
Kerani	– Haji Abdul Latib
	– Encik Abubakar bin Mat

**Pantai Barat dan Pulau-Pulaunya**

Penggawa Kanan (Pesuruhjaya) Encik Abdul Samat bin Ibrahim

*Sedili dan Pulau-Pulau Pantai Timur*

Penggawa Kiri (Pesuruhjaya)	– Encik Jaffar bin Nong Yahya
--------------------------------	-------------------------------

*Pejabat Percetakan Kerajaan*

(Teluk Belanga, Singapura)

Ketua	– Datuk Bentara Dalam
Penguasa	– Encik Muhammad b. Mahbob
Kerani	– Encik Ahmad b. Hashim
Forman	– Encik A. Rahman b. Adam
Pengatur huruf	– Encik Musa b. Arshad
Pengatur huruf	– Encik M. Salleh b. Long
Ketua Percetakan dan Penjilid	– Encik Buang b. Hussin
Penolong Ketua Percetakan dan Penjilid	– Encik M. Said bin Long
Pencetak	– Ramin bin A. Hsaan
Litographer	– Encik Awang b. Aman
Pembantu Litographer	– Kawai
<i>Agensi Kerajaan Johor</i>	
47, Hill Street, Singapore	

*Panduan Umum*

*Johore Club*

Presiden — Datuk Menteri

Ahli Jawatankuasa:

Abdullah bin Tahir

Howard B. Bentley

John Fraser

Haji Muhammad Salleh (Tuan Hakim)

Metcalfe Larken

Datuk Menteri (Ahli kerana Jawatan)

T. Rawson Ker (Ahli kerana Jawatan)

Setiausaha Kehormat — T. Rawson Ker

*Johore Planting Association (Persatuan Penanam Johor)*

Pengerusi — R.W. Fowke

Ahli Jawatankuasa

Abdul Rahman b. Andak

W.W. Bailey

Datuk Bentara Dalam

T. Parray

Setiausaha Kehormat — C.L. Gibson

Pajak Candu dan arak

Pemajak — Chew Teng Jong

Pemajak — Lee Chin Thuan

*Kongkek — Persatuan Gambir dan lada*

Presiden — Yang Berhormat Seah Liang Saah

Pengurus (Johor) — Seah Liang Chye, cap Hock Guan

Pengurus (Singapura) — When Yong Keng, cap Yong Lee  
Seong Cap Hong Ho

Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada 12 orang

*Johore Steam Saw Mills Company*

*Johore Baharu*

Ahli Perkongsian	— Y.M.M. Ungku A. Majid
	— James Meldrun
Pengurus	— James Meldrun
Penolong Pengurus	— James Camming
Jurutera	— L.V. Arlington
Tukang Kayu I	— H.R. Rich
Tukang Kayu II	— W. Robertson

*Johore Brick & Tile Co.*

Bertempat di Skudai di Sungai Darjo lebeh kurang 4 batu daripada Johor Baharu /13.

Tuan Punya	: John Freser
Pengurus	: R.W. Fowke
Pengetua	: F. Budley
Jurutera	: R. Quinlevent

b. Perkembangan Ekonomi dan Sosial

Kemungkinan benar "... *the state of Johore is one continuous forest from one sea-coast to the other*".<sup>47</sup> Tetapi gambaran itu amat menyeluruh, sedangkan Johor sejak tahun 1830-an lagi telah mula dibuka secara lebih intensif, hasil dari kedatangan orang Cina yang membuka ladang-ladang gambir dan lada hitam. Johor dari segi topografinya kurang bergunung ganang dan ia diairi oleh sungai-sungai yang cukup sesuai untuk pertanian. Pertanian juga mendapat perhatian yang besar kerana ia tidak mempunyai simpanan bijih timah yang banyak terdapat di Perak, Selangor atau Sungai Ujung. Bijih timah hanya didapati amat sedikit, seperti di Seluang, Pulau Karimun dan di Padang. Keluaran dari Padang misalnya hanya berjumlah kira-kira 1,043 pikul bagi tahun 1971.<sup>48</sup>

47. Lake, H. Johore, *The Geographical Journal*, 3, 4, 1894, ms. 300

48. Datuk Bentara Dalam, *op. cit.*, 5.6, skinner A.M., *op. cit.* 54–55

Temenggung Daing Ibrahim sedar akan kekurangan itu. Dia telah menggalakkan kemasukan orang Cina ke Johor dalam tahun-tahun 1830-an dan seterusnya. Kerana dengan kedatangan dan penetapan mereka di Johor, akan mendatangkan hasil pajakan candu dan arak yang digemari oleh orang Cina dan sejak tahun 1846 pajakkannya bernilai £300/- sebulan. Hasil keluaran Johor memang terhad, ia terdiri daripada getah perca. Pada tahun 1848 dikatakan Johor mengeluarkan hasil bernilai \$150,000 hingga \$200,000 – iaitu 9/10 daripada pengeluaran seluruhnya.<sup>49</sup> Selain dari itu rotan dan hasil-hasil hutan yang lain juga menjadi sumber pendapatan Johor. Walaupun jumlah di atas agak besar pada masa itu, terdapat keraguan akan kebenaran angka tersebut. Masih belum dapat diberikan perincian yang sebenar akan perbezaan jumlah jualan, pendapatan persendirian, pendapatan negeri dan jumlah cukai yang dikenakan, kerana amat sedikit penulisan dan catatan yang dibuat mengenainya. Walaupun begitu pada sekitar tahun 1869-1871 cukai bijih timah berjumlah kira-kira 1% daripada hasil pengeluaran.<sup>50</sup>

Asas pembukaan tempat yang menjadi maju ialah Tanjung Putri, yang telah dibuka sejak tahun 1858 dan dilengkapkan dengan bangunan pentadbiran dan pentadbir-pentadbir dari masa ke masa dan berkembang maju. Kapal-kapal luar negeri telah datang dengan kadar yang agak memuaskan. Di sini juga menjadi pusat penghimpunan barang-barang dan juga menjadi tempat perhentian nelayan yang penting. Kerana Singapura mengkehendaki penawaran bahan makanan dari ikan kepada sayur-sayuran dan kawasan Johorlah yang menyediakannya. Permintaan itu bertambah bila Singapura mulai kekurangan tanah yang subur untuk pertanian.

Sistem Kangcu juga telah banyak memberikan kemakmuran ekonomi Johor hingga selewat-lewatnya tahun 1890-an. Sistem ini berjalan dengan baik dan mendapat faedah yang besar. Selain dan menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru,

49. Buckley, C.B., *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, II, 1902, ms. 483.

50. Datuk Bentara Dalam. *op. cit.*, ms. 5.

ia juga menggalakkan orang bekerja keras. Kangcu-kangcu itu mendapat kebenaran menjalankan perjudian, pajak gadai, menjual arak, candu dan daging babi; dalam kangkananya. Daripada haknya itu dia dikehendaki membayar cukai pada Temanggung.<sup>51</sup> Tiap-tiap kangcu mempunyai kangkananya yang biasanya terletak berhampiran dengan sungai yang dengan ini memudahkan pengeluaran hasil melalui jalan air.

Tanaman yang utama dalam Sistem Kangcu ialah gambir dan lada hitam. Dalam tahun 1845 terdapat 52 kawasan tanaman kangkar yang telah dikerjakan oleh kira-kira 500 orang Cina.<sup>52</sup> Sehingga tahun 1865 saudagar-saudagar Cina di Singapura mengakui sejumlah lebih daripada \$1 juta telah dibelanjakan untuk perusahaan gambir dan lada hitam saja. Wang itu didapati daripada saudagar Eropah di Singapura atau Negeri-negeri Selat yang lain. Dalam tahun yang sama terdapat kira-kira 100 buah kedai gambira dan lada hitam dan 200 buah kedai peralatan dan makanan di Singapura yang ber�antung kepada perniagaan di bawah Sistem Kangcu itu<sup>53</sup>

Temenggung Abu Bakar sedar bahawa Singapura juga mendapat keuntungan dari Sistem Kangcu itu. Oleh itu pada tahun 1864 dia telah menjalankan langkah-langkah supaya gambir dan lada hitam yang hendak dihantar ke Singapura hendaklah terlebih dahulu didaftarkan di Tanjung Putri. Ini menimbulkan bantahan daripada *Singapore Chamber of Commerce* yang mendapat sokongan daripada Cavenagh. Untuk mengelakkan kesukaran pendaftaran, enam tempat pendaftaran telah disediakan selain Tanjung Putri, mulai tahun 1866.<sup>54</sup> Tujuan pendaftaran ialah untuk melindungi pencarum-pencarum dari tertipu oleh Kangcu.<sup>55</sup> Walau bagaimanapun tujuan terbesar pendaftaran ini ialah lebih

51. Coope, A.E., 'The Kangcu system in Johore,' *JMBRAS*, Jilid 14, bg. 3, 1936, ms. 251.

52. Buckley, C.B., *op. cit.* ms. 43.

53. Singapore Chamber of Commerce kepada Gabenor Cavenagh, no. 301, 30 Disember 1865, *SSR*, W 25.

54. Temenggung Abu Bakar kepada R. Machperson, 26 Januari, 1866, *L.B.a.*

55. Temenggung Abu Bakar kepada Burn, 20 Oktober 1864, *L.B.a.*

kepada hendak memonopoli perniagaan; kerana beberapa tahun kemudian sistem pendaftaran itu dihapuskan.<sup>56</sup>

Tahun-tahun berikutnya masih lagi menunjukkan kemajuan dalam bidang pertanian ini. Dalam tahun 1860-an ada kira-kira 29 sungai yang telah dibuka, manakala dalam tahun 1860-an sebanyak 59 sungai telah dibuka; ini menunjukkan pertambahan. Dalam tahun 1883 saja dikatakan sejumlah 4,000 bangsal gambir dan lada hitam didapati di Johor.<sup>57</sup> Penjualan gambira dan lada hitam itu kebanyakannya dihantui ke Singapura kerana tiada pelabuhan<sup>58</sup> lain. Akibat daripada perkembangan ekonomi ini melibatkan pertambahan penduduk yang pesat. Hingga tahun 1890 orang Cina saja berjumlah kira-kira 150,000 daripada jumlah penduduk penuh 200,000 orang. Kira-kira 85% penduduk Johor masa itu terdiri daripada emigran.<sup>59</sup>

Candu dan arak juga menjadi sumber ekonomi Johor. Sejak tahun 1855 penjualan candu dan arak bagi Johor dan Singapura telah dipajakkan kepada seorang pemajak saja.

56. Turnbull, C.M., 'The Johore Gambier and Pepper trade in the mid 19th Century', *Journal of the South Seas Society*, Bil. 15 bhg. 1. 1959, ms. 53.

57. Jackson, J.C., *op. cit.* ms. 24 – 25.

58. Perangkaan Ekspot ke Singapura:

Tahun 1880 – Lada hitam 56,203 pikul bernilai \$674,000/-  
Gambir 316,063 pikul bernilai \$1.3 juta.

Tahun 1889 – Lada hitam 117,024 pikul bernilai \$2.34 juta.  
Gambir 400,544 pikul bernilai \$3.2 juta.

Lihat Jackson, *loc. cit.*

59. Perangkaan Penduduk Johor:

Tahun	Jumlah orang
1838	25,000
1868	78,000
1880	100,000
1890	200,000

Perangkaan Pendapatan Johor: (secara kasar)

Tahun	Jumlah ringgit
1855	\$100,000
1870	\$600,000
1890	hampir 2 juta

Kedua-dua perangkaan ini adalah dibuat hasil beberapa perbandingan daripada punca-punca yang memberikan perangkaan yang berbeza-beza.

Ini bertujuan mengelakkan penyeludupan cандu dan arak Johor yang lebih murah ke Singapura. Pendapatannya bagi tiap-tiap bulan bagi tahun 1860 berjumlah kira-kira \$36,200/- dan Johor mendapat sejumlah \$9,050/- Tetapi perkongsian itu diputuskan oleh Cavenagh kerana mengikutnya tidak menguntungkan pihak Singapura.<sup>60</sup> Tetapi pendapatan Johor untuk bulan-bulan berikutnya tidak berkurangan, bertentangan dengan jangkaan akhbar yang mengatakan Johor akan mendapat kira-kira \$2,000/- saja sebulan, selepas perpecahan itu.<sup>61</sup> Sehingga tahun 1866 pajakan itu bernilai kira-kira \$48,800/- sebulan.<sup>62</sup>

Perkembangan ekonomi Johor memang jelas. Mulai awal tahun 1890-an jalan-jalan perhubungan yang dulunya bergantung kepada jalan air saja mulai bertukar kepada jalan-jalan darat. Bot-bot berjentera juga mulai digunakan. Johor Baharu dihubungkan dengan Singapura dengan ferni. Bandar-bandar atau pekan-pekan baharu mulai tumbuh dengan pesat di antaranya termasuk Johor Baharu, Muar, Batu Pahat, Endau, Segamat dan lain-lain lagi. Jalan keretapi rengan pertama dibina antara Muar dengan Parit Jawa. Ladang-ladang koko, tembakau, kopi dan teh juga mula tumbuh. Kilang papan dibina di Johor Baharu.<sup>63</sup> Ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi dan sosial yang agak menggalakkan.

---

60. Turnbull, C.M., *op. cit.* ms. 44.

61. Tan Soo Chye, *British Relations With Johore 1885 - 1868*, B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1961, ms. 24.

62. Smith kepada Lord Stanley, 12 September, 1885, CO 178/135.

63. Dennys, N.B., *Descriptive Dictionary of British Malaya*, London 1894, ms. 170-173. Untuk butir-butir lanjut dalam bidang ekonomi Johor lihat Shanmugasundram, P., *The Economic Development of Johore, 1862 - 1895*, B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1958, *passim*.

## DATUK TEMENGGUNG DAING IBRAHIM SERI MAHARAJA DAN SULTAN ABU BAKAR

Datuk Temenggung Daing Ibrahim, ialah anak kedua Temenggung Abdul Rahman yang telah mangkat dalam tahun 1825. Pada 19hb. Ogos 1841 dia dilantik oleh Bendahara Tun Ali sebagai Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Johor dengan disaksikan oleh Gabenor S.G. Bonham di Teluk Belanga.<sup>64</sup> Temenggung Daing Ibrahim menerima pencecang hati daripada Inggeris bernilai \$350/- sebulan. Bayaran pencecang ini diberikan kerana beliau ialah anak Temenggung Abdul Rahman yang terlebih dahulu dari itu bersama dengan Sultan Husain telah menjualkan Singapura kepada Syarikat melalui perjanjian 2hb. Ogos, 1821 dengan John Crawford.

Temenggung Daing Ibrahim bolehlah dianggap sebagai orang yang bijak dalam menyesuaikan diri serta baik budi bahasanya. Ini menyebabkan dia popular di kalangan rakan-rakannya dan termasuk juga orang Inggeris di Singapura. Dia juga bersahabat dengan Gabenor dan disamping itu dia juga menolong Gabenor dalam kerja-kerjanya dan bolehlah dikatakan dia telah berbuat jasa melalui kerja yang dilakukannya.<sup>65</sup> Kebenarannya ada, kerana Temenggung Daing Ibrahim adalah seorang pembesar yang berkebolehan. Ini ditambah lagi dia adalah keturunan Bugis yang masyhur dalam pelayaran dan kepahlawanan.<sup>66</sup> Dengan kebolehan inilah dia telah menolong Syarikat Inggeris meredakan perlanungan di perairan Semenanjung Malaysia.

Apa yang penting daripada jasanya itu ialah meletakkan dirinya dan Johor di mata orang Inggeris dan barat umumnya.

64. Winstedt, Sir R.O., 'A History of Johore, 1365 – 1895,' *JMBRAS*, Jilid 10, bhg. 3, 1932, ms. 91.

65. *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 5 – 6.

66. Moyangnya ialah Daing Perani, dari Upu Lima Beradek yang masyur itu. Lihat Raja Ali Al Haji Riau, *Tuhfat al Nafis, Sejarah Melayu dan Bugis*, Malaysia Publication Ltd., Singapura 1965, ms. 20.

Pandangan mereka ialah penghormatan dan pengakuan akan kebolehan Temenggung. Ini penting kerana Syarikat Inggeris adalah kuasa terkuat lagi berpengaruh. Oleh itu negeri-negeri Melayu yang dianggap sebagai 'feudalistik' dengan itu haruslah bersahabat dengan kuasa terkuat dan berpengaruh itu untuk membaiki dan mendapat perlindungan. Ini termasuklah Johor. Pada satu masa tawaran E.A Blundell hendak menyekolahkan anak Temenggung Daing Ibrahim telah ditolak. Tetapi sedikit masa kemudian Temenggung Daing Ibrahim menerima cadangan mendirikan dua buah sekolah satu di Kampung Gelam dan satu di Teluk Belanga dengan diongkos \$1,500/- setahun.<sup>67</sup> Ini menunjukkan pertukaran sikap yang progresif. Mungkin beliau telah sedar yang pendidikan itu penting untuk tangga kemajuan dan juga untuk anak-anaknya dan anak-anak Melayu Johor di masa hadapan. Salah seorang keluaran sekolah tersebut ialah Sultan Abu Bakar.

Temenggung Daing Ibrahim juga memberikan sumbangan kepada kemajuan ekonomi Johor. Dia berhubung rapat dengan saudagar-saudagar Inggeris dan Cina di Singapura. Dia juga menjalankan perniagaan dengan mengeluarkan hasil-hasil hutan Johor yang dijual ke Singapura. Wang itu digunakan untuk membuka kawasan baru di samping untuk belanja hidupnya. Dia juga telah mengasaskan Sistem Kangcu, yang kemudian disusun lebih rapi lagi semasa anaknya Sultan Abu Bakar. Di bidang pentadbiran juga beliau telah menggunakan Mr. William Napier sebagai Penasihat Undang-Undangnya, dalam tahun 1850-an.<sup>68</sup>

Bila Temenggung Daing Ibrahim meninggal pada 31hb Januari 1862 dia telah digantikan anaknya bergelar Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor. Temenggung Abu Bakar dilahirkan pada 3hb. Februari 1833. Dia dari

---

67. Ibid, ms. 7; Gabenor Blundell kepada Temenggung Ibrahim, no. 102, 24 Ogos 1855, *SSR V 20*; Temenggung Ibrahim kepada Blundell, 15 Disember 1855, *L.B.a*.

68. Temenggung kepada Resd. Kons. Singapura, no. 367, 17 Disember 1856, *SSR W 24*.

kecilnya mendapat didikan adab dan agama dan bersekolah serba sedikit di bawah awasan Mr. Rev. Keasberry.<sup>69</sup>

Baginda adalah Sultan Melayu yang berkelibar besar dalam kurun Masihi ke-19. Sebelum dia memegang jawatan mengantikan ayahandanya dia telah berkhidmat sebagai wakil urusan dalam negeri, hingga pernah ditangkap di Endau oleh Residen Konsular Singapura atas tuduhan merompak pada Februari 1858.<sup>70</sup> Ini memberikan kesan yang besar ke atas dirinya. Gurunya Rev. Kesaberry dulu pernah belajar daripada Munsyi Abdullah yang masyhur dengan *Hikayat Abdullahnya*. Oleh itu pasti juga Temenggung Abu Bakar ada membaca *Hikayat Abdullah* dan memberikan pengetahuan yang banyak kepadanya. Kandungan buku itu mengandungi nasihat dan kritik masyarakat yang membina.<sup>71</sup> Ini masuk kebenaknya. Dalam mengambil langkah yang lebih lanjut dia telah menggunakan anak-anak Munsyi Abdullah sebagai kakitangan kerajaan Johor.<sup>72</sup>

Temenggung Abu Bakar mempunyai kebolehan dan dalam cara hidupnya dia mempunyai corak barat seperti mempunyai buku bank, membeli saham-saham (yang dengan ini dia juga memasuki bidang perniagaan dan memegang insuran nyawa).<sup>73</sup> Ini membawakan kepada perubahan dalam bidang yang lain juga. Kod jenayah Johor telah melalui pemodenan dalam tahun 1863-64.<sup>74</sup> Ini dilakukannya kerana adanya bantahan daripada pihak Inggeris akan berpincangan sistem itu.

69. *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar* ms. 12-14.

70. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell, 6 Mei 1858, *L.B.a.*

71. Lihat *Hikayat Abdullah*, op. cit., *passim*.

72. Muhammad Ibrahim berkhidmat dalam pentadbiran Johor dan kemudian bergelar Datuk Bentara Dalam. Muhammad Khalid, seorang guru yang mengasaskan sekolah di Johor Baharu. Muhammad Husain, juga seorang guru. Lihat Dato' Abdullah b. Muhammad, "The Travel of Abu Bakar, Maharaja of Johor to the Far East", *Malaysia in History*, Jil. 14, No. 1, Oct. 1971, ms. 3 - 8.

73. *Surat Peribadi*, op. cit., no. 27, 1 April 1866; no. 31 17 Mac 1870; no. 61, 22 Mac 1881; no. 62 1 Ogos 1882.

74. Temenggung Abu Bakar kepada Sect. to Government SS, 20 Ogos 1863, *L.B.a.*; Burn kepada Temenggung Abu Bakar, no. 444, 26 Ogos 1863, *SSR V 37*; Temenggung Abu Bakar kepada Sect. to Government SS, 26 September 1863, *L.B.a.*; Burn kepada Temenggung Abu Bakar, no. 617, 9 November 1863, *SSR V 38*.

Di bidang ekonomi dan pembangunan umum, Abu Bakar juga memberikan khidmat yang besar. Dia menyambung usaha-usaha yang telah diasaskan oleh bapanya. Tahun 1866 dia menukar nama Tanjung Putri kepada Johor Bahru di samping melengkapkan lagi perkhidmatan pentadbiran di situ.

Setelah merasmikan Johor Bahru dia telah melawat England, pada bulan Mac 1866. Di sana dia telah dijamu oleh Queen Victoria dan berkenalan dengan Prince of Wales. Tujuan lawatan itu bukanlah untuk bersuka-sukaan menurut hawa nafsu saja tetapi adalah untuk mendapatkan pengalaman dan pelajaran supaya dapat digunakan untuk Johor.<sup>75</sup> Inilah lawatan keluar negeri yang pertama dibuatnya dan julung-julung kali dilakukan oleh raja Melayu pada masa itu. Lawatan itu memang membawa hasil yang besar. Ia memberikan pengalaman dan pengajaran bagaimana pembangunan di Eropah itu dikatakan maju daripada negeri-negeri di Timur, dan ini disaksikan oleh Temenggung Abu Bakar. Dalam enam lawatan kesemuanya ke Eropah; dia telah melawat Austria, Perancis, Jerman, Switzerland dan Turki. Dalam tahun 1879 dia telah meninggalkan Ungku Osman dan Abdul Rahman Andak di England untuk melanjutkan pelajaran.<sup>76</sup> Ini menunjukkan fikirannya yang liberal dalam hal pendidikan dan dalam hal mengejar kemajuan.

Yang lebih penting daripada lawatannya itu ialah mendekatkan hubungan dirinya dan Johor dengan kalangan Windsor Castle, Marlborough House dan pegawai-pegawai di Colonial Office. Dengan ini dia telah berkenalan dengan pegawai-pegawai di Colonial Office Britain pada masa itu adalah kuasa terkuat di dunia.

Baginda ia juga telah menerima darjah-darjah kebesaran hasil daripada lawatannya keluar negeri yang sukar ditandingi

---

75. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 20

76. Dato' Abdullah bin Muhammed. *op. cit.*

77. Sehingga tahun 1885 – Sultan Abu Bakar telah mendapat: *Royal Prussian Order of the Crown (First Class); Grand Cross of the Order Commander of the Cross of Italy; Commander of the Order of Saxe Coburg and Gotha; Presentation Gold Medal From H.R.H. The Prince of Wales.*

oleh mana-mana pemerintah di Asia dalam abad ke 19. Dia juga telah melawat India dalam tahun 1875, Cina dan Jepun dalam tahun 1883. Di Jepun satu perkara yang menarik hati ialah dia telah mengislamkan tiga wanita Jepun.<sup>78</sup> Yang menunjukkan cita-citanya yang besar untuk meluaskan pengaruhnya di Jepun. Maharaja pula melihat bagaimana pembaharuan Meiji berjalan. Pembangunan yang pesat itu meletakkan kesedarannya untuk sama maju seperti Jepun. Oleh itu Johor, Siam dan Jepun dalam setengah abad kedua abad ke 19 mengalami zaman pemodenan yang perlu dilakukan kerana kalau tidak mereka akan dijajah oleh penjajah barat. Johor berjaya separuhnya bila hanya dalam tahun 1914; iaitu 40 tahun kemudian barulah ia menerima seorang penasihat Inggeris, sedangkan Selangor, Perak dan Sungai Ujung telah menerima Residen Inggeris seawal-awalnya tahun 1874-75.

Oleh itu adalah tepat kalau dikatakan Sultan Abu Bakar adalah '*the greatest Malay personality in the early days of Modern Malays.*'<sup>79</sup> Semasa pemerintahannya, Johor bertambah maju. Capt. Muhammad Hj. Said "menulis:" "Pada masa itu ternyata perbezaan antara orang Melayu Johor dengan di lain-lain tempat".<sup>80</sup> Manakala mengikut Mrs. Florence Caddy, yang mengiringkan Duke of Sutherland semasa melawat ke Johor awal tahun 1880 an mengulas '*In Siam Civilization is potential in Johor it is at work.*'<sup>81</sup>

Selain dari kebijaksanaan Sultan Abu Bakar dan kepopularannya; menteri-menteri dan Datuk-datuknya juga adalah orang-orang yang berkalibar besar. Di antara mereka ialah Datuk Jaafar bin Hj. Muhammad iaitu Menteri Besar Johor yang pertama. Abdul Rahman b. Andak iaitu Datuk Seri Amar di Raja seorang yang bijak dalam diplomasi, yang

78. Datuk Abdullah b. Muhammed, *op. cit.* Lihat terutamanya pada catatan harian semasa lawatan ke Timur Jauh oleh Datuk Bentara Luar Johor da 'Some Observation About Japan.'

79. *Ibid.*

80. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Abu Bakar*, ms. 21.

81. Caddy, Mrs. Florence, *To Siam and Malaya in the Duke of Sutherland's Yacht 'Sans Peur'*. London, 1889. ms. 254.

dianggap '*too brilliant for the British.*'<sup>82</sup> Masa khidmat beliau berbetulan dengan kehadiran Gabenor Frederick A. Weld yang tergolong dalam '*forward school*', dan kemudiannya membawakan pergeseran antara Sultan dengan Gabenor. Muhammad Salleh b. Perang iaitu Datuk Bentara Luar Johor seorang negarawan yang berpengalaman dan telah berkhidmat untuk Johor sejak tahun 1856. Dia telah mengasaskan bandar-bandar Maharani, Endau dan Bandar Penggaram. Selain dari itu terdapat Muhammad Ibrahim bin Abdullah iaitu Datuk Bentara Dalam, Datuk Muhammad bin Mahbob dan Yahya bin Awal. Mereka inilah yang dianggap sebagai negarawan Johor. Mereka telah memberikan sumbangan besar ke arah pemodenan Johor dan bersesuaian dengan itu, Sultan Abu Bakar juga seorang yang berkebolehan. Dengan itu Johor mendapat '*natural gift*' dalam pembangunannya.<sup>83</sup>

Sultan Abu Bakar mangkat pada 4hb. Jun 1895 di London. Sebelum kemangkatannya satu lagi atas pengukuhan Johor diletakkan iaitu mengeluarkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang berupa satu perlembagaan moden.<sup>84</sup> Kemangkatannya dianggap sebagai kehilangan seorang yang terkemuka kerana baginda juga dianggap sebagai '*Caliph of the Arabian Nights.*'<sup>85</sup>

- 
82. Hasil perbincangan dengan Dr. E. Thio, Pensyarah Sejarah di Jabatan Sejarah, Universiti Singapura. Kebanyakan darjah-darjah dan titel berikut adalah diberi oleh Sultan Abu Bakar selepas 1885.
  83. Hasil perbincangan dengan Datuk Abdullah bin Mohamed, 28hb. Mac 1971, Johor Bahru.
  84. Lihat Undang-undang Tubuh Kerajaan – 1895 boleh didapati di Arkib Negeri Johor, Johor Bahru dalam Jawi dan Inggeris.
  85. Datuk Abdullah bin Mohamed, *op. cit.*

## HUBUNGAN LUAR

### a Negeri Melayu

Satu anggapan boleh dibuat yang hubungan dan campur tangan Johor dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu yang dulunya di bawah Kesultanan Melaka atau Empayar Johor-Riau-Lingga-Pahang dianggap sebagai meluaskan jajahan Johor atau menghidupkan kembali keagungan itu di bawah panji-panji Johor. Tetapi satu fakta yang nyata hubungan luar Johor dengan negeri-negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak adalah disebabkan adanya perasaan 'satu rumpun bangsa' yang berpunca daripada Kesultanan Melaka atau lebih tepat kepada kemelayuan, dan memperkuat persaudaraan yang wujud. Dengan adanya keamanan dan kemakmuran dalam negeri juga memungkin Johor boleh aktif dalam hubungan luar.

Di Pahang, perang saudara berlaku selepas kematian Bendahara Tun Ali pada tahun 1857<sup>86</sup> Pergeseran berlaku; di satu pihak antara Wan Ahmad anak kedua Bendahara Tun Ali dengan Wan Mutahir anak sulung Tun Ali dan pengganti Bendahara dan anak Wan Mutahir sendiri, Tun Koris. Dalam bulan Julai 1857 Temenggung Daing Ibrahim telah membuat aduan kepada Gabenor E.A. Blundell akan adanya ancaman Wan Ahmad ke atas Pahang. Pada November kemudiannya, dia melaporkan sekali lagi yang Wan Ahmad telah menyerang Pahang dan pada bulan Disember dia meminta kebenaran dan sokongan daripada Gabenor E.A. Blundell untuk memabantu Bendahara Wan Mutahir. Tetapi permintaan itu ditolak kerana itu dianggap akan merebakkan kekacauan di samping itu Gabenor tidak percaya, akan wujudnya serangan itu. Temenggung Ibrahim membantah atas halangan Syarikat Inggeris itu, kerana dia mengakui dan menganggap dirinya sebagai seorang pemerintah yang berkuasa penuh dan bebas dan tidak sebagai 'rakyat

---

86. Linehan, W., *op. cit.* ms. 66

Singapura biasa' sebagaimana anggapan Gabenor.<sup>87</sup>

Tujuan untuk memberikan bantuan itu adalah disebabkan adanya hubungan darah. Kerana isteri Temenggung Daing Ibrahim dan isteri Bendahara Wan Mutahir adalah adik beradek.<sup>88</sup> Ini diperkuatkan lagi bila Tun Koris mengkahwin anak perempuan Temenggung Daing Ibrahim pada November 1857.

Pada Mei 1858 Syarikat Inggeris menolak pula permintaan dari Bendahara Wan Mutahir untuk mendapatkan bantuan senjata. Sebagai kompromi Gabenor telah berjanji untuk mengeluarkan Wan Ahmad daripada Pahang, tetapi setelah E.A. Blundell membuat lawatan ke Trengganu dan Pahang dan balik semula ke Singapura, pemberontak pemberontak itu kembali semula ke Kemaman berhampiran dengan Pahang.<sup>89</sup>

Pada bulan Jun 1858 Temenggung Abu Bakar telah ditugaskan supaya pergi ke Pahang dengan persetujuan dan pengetahuan Gabenor E.A. Blundell, bertujuan membuat tinjauan. Tetapi T. Church, Residen Konsular telah menangkap Temenggung Abu Bakar semasa dia membuat penyiasatan di Endau atas tuduhan cuba membuat kekacauan dan merompak Temenggung Abu Bakar hanya dilepaskan bila Gabenor campur tangan dan oleh bantahan keras daripada Temenggung Daing Ibrahim.<sup>90</sup>

Wan Ahmad kemudiannya sekali lagi melancarkan serangan pada bulan Mac 1861 ke atas Pahang. Tetapi serangan itu tidak berjaya dan beliau lari ke Trengganu dan kemudian ke

- 
87. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell, 23 Julai 1957. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell 20 November 1957. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell, 7 Disember 1857. *L.B.a.*; Gabenor Blundell kepada Temenggung Ibrahim no. 419, 24 Januari 1858, *SSR V 24*.
  88. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 12; al Marhum Raja Ali al Haji Riau, *op. cit.* ms. 12.
  89. Linehan, W., *op. cit.*, ms. 72; Tarling, *op. cit.* ms. 65. *Hikayat Pahang* ada memberikan gambaran tentang Perang Saudara ini. Hikayat ini sedang diselenggarakan untuk penerbitan oleh penulis ini.
  90. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell, 6 Mei, 1858, *L.B.a.*; Gabenor Blundell kepada Temenggung Ibrahim, no. 108, 8 Mei, 1858, *SSR V 24*.

Kelantan. Dalam pada itu pula Sultan Ali dengan ketua-ketua Rembau, dan Sungai Ujung dikatakan ada membantu Wan Ahmad dan ini dianggap oleh Offeur Cavenagh yang menggantikan E.A. Blundell sebagai Gabenor; merbahaya kepada kedudukan Johor. Pada masa itu juga Sultan Mahmud, bekas Sultan Riau-Lingga telah pergi ke Bangkok dan dikatakan pihak Siam bersetuju meletakkan Sultan Mahmud sebagai Sultan di Trengganu dan membuang Sultan Omar.<sup>91</sup>

Ini membuatkan Gabenor Cavenagh mulai simpati terhadap Johor. Ditambah lagi oleh kemungkinan kemasukkan pengaruh Siam ke Trengganu. Sebagai persetujuan terhadap penandatangan Persetiaan Persahabatan dan saling bantu membantu bertarikh 12 Rabi'ul Akhir 1277 dan disahkan oleh Cavenagh pada Disember 1861 dan oleh Kerajaan Tertinggi di India kemudiannya<sup>92</sup> Perkara dua dan tiga meletakkan kedua-dua buah negeri dalam ikatan pertahanan bersama.

Persetiaan itu kemudiannya dibaharui pada 12hb Jun 1862. Dimana kali ini juga perkara dua dan tiga meletakkan kedua-dua buah negeri dalam ikatan pertahanan bersama. Kemudianya sempadan Johor-Pahang juga ditetapkan melalui perkara empat dimana Sungai Endau ditetapkan sebagai sempadan kedua-dua negeri. Dengan itu secara tidak langsung Pahang menyerahkan daerah Endau kepada Johor. Penyerahan itu adalah bertujuan untuk mengelakkan perselisihan sempadan yang mungkin akan berlaku dan juga sebagai balasan bantuan pertahanan yang akan diberikan oleh Johor kepada Pahang jika diserang. Ternyata Temenggung Abu Bakar menjalankan dasar sambil "menyelam sambil minum air."

Pada bulan Mei 1863 sekali lagi Wan Ahmad membuat serangan besar-besaran. Kini Bendahara Mutahir mendapat sumbangan dan sokongan Johor dan Inggeris. Tetapi oleh kerana banyak orang Pahang yang menyebelahi Wan Ahmad, maka sokongan itu merugikan dan Wan Mutahir dan Tun Karis

---

91. Tarling, *op. cit.* ms. 68. *Hikayat Pahang Citra ke sepuluh.*

92. *Buku Teriti Johor*, ms. 25–29; *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 21.

keluar daripada Pahang menuju ke Johor.<sup>93</sup> Tun Koris mangkat di Kuala Pahang dan Wan Mutahir mangkat di Kuala Sedili; kedua-duanya dalam bulan Mei 1863. Kemudian mereka di makamkan di Makam Muhammadiyah di Johor Baharu.<sup>94</sup> Dengan ini gagallah cita-cita Temenggung Daing Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar untuk menegakkan Bendahara Pahang yang mempunyai hubungan darah dan tali persaudaraan yang erat.<sup>95</sup>

Selepas tahun 1863, selepas kejayaan Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang mengenepikan Wan Mutahir; hubungan Pahang-Johor adalah tegang. Lojiknya kerana Temenggung Johor dulunya membantu musuh Wan Ahmad yang gagal itu. Selain daripada itu permusuhan bertambah, bila Wan Ahmad menuntut daerah Endau itu haknya. Kerana menurut wasiat Bendahara Tun Ali bertarikh 25hb Mei 1853, ia memperuntukkan pendapatan daerah Endau dan Kuantan adalah untuk Wan Ahmad.<sup>96</sup> Sekarang Endau dan pulau-pulau Tioman, Tinggi dan Aor yang juga dituntut oleh Wan Ahmad, berada dalam hak Johor melalui Persetiaan Johor-Pahang 12hb Jun 1862, tetapi dia tidak mengakui sahnya persetiaan sebelumnya itu. Tuntutan itu juga berasaskan yang Endau dan pulau-pulau itu adalah hak Pahang sejak abad ke 16 lagi dan sempadan yang asal antara Johor-Pahang ialah Sungai Sedili.<sup>97</sup>

Pada bulan Oktober 1863, Temenggung Abu Bakar melaporkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri-negeri Selat akan kekacauan yang dilakukan oleh orang Wan Ahmad di Pulau

- 
93. Zaman itu juga dikenali dengan 'zaman Pahang Dua Bendahara'. Lihat *Hikayat Pahang*, citra dua puluh empat.
  94. Linehan, *op. cit.* ms. 89, *Hikayat Pahang* citra duapuluh empat. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar* ms. 17–18.
  95. Wan Ahmad juga mempunyai hubungan darah dengan keluarga Johor kerana dia adek Wan Mutahir. Tetapi Wan Ahmad tidak dapat diterima kerana Bendahara Tun Ali telah meletakkan 'sumpah' atasnya. Lihat *Surat Peribadi*, no. 74, 1856, bersamaan 2 Safar, 1273H.
  96. Linehan, W. *op. cit.* ms. 66.
  97. *Ibid.* ms. 1; juga Newbold, Capt. T.J. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London, 1838, Jilid 2, ms. 55.

Aor dan Tioman, diketuai oleh Tengku Jenal. Inggeris campur tangan dan akhirnya Persetiaan Jun 1862 itu diperbaharui dengan beberapa perubahan.<sup>98</sup> Berikutnya pada 6hb Mac, 1867 Temenggung Abu Bakar menawarkan untuk menyerahkan kepada Pahang Pulau-pulau Seribut, Kaban, Tioman dan lain-lain, yang terletak utara 2° 40'. Perkara ini selesai bila Gabenor Harry St. G. Ord mengisyiharkan ketetapan sempadan itu pada 1hb September 1868.<sup>99</sup> Tetapi hanya pada tahun 1897 keputusan H. Ord itu disahkan oleh pihak berkuasa Inggeris. Di sini menunjukkan campur tangan Inggeris memberi kesan

Hubungan Johor-Pahang ditahun-tahun seterusnya mulai bertambah rapat. Ternyata dalam tahun 1880 Bendaharu Wan Ahmad ada membuat lawatan ke Johor Baharu. Ini diikuti oleh Johor di Pahang.<sup>100</sup>

Dalam tahun 1870-an dan 1880-an; hubungan luar Johor juga menarik. Ini bertolak kerana Inggeris telah memulakan pentadbiran di negeri-negeri bersistem Residen.<sup>101</sup> Di Selangor pergaduhan berpunca daripada pergeseran antara Tengku Kudin, wazir Selangor yang dilantik oleh Sultan Abdul Samad dengan Raja Mahdi. Tahun 1866 Raja Mahadi berjaya merampas Kelang yang kaya dengan bijih timah itu, daripada Raja Abdullah. Kekacauan seterusnya berlaku.

Bulan Mac 1870 Raja Mahadi meninggalkan Kelang bila dia merasa terdesak dan diam di Sungai Buluh, Jeram. Kemudian

98. Narrative of the Proceedings of the S.S. with regards of the Recent Operation of the East Coast of the Malay Peninsula pada 1863 – 1867; Gabenor Harry Ord kepada Setiausaha Kerajaan di India, 12 Mac, 1867, Swettenham, *Sir Frank Athelstane Papers*.

99. Buku *Tertiti Johor dengan pertambahan*, ms. 38–39.

100. Weld kepada Sect. of State no. 245, 23 November 1880, C.D. 20; Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar, ms. 22; Zakaria bin Hj. Mohamed, *The Reign of Abu Bakar of Johore, 1862–1895*, B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1954, ms. 24.

101. Bermulanya Sistem Residen, lihat Cowan, C.D. *Nineteenth Century of Malaya: the Origins of British Political Control*, London, 1961, *passim*. Juga Parkinson, C.N., *British Intervention in Malaya*, Kuala Lumpur, 1964, *passim*.

dia lari ke Bengkalis, selepas penembakan Rinaldo pada 3/4 Julai 1871. Tidak lama kemudian dia kembali ke Johor bila pihak berkuasa Belanda hendak menangkapnya. Gabenor H. St. G. Ord telah meminta supaya Raja Mahadi dijaga oleh Maharaja, di mana dia ditempatkan disebuah rumah bersama-sama pengikutnya dan ditawarkan pence £350/- sebulan dengan syarat tidak lagi membuat kekacauan ke Selangor. Tetapi itu ditolak dan berakhir bila Raja Mahadi lepas lari daripada Johor pada bulan Julai 1872, yang kemudiannya dijumpai di Rochore, Singapura.<sup>102</sup>

Kejayaan Raja Mahadi melepaskan diri dari Johor, telah menjadi satu tanda tanya. Kerana sebenarnya Maharaja Abu Bakar mempunyai hubungan erat dengan Raja Mahadi. Maharaja sendiri menyebelahi Raja Musa; salah seorang penyokong Raja Mahadi. Selain daripada itu Tengku Kudin adalah ipar anak Sultan Ali, Sultan Kesang yang bermusuhan dengan Maharaja. Tetapi Queen Victoria dan Kimberley sama-sama percaya yang Maharaja telah menjalankan tugas membantu Inggeris dengan memuaskan.<sup>103</sup>

Melalui Persetiaan Pangkor, 20hb Januari 1874 maka Sultan Abdullah diletakkan sebagai Sultan Perak dan menerima J.W.W. Birch sebagai Residen Inggeris, yang pertama. Dalam menjalankan tugas berlaku pertelingkahan kepentingan dengan ketua-ketua tempatan dan akibatnya Birch dibunuh pada 2hb November 1875 di Pasir Salak. William Jervois, Gabenor semasa itu telah meminta pertolongan Maharaja supaya membantu menangkap orang-orang yang bertanggungjawab dalam pembunuhan itu. Selepas pembicaraan orang-orang salah itu Raja Ismail serta pengikut-pengikutnya telah ditempatkan di Johor dan menetap di Sekudai.<sup>104</sup>

Sementara itu, Maharaja Abu Bakar telah memberi tahu Gabenor W. Jervois yang Maharaja Lela berada di sebuah

---

102. Parkinson, *op. cit.* ms. 62–66 ms. 272. Juga Cowan, *op. cit.* ms. 72–77, 102, dan 236.

103. Parkinson, *op. cit.*, ms. 63–65.

104. Winstedt, *op. cit.*, ms. 116.

kampung antara Salak dengan Kepayang, di Perak dan sanggup menyerahkan diri kiranya mereka diberikan pengampunan. Orang Kaya Abdul Rahman telah ditugaskan mencari Maharaja Lela antara 16-25hb Jun 1876. Kemudian Maharaja Lela bersama Pandak Indut, Ngah Jabar di bawa ke Johor Baharu pada 20hb Julai. Mereka kemudian ditangkap oleh Inggeris dan di bawa ke Singapura dan kemudiannya digantung di Larut pada Januari 1877.<sup>105</sup>

Di Seri Menanti pula perbalahan berlaku antara Tunku Ahmad Tunggal. Pada 23hb November 1876, di Government House di Singapura dengan dihadiri oleh ketua-ketua daripada Seri Menanti dan Johol mereka telah memilih Tunku Antah sebagai Yam Tuan Seri Menanti, Ulu Muar, Jempul, Terachi, Gunung Pasir, Enas dan Johol.<sup>106</sup> Maharaja Abu Bakar telah dilantik dengan persetujuan Gabenor W. Jervois dan penghulu-penghulu itu meletakkannya sebagai penasihat dan orang tengah. Maharaja juga diletakkan sebagai penasihat di Jelebu melalui persetujuan pada 26hb April 1877 yang dibuat di Singapura.<sup>107</sup>

Kekacauan juga berkembang di Rembau disebabkan 'gerakan musnah' oleh Inggeris selepas pembunuhan Birch.<sup>108</sup> Hasilnya Dato'-Dato' Rembau telah datang menghadap Maharaja Johor untuk mendapatkan perlindungan. Kemudian daripada itu timbul pula perbalahan antara Saiyid Abdul Hamid dengan Haji Sahil, Penghulu Rembau. Selepas mengadakan pertemuan di Singapura; Haji Sahil telah dilantik sebagai Penghulu Rembau dan Maharaja sebagai penasihat dan orang tengah jika berlaku lagi apa-apa perbalahan, dengan persetujuan Jervois pada 26hb Jun 1877.<sup>109</sup>

Perlantikan Maharaja Abu Bakar sebagai penasihat untuk Seri Menanti, Jelebu dan Rembau adalah berdasarkan kepada

---

105. Parkinson, *op. cit.*, ms. 300-01.

106. Maxwell, Sir W.G., and Gibson, W.S. *Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924, ms. 60-61.

107. *Ibid.*, ms. 52-53.

108. *Hikayat Johor dan Tawarikh al marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 33-35.

109. Maxwell and Gibson, *op. cit.*, ms. 48-49.

persetujuan dan kepercayaan Gabenor W. Jervois mengaku akan kebolehan dan kebijaksanaan Maharaja. Selain daripada perlantikan ini, dia juga didasarkan kerana kekuatan pengaruh Maharaja yang telah berhubung rapat dengan Queen Victoria-Windsor Castle dan Colonial office.<sup>110</sup> Mungkin juga lebih penting daripada itu ialah kerana Maharaja mengikut telunjuk Inggeris, yang menyebabkan Jervois suka kepada mereka.

Walaupun begitu kedudukan itu tidak lama. Kerana bila Frederick Weld mulai memegang jawatan Gabenor sejak 1880, hubungan Maharaja dengannya tidak baik. Lebih-lebih lagi kerana F. Weld menjalankan dasar perluasan yang agresif juga kerana '*Weld was the complete imperialist romantic.*'<sup>111</sup> Kedudukan Maharaja sebagai penasihat di Seri Menanti ditamatkan pada 31hb Mac 1883, di Jelebu pada 24hb Ogos, 1883, dan di Rembau 4hb Jun 1887.<sup>112</sup> Tujuan Weld tidak lain daripada memusnahkan pengaruh Johor dan meletakkan pengaruh Inggeris yang lebih kukuh dengan meletakkan penasihat-penasihat Inggeris.

### b. Inggeris

Mengenai hubungan luar Johor-Inggeris, Emerson menulis, '*It is the State which has been longest and most intimately associated with the British, and yet it was the last state to accept a British Adviser.*'<sup>113</sup>

Hubungan rapat antara Johor-Inggeris bertolak dari kedudukan geografi. Singapura dan Melaka adalah jajahan Inggeris yang bersempadan dengan Johor. Oleh itu kejadian yang berlaku di Singapura dan Melaka akan memberikan kesan kepada Johor dan sebaliknya. Ini ditambah lagi oleh Temenggung Daing Ibrahim dan anaknya adalah orang yang

110. Thio, Eunice, *British Policy in the Malay Peninsula, 1880 – 1910*. Jilid 1, Kuala Lumpur 1968 (Uncorrected Copy), ms. 24–25, pengenalan.

111. Sadka, Emily, *The Protected Malay States 1874 – 1895*, Kuala Lumpur 1970, Cetakan Kedua, Cetakan Pertama, 1968 ms. 114 – 115.

112. Maxwell and Gibson, *op. cit.*, ms. 50–51, 53–55, 61–52; lihat juga David Pung, *op. cit.*, ms. 9–10.

113. Emerson, Rupert, *Malaysia*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1966 ms 198.

bergaul rapat dengan pegawai-pegawai Inggeris tempatan atau di Britain, yang menghasilkan hubungan rapat.

Hubungan Johor-Inggeris di Singapura atau di Negeri-negeri Selat dan kemudiannya dengan Negeri-negeri Sistem Residen, adalah banyak bergantung kepada sikap Gabenor. Kerana Gabenorlah yang sentiasa membuat laporan mengenai negeri-negeri Melayu dari masa ke masa. Oleh itu hubungan dengan Inggeris ini adalah penting bagi Johor. Inggeris dikira sebagai lebih maju atau bertamadun, sedangkan negeri-negeri Melayu dianggap dalam keadaan huru-hara lagi feudalistik. Oleh itu tidak heranlah Johor di bawah Temenggung Daing Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar telah cuba memajukan negeri Johor dengan sungguh-sungguh. Kerana sebarang keburukan, kekacauan atau '*mal-government*' akan mengakibatkan laporan yang buruk terhadap Johor di hantar ke Calcutta kemudiannya London dan seterusnya dasar yang tentunya merbahaya kepada kemerdekaan Johor akan diarahkan oleh Gabenor General kemudiannya Setiausaha Negara (Kerajaan) kepada Gabenor di sini dan dilaksana-kan. Ini merbahaya. Oleh itu sebagai jalan keluar Johor hendaklah berhubung rapat dengan Inggeris untuk mendapatkan faedah kemajuan, dan kemerdekaannya.

Sebelum tahun 1855 Johor telah berada dalam hubungan yang agak mesra dengan Syarikat Inggeris, terutama semasa Gabenor William J. Butterworth (T.M. 1943-55). Inggeris telah menggalakkan Temenggung Daing Ibrahim membina sekolah. Selain dari itu Johor dan Inggeris mengadakan kerjasama mengawal '*Old Straits*' – Selat Tebrau, dengan menggunakan dua bot meriam dan Temenggung membayar separuh daripada \$500/- kos seluruhnya, mulai Julai 1856.<sup>114</sup> Johor juga mendapat khidmat melatih anggota pengamannya dan juga membeli senapang *Enfield Rifles*, sebanyak seratus pucuk pada tahun 1858, daripada Syarikat Inggeris.<sup>115</sup>

---

114. Temenggung Ibrahim kepada Thomas Church, Resd. Kon. Singaura, 17 Julai 1856 *L.B.a.*

115. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Blundell, 11 Disember 1858, *L.B.a.*

Pergeseran dengan Syarikat Inggeris di Singapura timbul atas soal orang Cina. Pada Mac 1856 E.A. Blundell menuduh pegawai-pegawai Temenggung telah memberikan layanan buruk pada orang Cina yang dianggap sebagai 'warganegara' Singapura.<sup>116</sup> Cavenagh juga pernah membuat aduan kepada Temenggung membantah atas penangkapan 5 orang Cina warganegara Singapura semasa berjudi dan mereka telah menerima hukuman dan denda yang tidak berpatutan dalam bulan Jun 1861.<sup>117</sup> Tetapi hukuman yang berat itu ada kebenarannya, terutama sebelum tahun 1864. Menurut Cavenagh undang undang Johor yang ada 'konservatif' jika dibandingkan dengan undang-undang Inggeris. Keduanya kerana Cavenagh sendiri tidak mahu warganegara Inggeris-Negeri-negeri Selat diberikan layanan buruk.<sup>118</sup> Dia menuduh kerajaan Johor adalah "*a complete despotism and the will of the Temenggung is supreme.*" dan katanya lagi Johor tidak menjalankan penyiasatan yang sepenuhnya atas satu-satu penangkapan.<sup>119</sup>

Bantahan juga dibuat berdasarkan soal-soal 'kewarganegaraan' dan 'kawasan perairan'. Mengikut Cavenagh tempat-tempat berlaku penangkapan di Old Straits - Selat Tebrau itu, adalah di dalam daerah Inggeris. Ini berdasarkan perkara dua Perjanjian Ogos 1824 antara Sultan Husain serta Datuk Temenggung Abdul Rahman semasa menyerahkan Singapura dengan laut dan selat dan pulau-pulau kecil-kecil iaitu 10 batu jauhnya berkeliling pulau Singapura itu menjadi milik kerajaan Syarikat Inggeris.<sup>120</sup>

---

116. Gabenor Blundell kepada Temenggung Ibrahim, no. 18, 26 Mac 1856, *SSR V 20*; Gabenor Blundell kepada Sect. to the Govt. of India, no. 76, 12 Mei 1859, *SSR R 35*.

117. Gabenor Cavenagh kepada Temenggung Ibrahim, no. 207, 12 Jun 1861, *SSR V 33*.

118. Gabenor General Sir Offeur, *Reminiscences of an India Official, India Official*, London 1884, ms. 312.

119. Gabenor Cavenagh kepada to Govt. of India no. 116, 17 Julai 1861, *SSR R 39*.

120. Lihat perkara 2, Perjanjian Johor 1824, dalam Maxwell and Gibson, *op. cit.* 122 – 126.

Temenggung Abu Bakar menapikan dia tidak mempunyai kuasa atas perairan Old Straits, kerana pembahagian selat itu haruslah ditengah-tengahnya. Disamping itu dia juga mempunyai kuasa atas sebahagian perairan itu kerana dia juga mengongkosi pengawalan selat itu. Perkara ini menjadi hangat lagi bila Cavenagh menganggap Tanjung Putri itu juga di bawah *jurisdeksyen* Inggeris.<sup>121</sup> Dalam hal begitu Temenggung memberikan ketegasan bahawa hanya setelah Tanjung Putri maju, Inggeris mengakuinya sebagai haknya, sedangkan semasa tempat itu belum dimajukan ia tidak mengambil hirau. Agak tepat, memang Inggeris curiga kepada kemajuan Tanjung Putri sebagai pelabuhan dan satu bandar yang meningkat besar. Antara Ogos 1861 – April 1865, sebanyak 32 buah kapal asing telah berlabuh di situ.<sup>122</sup> Pendaftaran barang – terutama gambir dan lada hitam mulai tahun 1864, juga lebih mencurigakan Inggeris. Kerana, Tanjung Putri akan mengancam kemakmuran Singapura yang berfungsi sebagai pusat perniagaan yang besar. Walaupun begitu Tanjung Putri tetap dalam pegangan Temenggung dan terus maju. Cavenagh gagal untuk melampuhkannya

Mengenai ‘kewarganegaraan Inggeris’ Temenggung Abu Bakar pernah menyoalkan apakah kategori yang meletakkan seseorang itu warganegara Inggeris Singapura atau Negeri-negeri Selat.<sup>123</sup> Dalam penjelasannya Lt. M. Protheroe, Pemangku Setiausaha Negeri Selat menerangkan: pertama rakyat *Her Majesty*, kedua orang-orang yang *dinaturalised* di bawah Akta 30 tahun 1852 dan ketiganya orang yang mendapat hak diam di jajahan Inggeris.<sup>124</sup>

---

121. Tanjung Surat, juga satu kawasan ditebing kanan Sungai Johir pernah ditutup oleh Inggeris.

122. Lihat ‘Correspondence between H.H. The Governor and the S.S. and the Highness the Rajah of Johor on the subject of the Jurisdiction over the port of Tanjung Putri in the Old Straits of Singapore,’ Singapore, 1865, ms. I – 38, Temenggung Abu Bakar kepada Col. R. Macpherson, Sect. to Govt. S.S. 7 April 1865, tersedia juga senarai kapal-kapal asing yang singgah; *S.S. Governor, 1861 – 1867*.

123. Temenggung Abu Bakar kepada Sect. to Govt. S.S., 29 Mei, 1862, *L.B.a*.

124. Lt. M. Protheroe kepada Temenggung, no. 195, Jun 1862, *SSR V 35*.

Disamping pergeseran mengenai orang Cina, terdapat juga kerjasama di dalam penyerahan orang salah dan orang yang lari. Pada mula-mulanya permintaan rasmi oleh Temenggung untuk mengadakan kerjasama penyerahan orang salah yang lepas lari daripada Johor ke Singapura ditolak, kemudianya terjalin juga kerjasama itu.<sup>125</sup>

Kejayaan Johor dalam bidang ekonomi dan pengaruh luar dari sejak tahun 1855 hingga 1870-an telah memberikan rasa cemburu kepada Inggeris. Ini ditambah lagi bila Johor tidak termasuk dalam Sistem Residen. Gabenor-gabenor yang kemudian daripada tahun 1874 merasakan perlu supaya Johor juga diletakkan di bawah Sistem Residen. Kejayaan Maharaja menjadi penasihat di Rembau, Seri Menanti dan Jelebu dan kejayaan mendapatkan Kesang daripada keluarga al marhum Sultan Ali tahun 1877, membesarakan lagi jajahan dan kuasanya. Ini merupakan kemuncak kejayaan sejarah Johor dalam meluaskan daerahnya.

Konflik pertama mengenai cemburu ini berlaku bila Frederick Weld memegang jawatan Gabenor (Mei 1880-1887). Konflik ini asasnya ialah konflik peribadi, iaitu perbedzaan kehormatan yang ada pada kedua-duanya. Keduanya kerana Weld tergolong dalam *forward school*. Oleh itu Maharaja mulai merasa curiga dan membawakan dia lebih kerap menggunakan penasihat-penasihatnya Messrs. Rodyk and Davidson dalam hal urusan luar negeri dan nasihat pentadbiran dan tidak lagi berunding terlebih dahulu dengan Gabenor sebagaimana dulunya. Ini menjadikan Weld tambah liar terhadap Johor. Selain dari itu, curiga F. Weld ke atas Maharaja juga bertambah bila usaha-usaha untuk meletakkan Residen Inggeris di Pahang gagal pada tahun 1884, dipercayai disebabkan oleh tekanan pihak Johor kepada Sultan Ahmad supaya jangan menerima Residen Inggeris.<sup>126</sup>

---

125. Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Cavenagh 10.9.1859, *L.B.a. Gabenor Cavenagh kepada Temenggung*, no. 410, 21 September 1859, *SSR V 27*.

126. Smith kepada Lord Derby, 23 Mei, 1885, Weld kepada Lucas, 3 Julai, 1885, *CO 273/134*. Konflik peribadi itu berpunca kerana Maharaja ada GCMG dan KCSI tetapi Weld tak punya satu pun.

Mulai awal tahun 1884 F. Weld menyediakan laporan mengenai Johor untuk Pejabat Tanah Jajahan (Colonial Office), mengharapkan supaya satu dasar baru dibuat atas Johor. Dengan itu tentunya memo yang disediakan oleh Thomas Braddell bekas Attorney General Negeri-negeri Selat, juga seorang ahli forward school mengemukakan keburukan, ketidak adilan dan oleh penasihat-penasihat Maharaja dan perlunya seorang Residen diletakkan di Johor.<sup>127</sup> Sebagai contoh Maharaja dikatakan atas usaha-usaha penasihat-penasihatnya telah memberi konsesi yang dikira merugikan Johor.<sup>128</sup>

Weld menggunakan masa cutinya dalam tahun 1884-1885 di London menghasut pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan supaya menukar dasar terhadap Johor dan dicadangkan diletakkan seorang Residen di sana, yang konon akan membawakan pembangunan dan mengelakkan kemasukan pengaruh luar selain daripada Inggeris. Tetapi Sir Robert Herbert, Setiausaha Rendah Tetap menolak tuduhan dan hasutan F. Weld. Kerana beliau sedar akan adanya konflik antara Maharaja dengan F. Weld. Disamping itu beliau men-

---

117. Weld kepada Meade, 29, Ogos, 1884.

128. Sejak tahun 1872 satu konsesi melombong bijih timah di Padang Telah diberikan kepada Hoo Ah Kay Whampoa oleh Maharaja. Ini diikuti konsesi tahun 1878 kepada Johannes Mooyer yang diuntukkan memenopoli perkembangan ekonomi Johor selama 99 tahun. Ini termasuk juga hak-hak sebagai banker, saudagar, agen, peladang, perlombong dan pemilik-pemilik jambatan, tram, dan feri. Syarikat itu juga dikecualikan daripada sebarang cukai. Disamping itu juga mendapat konsesi tanah 100,000 ekar. Modalnya £500,000. Disini ternyata akan besarnya rancangan itu tetapi ternyata juga merugikan bagi Johor. Untuk konsesi tahun 1878 lihat William Napier kepada Meade, 5 Oktober, 1878, *CO 273/97*, terdapat juga piagam syarikat itu. Tetapi syarikat itu dibatalkan konsesinya oleh Maharaja pada Ogos 1879. Lihat Abu Bakar kepada Anson, 15 Ogos, 1878, *CO 273/99*. Satu lagi konsesi dibuat diakan tahun 1882 kepada Malay Peninsular Agency dengan modal £300,000 dan hak-hak lain yang lebih luas daripada konsesi tahun 1878, termasuk pengeluaran matawang Johor dan konsesi 100,000 ekar tanah untuk 999 tahun. Pengeluaran matawang dan sistem banking Johor yang hendak diujudkan ialah yang selama. Agensi ini juga tidak ujud, sebab-sebab kegagalan kedua-dua syarikat ini tidak jelas, samada oleh bantahan daripada setengah-setengah pegawai Colonial Office atau pegawai-pegawai di Negeri-negeri Selat. Untuk konsesi tahun 1882 lihat Konvensyennya dalam *CO 273/132*, m.s. 1 - 200.

yetuji pendapat Sir Robert Henry Meade, Penolong Setiausaha Rendah yang rancangan pengeluaran matawang Johor itu adalah menggalakkan dan mereka mahu supaya sistem kewangan dan banking Johor itu kelak sama seperti yang terdapat di Singapura supaya tidak akan menimbulkan masalah. Lord Derby (Edward H. Stanley), Setiausaha Kerajaan akhirnya membuat kesimpulan bahawa fakta-fakta yang diberikan oleh F. Weld tidak cukup untuk meletakkan seorang Residen di Johor.<sup>129</sup>

Berita angin yang Weld akan balik daripada London dengan kuasa untuk menakluk Negeri-negeri Bernaung dan Johor telah membuat Maharaja Abu Bakar cemas. Dia memang benar-benar tidak mahu negerinya kehilangan kemerdekaan dan menuntut bahawa dia telah membantu Inggeris dalam banyak hal dan kenapa dia hendak diketepikan. Cecil Clementi Smith, Pemangku Gabenor melawat Johor dalam bulan Mac atas permintaan Maharaja. Hasil lawatan dan laporan yang dihantarkan oleh Smith ke Pejabat Tanah Jajahan pula bertentangan dengan memo F. Braddell dan apa yang dikatakan oleh F. Weld; sebaliknya ada pembangunan dan kemajuan.<sup>130</sup> Ini menambahkan lagi ketidakpercayaan

129. E. Thio, British Policy, ms. 103 – 104. Di sini boleh disimpulkan bahawa dasarkan Inggeris terhadap Johor adalah berlainan daripada jajahan-jajahan lain kalau mengikut teori J.A. Hobson dalam *'Imperialism, A Study*, London, edisi ke 2 1905 – imperialisme itu berasas daripada kepentingan eksplorasi ekonomi tanah jajahan: kerana di Johor Gabenor e.g. Weld dan setengah-setengah pegawai di Colonial Office membantah pemberian konsesi di Johor walaupun kepada Syarikat-syarikat Inggeris. Sebabnya mereka mungkin takut kalau konsesi itu berjaya memajukan Johor akan menguatkan Johor dan ini merbahaya kepada kepentingan Inggeris di Semenanjung Malaysia. Sebab ditakuti, Johor semasa Maharaja Abu Bakar tidak mudah untuk diletakkan di bawah pengaruh Inggeris sepenuhnya. Ditakuti juga kalau Johor maju dan kuat akan berpengaruh ke atas negeri-negeri Melayu lain terutama Pahang yang erat hubungan dengan Johor dan masih belum di bawah Sistem Residen Inggeris. Satu lagi sebab ialah mungkin pegawai-pegawai Inggeris itu benar-benar mahu supaya Johor tidak rugi oleh konsesi-konsesi yang memang merugikan Johor. Untuk lebih lanjut lihat Sinclair Keith, 'Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office policy towards British concessionaries and investors, 1878 – 1907, *'Modern Asian Studies*, 1.4, 1967, ms. 335 – 352.

130. Maharaja Abu Bakar kepada Smith, 23 Februari 1885, *L.B.b.*; Maharaja Abu Bakar ke Smith, 4 Mac 1885 dalam Smith ke CO, 5 Mac 1885, CO 273/133 Lawatan itu dibuat pada 12/13 Mac.

Herbert dan Lord Derby kepada F. Weld. Di samping itu pula pada bulan Mei 1885 Maharaja Abu Bakar bersama Abdul Rahman b. Andak telah pergi ke London kerana hendak berjumpa dengan Lord Derby. Di London lagi sekali Maharaja diberikan jaminan yang Johor tidak akan ditakluk atau menerima seorang Residen Inggeris. Tetapi untuk mendapatkan penyelesaian terus, satu perjanjian persahabatan telah ditandatangani pada 11hb Disember 1885 bagi pihak Inggeris diwakili oleh Setiausaha Kerajaan, Lord Stanely (Frederick A. Stanley) pengganti Lord Derby selepas penukaran kerajaan pada September 1885<sup>131</sup>.

Perjanjian 1885 ini mempunyai beberapa keistimewannya. Perjanjian itu mencatitkan bahawa hubungan pemerintah Johor dan Queen adalah sebagai sahabat dua buah negara yang merdeka bukan sebagai penjajah dengan yang dijajah sebagaimana lazim. Kerana perkara ini telah dituntut supaya tercatat begitu atas kehendak Abdul Rahman b. Andak Setiausaha Maharaja yang dikatakan bijak, (kemudian bergelar sebagai Datuk Seri Amar di Raja Johor). Dia juga mahu Inggeris diwakili oleh Setiausaha Kerajaannya tidak oleh oleh Gabenor.<sup>132</sup> Johor mendapat jaminan pertahanan bertahanan bersama melalui perkara posal pertama dan juga kerjasama penyerahan orang salah. Manakala masaalah sempadan Singapura-Johor (Old Straits) diselesaikan melalui pasal yang kelima.<sup>133</sup> Selain dari itu Maharaja Abu Bakar diakui sebagai Sultan dan tidak lagi sebagai Maharaja, melalui pasal ketujuh Sultan Johor. Sebelum itu baginda telah gagal mendapatkan sokongan Gabenor William C.F Robinson

131. Smith kepada Co, 5 Mac 1885, *Ibid.*, juga lihat E. Thio, E. *British Policy* ms. 105. Johor dalam keadaan ini juga cuba berbaik-baik dengan Inggeris. Satu 'gesture' yang menarik jalah Johor telah menawarkan kepada Inggeris untuk membantunya, kerana Inggeris pada masa itu terlibat dalam perperangan di Timur Tengah dan Afrika. Tawaran itu disambut baik oleh pihak Inggeris dan Smith berkata '*you have been good enough to offer.*' Dalam lampiran Smith ke Ungku Abdul Majid, Smith kepada CO, 21 Mei, 1885 co. 273/134. Surat tawaran Johor, Ungku Abdul Majid kepada Smith, 16 April 1885 *L.B.b.*

132. Thio, E., op. cit ms. 105

133. Penetapan sempadan Singapura – Johor dibuat secara resmi tahun 1927.

(Ogos 1877 Februari 1879) supaya mengakuinya sebagai Sultan.<sup>134</sup> Keturunannya juga ditetapkan yang berhak mengantikan dan yang akan memerintah Johor buat masa akan datang.

Melihat kandungan Perjanjian tahun 1885 itu ada kejayaan yang dicapai oleh Johor dalam mengelakkan dirinya daripada terikat dengan Inggeris seperti Negeri-negeri Mealyu bernaung. Johor masih tetap 'merdeka' dan ia juga meletakkan Johor dan Sultan Abu Bakar 'bermaruah' kerana bersahabat rapat dengan kuasa Inggeris yang kuat itu.<sup>135</sup> Masaalah meletakkan seorang Konsul Inggeris, yang tidak disenangi oleh Sultan itupun tidak dilaksanakan; bila Sultan menolak rayuan Frederick Weld supaya menyediakan tempat kediaman Konsul berhampiran dengan istananya, yang mengkin telah menimbulkan kecurigaan.<sup>136</sup>

---

134. David Pung op. cit., ms. 9

135. Emerson menulis bahawa Johor "... has retained the greatest degree of substantial independence." Emerson, ms. 189, Norman pula menyatakan "The State of Johore is neither a colony nor a Protected State." Norman, op. cit. ms. 63.

136. Sultan Abu Bakar kepada Weld, 5.2.1887, L.B.b.

**DATUK JAAFAR HAJI MUHAMMAD**  
**D.K., S.P.M.J., C.M.G.**  
**MENTERI BESAR JOHOR**  
**YANG PERTAMA 1868-1919**

Pernah saya kemukakan dalam satu artikel sejarah menyatakan 'Johor' adalah sebuah negeri yang unik dalam konteks sejarah Malaysia.<sup>1</sup> Kerajaan Johor yang ada pada hari ini telah diasaskan pada dekad-dekad awal abad kesembilan belas. Sistem politiknya dapat dikatakan dalam period transisi bila Temenggung Ibrahim mendapat kuasa dan kekuasaan (*power and authority*) mahupun secara *de facto*, ataupun *de Jure* dalam tahun 1855.

Di masa Temenggung Ibrahim menguasai Johor, Encik Long atau Abdullah B. Tok Mohd. Tahir telah melantik menjadi Menteri kepada Temenggung itu. Jawatan Menteri ini kemudian dipegang untuk beberapa waktu oleh keturunan Encik Long Menteri, iaitu yang mengakui mereka adalah keturunan Bendahara Paduka Raja Johor dan Bendahara Kerajaan Melaka.<sup>2</sup> Setakat ini tidak dapat dibuktikan adakah Jawatan Menteri dan kemudiannya Menteri Besar merupakan *ascribed status* ataupun *achieved status*. Setelah kematian Abdullah Muhd. Tahir atau Encik Long Menteri pada 14hb Januari 1863 Sehingga tahun 1866 wujud seolah-olah satuan *vacuum* pada jawatan ini. Pada tahun 1882 Jawatan Menteri itu dikenali pula dengan Datuk Menteri Besar. Jaafar Haji Mohammad adalah Menteri Besar Johor yang pertama.

Dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura dalam tahun 1838, Jaafar Haji Mohammad dipercayai telah mendapat didikan pelajaran Melayu dan Inggeris. Di masa berusia 16 tahun Jaafar Haji Mohammad telahpun memegang jawatan Pelatih

- 
1. M.A. Fawzi Basri, "Johor Negeri Melayu Yang tidak Pernah ditakluk oleh Inggeris." *Berita Minggu*, Kuala Lumpur, 12 Mac, 1972.
  2. Lihat Penerangan Othman B. Datuk Abdul Hamid, *Salasilah Tok Abdul Jabar b. Tok Othman, Johor Bahru*, 1967.

Kerani di pejabat bapa saudaranya Encik Long, Menteri kepada Temenggung Ibrahim:

*Tatkala orang-orang muda pada zamannya itu bermain-main maka Encik Jaafar itu telah bekerja dan melatihkan dirinya memegang jawatan yang besar sekali yang boleh dijawat oleh seorang rakyat Melayu yang tidak berapa tahun – kemudian telah diterima daripada almarhum Sultan Abu Bakar.<sup>3</sup>*

Dalam tahun 1856 beliau telahpun memegang Jawatan Kerani Besar<sup>4</sup> di Pejabat Menteri (Besar) dan kemudiannya dikurniakan gelaran Datuk Bentara.<sup>5</sup> Sehingga tahun 1882 adalah dipercayai Datuk Jaafar telah memangku Jawatan Datuk Menteri itu. Akhirnya berdasarkan kebolehannya dalam pentadbiran negeri Maharaja Abu Bakar telah melantik Datuk Jaafar sebagai Datuk Menteri Besar Johor yang pertama dalam Sejarah kesultanan Johor Moden dalam tahun 1882.

Lawatan keluar negeri adalah satu tradisi yang diamalkan oleh Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim Johor. Datuk Jaafar Menteri Besar Johor telah mengiringi Temenggung Abu Bakar dalam lawatan pertamanya ke Eropah dalam tahun

- 
3. Onn B. Jaafar, [ed], *Selamat Johor* (majalah), Singapura, 1935.
  4. Lihat M.A. Fawzi Mohd. Basri, 'Sejarah Ringkas Batu Pahat: 1880 – 1917.' Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1972, Lampiran A dan lihat juga *Singapore and Straits Directory*, 1882, h. 122.
  5. Sistem gelaran pembesar Johor abad ke 19 ini agak berbeda dari sistem kerajaan Melayu Tradisi, kebanyakannya pembesarannya tidak buta huruf, biasanya berpendidikan Melayu, sekolah ugama dan Inggeris. Antara jawatan-jawatan yang biasanya diketuai oleh pembesar bergelar ialah kehakiman (Datuk Hakim), Jabatan Tanah, Ukor dan Hasil (Datuk Bentara Luar) Pentadbiran Dalam Negeri (Datuk Bentara Dalam), Protokol (Datuk Istiadat), Wakil Pemerintah Kawasan, pantai Timur Johor (Datuk Penggawa Timur), wakil Pemerintah pantai Barat Johor (Datuk Penggawa Barat) dan lain-lain lagi. Pemerintah daerah Muar, Batu Pahat, Endau (Kemudian di mansuhkan) dan Segamat di gelar Pesuruhjaya Kerajaan. Apabila Perlembagaan Negeri Johor 1895 diistiharkan di satu Jemaah Menteri dan Majlis mesyuarat Undangan Negeri telah dilantik, ahli-ahlinya terdiri dari Datuk-Datuk Pembesar Negeri dan kerabat istana. Jaafar Haji Muhammad mengantikkan Abdulrah Muhd. Tahir dengan gelaran Datuk Bentara, Lihat M.A. Fawzi Basri, kisah Pelayaran ke Riau; suatu pengenalan dan anotasi, *Dewan Bahasa*, Jilid 2r, Bil. 9, September 1977.

1866. Malah kerana lawatan Abu Bakar itu juga beliau pernah beberapa kali memangku tugas Raja:

*Maka dalam masa penghujung kerajaan almarhum itu maka Datuk Jaafar itulah kepercayaannya menjalankan perintahan kerajaan Johor dalam masa-masa peninggalannya berangkat menziarahi negeri-negeri asing.<sup>6</sup>*

Dalam tahun 1904 Datuk Jaafar telah dilantik oleh Sultan menjadi Pemangku Raja dan telah meraikan lawatan Y.M.M. Putera Arthur of Connaught ke Tanah Melayu.<sup>7</sup> Sebelum itu Puan Florence Caddy<sup>8</sup> yang melawat Johor dalam tahun 1889 mencatatkan percakapan antara Datuk Jaafar dengan Duke Sutherland masa Datuk Jaafar membuat Jemputan rasmi Kerajaan Johor untuk Duke Sutherland mengadap Sultan Johor:

*'This is, indeed a great moment,' says the Duke as the Prime Minister of the Sultan of Johore is announced, Looking for all the world like a near English groom. He [Datuk Jaafar] brought a letter and a message. The Sultan is in Singapore and hopes soon to hear that his Grace is able to come to Johore. Does he include the ladies in his invitation? 'Oh! yes, indeed, His Highness's heart will be full of pleasure, if the will favour him by a visit.'*

Datuk Jaafar dianggap oleh Pegawai Inggeris Negeri Selat sebagai *straight forward man*. Ini tidaklah bermakna Datuk Jaafar sentiasa mengikut telunjuk. Datuk Jaafar turut sama dengan Datuk Seri Amar Di Raja untuk menentang cita-cita Inggeris menakluk Negeri Johor. Sehingga terjadi sedikit keretakan hubungan dengan Sultan,<sup>9</sup> iaitu langkah yang ditunggu oleh Inggeris.

6. Onn Jaafar, *Selamat Johor*, ms. 78.

7. Gambarnya bersama Putera Arthur dan Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan juga Sultan Selangor dan lain-lain pembesar dapat di lihat dalam *Ibid*, ms. 84.

8. *To Siam and Malaysia in the Duke of Sutherland's Yatch San Peur*, London 1889, h. 222.

9. E. Thio, *British Policy In The Malay Peninsula: 1880 – 1910*, Singapura, 1969, ms. 239.

*To make matters worse, the Chief Minister (Menteri Besar) of Johore and the State Secretary, among other Johore officials, disapproved of Sultan Ibrahim's conduct. The Menteri Besar told Anderson that Sultan's brief periods of residence in Johore he was so impulsive and erratic that 'he only upset things created difficulties' for others to face.*

Dengan sepucuk surat yang dideraf oleh C.B. Buckley Sultan Ibrahim menyatakan:<sup>10</sup>

*Datuk Menteri seperti yang diketahui [Datuk] telah tua [dan] kalau Datuk Muhammad [Setiausaha Negeri] jatuh sakit ..... tiada siapa yang akan direlai oleh Datuk Jaafar, saya dan menasihatkan saya*

Bermaana di situ Sultan bersetuju menerima seorang General Adviser pada tahun 1910. Iaitu suatu yang tiada direlai oleh Datuk Jaafar. Datuk Jaafar juga turut sama mengemaskan jentera kerajaan:

*Credit for the state of affairs in Johore Bahru seems to belong more to Abu Bakar who had laid the foundations of a moden administration to officials such as the Datuk Menteri (the Chief Minister who a had the respect of Malays as well as Europeans).*

Kerana kebaktian pada negerilah menyebabkan Datuk Jaafar telah dikurniakan pingat kebesaran Negeri.<sup>12</sup>

*Pada awal 29 Syawal 1303 Hijrah bersamaan dengan 31 Julai 1886 maka allah yarham itu Datuk Jaafar ialah seorang daripada lapan orang Pegawai-Pegawai Johor yang menerima kurnia Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) dari Almarhum Abu Bakar pada waktu mula-mula dijadikan Darjah itu juga Darjah Kerabat (D.K.)*

- 
10. K. Sinclair, "British Advance In Johore: 1885 – 1914," *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, (Singapore), Jil. 40, Bahagian 1, 1967, ms. 105.
  11. E. Thio, *British Policy*, 234.
  12. Onn Jaafar, *Selamat Johor*.

*yang kedua dan pada 17 Rejab 1321 telah dinaikkan darjah yang pertama oleh yang maha mulia Sultan Ibrahim.*

Kerajaan Inggeris juga telah memberi penghormatan atas jasa bakti Datuk Jaafar kepada kerajaan Inggeris di abad ke 19 itu:

*Oleh kerana perusahan [sic] dan jasanya yang berkenaan dengan menolong menyesuaikan pergaduhan di Negeri Pahang dan juga di Kelang maka Datuk Jaafar itu telah dikurniakan oleh yang maha mulis Queen Victoria bintang pangkat yang ketiga bagi darjah St. Michael dan St. George (C.M.G.)<sup>13</sup>*

Selaku Pegawai Kerajaan, Datuk Jaafar telah memberi perkhidmatan yang ikhlas untuk negerinya menurut satu *Buku Kenangan Hari Keputeraan Sultan Johor yang ke 76*<sup>14</sup> dinyatakan Datuk Menteri Besar yang pertama itu telah berkhidmat dari 1886 hingga 30hb. Julai, 1890, namun saya rasa kenyataan ini agak meragukan kerana dokumen-dokumen yang pernah dikaji oleh E. Thio dan K. Sinclair menunjukkan ada Menteri Besar di antara 1890 – hingga 1914 (tarikh kajian mereka). Malah Perlembagaan Negeri Johor 1895 telah di tandatangani bersama oleh Datuk Menteri Besar Jaafar

---

13. *Ibid.*

14. Disusun oleh Muhd. Mahir b. Haji Ahmad dan Sulaiman Muhd. Salleh dan diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Johor Bahru, Okt. 1970, lihat ms. 57. Buku ini mensenaraikan nama-nama Menteri Besar Johor:–

1. – YAB Datuk Jaafar Muhamad\* (1886–30.7.1890 ? )
- Yang ke 2. – YAB Datuk Muhamad Mahbob (16.7.1920 – 1.9.1922).
- Yang ke 3. – YAB Datuk Abdullah Jaafar\* (17.9.1923 – 16.9.1928)
- Yang ke 4. – YAB Datuk Mustafa Jaafar\* (16.9.1928) hingga 23.11.1931.
- Yang ke 5. – YAB Datuk Abdul Hamid Yusuf (23.11.1931 – 28.12.1934)
- Yang ke 6. – YAB Datuk Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid (4.4.1935 – 1.1947)
- Yang ke 7. – YAB Datuk Onn Jaafar\* (1.6.1947 – 18.5.1950)
- Yang ke 8. – YAB Datuk Syed Abdul Kadir Muhamad (20.2.1925 – 5.6.1955)
- Yang ke 9. – YAB Datuk Wan Idris Ibrahim (1.6.1947 – 18.5.1957)
- Yang ke 10. – YAB Datuk Haji Hassan Yunus (27.6.1959 – 31.1.1967)
- Yang ke 11. – YAB Datuk Haji Othman Saad (Menteri Besar Sekarang)

\* Dari Famili yang sama.

Haji Muhamad. Adalah satu yang mustahil terdapat satu kekosongan jawatan Menteri Besar dari 1890 – 1920 bila Datuk Muhamad Mahbob menjadi Menteri Besar yang Kedua. Timbalan Menteri Besar sebelum Datuk Muhamad Mahbob dilantik ialah Datuk Bentara Dalam Ibrahim b. Haji Abdullah Munsyi dan bila ia meninggal dunia diganti oleh Datuk Mohamad Mahbob. *Singapore and Straits Directory* jelas membuktikan Jaafar Haji Muhamad telah memegang jawatan ‘Datuk Menteri’ dalam tahun 1882.

Di tahun 1904 dan seterusnya C.O. 273 iaitu Rekod Pejabat Tanah Jajahan Inggeris menunjukkan ada disebutkan Menteri Besar Johor. Oleh itu adalah dipercayai Datuk Mohamad terus memegang jawatan Menteri Besar hingga tahun 1919. Dan dapatlah diterima kenyataan yang Datuk Muhammad Mahbob telah memangku tugas Menteri Besar Johor setelah Datuk Jaafar meninggal dunia sehinggalah ia dilantik menjadi Menteri Besar yang kedua pada 16 Julai, 1920.

Menteri Besar yang pertama itu telah meninggal dunia pada 3hb. Julai 1919 di rumahnya di Bukit Senyum, dan dikebumikan di Bukit Mahmudiah Johor Bahru.

**DATUK SERI AMAR  
DIRAJA-PENGHALANG CITA-CITA  
INGGERIS MENAKLUK NEGERI JOHOR**

Nama Datuk Seri Amar DiRaja yang sebenar ialah Abdul Rahman b. Andak, beliau lebih dikenali dengan panggilan Datuk Amar. Beliau adalah Penasihat Peribadi kepada Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Dalam menghambakan khidmat kepada dua Sultan ini, Datuk Amar telah berjasa besar pada Negeri Johor. Peranannya yang terpenting sekali ialah menghalang keinginan penjajah Inggeris untuk menjadikan Johor sebagai jajahan takluknya. C.B. Buckley<sup>1</sup> telah menunjukkan Abdul Rahman Andak sudah biasa bermain-main dengan kawan-kawannya dalam tahun 1865. Buckley juga mencatatkan kisah bagaimana kisah tangisan Abdul Rahman Andak dapat menyelamatkan Ibrahim Munsyi (kemudian menjadi Datuk Bentara Dalam) daripada menjadi mangsa kebakaran kapal kerajaan "Johor" dalam tahun itu:

*Dia [Ibrahim] adalah seorang guru di Sekolah Melayu Teluk Belanga, dan setelah tamat waktu mengajar dia telah pulang ke rumah untuk bertukar pakaian untuk pergi ke kapal [itu.] Dalam perjalananannya ke dermaga [wharf] dia telah berhenti melihat beberapa orang budak lelaki sedang bermain guli [marbles], dan bercakap dengan Abdul Rahman bin Andak, seorang kanak-kanak, sekarang Datuk Seri Amar Diraja, C.M.G., yang sedang menangis, dan ini melambatkan Ibrahim, sedang ia bercakap-cakap dengan kanak-kanak itu ia telah terdengar bunyi 'letusan' [di dermaga itu].<sup>2</sup>*

Abdul Rahman Andak merupakan antara rakyat negeri Johor yang pertama menuntut di seberang laut. Ini boleh

---

1. *An Anecdotal History of Old Times In Singapore, 1819 – 1869* University Malaya Press Singapore, reprint:1969, ms. 721. Kisah kebakaran kapal kerajaan Johor diperikan di ms. 719 – 722.

2. *Ibid.*

kita buktikan, dalam tahun 1850-an Abu Bakar telah enggan dibenarkan oleh Temenggung Ibrahim belajar di England tetapi Maharaja Abu Bakar yang tidak berputera ketika itu cuba memulakan tradisi baru. Iaitu pada 3hb. Mac 1871, baginda telah bertemu dengan sahabat yang hendak balik ke Eropah supaya melihatkan paduka anak saudaranya Ungku Othman beserta (dengan) seorang kanak-kanak lagi bernama Abdul Rahman bin Andak. (Kemudian bergelar Datuk Seri Amar Diraja) yang akan belajar di London.<sup>2</sup>

Jelas di situ menunjukkan iaitu Datuk Amar menerima pendidikan Inggeris, peluang pendidikan dan pengalaman di London adalah penting dalam pekerjaan beliau kemudiannya. Pada 19 Jun 1878 beliau dipanggil pulang ke Johor untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Sehingga tahun 1883<sup>2</sup> Abdul Rahman yang bergelar Datuk Seri Amar Diraja itu sudahpun memegang jawatan Setiausaha di sekretariat dan juga menjalankan kerja-kerja terjemahan bahasa Inggeris di situ pada tahun 1886 beliau dilantik menjadi Penolong Setiausaha Kerajaan<sup>1</sup>

Berdasarkan amalan memberi gelaran di Johor moden nyatakan gelaran Datuk Seri Amar Diraja bukanlah '*asccribed status*' tetapi diberi kepada pegawai kanan kerajaan negeri. Semasa istiadat pengurniaan pingat-pingat kebesaran negeri yang pertama diadakan pada 8hb. Julai tahun 1886 iaitu sempena Abu Bakar digelar Sultan, beberapa orang Pegawai telah dikurniakan gelaran dan bintang seperti DPMJ, SPMJ dan lain-lain lagi. Abdul Rahman Andak adalah di antara mereka yang dikurniakan pingat S.P.M.J<sup>3</sup> itu dalam tahun 1892.

Peranan Datuk Amar jelas sekali selepas tahun 1880-an iaitu sejak Gabenor Frederick Weld yang bercita-cita untuk

---

1. *Hikayat Johor dan Tawarikh almarhum Sultan Abu Bakar*, ms. 6.

2. Berdasarkan *Singapore And Straits Directory*, 1883.

3. Sri Paduka Mahkota Johor (SPMJ), Datuk Paduka Mahkota Johor (DPMJ). Abdul Rahman tindak mendapat bintang DPMJ dalam tahun 1886 dan juga digelar Datuk Sri Amar DiRaja dalam istiada yang sama.

menakluk Johor secepat mungkin seperti mana negeri-negeri Melayu lain. Namun sehingga 1910 cita kolonialisme Inggeris itu masih belum tercapai.

Eunice Thio<sup>4</sup> dan K. Sinclair<sup>5</sup> telah merumuskan langkah langkah Inggeris bertapak di Johor sebagai berikut. Iaitu menyekat kerajaan Johor daripada mendapat nasihat dari Lembaga Penasihat di London, taktik pembinaan jalan keretapi merentas negeri Johor, membersarkan Datuk Seri Amar dari Perkhidmatan Kerajaan Johor dan digantikan dengan tokoh yang lurus

Kehadiran Datuk Amar benar-benar menghalang dan melambatkan dasar Inggeris yang bersifat menjajah. Datuk Amar telah dianggap sebagai '*a clever little fellow but an absolute nobody among the Malay Aristocrats*'<sup>6</sup>, malah ia disifatkan sebagai '*corrupt*' dan juga "*a mischievous little dog.....*". Namun begitu Inggeris melihat dari aspek penghalang cita kolonialismenya, tetapi tinjauan di sini ialah memperlihatkan bagaimana Datuk Amar yang menghalang cita-cita Inggeris itu dan sebagai penyelamat negeri Johor.

Datuk Amar bertindak untuk keutuhan maruah kemerdekaan negeri, oleh sebab itu dia telah mempengaruhi Sultan Ibrahim' ... *with precious ideas of his position as absolute sovereign ... and of the independence of Johore*'<sup>7</sup>. Datuk Amar juga dikatakan oleh Inggeris sebagai yang mengacau-bilaukan konsesi keretapi dan lain-lain konsesi yang menyebabkan wujudnya perseranggangan antara Inggeris dengan Johor. Ini adalah satu cara lagi Datuk Amar mengelakkan Johor dari ditakluk oleh Inggeris.

Fikiran Datuk Amar jauh ke hadapan, tetapi bagi Inggeris dasar nasihat tidak rasminya sejak sebelum akhir 1880-an telah berubah kepada keadaan baru apabila Abdul Rahman Andak muncul dalam arena politik Johor

- 
4. 'British Policy Toward Johore: from advice to control,' *JMBRAS*, Jilid 40, bhg. 1, 1967, ms.
  5. Sinclair, *loc. cit.*
  6. Smith kepada Meade, 30 Jun 1891, *Governor's Letter Books*,
  7. K. Sinclair, *JMBRAS*, Jilid 40, bhg. 1, ms. 103.

Eunice Thio<sup>8</sup> menyebut Datuk Amar sebagai sepupu<sup>9</sup> kepada Sultan yang sangat bijak dan berpendidikan Inggeris dilantik menjadi Setiausaha peribadi Sultan mulai tahun 1885 dan mulai tahun 1893 menjadi Setiausaha Kerajaan negeri Johor. Dalam masa lawatan Sultan Abu Bakar ke Eropah Datuk Amar menjadi Menteri Pengiringnya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Sultan Johor banyak bergantung kepada Datuk Amar dalam selok-belok politik pemerintahan dan hal-hal hubungan antarabangsa. Berdasarkan tugasnya kepada Sultan kemungkinan besar Datuk Amarlah yang mencadangkan pada Sultan supaya mengisyitiharkan Perlembagaan Johor pada 14 April, 1894 yang antara lain menyatakan:

- i. Sultan dan Menteri-menteri tidak boleh menyerahkan Negeri Johor kepada mana-mana bangsa Eropah<sup>10</sup> (Fasal 15 dan 16).
- ii. Penentuan Tugas Jemaah Menteri dan Jemaah Mesyuarat Negeri (Fasal 42 dan 45).

Kebolehan Abdul Rahman Andak bukanlah satu yang luar biasa, tetapi ianya hasil dari pengalaman pendidikannya dan tugasnya. Kurang lebih dua setengah dekad ia berhubung dengan Inggeris sebagai Setiausaha Kerajaan dan Penasihat Peribadi Sultan Abu Bakar, oleh itu tidaklah hairan jika Sultan Ibrahim semasa masih muda (1896) berada di dalam

- 
8. E. Thio, *JMBRAS*, Jilid 40, bhg. 1, ms. 13. Beliau tidak lagi menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dalam tahun 1900 berdasarkan dokumen kehadiran Ahli Mesyuarat Kerajaan dalam *Minit Mesyuarat Kerajaan*, 1899 – 1907, 24 Oktober 1900. Datuk Muhammad Mahbob menjadi Setiausaha Kerajaan pada tahun 1904.
  9. Pendapat E. Thio diragukan berdasarkan suasana protokol di masa Jamuan Makan di Istana Buckingham, "... ke semua yang bersemayam keliling meja itu daripada darah Raja Melaka. Maka hal Yang Berhormat Datuk Sri Amar pada masa itu duduk di meja lain makan bersama-sama Orang-orang Besar dan Pengiring Yang Maha Mulai Queen." *Hikayat Johor dan Tawarikh al-marhum Sultan Abu Bakar*, ms. 57.
  10. Rakyat Johor telah membantah tindakan Sultan Ibrahim menandatangani Perjanjian Kesatuan Tanah Melayu (Malayan Union) dengan menggunakan fasal 'larangan penyerahan' ini. Sultan Ibrahim mensifatkan mereka yang membantah itu sebagai menderhaka.

pengaruh Datuk Amar. Sultan Johor telah melantik Datuk Amar sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri<sup>11</sup> dan sebenarnya Abdul Rahmanlah yang mentadbir negeri di masa ketiadaan Sultan. Eunice Thio pernah memperkatakan:

*"... with Abdul Rahman behind him, Sultan Ibrahim took 'very suspicious' view of Swettenham's railway proposals. He feared that the acceptance of principal and other assistance from the FMS would jeopardise Johore independence."*<sup>12</sup>

kerana dengan prasangka itulah kemerdekaan Johor dapat diselamatkan oleh Datuk Seri Amar Diraja.

Gabenor Inggeris yang ketiga memusuhi Datuk Amar ialah Anderson. Ia sangat tidak mempercayai Datuk Amar, kerana Datuk Amar dianggap bertanggungjawab menolak *"an arrangement concerning the letting of the Johore Opium and Spirit Form which the Sultan, The Datuk Menteri and Datuk Muhamad (State Secretary) and previously agreed ..."*<sup>13</sup>

Sementara itu Datuk Amar juga meneliti perjalanan dan kegiatan Lembaga Penasihat Johor – *Johore Advisory Board (JAB)* diLondon yang dibiayai oleh Kerajaan Johor. Bagi Datuk Amar Johore Advisory Board mula menyelweng bila Herbert Pengerusi Johore Advisory Board meminta kerajaan Johor menerima pinjaman Negeri Selat sebanyak £150,000 atau £200,000, dengan syarat Johor menerima Juruudit Negeri Selat atau bersekutu dalam Persekutuan. Tetapi dengan nasihat Abdul Rahman kerajaan Johor telah menolak.

Datuk Amar sedar akan ancaman kawalan politik Inggeris iaitu Rancangan Persekutuan yang cuba menguatkan kawalan Inggeris ke atas Semenanjung. Manakala ancaman ekonomi dilambangkan dengan rancangan pembinaan sistem ketetapi.

Cara-cara Johore Advisory Board bertindak sudah tidak dapat disamakan dengan keadaan sebelum tahun 1900. Surat

---

11. *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Ibrahim*, ms. 2.

12. E. Thio, *JMBRAS*, Jilid 40, bhg. 1, ms. 13

13. *Ibid.*, ms. 2.

Abdul Rahman Andak kepada Johore Advisory Board pada 13hb Julai, 1905 telah mula mengguncang kedudukan Johore Advisory Board<sup>14</sup>

*State Secretariat,  
Johore Bahru.*

*13th, July, 1905*

*Sir,*

*The subject matter of your letter of the 19th. April has been under the consideration of H.H. The Sultan, and I am directed by him to inform you that, in the opinion of H.H. Highness, The Advisory Board were not well advised in approaching the Secretary of State for Colonial and thus enabling him to express his disapproval of the scheme in the term of his letter of the 13th April last.*

*The course taken in approaching the Secretary of State will necessarily prejudice any future negotiation of a smaller nature, and it may well be interpreted by the British Government as an admission on the part of Johore that has not, under the Treaty of 1885. The full power of an independent state of concession even to British subjects, but is bound before granting any concession to submit it for approval to the British Government.*

*This position has been brought about by the course taken by the Advisory Board, and it is for purpose of avoiding and rectifying such mistakes the Board has been established. The Sultan therefore, considers it incumbent upon Advisory Board, if possible to get matter put right. How this is to be done it is for the Advisory Board to consider. The Board being, as His Highness understands, to some extent in touch with the Colonial Office will know best how they can set about it and induce the Secretary of State for the Colonies to withdraw the adverse and position he has expressed and taken up.*

---

14. Salinan surat ini dipetik dari C.O. 273/38. Abdul Rahman kepada C.O. 13 Julai 1905.

*It is His Highness desire that the rectification should be seen to without delay.*

*I have the honour to be Sir.*

*Your Obedient Servant*

*Datuk Seri Amar Diraja*

*Sir Cecil Clementi Smith G.C.M.G.  
Chairman,  
Johor Advisory Board,  
London.*

Hubungan dengan Johore Advisory Board lebih tegang apabila Datuk Seri Amar Diraja menulis surat kepada Smith pada 10 Oktober, 1905. Pada masa itu Datuk Seri Amar berada di Grosvenor Hotel, London. Antara lain surat itu menyatakan.<sup>15</sup>

*..... He (Sultan Ibrahim Johor) has for some time had under anxious consideration the question of representation of the interest of himself and his government in this country .*

*2. The primary object of constituting on Advisory Board was to secure that there might be in England accredited representative of Johore who would be in a position, wherever the exigencies of Local circumstances might demand it, to approach the Colonial office and claim its attention.*

*6. That the suggestion to reduce the expense of the London Advisory Board with the full concurrence of the*

---

15. Abdul Rahman kepada Smith, 10 Oktober 1905, CO 273/313.

*council as various important matters have now been decided and there is no further occasion for the state to incur such a large expense.*

Surat ini penting, kerana ia membawa kepada perletakan jawatan secara *en bloc* Johore Advisory Board di London itu. Anggota-anggota Johor itu telah menyatakan:<sup>16</sup>

*Your Highness,*

*We have taken note of the letter which has been addressed to the chairman by Datuk Abdul Rahman, dated 10th. October, 1905, and we hereby unanimously place our resignation in You Highness hands.*

*Cecil Clementi Smith  
D. Hervoy  
C.H. Commency  
A. Durand  
C.B. Evan Smith*

*Johore Advisory Board  
20th. October 1905*

*W.H. Lake,  
Secretary Advisory Board.*

Langkah Datuk Amar ini adalah satu langkah yang ditunggu-tunggu oleh Pejabat Tanah Jajahan Inggeris. Oleh sebab itu Inggeris bertindak untuk menyingkirkan Abdul Rahman Andak sendiri.

---

16. JAB kepada Abdul Rahman, 20 Oktober 1905, CO 273/313.

Dalam bulan Januari 1907 John Anderson, Gabenor Negeri Selat berusaha menyingkirkan Abdul Rahman dengan tujuan menempatkan seorang ajen Inggeris di Johor. Menurut J. Anderson, jika Abdul Rahman berterusan menjadi Ketua Jurucakap Kerajaan Johor selagi itu hubungan kedua kerajaan tidak akan baik. Malah J. Anderson yakin tanpa Abdul Rahman dalam kerajaan Johor membolehkan ia membuat sebarang tindakan.<sup>17</sup> Ini disebabkan J. Anderson tidak ada masaalah dalam hubungan dengan Datuk Menteri dan Datuk Muhammad (Setiausaha Kerajaan) yang dianggap sebagai 'orang yang lurus dan berterus terang.'

Pihak Inggeris percaya Datuk-Datuk itu boleh digunakan untuk strategi penaklukannya. Dengan bantuan C.B. Buckley, seorang peguam yang juga menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor; J. Anderson mendesak Sultan Ibrahim menghantar Abdul Rahman ke Eropah dan diberi pence £1,000 setahun.

Tanpa Datuk Amar, Sultan sudah tidak mempunyai Penasihat Sulitnya yang setia pada negara, dalam satu suratnya yang dideraf untuk C.B. Buckley Sultan menjelaskan:<sup>18</sup>

"Datuk Menteri seperti yang diketahui (Datuk telah tua (dan), kalau Datuk Muhammad jatuh sakit .... tiada siapa yang akan menolong dan menasihatkannya."

Oleh itu Sultan menyatakan keinginannya untuk mengambil seorang Eropah menjadi penasihatnya.

Dalam tahun 1909 itulah Sultan telah kehilangan Abdul Rahman Andak sebagai Penasihatnya, Projek pembinaan keretapi yang bermotif politik juga telah bermula. Pilihan lain sudah tiada lagi pada Sultan yang sudah dihimpit oleh Inggeris. Oleh itu Penasihat Inggeris telah dijemput samada mahu atau tidak.

D.C. Campbell telah dipinjamkan untuk berkhidmat dengan

---

17. E. Thio, *JMBRAS*, Jilid 40, bhg. 1, ms. 31.

18. Terjemahan bebas dari petikan yang dibuat oleh K. Sinclair, ms. 105, *JMBRAS* Jilid 40, bhg. 1.

kerajaan Johor selaku Penasihat Am.<sup>19</sup> Kedudukannya adalah sebagai pekerja kepada Sultan Johor. Di setiap daerah dipersetujui ditempatkan seorang pegawai Inggeris sebagai Penolong Penasihat Am.

Pihak Inggeris umpama diberi betis mahukan peha, maka pada tahun 1914 mereka telah memerintahkan Sultan menerima segala nasihat Penasihat Am kecuali dalam hal-hal ugama Islam dan Adat Istiadat.

Jika kita perhatikan sepeninggalan Datuk Amar, cita-cita kolonialisma Inggeris sudah terlaksana. Hanya sedikit sahaja bezanya dengan negeri Melayu lain, walaupun Sultan ber-setuju menerima Pegawai-pegawai Inggeris tetapi pegawai itu hendaklah memakai pakaian sebagai bahasa rasmi. Inggeris juga bersetuju memenuhi kehendak-kehendak Sultan supaya orang Melayu yang berpelajaran dilantik berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan dan dilayan sebagai pegawai Eropah. Jelaslah di situ kelayakan dan tuntutan Sultan itu membolehkan Sultan memelihara satu macam kemerdekaan walaupun pada hakikatnya Johor sudah diletakkan pada kawalan Inggeris.

Semasa perkhidmatan Datuk Amar dengan Abu Bakar, beliau berjaya mempopularkan Johor di luar negeri. Dia sentiasa mengiringi lawatan Sultan di Eropah dan telah dikurniakan pingat tertinggi darjah kedua oleh Sultan Turki. Perkakas-perkakas kebesaran kerajaan Johor dan hal-hal berkaitan dengan negerinya telah dipamerkan di satu Pameran besar di Santiago. Kemungkinan juga atas arahan Datuk Amar dua peta bertulisan Jawi oleh Datuk Bentara Luar dipamerkan di Adelaide, Australia. Sebelum ia dibersarakan, Datuk Amar juga merintis penubuhan Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa Johor dalam tahun 1888 iaitu badan persuratan terulung di tanah air.

---

19. Penasihat Am tidak sama dengan fungsi Residen di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Selain dari menasihat ia terpaksa meminta persetujuan dari Gabenor Negeri Selat. Ia juga bertugas dibahagian pentadbiran Tanah dan Pentadbiran. Nasihat Penasihat Am tidak semestinya diterima oleh Sultan Johor.

Dapatlah kita membuat kesimpulan di sini Datuk Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak adalah tokoh negeri Johor yang dinamik dan berpandangan jauh. Usaha mematahkan cita-cita kolonialisme Inggeris menyebabkan ia tersingkir dari pentadbiran Johor. Untuk mengenangkan nama beliau, sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Muar dinamakan *Sekolah Datuk Seri Amar Diraja*.

## DATUK BENTARA LUAR: ARKITEK PEMBANGUNAN NEGARA JOHOR

Sejarah Johor Moden<sup>1</sup> sering mengutarkan nama Maharaja Abu Bakar yang kemudian bergelar Sultan sebagai bapa Johor moden.<sup>2</sup> Di sini akan diperlihatkan peranan seorang tokoh pembangunan utama di belakang Abu Bakar. Sebenarnya Maharaja Johor itu tidak lebih sebagai simbol bapa Johor Moden; pada praktiknya Datuk Bentara luarlah yang menjalankan pembukaan dan memajukan serta merancangkan pemodenan beberapa daerah dalam negeri Johor. Diantara daerah itu ialah Muar, Endau, Segamat, Tangkak dan Batu Pahat. Jikalau ukuran pembukaan Johor Bahru atau Iskandar Putri itu menyebabkan Abu Bakar dianggap sebagai bapa johor Moden boleh juga akui, tetapi sejarah tidak dapat menafikan peranan yang dimainkan oleh Temenggung Ibrahim yang mengasaskan pembangunan Tanjung Putri yang dinamakan Johor Bahru kemudiannya.

Datuk Bentara Luar adalah salah seorang dari elit Johor Moden. Namanya yang sebenar ialah Muhammad Saleh bin Perang dan lebih terkenal dengan panggilan Datuk Luar. Beliau dilahirkan di Teluk Belanga Singapura dalam tahun 1841.<sup>3</sup> Keluarganya memang berkait rapat dengan Temenggung Ibrahim, ini tidaklah menghairankan kerana keluarganya sejak dahulu lagi telah berkhidmat sebagai panglima-panglima Temenggung sebelumnya.

Di masa persekolahannya beliau adalah seorang murid yang pintar dan sering menerima hadiah-hadiah pelajaran. Beliau terdidik di sekolah agama, sekolah Melayu, dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris Rev. Keasberry semasa berumur dua belas tahun.

- 
1. Moden disini membawa maksud yang relatif khusus untuk memperbandingkan tahap pra-abad kesembilan belas dan tahap awal abad kesembilan-belas yang banyak memperkenalkan unsur-unsur asing pada masyarakat Melayu.
  2. Lihat Joginder Singh Jessey, *Tawrikh Tanah Melayu, 1400 – 1959*, DBP, Kuala Lumpur, 1964, ms. 235.
  3. Muhammad Elias, *tarikh Datuk Bentuk Luar*, Johor Bahru, 1928, ms. 1.

Dalam dekad ketiga abad ke sembilan belas Temenggung Ibrahim masih lagi dalam kesukaran, ini membawa kesan buruk kepada kehidupan panglima-panglima raja. Bila Temenggung Ibrahim menggalakkan orang Cina dari Singapura menanam gambir dan lada hitam di Johor kedudukan Temenggung Ibrahim dan pengikutnya sudah mulai segar dan menampakkan identitinya sebagai seorang pemerintah *de facto*. Ini jelas sekali selepas persetiaan dengan Sultan Ali dalam tahun 1855 itu.

Setamat dari belajar di sekolah Inggeris itu Datuk Luar bekerja sebagai guru di sekolah Bukit Zeon Singapura.<sup>4</sup> Ini diikuti pula dalam tahun 1856 beliau menjadi kerani kepada Encik Long Menteri kepada Temenggung Ibrahim. Kecekapan-nya dalam hal perkeranian menyebabkan Ungku Abu Bakar (kemudian menjadi Sultan Johor) menarik Muhammad Salleh sebagai keraninya pula.

Tahun 1858, Temenggung Ibrahim dan anaknya Ungku Abu Bakar mula berusaha mengalihkan pusat pentadbiran dari Teluk Belanga ke Iskandar Putri (Johor Bahru). Datuk Luar telah diberi tugas yang lebih berat lagi, beliau telah memberikan khidmatnya dalam menguruskan hal surat mesyuarat, mahkamah, polis, menjaga pemajak hasil candu dan surat sungai.<sup>5</sup>

Sambil bertugas beliau belajar Bahasa Cina, "Pada tahun 1861 fakir belajar bahasa dan surat serta lukisan Cina kepada seorang sinseng (singseh) bernama Chia Ah Seng (چیا اسینگ): Malah beliau juga belajar bermain alat-alat muzik dan seni budaya Cina.

Tugas besar beliau yang kedua ialah sebagai Pesuruhjaya Polis mulai tahun 1868.<sup>6</sup> Antara lain tugas beliau juga meng-

- 
4. Mustafa Meon, 'Datuk Bentara Luar arkiteks pembangunan Johor Moden,' *Utusan Melayu*, 28 Oktober 1970, ms. 6.
  5. Muhammad Alias, ms. 14.
  6. Ibid., hal.
  7. Anon, *Siapa dan Siapa di Tanah Melayu, Sentosa, Negeri Sembilan*, 1957, ms. 52.

awasi keamanan negeri kerana kesetabilan dalam negeri membawa kepada kemajuan pentadbiran dan pembangunan ekonomi. Datuk Luar juga bertanggungjawab sebagai penguasa ladang-ladang gambir dan lada hitam negeri Johor, dalam hal ini beliau sering menghadapi sengketa-sengketa sempadan kangkar antara kangcu-kangcu Cina. Oleh itu mustahak sekali bagi beliau mempelajari ilmu ukur mengukur tanah. "Di dalam fakir menjawat pekerjaan Comissioner polis fakir belajar ukur mengukur dengan Tuan Langley (لغي) dan Tuan Major Mc Coulm (مسكلم) bersama dengan Encik Yahya Awaludin .....".<sup>8</sup> Dalam hal ukur mengukur ini Datuk Luar telah mencipta sejenis rantai ukur. Ucapan Datuk Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak di Majlis ceramah Anjuran The Royal Geographical Society di London pernah berkata "..... *He invented a chain simply made of rattan tied together, which was so taut that he had simply to stand at one end, and send a canoe across with the other and thus obtained the measurement .....*".<sup>9</sup> Jelas disitu Datuk Luar seorang yang kreatif. Sebagai percubaan awal beliau telah berjaya membuat ukur mengukur, "... fakir ... membuat satu jalan iaitu Jalan Tebrau sampai Sungai Pandan melarat fakir ukur mengukur sekalian jajahan Johor serta sungai-sungai, gunung dan fakir jadikan satu Johor ...".<sup>10</sup>

Sejarah tidak dapat menafikan bahawa Datuk Luarlah orang Melayu yang pertama membuat peta yang lengkap dan bertulisan jawi pula. Ketetapan ukuran peta-peta itu disah dan diakui oleh pakar-pakar Jabatan Ukur di London.

Datuk Luar juga terbabit dalam sejarah Kesang-Muar yang bermula dari tahun 1855 itu dan berakhir dengan perjanjian penyerahan Kesang kepada Maharaja Abu Bakar dalam tahun 1877. Tetapi penyerahan itu bukanlah satu penyelesaian yang

8. Muhammad Alias, ms. 15.

9. Rakaman sepenuh ucapan itu didapati dalam H. Lake, ms. 299

10. Muhammad Alias, ms. 15. Peta-peta karya Datuk Bentara Luar dapat disaksikan di Istana Besar, Johor Bahru dan dicetak dalam *Geographical Journal*, Jilid 3, bil. 4, 1894 yang diusahakan oleh Harry Lake tetapi berdasarkan peta Datuk itu. Peta Johor, Datuk Bentara Luar pernah dipamerkan di Adelaide, Australia. Dua peta lagi, Johor 1904 dan Batu Pahat-Muar 1909 diabadikan di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan Johor Bahru.

muktamad. Tengku Alam putera Sultan Ali tidak puas hati dengan penyerahan itu lantas dia bertindak dengan kerja-sama sepupu-sepupunya Tengku Nong, Tengku Mat yang dibantu oleh Panglima Sancu, Wan Daud (anak Temenggung Paduka Tuan Muar). Regu Tengku Alam ini melancarkan gerakan menghasut dan mencetuskan Perang Saudara di Jementah dalam bulan Oktober 1879. Sebenarnya Datuk Luar telah memainkan peranan penting dalam perang itu, beliau telah merekodkan petang itu dalam buku hariannya sebagai berikut:

Pada 25 Oktober 1879 bangkitlah pergaduhan perang di Hulu Muar dalam Jementah hingga beberapa orang sudah mati dibunuh oleh Tengku Nong dan Panglima Sancu. Pada 2 Disember fakir diperintah oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku membantu Yang Maha Mulia Ungku Ahmad, Encik Isa dan lain-lainnya yang telah melawan perang dari semenjak awal. Tengku Nong yang mengelarkan dirinya Raja Muda dan Wan Daud sebagai Temenggung Paduka Tuanku masih dapat mempertahankan kubu-kubunya tetapi akhirnya dapatlah fakir menangkap Tengku Nong dan Panglima Sincu itu pada akhir Disember di bawa ke Johor, di dalam perkara itu Tengku Nong diampun ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kesalahannya.<sup>11</sup>

Terdapat beberapa implikasi dari perang itu, Datuk Luar telah dapat membuktikan bahawa beliau memang dari keturunan panglima-panglima raja yang dipusakai dari keluarganya. Dengan tamatnya perang itu berakhirlah tahta Kesang dan bertambah satu lagi kawasan Johor seperti yang ada pada hari ini.

Bertambah banyak kangkar Cina dan Johor bermakna bertambah lagi tugas beliau. Dalam awal tahun 1860-an beliau bertugas sebagai Pesuruhjaya Polis, mengeluarkan

---

11. Muhammad Alias, ms. 15, Mengenai Perang Jementah, sila lihat bab Perang Jementah dalam buku Muhammad Alias; Anon, *Cenderamata sambutan perayaan Merdeka Muar*, Muar, 1957, passim. Lihat juga *Muar Paper* di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor Bharu. Penulis artikel juga berwawancara dengan Shahrum Hussein, Dari Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bharu, 12 Mac 1971.

geran-geran kebun gambir lada dan "..... demikian juga surat ukur-mengukur dan menetapkan sempadan mereka itu atau sebarang perselisihannya dalam perakara hutannya itu semuanya dalam jagaan saya."<sup>12</sup> Tugas berat ini adalah hasil kepercayaan Maharaja Abu Bakar terhadap kebolehan dan keaktifan Datuk Luar.

Oleh kerana kebolehan beliau bertutur dan mengetahui adat resam dan budaya Cina, beliau telah dilantik menjadi menteri pengiring kepada Maharaja Abu Bakar dalam siri lawatan rasmi ke negeri Cina dan Jepun dalam tahun 1883. Datuk Luar telah mencatatkan pandangan dan pengalamannya di Timur Jauh itu.<sup>13</sup>

Di dekad kelapan abad ke sembilan belas lanun-lanun masih liar bertindak di kuala-kuala sungai, termasuk Sungai Muar, Maharaja Johor telah memerintah Datuk Luar membersihkan kawasan kuala sungai itu demi keamanan dan kehidupan penduduk yang ramai di situ, "Jika tidak dibuka tempat itu tiadalah aman daripada perompak lanun yang bermaharaja-lela di Selat Melaka."<sup>14</sup> Dengan daya usaha dan perancangan Datuk Luar muncullah sebuah bandar di Kuala Sungai itu. Maharaja Abu Bakar telah menamakan bandar baru itu Bandar Maharani dalam satu upacara penamaannya dalam bulan Ogos 1884.

Dalam tahun 1883 Datuk Luar mengetuai Jabatan Tanah Negeri Johor<sup>15</sup> mengambil sempena pengisytiharaan gelaran Maharaja Abu Bakar kepada gelaran Sultan Johor, pada 31

---

12. Muztafa Meon, ms. 6.

13. Catatan dapat dilihat dalam Muhammad Alias, *passim*.

14. *Cenderamata Sambutan Merdeka Muar, 1957*, *passim*. Huraian lanjut pembukaan Muar sila lihat Muhammad Alias, di bawah jodol 'Pembukaan Muar'. Lihat juga *Hikayat Johor dan Tawarikh al Marhum Sultan Abu Bakar*, di bawah jodol 'Muar'.

15. *Singapore and Straits Director*, 1883, ms. 125 terdapat berbagai Jabatan Pentadbiran di Johor ketika itu dan tiap-tiap jabatan diketuai oleh Pegawai negeri yang bertaraf Menteri. Senarai Jemaah Menteri dan portfolio masing-masing sila lihat Datuk Major Muhd. Said, *Malaya III, UnFederated Malay States*, Bahagian III, P.Bm.P.B. Johor Bharu, 1939 ms. 37 dan 38.

Julai 1886 Datuk Luar telah dianugerahkan pingat Sri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) bersama beberapa menteri-menteri yang lain.<sup>16</sup>

Dalam tahun 1887 pula beliau mengetuai Jabatan Ukur dan Hal Ehwal Gambir Lada merangkap jawatan Pesuruhjaya Kerajaan (State Commisioner) bagi Muar dan Kesang.<sup>17</sup> Walaupun tugas itu berat, beliau telah berjaya menjayakan projek awal bagi infrastruktur Muar seperti bangunan-bangunan atap pejabat Kerajaan, jalanraya dan juga bekalan air. Dalam hal pentadbiran Muar beliau telah dibantu oleh Ungku Sulaiman yang menjawat jawatan Residen Muar dan Kesang.<sup>18</sup>

Sultan Abu Bakar mungkin tidaklah begitu bijak dalam merancang bandar dan daerah, buktinya, dalam usaha membangunkan Endau. Teluk Sari telah ditunjukkan sebagai tapak bandar. Tetapi Datuk Luar telah memberikan fikiran dan pendapatnya kepada Sultan. "..... bagaimana titah itu molek, akan tetapi sukar sedikit oleh sebab tiada pelabuhan kapal dan perahu musim angin berlindung ....." lantas beliau meminta "..... Pulau Keban jika dapat dalam pemerintahan Johor, dapatlah patik menjalankan pekerjaan".<sup>19</sup> Hasilnya Endau bagaimanapun dapat dibangunkan oleh beliau.

Dalam ukur-mengukur tanah dan Negeri Johor beliau telah mencatatkan nama-nama kangkar China dalam negeri Johor ini satu sumbangan penting pada peminat-peminat sejarah dalam mengkaji Sistem Kangcu di Johor.

Datuk Luar juga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang kanan, juga Pegawai Ketiga terkanan dalam sekretariat, Negeri, iaitu selepas Menteri Besar dan Timbalannya.<sup>20</sup> Beliau juga menjadi ahli kanan Badan Kehakiman dan Mahkamah Rayuan Negeri Johor.

16. Onn Jaafar, *passim* dan *Siapa dan Siapa di Tanah Melayu*, op. cit., ms. 53.

17. *Singapore and Straits Directory*, 1887, ms. 243.

18. Ibid, ms. 1893. Datuk Luar merancangkan jalanraya Muar – Cohong dan Jalan Keretapi ke Parit Pecah.

19. Mustafa Meon, ms. 12.

20. *Singapore and Straits Directory*, 1890 ms 195.

Peranan beliau yang terbesar dan terakhir sekali ialah membuka Batu Pahat. Pada 10 November 1893 Datuk Luar telah dititah mengadap dan Sultan Abu Bakar menjelaskan kepada beliau:

"Aku disusahkan oleh Penghulu Rahmat dan Kitam, jangan engkau semua bersumpah dan tidak engkau ikut apa-apa perintah dia kelak, dijawab dengan aku, tidak sekali-kali taat apa-apa perintah Datuk. Aku fikir moleklah engkau buka Batu Pahat itu dimana jua anggaran engkau hendak jadikan bandar aku serta dan aku mengaku dengan engkau waktu ini [aku] tidak ada wang, aku banyak hutang apa jua fikiran engkau menjadikan Batu Pahat itu." <sup>21</sup>

Batu Pahat ketika itu telah pun didiami oleh berbagai bangsa dan telah pun ada institusi kepimpinan seperti orang kaya-kaya, Penghulu-Penghulu dan Kangcu-Kangcu.<sup>22</sup> Adalah tugas Datuk Luar bagi membina sebuah bandar sebagai pusat pentadbiran dan pusat kemajuan daerah itu. Sebuah kawasan di Simpang Kanan telah dipilihnya sebagai tapak bandar.

Datuk Luar mula membangunkan Batu Pahat pada bulan Disember 1893. Beliau telah membangunkan bandar dan daerah itu dengan wangnya sendiri dan juga dengan meminjam wang Orang Kaya-Kaya Bagan. Beliau telah membangunkan rumah atap bagi pejabat kerajaan seperti Pejabat Daerah, Mahkamah, Pejabat Polis, Penjara dan Rumah Sakit. Seterusnya beliau telah membina pasar dan perigi umum, jalanraya-jalanraya di bandar itu ditambah dengan batu-batu merah. Kemajuan bandar baru itu tidak boleh dinafikan, buktinya dalam bulan Januari 1894 pendapatannya yang dikumpul ber-

- 
21. Muhammad Alias, ms. 22. Sebelum itu Datuk Yahya Awaludin cuba menjadikan Bandar Batu Pahat di Bukit Senangin, tetapi gagal. Lihat juga Daud Sulaiman, *Ringkasan Tawarikh Orang Kaya-Kaya dan Penghulu Batu Pahat*, Muar, 1955, ms. 34.
  22. Untuk gambaran lengkap Batu Pahat sebelum dibuka oleh Datuk Luar sila lihat: *Batu Pahat Selepas 10 tahun Merdeka*, dan 1893, dibawah judul 'Johore'. Daud Sulaiman, *op. cit.* ms. 24. Batu Pahat di zaman Melaka dapat dilihat dalam Shellabear, *Sejarah Melayu*, I & II, MPH, Singapore 1954, ms. 202.

jumlah \$1,500.00 sahaja dan kemudiannya bertambah kepada \$27,600.00 dalam bulan Mei 1897.<sup>23</sup>

Dengan galakan beliau sendiri orang-orang Cina telah beramai-ramai masuk ke Batu Pahat, mereka telah membina kangkar-kangkar dan menjalankan perladangan gambir dan lada hitam.<sup>24</sup> Malah beliau telah menggalakkan penduduk menebang hutan dan bertani samada membuka hutan untuk kebun kelapa, pinang, sagu, ladang kopi ataupun bersawah padi.

Beliau juga telah menyusun pentadbiran Batu Pahat dengan menentukan jawatan-jawatan mengikut kelayakan masing-masing. Struktur pentadbiran dalam tahun-tahun 1890 an dapat ditunjukkan seperti berikut:<sup>25</sup>

<i>Datuk Bentara Luar</i>	—	Wakil Raja Memerintah Batu Pahat
<i>Abd. Rahman Hamidun</i>	—	Setiausaha dan Tukang Wang.
<i>Haji Yaakob Md. Salleh</i>	—	Penolong Pesuruhjaya Tanah & Ukur.
<i>Sulaiman Md. Salleh</i>	—	Ketua Kerjaraya, Bandaran & Ukur.
<i>Syed A. Rahman Al-Habsyi</i>	—	Naib Pengadil (Assistant Magistrates)
<i>Insp. Hj. Salim Mohd.</i>	—	Ketua Polis
<i>Sulaiman Ali</i>	—	Pegawai Daerah Tanjung Labuh.

Pentadbiran Batu Pahat di bawah pimpinan beliau berjalan lancar dan mengagumkan, ini dinyatakan Ungku Sulaiman Pesuruhjaya Besar Johor (General Commissioner)<sup>26</sup> dalam rangka lawatan tugasnya di Batu Pahat pada 21 hingga 24 Disember 1896.

23. Muhammad Alias ms. 37 dan Daud Sulaiman, op. cit., ms. 40.

24. Lihat *Surat Keterangan Membuka Kebun Gambir Lada Johor*, 1260 – 1320. *passim*.

25. Daud Sulaiman, op. cit., *passim*

26. Pesuruhjaya Besar bertanggung jawab ke atas seluruh Jajahan Johor, Pesuruhjaya Kerajaan di Muar dan Batu Pahat, Datuk Penggawa Barat, Datuk Penggawa Timur, Pegawai-Pegawai Daerah dan Pegawai-Pegawai Penguasa di pulau-pula.

Datuk Luar yang mempunyai pengetahuan luas dalam seni dan budaya Cina itu telah memperkenalkan di Batu Pahat permainan 'Tarian Naga' yang biasanya dianggotai oleh orang Cina, tetapi di sini (Batu Pahat) permainan itu dimonopoli oleh orang Melayu, mereka menggunakan alat musik dan pakaian khas berwarna hitam yang digunakan oleh orang Cina untuk permainan itu. Kumpulan orang Melayu yang bermain naga itu mula mempertunjukkan tarian itu dikhalloway ramai dalam satu pesta perayaan Hari Keputeraan Sultan Ibrahim pada 17 September 1899.<sup>27</sup>

Datuk Luar juga memperkembangkan seni musik ghazal yang mula diperkenalkan di Johor Bahru di abad ke sembilan belas oleh bangsawan Parsi, sambutan penduduk tempatan sungguh menggalakkan dan Ghazal sering dipertunjukkan dalam majlis diraja dan majlis perkahwinan para pembesar sahaja. Datuk Luar dalam rangka meneroka dan membangunkan bandar-bandar dan kawasan baru di negeri itu telah membawa bersama-sama pembantunya terdiri dari kumpulan pemuda, Datuk Luar memanglah peminat seni dan dia telah menggalakkan pertubuhan seni ghazal itu:

Pemuda-pemuda yang ikut dalam penerokaan kawasan baru itu telah menghidupkan seni ghazal ini di tempat perkhemahan mereka dengan menyanyi mengikut cara bangsawan Parsi itu .... Mereka menyanyi dengan menggunakan pantun yang memuja-muji keindahan alam sekitar perkhemahan mereka dengan diiringi oleh alat-alat musik harmonium, gambus, tabla dan dol (*jenis tambur India*).<sup>28</sup> (tambahan saya).

Semenjak itu seni ghazal mulai diminati secara meluas oleh rakyat Negeri Johor, malah di hari ini seni ghazal menjadi simbol seni budaya negeri Johor.<sup>29</sup>

- 
27. Wawancara dengan Sharum Hussein, 12hb. Mac. 1971, lihat gambaran pesta itu dari Daud Sulaiman, *op. cit.*, hal 41 dan *Batu Pahat selepas 10 tahun Merdeka* dibawah judul 'Permainan Naga'.
  28. Matlob, Orkestra Ghazal: Cadangan disambut baik oleh ahli musik di Johor, *Berita Minggu*, 28hb. Mac, 1971, ms. 8.
  29. Pada masa ini kedapatan lebih 100 kumpulan Ghazal. Di Batu Pahat ada 39 Kumpulan, dan di Muar 26 kumpulan. Matlob, *Ibid.*

Datuk Luar telah menamakan bandar yang baru dibukanya itu dengan nama Bandar Pengaram satu istiadat perasmianya telah diadakan dalam tahun 1894. Kawasan bandar itu kemudiannya di tadbir oleh Majlis Bandaran Bandar Pengaram.

Dalam bidang pelajaran Datuk Luar telah memulakan pelajaran Melayu di Batu Pahat, dalam tahun 1906 telah terdapat tiga buah sekolah Melayu iaitu di Penggaram, Bagan dan Lubuk.<sup>30</sup>

Kebolehan beliau berbahasa China terbukti sekali, bila beliau berucap merasmikan pembukaan Dewan Perniagaan China Batu Pahat dalam tahun 1903<sup>31</sup> dan itu juga merupakan faktor-faktor menyebabkan beliau pada umumnya disukai oleh orang China dan faktor yang membawa kepada kemajuan ekonomi dan harmoni di daerah itu.

Dalam usaha memajukan ekonomi beliau telah memberikan kawasan Semberong kepada pengusaha ladang Getah bangsa Jepun. Tindakan beliau ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati pada orang China, ditambah lagi dengan bantahan lain dari sikap beliau.<sup>32</sup>

Untuk maksud kesuburan dan daya pengeluaran yang tinggi beliau telah memerintahkan penduduk tempatan membuat Parit-Parit Tanah gambut di situ memerlukan saliran air terutama untuk tanaman kelapa, pinang dan padi. Untuk menggalakkan penduduk melaksanakan parit-parit beliau bersetuju menamakan parit-parit itu mengikut nama individu atau kumpulan yang membuat parit itu<sup>33</sup> yang bermula dari

30. *Singapore and Straits Directory*, 1906 ms. 362.

31. Daud Sulaiman, *op. cit.*, ms. 47. Sehingga tahun 1910 kebanyakan orang China menyokong penuh tindak-tanduk Datuk Luar. Antara taukeh-taukeh China yang berpengaruh ialah Lim Soo Poon dan Tan Swee Ho. Kerajaan Tiongkok menghadiahkan Dewan itu dengan cap kayu "Cong Hua Siong Hue" dihantar oleh kapal perang Tiongkok.

32. Lihat Muhammad Alias, *op. cit.*, ms. 31 – 32, Surat PJB kepada DBL, 1910 (dlm. Daud Sulaiman *op. cit.*) *Surat PJB* kpd SUK, 563/10, 8hb, Oktober. Lihat juga *Daftar Pengaduan Timur Barat*, Lim Soo Poon kepada PJB, 4hb. Jun & 2hb. September 1902, ANJ.

33. Daud Sulaiman, *op. cit.*, ms. 42 untuk nama-nama parit sehingga tahun 1911 lihat *CLRBP*, 87/11 di Pejabat Daerah Batu Pahat.

tahun 1901 dan tidaklah hairan dihari ini jika di Batu Pahat sahaja terdapat ratusan parit. Di Mukim Bagan sahaja terdapat tidak kurang 18 parit-parit, ini tidak masuk kawasan pendalamatan atau darat mukim itu.<sup>34</sup>

Beliau juga telah membawa kemajuan dari segi penduduk dan petempatan, dalam mana kampung-kampung lebih banyak dibuka "..... a steady immigration of settlers and extension of cultivated area during the administration of Datuk Bentara Luar (1895-1911)." <sup>35</sup> Demikian sekeping lagi jasa beliau pada sejarah Johor dan Batu Pahat khususnya.

Zaman Datuk Luar berakhir pada pertengahan tahun 1911 bila Ungku Ahmad bin Ungku Muhammad Khalid dilantik menjadi Pesuruhjaya Kerajaan bagi Batu Pahat menggantikan Datuk Luar. Batu Pahat mengalami *Zaman Baru* bila John Lissetter Humphrey dilantik oleh pemerintah Johor sebagai *Pemungut Hasil Tanah* dan Magistret Batu Pahat<sup>36</sup> mulai 2 Mei 1912 Datuk Luar telah diberhentikan dengan dikurniakan penceen setiap bulan \$300.00.<sup>37</sup>

Dari butir-butir yang dibentangkan tadi nyatakan peranan beliau bukanlah kecil dan boleh diketepikan begitu sahaja, ia telah mencipta rekod perkhidmatan yang lama sebagai Pegawai kerajaan Johor (1856-1912). Segala usahanya dibuat bersungguh-sungguh, walaupun tugas itu berat tetapi dapat dijayakannya. Beberapa buah bandar dan kawasan-kawasan baru dapat dibangunkan dan dimajukan. Batu Pahat merupakan kawasan terakhir dibangunkannya dan menghadapi cabaran yang hebat. Kebaktiannya kepada Johor terhenti untuk selama-lamanya bila Datuk Bentara Luar meninggal dunia pada 21 Julai 1915 di Johor Bahru.

- 
34. Fatimah Harun dll. *Mukim Bagan II Batu Pahat – satu kajian Socio-Ekonomi Surveyor*, IV. Ogos 1970, PIASDAD, Muar, Johor.
  35. *Annual Report*, 1911, ms. 17.
  36. *Johore Government Gazette* Jun 1, 1911, bil 15 dan 17 kuasa PJKBP mulai berkurangan dengan adanya Pegawai Inggeris.
  37. Muhammad Alias, *op. cit.*, ms. 32.

Demikian tamatnya kebaktiannya seorang tokoh Budaya, pentadbiran dan pembangunan negeri. Sejarah tidak dapat menafikan Datuk Bentara Luar sebagai Arkitek Pembangunan Johor moden.

## MUHAMMAD IBRAHIM MUNSYI —

Briokrat Pemaju Pendidikan Melayu di Johor.

Bila dicetuskan sahaja nama "Muhammad Ibrahim Munsyi" ramai orang teringat "Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi" atau lebih jauh lagi kita mengaitkannya dengan peranan "Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa" (بِلَادُ الْمُهَاجِرَةِ) satu-satunya persatuan persuratan yang terawal di negara ini. Sesungguhnya Ibrahim Munsyi adalah briokrat yang berjaya besar dalam bidang pendidikan Melayu di Johor.

Muhammad Ibrahim dilahirkan pada 2 Mei 1840 di Melaka. Selepas melahirkannya itu ibunya meninggal dunia. Kematian ibunya itu menyebabkan ayah Ibrahim, Abdullah Munsyi berhijrah ke Kampung Melaka di Singapura. Sebagai keluarga yang tidak beribu, Abdullah terpaksa menyara empat orang anaknya Hussin, Muhammad Said, Muhd. Khalid dan Muhammad Ibrahim.

Di Singapura anak-anak Abdullah Munsyi ini mendapat didikan agama di Teluk Belanga. Muhammad Ibrahim menda-  
pat didikan sekolah di sekolah Keasberry di Bukit Zion, Singapura. Di sekolah inilah Muhammad Ibrahim belajar bersama-sama dengan anak-anak aristokrat Johor seperti Ungku Abu Bakar dan Ungku Abdul Rahman. Tamat bersekolah, Muhammad Ibrahim bertugas sebagai Guru Sekolah Melayu di Teluk Belanga. Di samping itu juga Ibrahim mengajar Bahasa Melayu kepada beberapa orang Pegawai Inggeris Allan Skinner, Dadley Harvey dan E.M. Shaw. Peranan beliau sebagai tutor inilah menyebabkan beliau dipanggil oleh pegawai-pegawai tersebut sebagai "Munsyi" yang bererti pengajar. Kerana itu juga dia mulai disebut Mohammad Ibrahim Munsyi.

Kebolehan Muhammad Ibrahim Munsyi dalam aspek penterjemahan, bahasa dan tulisan menyebabkan beliau diminta oleh aristokrat Johor yang pada masa itu berpusat di Teluk Belanga untuk menjadi jurubahasa, jurutulis juga sebagai Pembantu Khas kepada Maharaja Johor. Ketika

inilah Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi ditulis. Bagaimanapun pada tahun 1876 Ibrahim Munsyi meletakkan jawatan sebagai guru sekolah Melayu Teluk Belanga, seterusnya menumpukan khidmat baktinya kepada pentadbiran Kerajaan Johor. Abang beliau Muhammad Khalid mengambil alih tugas sebagai guru di situ.

Di hujung tahun 1870-an Ibrahim dan isterinya Fatimah Muhammad menetap di Jalan Air Molek Johor Bahru. Di awal 1880-an organisasi pentadbiran Kerajaan Johor dikemaskan. Encik Jaafar Haji Muhammad, Setiausaha Kerajaan Johor telah dilantik oleh Maharaja Johor sebagai Datuk Menteri (Menteri Besar) manakala Muhammad Ibrahim Munsyi yang digelar Datuk Bentara Dalam diperintahkan menjalankan tugas Setiausaha Kerajaan. Di Sekretariat inilah beliau mencetuskan '*idea*' pengembangan pelajaran di Johor. Ibrahim Munsyi atau lebih terkenal dikalangan rakyat Johor ketika itu sebagai Datuk Dalam bertanggungjawab menjadi Penasihat kepada Maharaja Abu Bakar mengenai pelajaran.

Pada mulanya Maharaja Abu Bakar mengasaskan pendidikan sekular di Tanjung Puteri School dalam tahun 1864 (*SAD*, 1870). Dalam tahun 1873, sekolah itu dikenal sebagai Sekolah Johor Bahru dengan paderi H.G. Yzelman sebagai gurunya. Dua tahun kemudian sekolah tersebut dikenali sebagai *Johore Free School* (*SCD*, 1875).

Ibrahim Munsyi tidak senang dengan kelembapan pertumbuhan sekolah Melayu. Maharaja Johor bersetuju dengan '*idea*' Ibrahim bagi memajukan pelajaran anak Melayu Johor, maka ke atas pundak Ibrahim Munsyilah diletakkan beban idea itu. Apabila Jabatan Pelajaran dibentuk dalam tahun 1883, Ibrahim Munsyi dilantik menjadi Ketua Jabatan manakala Syed Alwi Al Kudsi menjadi Kerani Besar Jabatan Pelajaran Johor.

Berdasarkan "*Singapore and Straits Directory*" tahun 1883 itu, di Selangor terdapat sebuah sekolah Melayu, di Perak tidak ada langsung, tetapi di Johor Ibrahim Munsyi berjaya menubuhkan empat buah sekolah Melayu iaitu di Johor Bahru, Pengerang, Padang dan Tanjung Surat.

Bagi menentukan kemajuan pendidikan, Ibrahim Munsyi meminta Maharaja Abu Bakar menarik Muhammad Khalid abang kandung Datuk Dalam itu dari tugas Penolong Ketua Jabatan cetak kerajaan Johor di Singapura dan sebaliknya ditukarkan ke Johor Bahru sebagai Guru Besar Sekolah Melayu di ibu negeri itu.

Dalam tahun 1885 Jabatan Pelajaran Johor diperkemaskan lagi dengan melantik Muhammad Mahbob bekas Pengusa Jabatan cetak kerajaan menjadi Nazir sekolah-sekolah, manakala Muhammad Khalid selain dari menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Johor Bahru dilantik menjadi Guru Pelawat. Dalam tahun itu juga Sekolah Quran ditubuhkan di Johor Bahru dengan Syed Abdullah Al Masri sebagai gurunya. Di samping sekolah Inggeris, Ibrahim Munsyi juga bertanggung jawab mendirikan *Sekolah Pertanian* dengan Radin Tjokroderodjo sebagai pengajarnya.

Ibrahim Munsyi kemudiannya membentuk Jawatankuasa Pelajaran Negeri dengan beliau sendiri selaku Yang di Pertua Jabatan Pelajaran menjadi pengurusnya. Jawatankuasa Pelajaran Ibrahim Munsyi ini terdiri dari tokoh birokrat, tokoh agama dan masyarakat, antaranya termasuklah Datuk Sri Amar Diraja yang mendapat didikan di England, Syed Salim Al Habsyi. Datuk Yahya Awaluddin, Datuk Yahya Shaaban dan beberapa tokoh lagi. Muhammad Khalid tidak lagi menjadi Guru Pelawat sebaliknya dilantik menjadi Setiausaha Jabatan Pelajaran dan Jawatankuasa Pelajaran Negeri.

Dalam tahun 1890 Jabatan Pelajaran mengawasi Sekolah Melayu, Inggeris dan Cina. Ibrahim Munsyi juga mahukan kanak-kanak perempuan turut mengejar ilmu pendidikan, justeru itu beliau mengarahkan penubuhan sekolah Melayu Perempuan di Johor Bahru. Dalam tahun itu juga terdapat sekolah Melayu di Parit Raja Muar, Kampung Tengah Padang, Parit Jawa dan kesepatan pertumbuhan sekolah Melayu lebih nyata di Muar, iaitu selepas pembukaan Bandar Maharani. Pertumbuhan pesat sekolah-sekolah ini menyebabkan Jabatan Pelajaran Johor mendapatkan khidmat W.W. Gawler seorang pegawai perkhidmatan pelajaran British

sebagai Perunding dengan diberi jawatan Penguasa sekolah-sekolah Johor.

Pertumbuhan sekolah Melayu di Batu Pahat hanya kelihatan mulai sekitar awal abad ke 20. Sekolah Melayu pertama dibuka ialah di Bandar Penggaram dalam tahun 1903.

Sikap orang Melayu terhadap memajukan pelajaran anak-anak mereka sangat-sangat mendukacitakan Ibrahim Munsyi. Selaku Ketua Jabatan Pelajaran dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri, Ibrahim Munsyi mendesak diwartakan '*Pendidikan Wajib*' kepada kanak-kanak lelaki yang berumur tujuh tahun. Desakan Ibrahim Munsyi itu akhirnya berjaya dan keluarlah '*Pemberitahu Kerajaan*' yang dibuat atas "titah Perintah ke bawah Duli Yang Maha Tuanku Sultan Yang di Pertuan Johor".

Antara lain kandungan yang diwartakan itu termasuklah:

1. "... segala anak lelaki yang telah cukup umurnya 7 tahun masuk belajar ke dalam sekolah kerajaan sehari-hari yang lain daripada hari-hari kelepasan ialah di mana-mana yang ada bersekolah Melayu, Quran atau Inggeris dan Cina."
2. "Ialah masa dan umur belajarnya itu dari umur tujuh sehingga 16 tahun selagi belum mendapat kesempurnaan pelajarannya wajiblah tetap dan kekal belajar mereka itu di dalam sekolah-sekolah tersebut."
3. "Adalah yang bertanggungjawab wajib bagi menghantar kanak-kanak ke sekolah ini ialah bapa atau emak atau wali-wali atau sebarang warisnya atas kanak-kanak itu." (Denda sebanyak \$25 dikenakan atas kesalahan ini).
4. "Maka kanak-kanak yang tiada masuk belajar ke dalam sebarang sekolah di mana-mana yang ada bersekolah itu nescaya ditangkap oleh Polis akan mereka itu dan dihukumkan."

Muhammad Ibrahim Munsyi sendiri menanda tangan warta tersebut pada 1 Jun 1902. Hasil dari pekeliling itu telah berjaya menyedarkan kelalaian ibu bapa akan betapa baiknya implikasi dari kuat kuasa perintah kerajaan itu. Kesedaran pelajaran nyata sekali timbul sesudah itu.

Ibrahim Munsyi atau Datuk Bentara Dalam adalah tokoh birokrat yang luas pemikiran. Ini disebabkan oleh Ibrahim Munsyi pernah mengiringi Maharaja dalam lawatan ketua Negeri Johor itu ke Eropah dan India. Dari sini juga beliau menimba ilham dan dicurahkan untuk kemajuan Johor.

Akhir sekali, eluk pula disentuh betapa Ibrahim Munsyi perlu sekali dikalungkan gelaran "Bapa Pendidikan Melayu" di Johor khususnya. Dalam ruangan "*Johore Perspective*" (*The New Straits Times*, 7 Oktober, 1975) pernah ditunjukkan abang kepada Datuk Bentara Dalam iaitu Muhammad Khalid dikatakan "*If Mohammad Khalid's father, Munsyi Abdullah is the father of Modern Malay Literature, then perhaps his son can rightfully be referred to as 'the Father of Malay Education in Johore'*". Penganugerahan sebegini perlu dikaji secara terperinci, Muhammad Khalid adalah pelaksana kepada idea-idea Ibrahim Munsyi. Ibrahim Munsyi menentukan sukanan pelajarannya ini termasuklah penggunaan *Kitab Pemimpin Johor* (Jauhar?) sebagai buku teks mata pelajaran Bahasa Melayu, iaitu karya Ibrahim Munsyi sendiri.

Jika dikatakan Muhammad Khalid "..... was instrumental in bringing about compulsory education in the state in 1915". Perkara ini telah dilakukan oleh Ibrahim Munsyi lebih awal lagi iaitu tahun 1902. Jadinya tindakan Muhammad Khalid dari segi administratifnya adalah sebagai ulangan atau penyusulan. Ibrahim Munsyi sesungguhnya dalam tahun 1895 telah melepaskan Jabatan Pelajaran kepada Ungku Muhd. Khalid yang juga ahli Jemaah Menteri Johor, namun begitu Ibrahim Munsyi banyak mencetus idea dalam mesyuarat Jawatan-kuasa Pelajaran dan di dalam Dewan Negeri Johor, dan beliau memegang semula Jabatan Pelajaran beberapa tahun sebelum meninggal dunia. Kalau asasnya bergantung kepada siapa memegang Jabatan Pelajaran kedua-dua putera Abdullah Munsyi tidak sepenuhnya berhak menyandang gelaran Bapa Pendidikan Melayu. Muhammad Khalid sendiri ditukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan selepas Ibrahim Munsyi meninggal dunia hanya beberapa tahun kemudian barulah ditukar semula ke Jabatan Pelajaran selaku Pemeriksa sekolah-sekolah Melayu Johor. Dalam konteks ini samada Muhammad Khalid mahupun Ibrahim Ibrahim Munsyi, peranan mereka cukup

nyata dalam pendidikan Melayu Johor. Namun begitu Ibrahim Munsyi lebih sesuai dianugerahkan gelaran "Bapa Pendidikan Melayu Johor" iaitu dari segi peranannya sebagai pemikir, penggubal dasar dan Ketua Jabatan Pelajaran.

Tokoh dualam — (persuratan dan pendidikan) ini cukup berjasa. Sultan Johor mengiktiraf jasanya dengan menganugerahkan Bintang Seri Paduka Mahkota Johor Kelas I (SPMJ) yang membawa gelaran "Datuk". Dalam tahun 1893 pula beliau menjadi Timbalan Menteri Besar yang pertama. Beliau meninggal dunia pada 5 April 1904.

Begitulah hilangnya seorang birokrat dan tokoh pendidikan Melayu yang ditenggelamkan oleh keharuman hasil karyanya sendiri, dan terpusus ketertinggian gelaran dan pangkatnya kerana namanya Muhammad Ibrahim Munsyi, dialah satu-satunya putera Abdullah Munsyi yang mewarisi bakat dan keinginan orang tuanya.

## MAJOR DATUK HAJI MUHD. SAID B. HAJI SULAIMAN: PERANAN DAN KARYANYA

Sejarah Kesusteraan Moden kita nyata sekali begitu menumpukan perhatian pada Syed Syeikh Alhady juga Abdul Rahim Kajai, sedikit sekali diperikan<sup>1</sup> seorang tokoh persuratan dan kesusteraan yang kreatif dari selatan tanah air. Pada pelajar-pelajar sastera Melayu modern nama Major Datuk Haji Muhd. Said Sulaiman<sup>2</sup> tidak begitu popular jika dibandingkan dengan Abdul Rahim Kajai yang masyur dengan cerpennya dan Syed Syeikh Alhady dengan magnum opusnya *Faridah Hanum..* Sesungguhnya Major Datuk Haji Muhd. Said adalah pengarang yang tiada khusus bidangnya, dia lebih menampakkan dirinya sebagai pengarang yang 'variasi' ia tidak mencipta novel atau cerpen tetapi beliau telah menyumbangkan tidak kurang dari 60 buah karya untuk tatapan peminat-peminat persuratan dan kesusteraan Melayu.

Bagi saya MDHMS adalah seorang pengarang yang ada sifat-sifat kelainan jika dibandingkan dengan karya pengarang-pengarang lain. Kelainannya itu pasti sekali ekoran dari latar belakang hidupnya yang benar-benar menunjukkan keunikannya.

MDHMS lahir di Teluk Belanga, Singapura pada 7hb Oktober 1876. Sebagai pusat pentadbiran Negeri Johor pada satu ketika, Teluk Belanga<sup>3</sup> telah berjaya mengeluarkan intelijensia-intelijensia Melayu (Johor) diabad 19 itu.

- 
1. Lihat Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Kesusteraan Melayu Baru: 1830-1945*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1966, ms. 65.
  2. Selepas ini digunakan sengatan MDHMS bererti (Major Datuk Haji Muhd. Said B. Haji Sulaiman).
  3. "Hanya mulai bulan September 1889 Sultan Abu Bakar dan keluarga dirajanya berpindah menetap di Johor Bahru," Lihat. Hasrom Haron, *Sejarah Johor: Pengasas dan Pengukuhan, 1855-1885*, Latihan Ilmiah Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, ms. 15.

Di masa berumur lima tahun MDHMS mula belajar di Sekolah Melayu Teluk Belanga<sup>4</sup> kemudian mengaji Quran dengan Encik Muhd. Salleh Bendahari ketika meningkat usia delapan tahun. MDHMS telah menamatkan pelajarannya di Sekolah Melayu hingga ke darjah empat. Namun begitu semasa menuntut di darjah tiga sekolah Melayu beliau belajar Bahasa Inggeris; di sebelah petangnya di Sekolah Inggeris Kampong Baru.

Dalam konteks abad ke 19 bermana semasa MHDMS kecil lagi sudah ada pelbagai asas dalam bidang pelajaran. Sesungguhnya tidaklah keterlaluan jika dikatakan MDHMS adalah antara pesajar Melayu yang bijak di Singapura ketika itu, ini terbukti bila beliau telah dihadiahkan dengan biasiswa berjumlah tiga ringgit sebulan.

Setelah tamat belajar di Sekolah Melayu keluarganya menghantar pula MDHMS belajar di Sekolah Inggeris Raffles, namun begitu MDHMS terpaksa menggencatkan pelajaran Inggerisnya itu setakat darjah lima kerana mengikut keluarganya ke Mekah untuk beberapa waktu. Sepulangannya dari Mekah MDHMS tinggal di Muar, di sini ia telah belajar semula Bahasa Inggeris dengan iparnya Encik Awang bin Bachuk seorang Pegawai Kanan Keretapi Muar Johor. Keazaman untuk belajar sentiasa berkobar di sanubarinya, setelah berpeluang menyambung pelajarannya dalam darjah enam sekolah Inggeris.

Setelah tamat belajar, nyatalah MDHMS telah melengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, dengan itu muncul pula period pengalaman pula. MDHMS mula-mula berkhidmat dengan kerajaan Johor selaku kerani di Pejabat Pelajaran Johor, jawatan-jawatan lain pula ialah Penolong Ketua Pegawai Pos Johor (*Assistant Postmaster General*), Pegawai di Perbendaharaan dan akhir sekali sebagai Setiausaha Peribadi kepada DYMM Sultan Johor. Dalam Pasukan

---

4. Hasil inisiatif Temenggung Ibrahim dan Gabenor Blundell dalam tahun 1856 didirikan Sekolah-Sekolah Melayu Teluk Belanga dan kampung Gelam lihat "Memorandum Kepada Majlis Pelajaran Melayu", *Pelajar* (Majalah Rasmi GPMS) Singapura, Mac 1957, ms. 41.

Tentera Johor<sup>5</sup> pula MDHMS ditauliah sebagai Pegawai Muda yang akhirnya menjawat pangkat '*Major*', merupakan salah seorang Pegawai Kanan Angkatan Tentera Johor. Dia, sebagai salah seorang pembesar Negeri Johor kemudiannya telah dikurniakan dengan gelaran 'Datuk'.

Dengan jawatannya sebagai pegawai Kanan Tentera dan juga Selaku Setiausaha Peribadi Sultan Ibrahim (Almarhum) MDHMS telah menggunakan segala kesempatan untuk berkarya dengan produktif.

Sejarah telah menunjukkan bahawa sejak zaman Sultan Abu Bakar hingga kažaman Sultan Ibrahim lawatan keluar negeri merupakan satu tradisi dan ini memberi peluang kepada MDHMS untuk turut serta bersama-sama sultan melawat Eropah, Timur Jauh dan negeri Asia Tenggara yang lain.

MDHMS telah membuktikan dia seorang penyelidik dan pengarang dalam berbagai bidang termasuk bahasa, sastera, sejarah juga agama. Buktinya dapat kita saksikan hingga kini, kebanyakannya karya-karya MDHMS tersimpan di Arkib Negeri Johor<sup>6</sup> di Johor Bahru dan di Perpustakaan Universiti Malaya.<sup>7</sup>

Satu lagi sumbangan terbesar MDHMS dalam perkembangan persuratan Melayu ialah menghidupkan semula P.Bm.P.B. atau Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa yang ditubuhkan dalam tahun 1888, tetapi bila dihidupkan semula oleh MDHMS dalam tahun 1935, P.Bm.P.B. Diraja bertukar menjadi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja atau terjemahannya *'The Royal Society of Malay'*

- 
5. Tentera Negeri Johor terbahagi dua: JMF (Johore Military Forces) sekarang Askar Timbalan Setia Negeri Johor dan JVf (Johore Volunteer Forces) JMF ditubuhkan pada 1885 dan JVf pada 1905.
  6. Kebanyakannya dalam tulisan jawi, selaras dengan objek P.Bm.P.B.Diraja.
  7. Kebanyakannya buku siri Peredaran (Journal) Bilangan 1-25.
  8. Lihat: M.A. Fazwi Basri, "Peranan dan Sejarah Pakatan Bahasa Johor" *Berita Minggu*, Kuala Lumpur, 26 Mac 1972, dan M.A. Fazwi Basri. *Sejarah Rengkas Batu Pahat: 1880-1917*. Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1972, *passim*.

*Literature of Johore*' yang membawa enam objek penting yang konstruktif.<sup>9</sup>

Dalam kajian Drs. Li Li Chuan Siu sepanjang 12 baris mengenai MDHMS dinyatakan.<sup>10</sup>

*Beliau ialah setiausaha peribadi kepada Sultan Johor. Di antara tahun 1904–1908 beliau menerbitkan dua buah karangannya yang mengenai sejarah: buku pertama berjudul *Hikayat Queen Victoria* (terbit dalam tahun 1904 – 05), sedangkan buku yang kedua bernama *Hikayat Johor* (sic) terbit kira-kira dalam tahun 1908). Buku yang kedua ini merupakan tawarikh Negeri Johor yang baru, iaitu mengesahkan penubuhan Negeri Johor sejak almarhum Sultan Abu Bakar dan merupakan catatan-catatan tentang pentadbiran dan kejayaan baginda, tentang perjalanan baginda, ke negeri-negeri di Eropah dan lain-lainnya, dan tentang lawatan orang-orang besar ke Negeri Johor.*

Malangnya dalam karya Drs. Li Chuan Siu yang mengkaji dari tahun 1830 – 1945 tidak banyak menyebutkan beberapa karya MDHMS selepas 1908 hingga 1940. Mungkin karya itu sesuai dengan judulnya ikhtisar ataupun kerana MDHMS tidak begitu penting dalam perkembangan sastera dan persuratan tanah air?

Namun begitu kita harus ingat bahawa MDHMS adalah Pengarang 'Peredar' atau Jurnal' terbitan P.Rm.P.B. DiRaja. Sejak dilancarkan dalam tahun 1935 sehingga 1940, MDHMS telah mengarang dan menyusun sebanyak 25 siri Peredar.

Dapatlah dikatakan, tahun 1935–1940 merupakan tempuh masa keaktif dan kerproduktif MDHMS dan P.Bm.P.B. DiRaja kerana setiap karya di Johor ketika itu, lebih-lebih lagi karya MDHMS adalah berpandukan objek-objek utama pakatan itu:

- \* *Memelihara, memperlengkapkan dan mempermodernkan Bahasa Melayu dan memelihara tulisan Jawi.*
- \* *Menstandardkan ejaan dan perkataan [pindaan saya]*

9. Fawzi Basri, *Berita Minggu*, 26 Mac 1972.

10. Fawzi Basri, 'Sejarah Ringkas Batu Pahat, ms. 65.

- \* Mencipta perkataan baru.
- \* Mengembangkan Ilmu Pengetahuan melalui Ceramah-ceramah dan penyelidikan.
- \* Mengeluarkan 'Peredar' atau Jurnal Enam Bulan sekali.
- \* Mengadakan perpustakaan.

Kebaktian dan perghargaan kepada MDHMS diabadikan apabila P.Bm.P.B.DiRaja dengan menganugerahkan MDHMS gelaran Pendita (*Proffesor*) iaitu satu penganugerahan yang jarang diterima di Tanah Melayu di zaman sebelum perang dunia kedua.<sup>11</sup>

MDHMS dan panitia P.Bm.P.B.DiRaja juga telah meluaskan keahlian pakatan meliputi ahli-ahli Negeri Sembilan, Singapura, Perak dan Kelantan. Antara tokoh-tokoh sastera dan seni yang pernah menjadi ahli pakatan ialah Zainal Abidin bin Abd. Rahim Kajai, Ahmad Nawawi, Jaafar Lampuk, Zeraba dan Onn Jaafar.

MDHMS akhirnya bersara dari perkhidmatannya dengan kerajaan Johor pada 18hb Mei 1952 dan meninggal dunia tiga tahun kemudian.

Sebagai hujungan direncana ini, dirasakan lebih molek jika diperturunkan beberapa karya MDHMS yang masih kedapatan di sana sini, dan kebanyakannya tersimpan di Arkib Negeri Johor, semoga ia mendapat perhatian dari peminat-peminat persuratan atau kesusasteraan Melayu. Adalah tepat jika dikatakan satu latihan ilmiah dapat ditulis untuk mengkaji MDHMS dan karya-karyanya:—

A. Siri Peredar (Jurnal)

1. *Peredar Angka I,* "P.Bm.P.B.DiRaja
2. *Peredar Angka II,* "Panduan bagi hejaan".
3. *Peredar Angka III,* "Perihal pemergian ke Eropah Tengah."
4. *Peredar Angka IV,* "Tawarikh dan Manusia,"

11. Lain-lain tokoh yang pernah dianugerahkan gelaran Pendita (PBJ – Pendita Bahasa Johor) atau Profesor ialah Datuk Hj Abdullah Abd. Rahman dan R.O. Winstedt.

- |                                 |   |
|---------------------------------|---|
| 5. <i>Peredar Angka V.</i>      | "Perihal Adat Melayu."  |
| 6. <i>Peredar Angka VI.</i>     | "Negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian I)."   |
| 7. <i>Peredar Angka VII.</i>    | "Negeri-negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian II)"  |
| 8. <i>Peredar Angka VIII.</i>   | "Negeri-negeri Dalam Tanah Melayu (Bahagian III)"   |
| 9. <i>Peredar Angka IX.</i>     | "Kisah Sejarah Melayu direngkaskan."  |
| 10. <i>Peredar Angka X.</i>     | "Perihal London dan Bandar-bandar Berhampiran."   |
| 11. <i>Peredar Angka XI.</i>    | "Guguskatan Jawa/Melayu."<br>"Guguskatan Inggeris/Melayu."<br>"Guguskatan Sanskrit/Melayu."<br>"Guguskatan Hindustan/Melayu." |
| 12. <i>Peredar Angka XII.</i>   | "Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu."   |
| 13. <i>Peredar XII (i)</i>      | "Guguskatan Arab/Melayu."   |
| 14. <i>Peredar Angka XIV.</i>   | "Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampirannya."  |
| 15. <i>Peredar Angka XV.</i>    | "Bangkok kepala negeri Siam."   |
| 16. <i>Peredar Angka XVI.</i>   | "Perihal Tanah Jawa."   |
| 17. <i>Peredar Angka XVII.</i>  | "Perkataan Berangkap."  |
| 18. <i>Peredar Angka XVIII.</i> | "Guguskatan Parsi, Portugis, Belanda Tamil dan juga 1 gak Kedah."   |
| 19. <i>Peredar Angka XIX.</i>   | "Tanda-tanda Bagi Perhentian."  |
| 20. <i>Peredar Angka XXI.</i>   | "Peribahasa."   |
| 21. <i>Peredar Angka XXII.</i>  | "Perihal Menulis Surat Kiriman."  |
| 22. <i>Peredar Angka XXIII.</i> | "Perihal Istiadat Dengan Pejabat-Pejabat Kerajaan Johor."   |

23. *Peredar Angka XXIV*, "Perihal Pakatan P.Bm.P.B. dari Mula di tubuhkan hingga September 1940."
24. *Peredar Angka XXV*, "Buku Teriti Johor dengan Pertambahannya".
25. *Peredar Angka XX*, "Perihal Rangkapan, Gurindam dan seumpamanya."
- B. Buku Katan:  
*Kamus Melayu*
- Huruf Alif hingga Ta*  
*Huruf Tha hingga Cha*  
*Huruf Ha hingga Zai*  
*Huruf Sin .....*  
*Huruf Shim hingga Ja*  
*Huruf Kap .....*  
*Huruf Ga dan Lam*  
*Huruf Ga hingga Nun*  
*Mim .....*  
*Huruf Nun hingga Nya.*
- C. Buku Ketetapan Ejaan Melayu:
1. *Huruf Alif hingga Zal*
  2. *Borang Hejaan (Penggal Pertama)*.
  3. *Buku Panduan Bagi Hejaan*.
- D. Buku-buku Shaer dan Berzanji:
1. *Syaer Keadaan Tahun dan Manusia Dunia dan Akhirat Juga*
  2. *Syaer Melayu*
  3. *Syaer Panduan Perkahwinan*
  4. *Syaer Riwayat Yang Amat Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang*
  5. *Rangkai Syaer Robeah Omar Khayyam*.
  6. *Berzanji Nathar serta Tarhibnya*.
  7. *Surat Timbalan bagi berzanji Nathar*.
- E. Buku-Buku Sejarah
1. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar*.

2. *Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Ibrahim.*
3. *Majallah Tawarikh Penggal I-VI. (sejarah Nabi-Nabi)*
4. *Ringkasan Tawarikh Nippon.*
5. *Riwayat Johore Military Forces dari mula ditubuhkan.*
6. *Tawarikh England.*

F. Buku-buku Agama

1. *Penamaan bagi Nabi Muhammad S.A.W.*
2. *Iman – Percaya dengan Ringkasaan dan Percaya dengan berhutaian.*
3. *Pohon Agama Islam (Bahagian Pertama)*
4. *Perihal Kejadian Alam dan Nabi-Nabi Yang Terbilang.*
5. *Syarat-syarat kejadian alam-alam sekelian dari awal hingga akhirnya hari kemudian.*
6. *Risalah Maksud-maksud bagi Permaanaan Surat Yassin.*
7. *Nazam Abda' dalam Bahasa Melayu.*
8. *Syarah mengingatkan rukun Islam dan sembahyang waktu.*
9. *Moslem Prayers and Fasting*

G. Autobiografi:

*Riwayat Hidup Major Datuk Muhd. Said B. Haji Sulaiman*  
Edit

*Big Game I have Shot* oleh H.H. Sir Ibrahim, Sultan of Johore.

H. Lain-lain Karya MDHMS

1. *Johor Zaman Bahru Persekutuan*
2. *Alam dan Bangsa Melayu*
3. *Langkah Waktu*

Penutup

Dengan pembuktian karya-karyanya tadi jelaslah pada kita bahawa MDHMS adalah pengarang yang cukup produktif jika dibandingkan dengan pengarang-pengarang sezaman

sebelum perang dunia kedua itu. Malah Za'ba pernah menyatakan:<sup>12</sup>

*Kamus Buku-Katan ini merupakan kamus Melayu-Melayu yang paling baik diantara kamus-kamus Melayu yang pernah diterbitkan orang selama masa sebelum Perang Dunia Kedua.*

Datuk Haji Muhammad Said dalam konteks persuratan dan Kesusastraan suka sekali menganjurkan:<sup>13</sup>

... Orang-orang Melayu menulis dan menerbitkan tulisan-tulisan itu supaya dapat memperkayakan kesusastraan Melayu. MDHMS berkeyakinan apabila tiap-tiap penulis takut menulis apa-apa kerana mula diketawakan orang atas isi tulisannya dianggap dangkal, maka tidak akan ada buku-buku di dunia ini oleh sebab itu orang-orang Melayu harus memberanikan diri untuk menulis, apabila ada kesalahannya, maka orang-orang lain yang lebih pandai tentu dapat memperbaiki tulisan-tulisan itu dan mungkin juga mereka itu akan mengkaji lebih dalam tentang persoalan dalam tulisan angkatan yang terlebih dahulu itu supaya dapat menerbitkan buku-sebuku macam itu yang lebih bernilai di kemudian hari kelak.

Oleh itu jelaslah peranan dan karya Major Datuk Haji Muhammad Said Bin Haji Sulaiman tidak harus diperkecilkan dalam konteks sejarah perkembangan persuratan atau kesusastraan Melayu Moden.

---

12. Dikutip oleh Drs. Li Chuan Siu, *op. cit.*, '89 dari Za'ba, 'Recent Malay Literature,' *JMBRAS*, JII. XIX Bahagian I, Februari 1941, ms. 16.

13. Drs. Li Chuan Siu, *Ibid.*, ms. 90.

## APAKAH BENAR SULTAN ABU BAKAR BAPA JOHOR MODEN?

Tidaklah keterlaluan jika dikatakan tiba sudah masanya pola sejarah Malaysia diuji dan disusun semula. Sejarah yang sering memperagung hanya satu tokoh seperti Maharaja Abu Bakar yang utama dengan mengenepikan tokoh-tokoh yang sebenarnya bekerja memasyurkan raja dan negerinya. Ini adalah satu amalan penulisan sejarah yang kurang seimbang kebenarannya. Rencana ini bertujuan untuk menguji perspektif baru mengenai peranan Sultan Abu Bakar itu dalam konteks sejarah Johor moden. Tiga fakta yang cuba ditinjau di sini:-

- (i) *Perubahan di masa sebelum Sultan Abu Bakar menjadi pemerintah Johor.*
- (ii) *Jangka masa lawatan Abu Bakar keluar negeri yang kerap dan lama*
- (iii) *Kehadiran pegawai negeri yang berfungsi memasyurkan serta memajukan negeri.*

Encik Wan Abu Bakar sebelum dilantik menjadi Temenggung Sri Maharaja Johor memang aktif membantu ayahandanya Temenggung Daing Ibrahim. Kalau kita tinjau keadaan pemerintahan Daing Ibrahim dalam tahun 1856, sedikit sebanyak telahpun ada dijalankan beberapa ciri birokrasi moden. Di Istana Teluk Belanga, iaitu pusat pentadbiran Johor sebelum Johor Bahru, terdapat pejabat Temenggung Ibrahim, pejabat Encik Wan Abu Bakar, pejabat Encik Long Menteri. Di pejabat Menteri terdapat pula jawatan Kerani Besar dan kerani biasa. Semua surat menyurat dibuat dalam tulisan jawi dan ada salinan tiap-tiap surat yang keluar dari pejabat-pejabat itu. Kesemua pegawai Johor dibayar gaji bulanan, iaitu hasil dari cukai-cukai candu, arak dan pekeluaran hutan dan kebun gambir dan lada hitam di Johor.

Walaupun Temenggung Ibrahim memerintah dari Teluk Belanga tetapi di Iskandar Putri, Temenggung telah menempatkan Raja Kecil Ahmad sebagai Pentadbir tanah besar Johor itu beliaulah yang bertanggung-jawab atas pentadbiran, keselamatan dan pembangunan Johor. Harus juga diingatkan

bahawa kegiatan pertanian yang terpenting dalam tahun 1850-an itu ialah perkebunan gambir dan lada hitam dan juga pembalakan hutan negeri itu.

Muhammad Salleh Perang dalam tahun 1858 telah dipindahkan ke Iskandar puri sebagai kerani pejabat Polis di situ, catitan beliau dapat menerangkan kepada kita gambaran serta perubahan di situ:

*Pada masa itu Yang Mulia Raja Kecil Ahmad memerintah di sana, Muhammad Salleh bukan sahaja kerani bagi tulis-menulis sebarang surat kiriman atau jawab menjawab surat pada Kerajaan di Teluk Belanga, segala pekerjaan yang terkandung di mahkamah dan Polis semuanya di dalam kandungan fakir seorang menuliskan segala pengaduan dan menulis segala yang didakwa di hadapan mahkamah tempat bicara serta diperintah fakir menjaga Pemajak Candu Arak dan mengeluarkan saman waran dan surat-surat sungai ..... Ikemudian kerajaan menghantarkan empat lagi kerani untuk mengambil tugas-tugas yang tiada khusus yang dipegang oleh Muhammad Salleh Perang itu).*

Jelas di situ Johor Bahru yang ada pada hari ini telah pun dibuka di masa hayat Temenggung Ibrahim lagi. Cara-cara pentadbiran ada juga disadur mengikut amalan tadbir di Singapura, tegasnya telah terdapat usaha pemodenan dari segi pentadbiran. (Untuk maksud rencana ini moden saya ertikan sebagai perubahan yang relatif dengan membandingkan keadaan Johor sebelumnya). Dalam konteks ini nyata sekali telah ada 'pemodenan' di masa Temenggung Ibrahim lagi, ia bukan bermula hanya apabila Abu Bakar menjadi Temenggung mulai Februari 1862.

Mungkin pendapat di atas masih boleh didebatkan lagi, namun begitu eluk dulu diperlihatkan fakta yang kedua pula. Sejarah telah mencatatkan Abu Bakar memerintah Johor selama 33 tahun, tetapi sedarkah peminat sejarah jumlah tahun yang sebenar Abu Bakar menetap dalam negeri Johor? Bukanlah maksud kita untuk menolak 'jumlah ketidak hadirannya' dari segi sejarah, tetapi ingin menunjukkan bahawa 16 tahun sahaja yang benar-benar Abu Bakar memerintah Johor. Sepeninggalan baginda keluar negeri, Johor

diperintah oleh pemangku-pemangku kerajaan negeri seperti Ungku Abdul Rahman, Ungku Abdul Majid dan Ungku Abdullah. Biar diturunkan di sini lawatan yang memashyurkan Abu Bakar sebagai pemerintah negeri Melayu yang pertama melawat Eropah dan Asia Timur itu. Baginda telah melawat England dalam tahun 1866, dan Eropah (termasuk London setiap kali lawatan) pada tahun-tahun 1874, 1885 dan akhir sekali dalam tahun 1890 dan 1895. Abu Bakar melawat Cina dan Jepun antara bulan April hingga November 1883. Seterusnya kita lihat pula di masa kehadiran baginda di Johor siapakan pegawai yang telah memaju serta memasyurkan Abu Bakar dan Johor.

Sebelum puteranya Ibrahim (Sultan Johor 1895 – 1859) ditabalkan sebagai Tengku Mahkota dalam tahun 1891 terdapat gelaran 'Wakil Mutlak Maharaja Johor'. Jawatan ini mula-mula dipegang oleh Ungku Abdul Rahman kemudian mulai 1876 pula jawatan tersebut dipegang oleh Ungku Abdul Majid. Dalam tahun 1870 an Maharaja Abu Bakar masih bersemayam di Teluk Belanga, Singapura. Oleh itu seluruh pentadbiran Johor dijalankan oleh Wakil Mutlak Maharaja yang tinggal di Johor Bahru. Maharaja Abu Bakar mengawal beberapa jabatan di Teluk Belanga termasuk perbendaharaan, segala peruntukan pentadbiran dan pembangunan Johor diserahkan kepada Wakil Mutlaknya itu. Ungku Abdul Rahman pula semasa hayatnya telah menambahkan lagi kecekapan pentadbiran dan kawalan keselamatan punca utama kemajuan ekonomi dengan membahagikan Johor kepada dua wilayah iaitu wilayah Barat dan Timur. Ungku Abdul Majid ditugaskan mentadbir wilayah Barat yang mengandungi kawasan pantai barat Johor dari Sungai Muar hingga ke Tanjung Kupang, (Pontian sekarang). Manakala kawasan dari Sungai Endau dan pantai timur atau wilayah Timur diletakkan di bawah pentadbiran Ungku Abdullah. Di tiap-tiap wilayah itu terdapat Residen-residen atau Naib yang dilantik oleh Maharaja, mereka ini tinggal di kawasan perairan dan pendalaman yang penting dari segi ekonomi dan petempatan.

Terdapat dua orang lagi tokoh yang tidak harus dipupuskan dalam pentadbiran Johor, iaitu Datuk Jaafar Haji

Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama (1882–1919) dan Datuk Abdul Rahman Andak, Setiausaha Kerajaan Johor 1887–1907. Mereka berdua telah menyelamatkan kemerdekaan Johor hingga ke tahun 1909. Abdul Rahman Andak yang mendapat didikan di London selama tujuh tahun, telah menggunakan pengetahuan dan pengalaman untuk kebaikan Johor, sistem pemerintahan barat dapat diadakan di Johor. Abdul Rahman Andak juga bertindak sebagai Setiausaha Sulit Sultan Abu Bakar, Penasihat Peribadi Sultan; selain dari jawatannya sebagai Setiausaha Kerajaan yang khusus bertugas mengenai perkara-perkara hal ehwal hubungan luar negeri. Pengaruh Abdul Rahman Andak yang cuba memperkuatkkan kemerdekaan Johor sangat membimbangkan penjajah Inggeris. Pernah juga dinyatakan bahawa beliau bertanggung jawab menasihatkan Abu Bakar mengisyiharkan Perlembagaan Johor atau Undang-Undang Tubuh Negeri Johor tahun 1895. Malah sudah menjadi kenyataan sejarah bahawa Johorlah sahaja negeri Melayu yang mempunyai perlembagaan moden dan bertulis di abad kesembilan belas. Namun begitu sejarah harus meninjau peranan Datuk Amar yang sesungguhnya menggesa Sultan mengisyiharkan perlembagaan itu dan merupakan orang yang penting dalam menderaf fasal-fasal dalam perlembagaan itu.

Seterusnya eluk juga diperlihatkan bagaimana undang-undang dan peraturan-peraturan untuk kesejahteraan Johor digubal. Sebagai satu contoh diturunkan di sini kutipan dari buku *Kisah Pelayaran Muhamad Ibrahim Munsyi* (ms. 7):

*Setelah berbincang di antara Yang Mulia Ungku Abdul Rahman, aku dan Encik Osman serta dua tiga orang yang berakal maka aku jadikan undang-undang itu dengan beberapa fasal dan beberapa perkara kerana pada masa itu (1870-an) tengah baharu mulai jadi dan keluar timah dan orang Cina pun baharu mulai masuk .....*

Oleh itu tidaklah menghairankan jika kebanyakan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam tahun 1870' an ditandatangan oleh Ungku Abdul Rahman Wakil Mutlak Maharaja Johor.

Dalam soal pembangunan ekonomi dan infrastruktur pula

nama Muhammad Salleh Perang, Ketua Jabatan Tanah dan Pertanian, Datuk Yahaya Awaluddin, Ketua Jurutera dan Datuk Yahya Saban, Ketua Jabatan Kerjaraya tidak harus dilupakan. Datuk Bentara Luar (Muhammad Salleh Perang) telah bertanggung jawab membangunkan bandar-bandar Endau, Muar dan Batu Pahat. Bagaimana pula sikap Abu Bakar? Sebagai satu contoh, untuk membuka Batu Pahat (Bandar Penggaram) Sultan Abu Bakar telah menyerah bulat-bulat pada Datuk Luar, tidak ada peruntukan wang yang diberi oleh baginda. Oleh itu dengan wangnya sendiri dan bantuan Orang Kaya Bagan dan Penghulu Rahmat Bandar Penggaram dapat dibangunkan mulai tahun 1893.

Saya yakin perspektif yang di perikan di atas merupakan sesuatu yang jarang diceritakan kepada pelajar-pelajar sejarah. Namun begitu ini bukanlah rencana ini menafikan kebolehan Sultan Abu Bakar, sekadarkan untuk memperlihatkan kehadiran dan fungsi 'mekanis' sebenar yang mengharumkan negeri Johor.

Bagi menutupnya ini sekali lagi mengsyurkan 'ujian semula' peranan beberapa tokoh tanah air, dengan matlamat untuk mempastikan tokoh-tokoh lain yang benar-benar bertugas mengharumkan tokoh itu, secara tidak langsung sejarah Malaysia akan bertemu dengan tokoh-tokoh baharu. Dalam konteks sejarah Johor moden nama Datuk Jaafar Haji Muhammad, Muhammad Salleh Perang, Abul Rahman Andak, Abdullah Tahir, Muhd. Ibrahim Haji Abdullah Munsyi, Yahya Awaluddin, Yahya Saaban dan beberapa lagi barisan 'arkitek' pembangunan dan pentadbiran dalam sejarah Johor moden tidak seharusnya dipupuskan dalam rakaman sejarah Johor. Seharusnya sejarah hari ini mengamalkan konsep sejarah yang menunjukkan aktiviti manusia-manusia, dan bukannya kisah seorang manusia sahaja sebagai sejarah sesuatu negeri itu.

## PERKEMBANGAN EKONOMI DAN INFRASTRUKTUR BATU PAHAT (1880–1917).

Sejarah perkembangan ekonomi daerah ini sudah pun bermula sejak berabad-abad dahulu. Namun dalam konteks sejarah moden, nyata sekali perkembangan ekonominya bermula sejak dekad keempat abad ke 19. Ini dibuktikan dengan wujudnya keluaran secara besar-besar untuk eksport. Pembinaan kangkar-kangkar Cina membawa dua implikasi penting. Pertama terdirinya kangkar-kangkar bererti penebangan dan pembersihan hutan-hutan yang mengeluarkan eksport balak.<sup>1</sup> Keduanya, kangkar-kangkar itu mengusahakan dan mengeluarkan eksport gambir dan lada hitam. Bagi orang-orang Melayu pula, mereka mengeluarkan pinang dan kelapa di kawasan-kawasan petempatan mereka. Bagi kawasan pantai, penduduk-penduduk menjalankan aktiviti perikanan laut.

Dalam tahun 1880-an dan seterusnya kegiatan ekonomi dapatlah dilihat berdasarkan pola petempatan dan penduduknya. Orang-orang Melayu bergiat di kawasan-kawasan tepi pantai dan pendalaman sungai, manakala orang-orang Cina menumpu di kawasan-kawasan pendalaman dan hulu sungai-sungai Batu Pahat, Petani, Senggarang, Rengit, Sungai Suluh, Simpang Kanan dan Simpang Kiri.<sup>2</sup> Disamping bertanam gambir dan lada, kangkar-kangkar juga menanam tembakau, padi, tebu, malah ada juga yang mengusahakan kegiatan mencari bijih.<sup>3</sup> Kawasan Simpang Kanan dan Simpang Kiri adalah kawasan yang produktif dalam menge luarkan hasil-hasil dari kangkar-kangkar itu tadi. Kehadiran sungai-sungai yang besar di situ menjadi faktur yang memajukan kawasan itu, kerana kesemua kangkar-kangkar menjalankan aktiviti-aktiviti di tebing-tebing sungai yang berhampiran, begitu juga kehendak penduduk Melayu. Orang Melayu juga mendiami kawasan pantai atau berhampirannya menjalankan

1. Penebangan Pokok-pokok dan hutan untuk pembukaan kangkar ada batas-batasnya lihat *hujungan, lampiran B, Latihan Ilmiah*, Fawzi Basri, 'Sejarah Rengkas Batu Pahat.

2. *SMKJ*, 1260 – 1320, *passim*.

3. *Ibid*, lihat surat no. 98, 2 Shaaban 1290.

pertanian kelapa, pinang, padi tugal dan kebun buah-buahan. Kawasan-kawasan itu ialah dari kawasan Sungai Keluang hingga ke Lubuk, selain dari Simpang Kiri dan Simpang Kanan.

Kemajuan ekonomi Batu Pahat dapat diukur berdasarkan pendapatan daerah yang didapat sepanjang tahun. Masa bandar itu dibangunkan dalam tahun 1893, pentadbiran daerah itu berjaya mengutip sejumlah \$15,000/-<sup>4</sup> sahaja, tetapi dalam tahun 1910 pendapatan tahunannya mencapai jumlah \$55,375/-.<sup>5</sup> Hampir seluruh seluruh pendapatan itu adalah sumbangan keluaran ekonomi daerah.

Sungai sebagai jalan perhubungan terpenting menjadi satu faktor penting bagi kemajuan ekonomi, ia juga membantu kesuburan tanah. Sungai Batu Pahat mempunyai dua ranting utama iaitu Sungai Simpang Kiri dan Sungai Simpang Kanan, dan sungai-sungai ini bercawang-cawang lagi ke Sembong dan Bekok. Terdapat tidak kurang 10 lagi sungai kecil.

Sejak tahun 1904 tananian getah telah mendapat perhatian berat penduduk, tetapi gambir dan lada masih merupakan hasil keluaran terbesar. Getah yang menjadi faktor kemajuan itu berjaya menggantikan tempat gambir dan lada sebagai eksport utama dalam tahun 1913, pendapatan daerah meningkat ke jumlah \$175,528.21 sen tahun itu.<sup>6</sup>

Kejatuhan harga gambir sudah pun terasa benar kesannya sejak tahun 1908, lebih-lebih lagi pembukaan jalan keretapi berhampiran dengan kawasan kangkar-kangkar di hulu sungai Batu Pahat terus maju dengan adanya ketinggian harga getah dan kelapa juga menerima permintaan yang besar. Kelapa menjadi eksport penting hingga ke hari ini. Kombinasi eksport-eksport getah, kelapa, sagu dan perlombongan menjadikan pendapatannya berjumlah \$227,666,754 sen dalam tahun 1914.<sup>7</sup>

4. Daud Sulaiman, *Rengkasan Tawarikh Orang Kaya 2 dan Penghulu Batu Pahat, Muar 1955*, hal 35 dan Muhd. Haji Allas, *Tarikh Dato Bentara Luar, Johor Bahru, 1928*. ms. 37.

5. AR, 1910, ms. 3

6. RPKBP, 1914, ms. 1

7. *Ibid.*

Kemerosotan harga gambir dan lada yang berterusan menyebabkan pemerintah memutuskan pemasuhan Undang-undang Kangcu pada akhir Disember 1917. Ini bermakna kangkar dan pengeluaran gambir dan lada juga turut berakhir. Taukeh-taukeh gambir dan lada kemudian menukarkan tanaman mereka kepada getah. Taukeh gambir dan lada kemudian menukarkan tanaman mereka kepada getah di tapak-tapak kangkar yang sama. Getah juga diusahakan oleh orang-orang Jepun, tetapi ketinggian harga menyebabkan penduduk juga menanam getah secara kebun kecil. Dengan itu tidaklah hairan jika pendapatan daerah berjumlah \$237,085/- dalam tahun 1917.<sup>8</sup>

Sistem pengangkutan tradisi yang menggunakan laut dan sungai beransur-ansur kurang digunakan selepas tahun 1917. Jalan raya barat selatan melalui Pontian telah dibuka dan lori-lori bertindak sebagai pengangkutan yang utama. Getah, kelapa lebih segera dihantar ke perlabuhan. Sistem pengangkutan jalan raya sudah tidak dapat dinafikan sebagai faktur kemajuan juga. Dalam tahun 1919 pendapatan daerah itu ialah \$598,100/- dan terus meningkat dalam tahun 1920 kepada \$649,061/-.<sup>9</sup>

Orang ramai yang hendak ke Singapura sejak abad ke 19 lagi menggunakan kapal laut. Terdapat dua kapal ekspress Batu Pahat – Singapura yang menjalankan perkhidmatannya yang berulang alik itu.<sup>10</sup> Tetapi dalam dekad kedua dan ketiga abad ke 20, orang ramai dan hasil keluaran adalah dibawa melalui pengangkutan jalan raya.

Sistem upah harian diamalkan oleh ladang-ladang Eropah khususnya, tetapi tingkat upah itu dibezakan mengikut ras Buruh-buruh Cina dibayar sejumlah 16 sen hingga 20 sen sehari.<sup>11</sup> Namun begitu kebanyakan kangkar-kangkar

---

8. AR, 1917, ms. 5

9. AR, 1920, ms. 18.

10. Singapore Free Press, Selasa Jun 14, 1894 – kapal-kapal itu 'AING ANG' dan 'SULTANA'.

11. T.H. Hill *Report on Johore*, Singapore, 1878.

Cina, buruh-buruh yang terdiri dari orang Cina sendiri lebih sudi dibayar dengan upah mata benda tetapi di awal abad ke 20, mereka menuntut upah-upah dalam bentuk wang tunai.

Perdagangan diseluruh negeri Johor juga dibuat dengan wang tunai sebagai alat pertukaran mereka. Beberapa jenis mata wang asing telah diiktiraf sebagai perantaraan pertukaran yang sah dan seimbang. Ini termasuk dollar-dollar Sepanyol, Amerika, Mexico, Peru dan Bolivia juga Hong Kong. Seterusnya duit-duit India, Yen Jepun juga pernah digunakan sebelum mata wang Negeri Selat dan British Malaya dikeluarkan. Namun begitu perniagaan tukar barang juga wujudnya. Ini jelas sekali, tiap-tiap pukat Cina yang memunggah eksport. Eksport di Singapura membawa balik ke Batu Pahat barang-barang makanan dan keperluan kangkar-kangkar itu. Di abad ke 19 buruh-buruh lebih sudi menerima mata benda sebagai upah, tetapi di abad ke 20 mereka sudah pun menuntut wang tunai kerana tuntutan masa dan lebih mudah dan menguntungkan.

Kecuali ladang kopi orang Eropah, pada umumnya sistem pertanian dan pengeluaran di Batu Pahat lebih banyak menggunakan tenaga manusia. Demi kesuburan, hatta untuk kemajuan ekonomi sistem parit dan talair turut juga dilaksanakan mulai tahun 1905.<sup>12</sup>

Penyusunan semula Undang-Undang Tanah pada tahun 1910 membawa beberapa kemajuan lagi, ini disebabkan oleh sistem pemilikan, penyewaan dan pemajakan tanah lebih cekap lagi, geran-geran tanah diadakan. Ini menyebabkan penduduk lebih galak mengusaha tanah. Tetapi tidak kurang juga orang-orang Melayu yang telah menjualkan tanah-tanah mereka kepada pendatang bukan Melayu. Orang Jawa menjualkan tanah mereka untuk mengongkosi penunai-an fardhu haji di Mekah. Sementara itu harga-harga tanah yang tinggi menarik minat penduduk untuk dijual, tetapi orang bukan Melayu sahaja yang mampu membelinya.<sup>13</sup> Demikian proses pemilikan tanah berubah tangan.

12. Lihat Daud Sulaiman, *op. cit.*, ms. 35 dan 42.

13. Lihat; SS 7 Mei 1912, 208, 14 Mei 1912 dan juga SS 530/12 PKBP kepada SUK 22 Mei, 1972.

Perbincangan mengenai perkembangan ekonomi dapat kita lihat dengan lebih jelas lagi melalui pendekatan secara perbedaan perkerjaan yang akan dibentangkan, berikut ini.

### 1. GAMBIR DAN LADA HITAM

Pada umumnya seluruh negeri Johor mengeluarkan gambir dan lada hitam yang mendapat permintaan yang lebih dan ditawarkan harga pasaran yang tinggi.<sup>14</sup> Faktor ini membebaskan perkembangan pengeluaran gambir dan lada hitam; dan tidaklah asing jika kangkar-kangkar Cina tumbuh dengan banyaknya sehingga tahun 1917. Dua kawasan yang produktif ialah Simpang Kanan dan Simpang Kiri.<sup>15</sup> yang produktif.<sup>15</sup>

Disepanjang perkembangan pengeluaran gambir dan lada hitam sehingga tahun 1917, adalah salah jika dikatakan hanya orang Cina sahaja mememonopoli lapangan ini. Saya akui jika itu dirujuk pada buruh-buruhnya, tetapi dari segi hak milik dan tuan punya, orang Melayu aristokra adalah sama-sama menjalankan tindakan selaku tuan punya atau berkongsi. Ini berlaku sejak awak abad ke 19 lagi.<sup>16</sup>

Sejarah tidak dapat menafikan dalam pengeluaran gambir dan lada ini, orang Cina Teu-Chewlah<sup>17</sup> yang aktif dan mememonopolinya. Kangkar-kangkar TeuChew berada di mana-mana. Terdapat juga kangkar-kangkar orang-orang Cina 'Macao' (Kantonis) dan Hokkien. Dari abad ke 19 malah hingga awal abad ke 20, orang Cina cenderung ke arah 'keserantauan' mereka dari wilayah Cina yang sama biasanya

- 
14. Song Ong Siang, *One Hundred Years' History of Chinese in Singapore*, Singapore, 1967.
  15. Senarai-senarai itu disusun dan dipetek semula berdasarkan *SWBS* 1314 – 1328, *SKM KJ*, 1260 – 1330. Juga dari *KMGLJ*, 1298 – 1325 dan Daud Sulaiman, *op. cit.*, juga *SSD*, 1883 dan Cowgill, 'Chinese place' Names in Johor, *JMBRAS* ii (3) Disember, 1924.
  16. Untuk pembuktian lihat, *KMKGL* 1298 – 1355, UNgku Majid berkongsi dengan tiga orang Cina pada thaan 1882, hal. 37, 36, lihat juga *SKBS* 1314 – 1325, *passim*, mengeluarkan gambir lada jenis baik.
  17. Penulis-penulis sejarah menggunakan variasi ejaan, Teo Chiew, Tiu-Chiu dan Tie-Chiew dan Teuehew.

berkelompok dalam kangkar yang dikuasi oleh orang dari wilayah yang sama.

Beberapa sebab yang menarik minat orang Cina mengusaha-mengusahakan ladang-ladang gambir dan lada hitam. Harga yang tinggi adalah sesuai dengan naluri orang Cina yang mementingkan kebendaan atau kekayaan. Juga kedua-dua tanaman itu menghasilkan pulangan yang segera.<sup>18</sup> Lantaran itu tidaklah airan jika banyak kangkar dibuka dan banyak juga yang ditutup. Tanah-tanah subur menjadi tumpuan mereka. Sistem pertanian gambir dan lada hitam ini pada umumnya bersifat pertanian pindah. Mereka berpindah ke tempat yang berhampiran jika tanah yang diusahakan tidak menunjukkan tanda kesuburan lagi. Tanah-tanah muda yang masih banyak di Batu Pahat dan galakan Datuk Bentara Luar dalam tahun 1890-an itu merupakan faktur-faktur yang memperkembangkan lagi perladangan gambir dan lada ini.

Selain dari kangcu, di dalam sesebuah kangkar terdapat dua jenis taukeh (tuan) iaitu tuan tanah yang tidak mengusaha-hakan tanah bersama dengan kuli-kulinya dan tuan pemajak tanah bersama-sama kuli-kulinya yang menjalankan kegiatan berladang di situ. Mereka itu, turut membawa keluaran ladang-ladang itu dengan *pukat*<sup>19</sup> masing-masing ke Singapura dan Johor Bahru. Tuan-tuan Punya Tanah itu ada yang tinggal di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.<sup>20</sup>

Sedari awal lagi harga-harga gambir dan lada memang tinggi, permintaan pasaran yang lebih menyebabkan dalam masa yang sengkat ditawarkan harga yang tinggi. Buktinya pada 30hb Oktober 1894 harga gambir biasa \$8.15 sepikul, mana-

18. Lihat J.C. Jackson, "Chinese Agricultural Pioneering in Singapore and Johore, 1800 - 1917" *JMBRAJ*, Un. XXXVIII (1) July 1965, ms. 80. Gambir memerlukan 14 bulan sahaja manakala lada hitam 3 tahun baharu dapat dipetik; Oleh itu tanaman-tanaman selingan seperti tembakau, tebu diusahakan bersama.

19. *Pukat* ialah sejenis tongkang Cina yang khusus mengankut barang-barang keluar masuk kangkar, hanya pukat dari suku atau dialek yang sama mengendalikan eksport-import kangkarnya.

20. Lihat salinan surat Lee Kong Lam dll. dalam *SWBS* 1314 - 1327, hal 176 dst.

kala gambir ketul nombor satu \$12.35 sen dan yang nombor dua \$8.58 sen tiap-tiap sepikul.<sup>21</sup> Dalam tahun berikutnya harga gambir sudah menjadi \$9.30 sen. Gambir ketul nombor satu ditawarkan harga \$12.62½ sen, dan yang nombor dua dibayar sejumlah \$9.00 tiap-tiap sepikul.<sup>22</sup> Pemerintah Johor dalam hal ini memerentahkan tiap-tiap kangkar mengeluarkan gambir dan lada jenis yang baik sahaja.

Bagi melindungi keuntungan dan faedah pemodal dan peladang-peladang juga pedagang gambir dan lada ini, orang-orang Cina telah menubuhkan Persatuan Gambir dan Lada atau *Kong-Kek*.<sup>23</sup> dalam tahun 1867, Persatuan ini dikawal oleh Pemerintah Johor. Setiap anggota *Kong-Kek* ini membayar 2 sen cukai tiap satu karong. Juga menjadi matlamat persatuan ini bagi menghalang peladang-peladang menjualkan pengeluarannya kepada orang luar.<sup>24</sup>

Pada umumnya sistem pertanian di kangkar-kangkar menggunakan tenaga manusia dari peringkat awal hingga akhir. Penggunaan buruh yang ramai memang perlu pada sistem pertanian ini terutama sekali mengangkut keluaran kangkar-kangkar ke tambatan.

Mulai tahun 1905 eksport gambir dan lada menemui zaman kepudarannya, di sebabkan oleh beberapa faktor. Antara lainnya ialah permintaan gambir dan lada mulai merosot, kejatuhan harga pula diikuti dengan tuntutan upah yang tinggi dari buruh-buruh ladang itu. Tuan-tuan punya ladang tidak dapat memenuhi tuntutan buruh-buruh itu, lantas buruh-buruh mengambil tindakan mlarikan diri. Pembinaan jalan keretapi Johor Bahru — Gemas terletak di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kangkar-kangkar ini memberi peluang bagi buruh-buruh, mlarikan diri dengan itu kebengkerapan tidak dapat dielakkan. Faktor kekurangan tenaga buruh benar-benar memerosotkan keluaran, ini diikuti pula dengan

---

21. *Straits Times, Selesai, Oktober 30, 1894.*

22. *Ibid, Sabtu, Julai 6, 1895.*

23. Song Ong Siang, *op. cit.*, ms. 37–38

24. *AR, 1911, ms. 5–6* peranan persatuan ini mempunyai implikasi politik dan ekonomi.

faktor kemunculan getah sebagai penanding utamanya. Getah yang mulai pesat ditanam oleh orang-orang Jepun dalam tahun 1905 mendapat perhatian penduduk juga. Mereka mengusahakan kebun kecil. Dalam tahun 1910 pengusaha kopi Batu Pahat sudah lama merubah kepada tanaman getah.

Akhirnya, tuan punya ladang gambir dan lada hitam mengubah fikiran dengan memohon tapak-tapak kangkar itu ditanam dengan getah pula. Tahun 1917 mengakhiri riwayat kangkar gambir dan lada hitam. Dari tahun itu getah menjadi tarikan utama pengusaha-pengusaha Cina di Negeri Johor.<sup>25</sup>

## II. KELAPA DAN PINANG

Kawasan pantai seperti Rengit, Senggarang, Peserai dan Lubuk juga tidak ketinggalan kawasan Simpang Kanan dan Simpang Kiri adalah kawasan-kawasan utama dalam penanaman dan pengeluaran kelapa dan pinang. Dapatlah dikatakan bahawa kawasan kelapa yang produktif biasanya kedapatan di tempat orang-orang Jawa.<sup>26</sup> Sistem Kultur (*Cultural System*) Belanda yang dipraktikkan di Pulau Jawa itu menyebabkan orang-orang Jawa biasa bekerja keras. Kelapa adalah tanaman jangka panjang yang memerlukan pengawasan sehingga tempoh dipetik hasilnya.

Dalam tahun 1880-an bilangan kebun-kebun kelapa belum begitu banyak tetapi dalam tahun-tahun 1880-an ketinggian harga menambahkan lagi minat orang-orang Jawa dan Melayu mengusahakan kelapa. Dalam tahun 1894 harga-harga kelapa meningkat kepada \$23.00 tiap-tiap 100 biji.<sup>27</sup>

Mulai tahun 1894 kelapa menjadi keluaran pertanian ketiga penting, selepas gambir dan lada hitam. Tidak sahaja kerana ditawarkan harga yang tinggi tetapi juga kerana kesuburan yang telah dirancangkan. Tanah-tanah gambut di Batu Pahat perlukan satu sistem saliran air. Datuk Bentara

---

25. J.C. Jackson, *op. cit.*, hal 87

26. A.B. Ramsay, "Indonesian in Malaya" *JMBRAS* Vol. XXIX (1), 1931, hal. 120.

27. *Singapore Free Press*, Selasa 3 Julai 1894.

Luar dalam fungsinya sebagai pembangun daerah itu telah memerintahkan penduduk-penduduk membuat parit-parit saliran air<sup>28</sup> untuk menarik minat orang ramai. Hatta untuk kesuburan tanah beliau menyetujui nama-nama parit itu akan dinamakan mengikut nama orang-orang perserongan atau kumpulan yang mengusahakannya. Buktinya di Mukim Bagan sahaja kedapatan nama-nama Parit Haji Salam, Parit Bajuri, Parit Haji Meon, Parit Orang Kaya dan seterusnya. Begitu juga di kawasan-kawasan lain di Batu Pahat.<sup>29</sup> Hasil kemajuan kelapa khususnya kian bertambah dengan adanya parit-parit itu, ini diikuti pula oleh harga pasaran yang terus meningkat naik hingga \$25.00 bagi tiap-tiap 100 biji kelapa.<sup>30</sup> Maka, tidaklah menghairankan jika sehingga kini kelapa masih menjadi hasil pertanian utama.

Kelapa Batu Pahat dijual ke Singapura, ada juga yang menjualkan kepada pemborong-pemborong di Batu Pahat. Di tiap-tiap kawasan kelapa terdapat pengkalan jalor atau sampan bagi maksud mengangkut orang atau barang.

Kelapa adalah merupakan tanaman jangka panjang. Jadi, sementara menanti ketika kelapa itu dipetik, beberapa tanaman selingan ditanam juga seperti pada tugal, pisang dan pokok buah-buahan yang lainnya.

Pada umumnya di abad ke 19 pekerja kebun kelapa di Batu Pahat terdiri dari orang Jawa tebusan. Kehadiran mereka ini menggiatkan lagi pengeluaran kelapa. Walau pun kebanyakannya kebun kelapa ini dimonopoli oleh orang-orang Jawa, namun ada juga beberapa orang Cina turut sama ber-Kecimpung, antaranya ialah '*An Ho Coconut Plantation*'<sup>31</sup>.

28. Daud Sulaiman, *op. cit.*, hal 42.

29. Nama-nama Parit di Bagan sila lihat 'Mukim Bagan 11 Batu Pahat' majallah 'Surveyor 4' SDAD, Muar 1970 hal 107-110 lihat juga Syed Husin Ali *op. cit.*, passim. Manakala senarai nama-nama parit seluruh Batu Pahat bagi tahun 1911 lihat dalam CLR/BP 87/11. Ada juga nama-nama yang diberi itu sempena nama orang yang mula-mula membuka kampung itu.

30. *Singapore Free Press*, Khamis, December, 14.1916.

31. Hak milik An Ho Plantation ini telah jatuh ketangan Chetti S.R.P. Aroona-salam, lihat CLMS 306/1911 dan 423/1915.

Orang Cina dan Melayu turut menjalankan tindakan bersama ekonomi dalam pengeluaran pinang yang akan kita bicarakan selepas ini.

Mulai tahun 1912, perkembangan ekonomi Batu Pahat bergantung kepada kemakmuran hasil keluaran kelapa.<sup>32</sup> Jangkaan itu tepat sekali berdasarkan keadaan yang ada pada hari ini.

Dalam pengeluaran pinang, kawasan-kawasannya sama seperti kawasan-kawasan kelapa itu tadi. Di sini orang-orang Melayu menjalankan tindakan ekonomi bersama dapat orang Melayu bekerja mengcungkil dan menjemur pinang di kebun-kebun Cina, begitu juga sebaliknya bagi pekerja-pekerja Cina yang sama-sama bertindak sebagai tuan punya, pemajak, pemberong dan pekerja.<sup>33</sup> Keadaan yang bertimbang balik itu bukan satu hal yang luar biasa bagi Batu Pahat.<sup>34</sup> Biasanya pekedai-pekedai Cina di kampung-kampung Melayu itu menjalankan fungsinya sebagai pemberong pinang iaitu sama ada dibayar secara tukaran barang atau melakukan perniagaannya dengan wang tunai.

Menurut harga pasaran, pinang juga dibayar dengan harga yang tinggi iaitu \$2.60 sen tiap-tiap sepikul.<sup>35</sup> Harga yang ditawarkan itu adalah adil bagi pengusaha-pengusaha ny.

Kombinasi kelapa dan pinang ini tidak dapat dinafikan lagi sebagai tanaman utama bagi orang-orang Melayu, buktinya dalam tahun 1911 sahaja, disepanjang kiri kanan jalan raya dari Peserai hingga ke Parit Pecah Muar telah dipenuhi oleh kebun kelapa dan pinang dan sedikit-sedikit getah para.<sup>36</sup>

32. CLMS 67/1912, dalam penanaman kelapa selain dari orang Jawa, orang Melayu dan Banjar juga tidak ketinggalan.

33. Wawancara dengan Haji Haron Hj. Ali, Barit Bajuri, Bagan, BP pada 8/3/71.

34. *Ibid* dan lihat juga SSD, 1898, ms. 276.

35. *Straits Times*, Sabtu, 6 Julai 1895.

36. Datuk Haji Muhd. Said, *Hikayat Johor II Tawarikh YMM Sultan Ibrahim*, Johor Bahru 1941, ms. 77.

### III. SAGU

Satu lagi aktiviti ekonomi bersama, antara orang Melayu dan orang bukan Melayu ialah sagu. Banyak ditanam di kawasan paya dan pinggir sungai terutamanya di kawasan Simpang Kanan dan Simpang Kiri. Ini disebabkan oleh kerana kebun sagu perlukan air yang merendam. Dalam tahun 1900 pula penjual-penjual sagu telah bersetuju menjualkan sagu mereka kepada Pemborong Lee Hong mengikut harga pasaran Singapura. Di Batu Pahat saja penjual-penjual sagu menerima bayaran sejumlah \$44.00 bagi setiap koyan.<sup>37</sup>

### IV. PADI

Dalam pertanian padi sekali lagi orang Melayu bergiat di kawasan berpaya mengeluarkan padi sawah. Senggarang, Tanjung Sembrong, Simpang Kanan dan Simpan Kiri ialah di antara kawasan penanaman padi yang ada.

Di peringkat awal pembersihan hutan, padi tugal telah ditanam, ia juga menjadi tanaman sampingan di kawasan kelapa dan pinang. Manakala di peringkat kedua padi sawah pula diusahakan, iaitu di tanah-tanah yang berair. Sebagai langkah menggalakkan penduduk bersawah padi, pemerintah telah membebaskan tanah-tanah itu dari dikenakan sewa tahunan selama tiga tahun.<sup>38</sup>

Di kawasan padi sawah, sistem tali air telah dirancangkan sejak tahun 1905 lagi, selain dari tali air parit-parit besar juga dibina guna menyuburkan tanaman dan menambahkan lagi keluasan padi sawah, ini dapat dibuktikan dari perangkaan-perangkaan tahun 1911 hingga 1914.<sup>39</sup>

1911	-	300 ekar
1912	-	800 ekar
1913	-	450 ekar (tambahan)
1914	-	2110 ekar

37. *DPTB*, Lim Soo Pohn Kepada PJB 4 Jun 1902

38. *CLRBP*, 49/1914 dan *CLMS* 67/1912.

39. *RPKBP*, 1914, hal. 5

Malah dalam tahun 1917 di seluruh mukim dalam Batu Pahat, khususnya di kawasan-kawasan Melayu, padi giat ditanam, sama ada penanaman padi tugal mahu pun padi sawah. Bukti-bukti kemajuannya dapat ditunjukkan dalam tahun 1919.<sup>40</sup>

## V. KOPI

Bila memperkatakan kopi, bermakna termasuklah koko dan teh yang sering di tanam dalam satu ladang bersama kopi.<sup>41</sup> T.H. Hill dalam laporannya mengenai Johor pada tahun 1879 telah melaporkan jenis-jenis tanah di seluruh Johor dan laporan itu juga mencadangkan jenis-jenis tanaman yang sesuai bagi pengusaha-pengusaha Eropah melaborkan modal mereka di Johor. Tanah-tanah Batu Pahat sesuai untuk kopi dan koko serta sedikit-sedikit teh. Oleh itu tidaklah hairan jika dalam tahun 1881 sudah kedapatan tiga buah ladang yang produktif diusahakan oleh tiga orang Eropah, iaitu, O.F. Knox, Northey dan Watson<sup>42</sup> dikawasan Simpang Kiri dan Simpang Kanan.

Kemajuan ladang-ladang kopi adalah bergantung kepada permintaan dan pasaran. Untuk maksud itu, pengusaha-pengusaha Eropah telah menanam kopi jenis Iberian dan Arabica yang dianggap mempunyai nilai pasaran yang dianggap mempunyai niali pasaran yang tinggi. Sehingga tahun 1883, ada tidak kurang dari 18 buah ladang kopi di Batu Pahat.<sup>43</sup> Namun begitu terdapat beberapa Syarikat yang produktif antaranya ialah:<sup>44</sup>

1) Ladang Stock Rochford	— Luas ladang	319 ekar
2) Ladang Letty Brooke	— Luas ladang	288 ekar
3) Ladang Farmosa	— Luas ladang	494 ekar

40. Lihat *AABP* 5/1920, Laporan tahun 1919.

41. Lihat senarai Ladang-ladang kopi dalam *SSD*, 1993, ms. 130.

42. *SSD*, 1881, ms. 101

43. *SSD*, 1883, ms. 130.

44. *Ibid.*

4)	Ladang Kew Lee	— Luas ladang	496 ekar
5)	Ladang Agden	— Luas ladang	503 ekar
6)	Ladang Johor Coffee Co. Ltd.	— Luas ladang	1677 ekar

Penanaman kopi mencapai kemakmurannya di Batu Pahat itu berada pada akhir abad ke 19, iaitu ketika ia mendapat harga pasaran yang tinggi bernilai \$44.00 sepikul.<sup>45</sup>

Berbeda dari tanaman eksport yang pernah kita bicarakan, ladang-ladang kopi menggunakan tenaga jentera pengisar, namun begitu tenaga buruh masih banyak digunakan. Pada umumnya buruh-buruh di ladang-ladang kopi itu terdiri dari orang-orang Jawa dan orang India, yang dibawa dari Singapura. Kepentingan buruh-buruh itu diawasi oleh pengusaha-pengusaha ladang Eropah itu.<sup>46</sup>

Walau pun ladang-ladang besar kopi ini dimonopoli oleh orang-orang Eropah, ini tidaklah bermakan bangsa-bangsa lain tidak mengusahakannya. Orang-orang Jawa juga bergiat menanam kopi di kawasan-kawasan penempatan mereka. Begitu juga orang-orang Cina. Mereka membuka ladang yang besar dan produktif juga. Diantara ladang-ladang itu ialah kepunyaan Chap An Sing, Lim Soon Poon dan Chap An Ho.<sup>47</sup> Walau pun kemakmuran penanaman kopi telah berakhir, tetapi sedari tahun 1917 hingga kini di beberapa tempat, kopi terus diusahakan oleh orang Jawa.

Kopi juga menerima nasib yang sama seperti gambir dan lada, ia tidak dapat menandingi permintaan getah yang kian meningkat itu. Tarikan harga getah yang tinggi itu menyebabkan pengusaha-pengusaha ladang kopi sudi merubahkan tanaman ladangnya dan digantikan dengan tanaman getah buat selama-lamanya.

45. *Straits Times*, Sabtu 6 Julai 1895.

46. *SSLB*, Sultan kepada c.c. Smith 15 Ogos 1882

47. *CLMS*, 290/1910 dan 427/15.

## VI GETAH

Getah adalah hasil eksport Batu Pahat yang terakhir ditanam secara besar-besaran sejak dekad terawal abad ke 20. Dalam lapangan ini orang-orang Jepun pula mempelopori dan bergiat menanamnya. Di peringkat awalnya getah para ditanam oleh orang-orang Jepun. Dengan keizinan Datuk Bentara Luar selaku pentadbiran daerah, dalam tahun 1905 orang-orang Jepun mengusahakan satu kawasan paya di Sungai Sembrong<sup>48</sup> dan tidak lama kemudian kawasan itu menjadi ladang getah yang besar di Batu Pahat. Berikut dari kuatkuasa 'Undang-Undang Tanah 1910', beberapa keping tanah lagi telah dibeli oleh pengusaha-pengusaha getah Jepun di Sembrong, Seri Gadang dan Tanjung Labuh.<sup>49</sup>

Harga getah telah mencabar kehadiran ladang-ladang gambir dan lada yang kian merosot. Dalam tahun 1908, sudah ada usaha-usaha beberapa orang Cina terutama bekas tuan punya ladang gambir lada itu, menukar corak ladang kepada tanaman getah. Tidaklah hairan jika kedapatan banyak ladang getah di Batu Pahat, pada tahun 1911 terdapat beberapa syarikat getah yang besar dan produktif, antaranya ialah:<sup>50</sup>

Penang Sugar Estate Limited	-	500 ekar luasnya
Boi Ah Sam	-	1,115 ekar luasnya
Naoya Akuyawa	-	3,050 ekar luasnya
Sembrong Rubber Estate Limited	-	860 ekar luasnya

Dalam tahun 1914 pula getah sudah pun dapat menggantikan tempat gambir dan lada hitam sebagai eksport utama Batu Pahat. Tidak kurang dari 10,887 ekar tanah telah ditanam getah. Beberapa nama ladang baru telah muncul dan merupakan ladang-ladang terbesar selepas tahun 1912, ialah: *Batu Pahat Rubber Estate*, *Sembrong Rubber Estate*, *Che Wok Rubber Estate*, *Sungai Separap Estate*, dan *Banang*

48. Muhd. Haji Alias,*op. cit.*, ms. 32.

49. *Wawancara dengan Encik Shahrum Hussein*, 12/3/71 – menurut beliau lagi kawasan itu menjadi kawasan pendaratan dan strategik bagi bala tentera Jepun dalam rangka menawan Tanah Melayu dan Singapura.

50. CLMS 67/1912, 'Report on BP Land Office in 1911'; ms. 4.

*Estate*,<sup>51</sup> ini tidak termasuk 21 buah ladang-ladang getah orang-orang Jepun.<sup>52</sup> Pada keseluruhannya ladang-ladang getah secara purata tiap-tiap ladang itu dapat mengeluarkan lebih kurang 20 pikul getah sebulan.<sup>53</sup>

Pertumbuhan ladang-ladang ini adalah disebabkan dasar pemerintah menjualkan tanah kepada pengusaha-pengusaha. Orang-orang Jepun mengambil peluang ini.

Penanaman getah secara kebun kecil pula dijalankan oleh orang-orang Melayu dan Cina di kelompok-kelompok petempatan mereka, dengan keluasannya diantara 5–6 ekar<sup>54</sup>

Di ladang-ladang getah terdapat sejumlah 2,869 orang buruh Melayu (Jawa terutamanya), buruh Cina pula seramai 1,453 orang, kebanyakannya mereka terdiri dari orang-orang Hailam dan Kanton, manakala buruh India (Tamil terutamanya) berjumlah 103 orang sahaja.<sup>55</sup> Nyatalah bilangan buruh-buruh Melayu disini lebih ramai jika dibandingkan dengan buruh-buruh Melayu di ladang-ladang di negeri-negeri Melayu yang lain pada ketika yang sama.

Pemerintah Johor memberi perhatian berat terhadap kehidupan buruh-buruh itu, hatta keluaran getahnya. Tidaklah hairan jika getah terus maju hingga kini.

## VII. PERLOMBONGAN

Dalam pembicaraan bidang ini, terdapat tiga jenis galian yang dilombong, iaitu: lombong bijih, boksait dan bijih besi. Namun begitu bilangannya kecil malah ada yang ditutup segera. Dua jenis galian yang akhir itu diusahakan sejak akhir abad ke 19 lagi.

Di Sungai Petani usaha menggali bijih timah telah dimulakan pada tahun 1872 lagi (1290 Hijrah) yang diusahakan oleh

51. *RPKBP*, 1914, ms. 3

52. *CLRBP*, 49/1914.

53. *RPKBP*, op. cit.,

54. *Ibid*, hal. 5

55. *Angka-angka itu dipetik dari Banci tahun 1921, op. cit.*, hal 349, 357 & 361.

56. *SKMKJ*, 1260 – 1320, 2 Shaaban 1290.

Poh Pong dan Chua Ah Lam, tetapi usaha melombong itu tidak begitu menggalakkan. Lantas mereka mengusahakan penanaman tembakau, padi dan tebu disamping melombong.<sup>56</sup>

Perlombongan boksait juga kedapatan di Batu Pahat antaranya ialah di Bukit Pasir dan di Jalan Syahbandar<sup>57</sup>, masing-masing diusahakan oleh pelombong-pelombong Eropah dan Jepun. Antara syarikat-syarikat perlombongan yang maju di Batu Pahat ialah Ishahara Sango Koshi (Jepun), manakala syarikat kepunyaan Eropah pula ialah Batu Pahat Prospecting Syndicate diuruskan oleh A.D. Mechado.<sup>58</sup> Kemajuan yang pesat dicapai di awal abad kedua ouluh apabila boksait-boksait itu dieksport dengan banyaknya.

Perlombongan bijih besi dijalankan oleh orang Jepun sahaja, dan merupakan aktiviti ekonomi yang terkemudian sekali. Seri Medan adalah satu-satunya kawasan perlombongan ini. Penghulu Saad (Penghulu Simpang Kiri dari 1895–1917) juga telah menjumpai galian itu dan diusahakan secara kecil-kecilan.<sup>59</sup> Perlombongan secara besar-besaran dan penggunaan alat-alat moden dijalankan oleh 'Nanyo Kogyo Koshi'<sup>60</sup> mulai tahun 1916.

Buruh-buruh lombong ini adalah terdiri dari orang Jawa yang berpusat dari Parit Leman. Mereka telah membina rumah panjang di Seri Medan dan mengambil upah sebagai pengangkut bijih itu dari lombong dan dibayar 26 sen bagi tiap-tiap segerabak bijih itu.<sup>61</sup> Manakala buruh Cina pula terdiri dari orang Kanton yang mendapat bayaran 45 sen hingga 70 sen tiap-tiap segerabak bijih yang didapatinya.<sup>62</sup>

Kesemua bijih besi itu dihantar ke kapal-kapal besar, yang berlabuh di laut lebih kurang 6 batu dari Seri Medan, dengan menggunakan tongkang-tongkang.

57. *Brief facts about Batu Pahat*, BP, 1955 *passim*

58. *SSD*, 1907, hal. 30

59. Lihat 'Surveyor 4; ms. 1–7.

60. Lihat Willbourn "Geology and Mining Industries of Johor" *JMBRAS* Vol. 4, 1928, ms. 28.

61. Surveyor 4 *op. cit.*, ms. 3.

62. Willbourn, *op. cit.*, ms. 29.

## KEGIATAN EKONOMI KAWASAN-KAWASAN BANDAR

Di kawasan Bandar Penggaram perniagaan dan perdagangan eksport-import adalah aktiviti utama. Orang Melayu dan Jawa turut sama bermiaga, begitu juga orang Arab dan India. Orang Jepun juga turut berkecimpung dalam kegiatan bermiaga dan melombong. Namun begitu orang Cinalah yang lebih besar perniagaannya hingga menubuhkan Dewan Perniagaan di Bandar Penggaram.<sup>63</sup> Dewan itu dirasmikan oleh Datuk Bentara Luar dalam tahun 1907 dan diketuai oleh Taukeh Lim Heng Ho. Dalam bidang perniagaan ini kedapatan beberapa tokoh-tokoh Cina yang berpengaruh iaitu Lim Soo Poon dan Tan Swee Ho.

Orang Cina juga memonopoli penarekan (membawa) kereta Hong Kong bagi membawa penumpang-penumpang di sekitar bandar itu.

Orang Melayu memandu kereta lembu bagi mengangkut barang dan penumpang. Bagi memudahkan penyeberangan antara bandar dan tebing seberangnya dan lain-lain tempat, ramai orang Melayu mengambil upah membawa sampan penumpang, dan mereka ini dikenali sebagai 'penambang'. Masalah pengangkutan sungai itu muncul dalam tahun 1917 apabila kereta-kereta motor seperti lori-lori dan motokar kian banyak digunakan. Untuk tujuan ini penambang-penambang tadi telah bersetuju bagi memulakan perkhidmatan feri dan bot-bot dan menubuhkan Penambang Kompeni Muar dan Batu Pahat dalam tahun 1920.<sup>64</sup>

### Pembangunan Infrastruktur

Bagi menutup bab ini, ditinjau pula secara ringkas pembangunan infrastruktur Bandar Penggaram Jabatan Kerja Raya memainkan peranan yang penting sekali. Pembangunan

63. Daud Sulaiman, *op. cit.*, ms. 46 – Dewan ini menerima cap kayu 'Chua Hwa Siong Hoo' dari Pemerintah Cina sebagai tanda peringatan dan membawa implikasi hubungan erat orang Cina dan Negeri tempat lahir mereka.

64. Penubuhan dan kegiatan awal Syarikat dapat dilihat dalam, Anon, *Sambutan Perayaan Merdeka Muar*, 1957 dibawah judul 'Penambang Company Muar dan Batu Pahat'

yan pesat dapat dikesan mulai tahun 1910. Jalan raya besar menghubungi Batu Pahat – Johor Bahru melalui Pontian sejauh 22 batu. Jalan-jalan di bandar itu telah ditarkan dan seterusnya menghubungi Tanjung Labuh dan Senggarang. Sehingga tahun 1914 banyak jalan raya biasa telah di ‘mettaledkan’<sup>65</sup> Jalan raya menghubungkan Keluang sejauh 33 batu telah siap dibina dalam tahun 1917, begitu juga jalan raya ke Semerah dan Senggarang.

Pembinaan hospital yang baru telah dimulakan dalam tahun 1914 bagi menggantikan bangunan lama yang sudah berusia 25 tahun itu.<sup>66</sup> Begitu juga dengan pembinaan Balai Polis Semerah.

Dalam tahun 1916 bekalan paip air juga dalam proses pembinaan<sup>67</sup>, buat sementara itu lori-lori JKR (Jabatan Kerja Raya) turut membahagi-bahagikan air kepada penduduk-penduduk di situ.

Pada tahun 1917 juga rumah dan kedai batu untuk sewaan pasar telah dirancang dan disiapkan dalam tahun 1921<sup>68</sup>. Begitu juga pembinaan dermaga kapal, dan rumah persinggahan telah pun lama didirikan oleh Datuk Bentara Luar.

Pembangunan semula dan pemberian bandar di Batu Pahat mulai dilakukan, dan sesungguhnya tahun 1917 itu adalah puncak pembangunan infrastruktur. Seluas 18 ekar tanah dikawasan Tasik Kadri, Jalan Ampuan antara Bukit Bendera dan Bukit Kerja Air dalam mana kawasan-kawasan itu dirancangkan “..... useful for future government building and indeed the former will be the site of both English and Malay School which erect this year, land will be reserved for the new mosque.”<sup>69</sup> Memang rancangan itu dilaksanakan hingga terbina seperti yang telah dirancangkan.

---

65. Lihat *AR*, 1914, *Passim*, dan *RPKBP* 1914 *passim*

66. *AR*, 1914, ms. 22 mengandungi 2 ward, 59 katil dan lihat juga *CLM & S* 109/1915, ms. 7.

67. *AR*, 1916, ms. 21 dan *AR* 1917, ms. 15

68. Lihat *AABP*, 7/22

69. *CLRBP*, 37/18 ‘Annual Report of Land Office Batu Pahat for 1917’ *passim*.

Setakat pembangunan '*infrastructure*' mungkin tidak cukup bukti-bukti kemajuan tetapi dalam tahun 1917 pendapatan daerah itu memuncak kepada \$423,471.04 sen berbanding dengan \$365,377.94 sen dalam tahun 1916 dan ini juga membuktikan bahawa puncak kemajuan ekonomi bertolak dari tahun 1917 dan perkembangan di tahun-tahun selepasnya adalah 'lanjutan' dari titek itu.

## SEGAMAT DALAM TAHUN 1917

Berikut ini kita akan melihat secara ringkas perkembangan Daerah Segamat sesudah tujuh tahun dipisahkan dari wilayah Muar<sup>1</sup>. Dari sebuah daerah yang berasal dari beberapa buah kampung di tebing Sungai Segamat, tetapi dengan pembinaan setesyen dan jalan keretapi dan juga kehadiran ladang-ladang getah menyebabkan bandar Segamat dapat dimajukan. Pertambahan penduduk dan kegiatan pertanian (*agriculture*) menyebabkan Segamat terpaksa di pisahkan dari pentadbiran Muar.

Pada tahun 1917 beberapa Pejabat Kerajaan<sup>2</sup> sudahpun dirikan, antaranya ialah Pejabat Pegawai Daerah, Mahkamah, Pejabat Polis, Pejabat Syahbandar, Pejabat Kastam, Pejabat Tanah, Pejabat Pos, Pejabat Pertanian dan juga Lembaga Bandaran. Bangunan-bangunan lain yang didirikan termasuklah setesyen keretapi dan sebuah rumah persinggahan.

Segamat seperti juga daerah-daerah Johor yang lain adalah sebuah daerah pertanian. Hasil pertanian yang utama ialah getah, ubi sagu, gambir dan lada hitam, kelapa dan lain hasil tumbuhan dan hasil daripada hutan.

Keadaan tanah Daerah Segamat memang sesuai untuk getah. Jementah, Batu Anam, Buluh Kasap, Segamat dan Labis merupakan kawasan-kawasan yang produktif dengan hasil getahnya. Ladang-ladang getah di kawasan-ka san itu kebanyakannya kepunyaan pemodal-pemodal dan syarikat orang Eropah. Berikut diturunkan senarai Ladang Getah yang terdapat di Daerah Segamat dalam tahun 1917<sup>3</sup>:

1. Dalam tahun 1917 wilayah dimengertikan sebagai sebuah daerah terbesar yang mengandungi beberapa buah daerah di dalamnya Muar sehingga tahun 1910 mengandungi Daerah-Daerah Parit Jawa, Cohong (Tangkak), Bukit Kepung (Lenga) dan Segamat. Tiap-tiap daerah ditadbirkan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Manakala keseluruhan Muar dan daerah-daerahnnya diperintah oleh *Pesuruhjaya Kerajaan Bagi Muar*.
2. Lihat Ahmad Abu Bakar (Pegawai Daerah Segamat) Penyata Segamat Tahun 1917, Februari 1918, dalam fail S.S. 303/18.
3. Dipetik dari Penyata Tahunan Jabatan Perubatan 1917 dalam fail S.S. 721/1918.

- I    *JEMENTAH*: Ladang Getah Jemantah
- II    *BATU ANAM*: (1) Ladang Getah Gemali dan Gemas.  
                        (2) Ladang Getah Sungai Senarut.  
                        (3) Ladang Johor Rubber Land, Divisi-  
                        syen No. 2.  
                        (4) Ladang Johor Rubber Land, Divi-  
                        syen No. 3.  
                        (5) Ladang Getah Sungai Muar.
- III    *BULUH*:      Ladang Getah Buluh Kasap.  
*KASAP*
- IV    *SEGAMAT*: (1) Ladang Johore Rubber Land, Divi-  
                        syen No. 1.  
                        (2) Ladang Johor Rubber Land, Divi-  
                        syen No. 4
- V    *LABIS*:        (1) Ladang Getah Labis Utara.  
                        (2) Ladang Getah Meluille

Kawasan inilah yang telah memajukan Segamat, Labis merupakan kawasan yang kedua pentingnya selepas Segamat. Selain daripada itu Buluh Kasap dan Genuang juga merupakan pekan-pekan kecil yang sedang membangun dalam tahun 1917.

Tanaman padi pernah cuba diusahakan dalam tahun 1910 tetapi gagal kerana musuh-musuh padi dan sistem parit dan talairinya. Bagaimanapun dalam tahun 1917 percubaan menanam padi paya atau padi sawah ini dimulakan, seluas 100 ekar tanah paya telah dipugar untuk maksud itu.<sup>4</sup>

Menurut Laporan Pegawai Daerah Segamat itu "... dipercayai wilayah Segamat telah banyak dimasuki oleh orang dari Muar menumpang mencari kehidupan dan dipercayai itulah tanda majunya". Malah permintaan untuk mendapatkan tanah di Bandar itu tetap bertambah walaupun jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain dalam negeri Johor,

4. Lihat *Laporan Pejabat Tanah Bagi Tahun 1917* oleh Pesuruhjaya Tanah & Galian dalam fail S.S. 627/1918.

harga tanah di Bandar Segamat dikatakan terlalu tinggi<sup>5</sup>. Kemajuan Segamat juga dapat dibuktikan lagi berlandaskan perangkaan pendapatan daerah itu dari tahun 1913 hingga ke tahun 1917:<sup>6</sup>

Tahun	Pendapatan
1913	\$ 31,847.20
1914	\$ 55,272.80
1915	\$100,189.35
1916	\$165,684.61
1917	\$206,501.97

Dalam tahun 1917, selain dari kehadiran bangunan, Pejabat-pejabat Kerajaan dan kedai-kedai, terdapat juga rumah-rumah sewa. Jalanraya di bandar itu juga diterangi oleh lampu-lampu minyak di sebelah malamnya. Jalan-jalan sekitar bandar Segamat dan pekan-pekan kecil sahaja yang dapat dikatakan baik, samada berlangkin ataupun berbatu merah. Jalan perhubungan dari kampung-kampung masih lagi tidak ditambak dengan batu dan kebiasannya digunakan oleh kereta-kereta lembu.

Rancangan-rancangan pengluasan jalan dan sekim jalanraya 1911 yang menghubungi kawasan luar dari Segamat sudah pun mula dilaksanakan sejak tahun 1914 lagi. Kebanyakan jalan-jalan itu diambil alih oleh kerajaan daripada jagaan ladang-ladang getah. Dapatlah dikatakan yang agak terpelihara ialah jalan dari ladang-ladang getah ke Stesen Keretapi Segamat, Labis dan Batu Enam dan Genuang juga Bulu Kasap dan Tenang kesemuanya terletak dalam Daerah Segamat. Skim pembinaan jalanraya itu hampir selesai dalam tahun 1917 antaranya ialah seperti yang dicatitkan di bawah ini<sup>7</sup>:

5. *ibid.*

6. Dipetik dari S.S. 308/18.

7. Lihat Lapuran Jabatan Kerjaraya 1915 dalam fail G.A. 130/1916 dan Lapuran Jabatan Kerjaraya 1917 dalam fail GA 262/1918.

1. Batu Anam	ke Tambang sejauh 8½ Batu
2. Batu Anam	ke Jementah sejauh 8 Batu
3. Jementah	ke Ulu Jementah sejauh 7 Batu
4. Segamat	ke Sungai Pianng sejauh 10 Batu
5. Tenang	ke Kampung Tenang sejauh 9 Batu
6. Labis	ke Bandar Maharani sejauh 47 Batu

Dalam tahun 1917 sungai masih lagi digunakan sebagai jalan perhubungan walaupun tidak sepenting tahun-tahun sebelum 1910. Pejabat Syahbandar yang mentadbirkan hal-hal perjalanan keluar masuk melalui sungai-sungai di Segamat itu telah mendapat \$134.10 sen sebagai hasil kutipan dari bayaran lesen-lesen perahu pada tahun itu. Namun begitu penggunaan sungai ternyata berkurang kerana kemerosotan ladang gambir dan lada dan pembinaan jalan keretapi dan jalanraya.

Mengenai pertumbuhan rumah-rumah kedai termasuk juga rumah sewa dapat kita lihat dari Penyata Pegawai Daerah Segamat yang berbunyi "..... merata-rata pekan ada sahaja orang mendirikan rumah sewa atap genting zing dan atap daun (juga rumah batu)". Oleh itu tidaklah hairan jika Lembaga Bandaran Segamat mendapat \$1,854.50 sen hasil dari cukai pintu di bandar itu, bagaimanapun kutipan cukai dalam tahun 1916 ialah \$1,947.00. Kekurangan bagi Tahun 1917 adalah disebabkan oleh perpindahan penduduk daripada pekan-pekan itu ke kampung-kampung baru di luarbandar itu. Jika dulu kelihatan pola penempatan yang bersejajar di tebing-tebing sungai tetapi mulai tahun 1917 penempatan yang berselerak sudah jelas sekali.

Satu lagi jenis ialah penempatan berpusat ketara sekali mulai tahun 1917 dengan adanya ladang-ladang getah itu. Penyata Pegawai Daerah Segamat itu menyebutkan terdapat tiga Syarikat Ladang Getah terbesar di Segamat iaitu: Rubber Estate of Johor, Gemali Rubber Estate dan North Labis Estate. Dari ketiga-tiga Syarikat Ladang Getah ini pentadbiran Segamat telah mendapat hasil cukai getahnya sebanyak \$45,400.00 dalam tahun itu. Namun demikian, ini tidaklah bermakna bahawa di Segamat tidak terdapat kebun getah

usaha pekebun-pekebun kecil, sebagai buktinya dalam tahun 1916 Lesen mengupam getah yang didapati ialah \$697.00 dan meningkat kepada \$868.00 dalam tahun 1917.

Terdapat satu lagi aktiviti ekonomi yang menarik di Segamat, Ladang Ubi Kayu. Walaupun di Muar ladang ubi kayu telah ditutup dan digantikan dengan tanaman getah, namun di Segamat perkebunan ubi kayu itu masih dapat diteruskan lagi. Malah hasil sagu ubi kayu merupakan pengeluaran yang kedua pentingnya selepas getah, begitu juga halnya dengan perusahaan pinang. Sungguhpun Undang-Undang Kangcu telah dibubarkan pada tahun 1917 tetapi Segamat masih dapat meneruskan pengeluaran gambir dan lada hitamnya walaupun hasilnya merosot. Dalam tahun 1918 nyata sekali gambir dan lada hitam tidak lagi merupakan pengeluaran terpenting bagi Segamat.

Terdapat juga satu masaalah dalam usaha penduduk Segamat untuk bercucuk tanam terutamanya untuk berkebun getah. Ini adalah disebabkan oleh bahaya-bahaya dari binatang liar. Kerajaan Johor cuba mengatasi masaalah ini dengan mengeluarkan Lesen Senapang. Sambutan penduduk adalah menggalakkan. Menurut undang-undang,<sup>8</sup> pemilik senapang dikehendaki mengambil lesen dari Pejabat Polis dengan bayaran 50 sen.

Di Daerah Segamat dalam tahun 1912 terdapat lima buah sekolah Melayu, kebanyakannya sekolah-sekolah itu didirikan oleh penduduk kampung. Kerajaan hanya menyediakan guru dan alatan mengajar dan belajar. Di Segamat pernah juga terdapat sebuah sekolah Inggeris. Guru besarnya ialah seorang yang berbangsa Inggeris. Nasib Sekolah Inggeris ini tidak dapat diketahui selepas Guru Besarnya itu berhenti daripada berkhidmat dengan Kerajaan Johor dalam tahun 1915.

Bagi mengakhiri rencana ini elok juga dicatatkan bahawa Daerah Segamat adalah ditadbirkan oleh Pegawai Daerah yang ada kuasa magistret. Di peringkat kampung pula terdapat Penghulu-penghulu dan Naibnya serta Ketua Kampung.

---

8. Lihat Fasal 5(1) dalam *Undang-undang Senjata Bedil Bagi tahun 1913*.

Sistem pentadbiran mukim belum jelas lagi dalam tahun 1917, ini adalah disebabkan belum dilaksanakan lagi sistem Daftar Mukim menurut Undang-Undang Tanah Tahun 1910. Sistem ini hanya baru dilaksanakan di Muar dan Batu Pahat sahaja dalam tahun 1917. Pegawai Daerah Segamat dalam tahun 1917 ialah Encik Ahmad b. Abu Bakar, beliau adalah dari golongan "orang kebanyakan" dan dilantik menjadi Pegawai Daerah Segamat yang kedua sejak tahun 1915, sebelum itu beliau bertugas sebagai 'Pengadil' atau 'Magistret' di Mahkamah Johor Bahru. Kaktangan Pejabat beliau di Segamat dalam tahun 1917 itu adalah seperti berikut.<sup>9</sup>

*Pegawai Daerah:* Ahmad Abu Bakar S.M.J.

*Kerani-Kerani :* Syed Salim Alwee  
Ali Abdullah  
Hamzah Sapak  
Syed Mohd. Othman

*Penterjemah China:* Choo Ong Meng

*Penterjemah Tamil:* Samy

Berdasarkan *Singapore and Straits Directory* tahun 1919 masih belum terdapat seorang pun pegawai Inggeris di Segamat di tahun itu. Baru dalam tahun 1922<sup>10</sup> ada dicatitkan F.K. Wilson sebagai Penolong Penasihat Segamat, manakala Pegawai Daerahnya ialah Encik Omar Endut Patut juga dicatitkan Penolong Penasihat Inggeris itu mempunyai kuasa sebagai Pemungut hasil tanah dan Magistret kelas satu.

Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan Segamat dalam tahun 1917 berada dalam tingkat sedang membangun, masa hadapan daerah itu lebih banyak bergantung kepada hasil getah, keujudan jalan keretapi dan sistem jalanraya yang baik. Perkembangan dalam bidang pelajaran di daerah itu masih memerlukan perhatian yang wajar. Dari tahun-tahun 1930-an lagi Segamat telah mencapai kemajuan. Kemajuan ini menyebabkan taraf pentadbiran Segamat dinaikkan, dan ditadbirkan oleh seorang Pesuruhjaya Kerajaan. Dan mulai tahun 1933 Segamat disama tarafkan dengan pentadbiran Batu Pahat sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua.

9. Lihat *Singapore And Straits Directory*, 1918 m.s. 501.

10. *Singapore And Straits Directory* 1922 m.s. 637.

## KERETAPI MUAR 1889–1918

(The Muar State Railway)

Usaha untuk memajukan Jajahan Muar ketara sekali setelah berakhirnya Perang Saudara di Jementah<sup>1</sup> dalam tahun 1879. Langkah pertama bermula di awal tahun 1880an iaitu apabila Datuk Bentara Luar Muhd. Salleh Perang<sup>2</sup> telah diperentahkan oleh Maharaja Johor membersehkan kawasan Kuala Sungai Muar demi keamanan dan kehidupan penduduk yang ramai di situ "Jika tidak dibuka tempat itu tiadalah aman daripada perompak lanun yang bermaharaja di Selat Malaka (itu)".<sup>3</sup> Keamanan yang berjaya dicipta oleh Datuk Bentara Luar itu telah mempelawa kemasukan kumpulan orang-orang Melayu dari negeri Kedah dan Melaka serta lain-lain negeri juga penduduk dari kawasan lain dalam negeri Johor.<sup>4</sup> Berhubungan dengan soal keselamatan itu Datuk Bentara Luar kemudiannya merancangkan pembangunan sebuah tapak bandar dekat kuala Sungai Muar. Maharaja Abu Bakar kemudiannya menamakan bandar baru itu sebagai 'Bandar Maharani' dalam satu upacara perasmian bandar itu dalam bulan Ogos 1884.

Dengan pembukaan Bandar Maharani itu beberapa kawasan berhampirannya mulai menjadi tumpuan petempatan seperti kawasan Bandar Maharani, kawasan sekitar bandar itu, Parit Jawa, Daerah Cohong (Tangkak) juga di kawasan Ulu Muar.<sup>5</sup> Menjelang tahun 1911 diseluruh Jajahan Muar sahaja

1. Huraian lengkap Perang Saudara itu sila lihat M.A. Fawzi Basri, "Sejarah Perang Saudara di Muar" *Berita Minggu*, 5 Mac 1972, dan lihat juga *Muar Papers*, 1879 – 18880 (Arkib Negara).
2. M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Bentara Luar: Peranannya Dalam Konteks Sejarah Johor moden' *JERNAL SEJARAH*, Jil. X, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaysia, 1971/72), ms. 33 – 41.
3. *Ibid.*, ms. 36.
4. Malik Munip, 'Sejarah Perkembangan Penduduk Rumpun Melayu Muar 1884 – 1920' *JEBAT*, Bil. 2, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972/73) ms. 36 – 40.
5. *Ibid.*, ms. 40.

terdapat sejumlah 14,659 orang Jawa ini tidak termasuk penduduk suku bangsa Melayu yang lain.<sup>6</sup> Selain dari perlombongan di kawasan Padang (termasuk Parit Jawa), pertanian gambir, lada dan kelapa, pinang juga ubi kayu merupakan kegiatan ekonomi jajahan Muar.

Muar merupakan jajahan yang terbesar dan terpenting dan pertama dimajukan dalam negeri Johor.<sup>7</sup> Pendapatan Jajahan Muar adalah dari hasil seperti Pajak judi, Pajak Bandar, Pajak Kampung, pajak Pasar dan Pajak Gadai dan Babi.<sup>8</sup> Mulai awal abad ke 20 Getah telah merupakan kegiatan ekonomi dan pendapatan Jajahan yang menggantikan pertanian gambir dan lada. Kemajuan ekonomi Muar tidak dinafiskan sebagai satu faktor penting yang merubah wajah Jajahan itu.

Datuk Bentara Luar setelah selesai tugasnya di Muar telah menyerahkan pentadbiran Muar kepada Ungku Sulaiman Daud (bekas Penolong Setiausaha Kerajaan Johor) sebagai Residen Muar dan Kesang<sup>9</sup> dan seorang Penolong Residen telah ditempatkan di Parit Jawa mulai tahun 1886.<sup>10</sup> Daerah Parit Jawa yang dihuni oleh penduduk yang mengusahakan perkebunan kelapa dan pinang adalah daerah terpenting bagi Muar diabad ke 19 itu. Perjalanan dari Parit Jawa ke Bandar Maharani sebelum 1887 amat sukar, sama ada melalui jalan darat atau jalan laut terutama sekali bila membawa barang hasil keluargannya.

Pada 13 November 1888 Kerajaan Johor menyatakan "pekerjaan-pekerjaan *waterwork* dan *railway* di Muar itu

---

6. *Ibid.*, 43

7. Jajahan Muar mulai tahun 1895–1910 mengandungi daerah Parit Jawa, Cohong (Tangkak), Segamat dan Bukit Kepung (Lenga). Mulai tahun 1895 Muar ditadbir oleh Pesuruhjaya Kerajaan (State Commissioner) didaerah-daerah pula ditadbir oleh Pegawai Daerah yang merujuk kuasa kepada Pesuruhjaya Kerajaan selaku 'wakil Raja Pemerintah Muar' lihat 'Penyata Pesuruhjaya Kerajaan muar Tahun 1911.'

8. Lihat List Pajak-pajak Hasil Kerajaan Bagi Muar (Jawi) Arkib Negara.

9. *Singapore and Straits Directory*, 1893.

10. *Singapore and Straits Directory*, (SSD), 1890, ms. 300 dan SSD 1886 ms. 217.

hendak dibuka pada 13 hari Rabu ini."<sup>11</sup> W.F. Garland Pesuruhjaya Kerja Raya dari Johor Bahru diarahkan ke Muar untuk berunding dengan Residen Ungku Sulaiman dan Datuk Bentara Luar selaku Ketua Jabatan Tanah dan Hal Ehwal Kebun Gambir lada disamping bertugas selaku Pesuruhjaya Kerajaan bagi Muar dan Kesang.<sup>12</sup> Dalam suratnya kepada Residen Ungku Sulaiman, Menteri Besar Johor menyatakan:

*Bersama-sama ini peringatan daripada Tuan Commissioner Public Works atas pekerjaan-pekerjaan yang hendak dimulakan di Muar itu titah kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah persetujuan dengan peringatan ini. Akan cangkul dan tukul itu akan dibawa dari Johor. Hendak dibuat pekerjaan ini pada hari Sabtu 13 hari Rabu awal ganti hari Jumaat 12 hari bulan itu. Yang Berhurmat Datuk Luar jika ia belum hilir mintalah ia hilir supaya hadir dan hamba Tengku percayalah lain-lain aturan dan perkumpulan dari, orang-orang yang patut hadir kaus Tengku menyediakan sembah.*<sup>13</sup>

Dalam tahun 1889 kerja pembinaan jalan keretapi Muar dari Bandar Maharani telah dimulakan tetapi sehingga bulan Julai kerajaan tidak berpuashati dengan kerja-kerja pembinaan yang dikontrekan kepada Pemborong Ernest Garland

11. Salinan surat Datuk Menteri. (SSDM), Datuk Menteri kepada Datuk Siri Setia Raja, 13 Nov. 1888. Sebenarnya projek keretapi Muar ini bukanlah projek jalan keretapi yang pertama di Johor. Pada 21 Julai 1869 Maharaja Abu Bakar telah melancarkan projek jalan keretapi rengan antara Johor Bahru dengan Gunung Pulai iaitu lebih kurang 20 batu jaraknya. (*Straits Times*, 24 Julai 1869). Ganjilnya keretapi Johor yang pertama ini dipanggil 'wooden railway', iaitu sama jenisnya dengan keretapi yang digunakan di Clifton, New York, USA. Menurut *Straits Times*, lagi keseluruhananya rel keretapi Johor ini dibuat daripada kayu seluas tiga kaki, manakala injinnya pula 12 ton beratnya. Dalam tahun 1874 landasan keretapi itu telah siap dibina sejauh 10 batu, (*Singapore Daily Times*) 4 May 1874). Perkhidmatan keretapi Johor Bahru-Gunung Pulai akhir diberhentikan sebaik-baik sahaja perkhidmatan percubaan gagal kerana landasan kayu itu dimakan anai dan injin keretapi itu dilapurkan tergelincir dan masuk kedalam sebuah lubang. Florence Caddy yang melayat Johor Bahru dalam tahun 1889 telah ditunjukkan oleh Mr. Swan "That's the old railway-station." (Florence Caddy, *To Siam and Malaya*, London: Hurst and Blackett, Limited, 1889).

12. SSD, 1887, ms. 243.

13. SSDM, Datuk Menteri kepada Ungku Sulaiman, 13 Nov. 1888.

berikut itu dengan itu kerja borongan itu dihentikan. Sebaliknya kerajaan Johor telah menyerahkan tugas pembinaan keretapi kepada Tuan Swan (?) (سوان) dengan titah kebawah Duli Yang Maha Mulia ..... dialah (Swan) menjaga dan kepala kerajaan itu.

Paling menarik ialah tenaga buruh yang digunakan sepanjang pembinaan Jalan Keretapi Muar itu kebanyakannya terdiri dari orang Melayu dan Jawa kerana tenaga buruh suku kaum tersebut dianggap murah.<sup>14</sup> Antara tahun 1889–1890 dapatlah disifatkan sebagai period pembinaan jalan keretapi dan pemasangan rel dan jentera keretapi yang di datangkan dari Eropah.<sup>15</sup>

Keretapi rengan (*light railway*) Muar mula mengadakan perkhidmatannya dari Jalan Sulaiman Bandar Maharani ke Parit Jawa mulai tahun 1890. Dari tahun itu hingga ke tahun 1915 terdapat 3 injin lokomotif yang kekuatannya 10 kuasa kuda dengan pelepasan kuasa wapnya 160 lbs.<sup>16</sup> Bagaimanapun pelaksakannya menyebabkan injin lokomotif itu apabila menarik turun hanya mempunyai daya 5 kuasa kuda dengan pelepas tenaga wap 80lbs sahaja dan menjelang bulan Ogos 1915 ketiga-ketiga injin lokomotif itu sudah disifatkan sebagai sudah tua, uzur dan terpaksa dibaiki dan dijaga.<sup>17</sup> Dalam tahun 1912 keretapi Muar telah menerima satu lagi injin baru buatan *Munalet Engine Works Limited London*. Injin-injin baru keluar diguna bagi menarik teren penumpang.<sup>18</sup> Lampiran A dapat menunjukkan senarai gerabak-gerabak yang berkhidmat dalam perkhidmatan keretapi Muar sehingga ke tahun 1915.

---

14. SSDM, Datuk Menteri kepada Ungku Sulaiman 11 Julai 1889.

15. SS 408/1918, Perusuhan kerajaan Muar kepada Setiausaha kerajaan Johor, 20 Februari 1918.

16. SUK 597/15, PJK Muar kepada SUK, 17 Ogos 1915, Berdasarkan SSD, 1912. Luas landasan keretapi itu ialah 2 kaki 6 inci, dalam tahun 1912 perkhidmatannya adalah sejauh 11 batu dan telah dirancangkan perpanjangan landasan ke Sarang Buaya, ms. 484C.

17. *Ibid.*

18. *Ibid.*

Dalam tahun 1914, "track rail" keretapi Muar sudah sampai di Sungai Pulai lebih kurang 14 batu dari Bandar Maharani. Pentadbiran keretapi Muar telah membiayai bekalan 'track rail' Parit Jawa ke Sungai Pulai sejauh 3 batu iaitu berjumlah \$11,891.00 *track rail* itu dibekalkan oleh *Jones, Burton & Co. (London)*<sup>19</sup>

Terdapat lima buah setesyen keretapi di sepanjang 14 batu perjalanan itu dan tidak kurang dari lapan buah setesyen sementara dalam tahun 1916.<sup>20</sup>

- SETESYEN-SETESYEN :**
- (1) Bandar Maharani
  - (2) Parit Bakar
  - (3) Parit Jawa
  - (4) Parit Pecah
  - (5) Sungai Pulai

- SETESYEN SEMENTARA:**
- (1) Parit Peropok
  - (2) Parit Keroma
  - (3) Parit Raja
  - (4) Parit Unas
  - (5) Parit Samsu
  - (6) Parit Jamil
  - (7) Parit Bulat
  - (8) Parit Sri Menanti

Perkhidmatan keretapi Muar menyediakan sepuluh perkhidmatan Bandar Maharani – Sungai Pulai dan Sungai Pulai – Bandar Maharani, iaitu 5 kali naik (ke Sungai Pulai) dan 5 kali turun (ke Bandar).<sup>21</sup>

Sebelum tahun 1894 keretapi Muar dan kerja Air digabungkan dalam satu Jabatan, tetapi mulai tahun 1894 itu *Muar State Railway* adalah satu Jabatan, yang tersendiri yang tersusun lengkap kakitangannya.<sup>22</sup>

19. Ibid. Berat rel (1890) 25lbs. satu hels, sleepernya 7 x 4 x 5 dipasang jarak setiap 30 inci.

20. SUK 235/16. Lihat lampiran surat Traffic Manager kepada PJK Muar, 11 Jan. 1916.

21. Ibid.

22. SSD, 1894, h. 262. Jabatan Kerja Air Muar diletak dibawah Jajahan Datuk Luar bersama Yusof Andak sebagai Pemeriksa (Merinyu).

1. *Pengurus lalu lintas dan :*  
*Pengurus lokomotif* : J.C. Campbell
2. *Penolong Pengguna dan*  
*Pengurus* : Ismail Bachuk<sup>23</sup>
3. *Kerani* : Ali Abdullah
4. *Foreeman Lokomotif* : Abdul Jamal
5. *Merinyu Rolling Stock* : Haji Abdul Rahman
6. *Merinyu Jalan tetap* : Haji Tahir
7. *Setesyen Bandar Maharani Ketua*  
*Ketua Setesyen* : Mohd. Taib Abdullah  
*Kerani Tiket* : Ahmad Muhd. Salleh
8. *Setesyen Parit Jawa*  
*Ketua Setesyen* : Awang Andak  
*Kerani Tiket* : Abd. Majid Ibrahim

Menjelang tahun 1908 Jabatan keretapi Muar menjalankan satu lagi perkhidmatan perhubungan iaitu telefon.<sup>24</sup> Muhd Taib Abdullah yang menggantikan Campbell sebagai Pengurus lalulintas keretapi telah ditugaskan sebagai ketua perkhidmatan Telefon di Jajahan itu. Mohd. Taib Abdullah telah dibantu oleh Muhd. Said Abdul Taib (Merinyu telefon). Ahmad Haji Samat (Mandor telefon) Omar Haji Abdul Samad (buruh) dan tiga operator telefon.<sup>25</sup> Agak ganjil juga melihatkan bahawa tiang-tiang telefon di Muar itu dibuat dari besi rel terpakai keretapi Kranji (Singapura) dan keretapi Muar sendiri.<sup>26</sup>

23. Ismail Bacuk pernah berkhidmat sebagai kerani dan Penterjemah Inggeris di JKR, Pesuruhjaya Besar Polis dan Penolong Setiausaha Kerajaan, Timbalan Setiausaha Kerajaan sebelum dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor.

24. SS 313/18, PJK Muar kepada SUK, 6 Feb. 1918 lihat lampirannya List Pegawai Keretapi Muar yang disyor tambahan gaji dalam anggaran tahun 1918.

25. *Ibid.*

26. SUK, 235/16, Lampiran surat Traffic Manager kepada PJK Muar 11 Jan. 1916.

Perkhidmatan keretapi Muar itu sehingga tahun 1918 sangatlah menguntungkan, ini adalah disebabkan keretapi Muar mempunyai dua jenis perkhidmatan, teren penumpang dan teren pengangkutan barang. Faktor yang penting tentang kehadirannya membawa pertambahan kebun kelapa di kawasan batu 11 – 14, dan juga terhentinya jalan laut. Pendapatan Keretapi Muar dalam tahun 1915 ialah \$86,701.92 manakala anggaran perbelanjaannya ialah \$63,216.77<sup>27</sup>. Angka itu termasuklah pendapatan dari kira-kira tikit penumpang dalam tahun sejumlah \$22,296.11 sen telah dikutip dari kira-kira 304,725 orang yang berulang alik dengan ketapi itu. Dalam tahun itu juga 1,637 pikul 19 kati barang keluaran telah dibawa oleh keretapi Muar ke Bandar Muar, berbanding dengan 268 pikul 65 kati dibawa ke setesyen-setesyen di selatan.<sup>28</sup> Dalam konteks kebijakan penduduk Muar, keretapi Muar telah memberi perkhidmatan percuma kepada pelajar-pelajar Melayu yang berulang alik belajar di Sekolah Inggeris Bandar Maharani.

Untuk membaiki perkhidmatannya pehak pentadbiran Jajahan Muar telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan dua buah injin lokomotif baru bagi menggantikan yang lama.<sup>29</sup> Dalam pada itu Sultan juga telah memerintahkan supaya jalan Keretapi Muar dipanjangkan sehingga ke Sungai Batu Pahat.<sup>30</sup> Dewan Negeri Johor telah bersetuju dengan perentah itu dan memutuskan kerja awal hendaklah dimulakan untuk menyambungkan rel dari Sungai Pulai (Batu 14) ke Sungai Balang (Batu 17) dan seterusnya ke Batu Pahat.<sup>31</sup>

---

27. *Ibid.*

28. SUK, 579/15, PJK Muar kepada SUK, 17 Ogos 1915 menurut Banci Tahun 1911 penduduk Jajahan Muar berjumlah 63,368 orang. Di Bandar Maharani sahaja yang terdapat 4,976 orang penduduk. Parit Jawa pula berjumlah 11,933 (lihat SSD 1912, ms. 484C).

29. GA 588/1916 Assistant kepada GA, 3 September 1916 Lokomotif ciptaan Syarikat Amerika di London – trek keretapi itu ialah 30 inci, lihat gambar dan borang order.

30. GA 439/16, lihat surat menyurat 25 Jun dan 13 Julai 1916.

31. Lihat Fail *Dewan Negeri* 795/1915. Private Secretary kepada Timbalan Menteri Besar.

Walaupun pentadbirannya yang seratus peratus dijalankan oleh bumiputra tetapi beberapa keadaan seperti alam dan kewangan telah melembabkan kelincinan perkhidmatan keretapi Muar itu.<sup>32</sup> Diantara Batu 7 – Batu 14 tanah di situ terlalu lembut dan ini menyebabkan kerja-kerja buruh terpaksa bertumpu ke situ tanah itu perlu ditambak disetiap kali terem berlepas. Sementera itu setesyen keretapi di bandar terlalu uzur sempit dan merbahaya, pehak pentadbiran keretapi Muar dalam tahun 1916 telah merancangkan pembinaan setesyen baru di Jalan Arab, tetapi Sultan minta rancangan itu ditangguhkan sehingga ke tahun 1917.<sup>33</sup> Simpang jalan keretapi sekat setesyen Bandar Maharani juga tidak cukup tetapi tidak begitu dihiraukan oleh kerajaan. Dalam konteks kesejahteraan pekerja keretapi Muar pula sehingga ketahuan 1918 tidak ada usaha membena Rumah Pekerja keretapi Muar seperti mana terdapat di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Sementara itu penyusunan semula di sistem Penghulu dan Orang Kaya-Kaya juga telah menimbulkan masaalah kepada Pentadbiran keretapi Muar. Sebelum itu Penghulu-penghulu dan orang kaya-kaya ditempat-tempat jalan keretapi dibina adalah tanggungjawab membersihkan parit di kiri kanan jalan keretapi itu tetapi setelah tahun 1916 “*Maka sekarang tertinggallah jalan ini dengan semak kiri kanan rail dan paritnya tiada berjalan air kerana jambatan [Jabatan] keretapi didapati memelihara tentang railnya sahaja tetapi mendarat air tiada berjalan itu kepada rail keretapi di kebun di kiri kanan jalan itu juga*”.<sup>34</sup>

Bagi mengatasi soal penambakan jalan lembut mulai tahun 1915 melalui kerja-kerja memecah batu di Bukit Mor kerja tersebut dan juga mengeluarkan pasir telah terhenti dalam tahun 1917.<sup>35</sup> Jambatan-jambatan kayu yang sentiasa dilalui

---

32. Lihat SUK 597/15, PJK Muar kepada UK, 17 Ogos 1915 dan SUK 235/16 Traffic Mananger kepada PJK Muar, 11 Jan. 1916.

33. SUK 667/16, PJK Muar kepada SUK, 16 Sept. 1916.

34. SUK 313/18, PJK Muar kepada SUK, 6 Feb. 1918.

35. SUK 313/18. Traffic Mananger kepada PJK Muar, 21 Nov. 1917.

oleh teren-teren itu juga kian uzur dan menimbulkan masalah penggantian "kerana difikirkan kesusahan kayu balak hendak mendapatkannya pada waktu ini lagi pun harganya terlalu mahal."<sup>36</sup>

Oleh kerana keretapi adalah satu perkhidmatan ikhtisas sedangkan kakitangannya hanya menerima latihan melalui pengalaman, maka tidak dapat tidak kerja-kerja kejuruteraan sudah pasti menimbulkan masaalah keretapi Muar. "..... difikirkan belanja hendak menyempurnakan semua itu tentulah besar dan tiadalah pula pada pengetahuan saya /Muhd. Taib Abdullah – Traffic Manager/ boleh memberi peranggaran belanja-belanja dari itu berkehendakkan Engineer keretapi yang bijak dan biasa dalam kerja-kerja itu membuat estimate-nya dan juga menjalankan pekerjaan itu."<sup>37</sup>

Dalam perkhidmatannya keretapi Muar sentiasa penuh dengan penumpang, justeru itu gerabak-penumpang yang disediakan sudah tidak mencukupi, walaupun Jabatan keretapi Muar menyediakan koc penumpang kelas I, II dan III, tetapi masaalah kesesakan itu tetap tidak dapat diatasi. Surat *Traffic Manager 21 November 1917* menampakkan kesulitan yang didapati oleh Jabatan keretapi Muar tentang masaalah ini.

Bagi mengetahui masaalah biaya pemeliharaan perkhidmatan keretapi itu, dalam tahun 1916 Sultan Johor telah merentahkan penyegearan pembinaan jalan raya dari Bandar Muar ke Oarit Jawa.<sup>38</sup> Assistant Adviser Muar dalam satu suratnya kepada General Adviser di Johor Bahru melapurkan bahawa Jalan Raya melalui Jalan Abdul Rahman ke Parit Jawa siap dibina dalam tahun 1918 dan mengenai keretapi Muar serta masa depan dinyatakan bahawa:

*The line has no longer a monopoly of carriage, it is least contain that in the fruit season a large quantity of fruit (duku) is brought along Jalan Abdul Rahman by bullock-cart, its former out 1st being by sea or by rail .....*

36. *Ibid.*

37. *Ibid.*

38. Lihat GA 555/1916, surat menyurat 23 Ogos. 1916.

*As 9 suburban line to Parit Jawa the railway may perhaps still have its economic uses: When the road from Parit Jawa to the end of the line is completed the advisability of closing the remaining part of the line and concentrating efforts on the maintenance of a good service between Bandar Maharani and Parit Jawa might be considered.<sup>39</sup>*

Satu kesimpulan dapat diajukan, iaitu keretapi Muar telah memberikan sumbangan perkhidmatannya yang berfaedah dari segi pentadbiran, ekonomi dan kemasyarakatan dari tahun 1890–1918. Tahun 1918 berakhirlah ketunggalan keretapi Muar sebagai alat perhubungan ke selatan Bandar Muar itu. Pada umumnya, keretapi Muar telah memberikan perkhidmatannya kepada penduduk Melayu yang mengusahakan pinang, kelapa dan lain jenis pertanian. Keretapi Muar telah mendekatkan Parit Jawa dengan Bandar Maharani dan menyebabkan Pejabat Daerah Parit Jawa ditutup kerana masaalah Tanah dan pentadbiran dapat diberes segera dengan penduduk kawasan itu turun ke Bandar Muar melalui keretapi Muar. Oleh kerana pemerihalan yang cetek dalam rencana ini agak lengkas, walhal satu kajian ilmiah khas mengenai keretapi Muar dapat dilakukan. Maka dengan itu diharapkan terjawablah persoalan apakah yang berlaku setelah tahun 1918 dan bilakah *Muar State Railway* mengakhiri perkhidmatannya. Malah boleh juga terjawab nanti dugaan selama ini adakah keretapi Muar itu bermatlamat menyambungkan hasrat Maharaja Johor setelah gagal pembinaan keretapi rengan Johor Bahru ke Gunung Pulai dan tahun 1870'an itu. Sesungguhnya banyak ditil yang dapat dicungkil dalam kajilidik ini seperti sistem pentadbirannya, belanjawan dan kajian untung rugi, sistem perkhidmatannya, seterusnya perancangan keretapi Muar dalam kontek sejarah ekonomi dan politik tempatan. Oleh itu di yakini bahawa satu gambaran yang lengkap akan tercipta melalui kajilidikan dan penulisan ilmiah yang lebih mendalam dengan menggunakan bahan Arkib dan wawancara dengan mereka yang berkaitan.

---

39. Ga 174/1919, AA kepada GA, 22 Mac 1919.

**LAMPIRAN A**  
**LIST OF MUAR STATE**  
**RAILWAY COACHES**

QUAN-TITY	DESCRIPTION	WHEEL	BUILT	AGE
3	<i>Old Saddle Locomotive</i>	6	1890-1914	24
1	<i>New Tender Locomotive</i>	10	1914	1
4	<i>3rd class carriage</i>	8	1905	9*
1	<i>Saloon carriage</i>	8	1906	8*
2	<i>2nd class carriage</i>	8	1914	1
2	<i>3rd class carriage</i>	44	1900	14*
2	<i>Brake Van</i>	4	1905	8*
2	<i>Old covered wagons</i>	4	1905	9*
6	<i>New covered wagons</i>	4	1914	1
8	<i>Low Side wagon</i>	4	1897	17*
4	<i>Old Timber wagon</i>	4	1897	17*
4	<i>New Timber wagon</i>	4	1914	1
16	<i>New Ballast wagon</i>	4	1914	1
4	<i>Old water tank wagon</i>	4	1965	9*

\* Please note: the above thus \* are carriage too old for train service.

## ENDAU BANDAR DI SUMPAH?\*

Menurut cerita lisan penduduk Endau, bandar tersebut telah dibuka oleh seorang penghulu yang bernama Encik Endau. Menurut ceritanya lagi, Encik Endau ada kemungkinan keturunan separuh India. Jadi sebagai mengambil sempena daripada namanya, tempat itu dinamakan Endau, iaitu singkatan daripada Pak Cik Endau. Mengenai kedatangan Pak Cik Endau ke tempat itu, tidak pula dapat diketahui dengan tetap, namun begitu menurutnya Endau lebih awal dibuka daripada Mersing.

Sebagai seorang penghulu, Pak Cik Endau merupakan orang terpenting di perkampungannya, di Endau. Beliau mempunyai seorang anak gadis yang lebih terkenal dengan panggilan manjanya Seri Mersing. Sementara itu pula, seorang anak dagang dari Pahang bernama Damak telah pun menumpang berkampung di Endau. Sebagaimana sifat di antara anak gadis dan teruna, Seri Mersing dan Damak telah terpikat antara satu sama lain. Tali percintaan mereka berdua berkembang subur dari sehari ke sehari.

Tetapi malangnya menurut kepercayaan di Endau di ketika itu, adalah menjadi pantang bagi orang Endau berkahwin dengan bukan anak tempatan. Ini ternyata daripada kata-kata orang Endau yang berbunyi 'Endau orang kahwin Endau, lain tako boleh'. Kata-kata ini merupakan pisau dan racun kepada teruna dan dara, terutama sekali mereka yang mengalami alam percintaan sebagaimana yang dirasai oleh Seri Mersing dan Damak. Percintaan antara Demak dengan Seri Mersing telah pun diketahui oleh penduduk di situ. Reaksi daripada masyarakat Endau masa itu sangat-sangat menyedihkan. Masyarakat Endau tidak menyetujui langsung perkahwinan antara Damak dengan Seri Mersing, terutamanya bagi mereka yang telah jatuh hati dan bercintakan untuk mengahwini Seri Mersing.

\* Artikel ini dipadankan dari rencana Sharif Sabrai dalam Mingguan Malaysia 11 Mac 1973. Rencana tersebut telah mengutip cerita lisan mengenai Endau.

Walau bagaimanapun Pak Cik Endau sebagai seorang bapa dan penghulu di situ, terpaksa membawa perkara ini ke perundingan. Di sinilah Pak Cik Endau terpaksa mempertarungkan hatinya, memilih satu di antara dua: anaknya ataupun masyarakatnya. Keputusan yang diperolehi daripada perundingan tersebut sangat memilukan. Damak tidak dibenarkan untuk menduduki Endau lagi. Keputusan ini bukan sahaja menghancur-leburkan hati Seri Mersing dan Damak, ia juga menimbulkan akibat yang buruk kepada masyarakat Endau sendiri kemudiannya.

Di masa Damak hendak balik ke Pahang dengan perahu kecilnya, dia telah memberitahu orang di situ dengan berkata, Ini Endau saya juga yang bangunkan, kalau saya tiada Endau tidak akan boleh maju. Saya boleh pergi, tapi saya tinggalkan satu sumpah: "Bagi orang Endau masa hadapan, bahawa bandar Endau ini tidak akan maju daripada apa yang telah saya Buat." Dan menurut dongengnya juga, sejak itulah Endau tidak memperlihatkan kemajuannya.

Di dalam sejarah Negeri Johor moden, Endau pada mulanya adalah kepunyaan Negeri Pahang. Pada masa pemerintahan Temenggung Ibrahim, seorang yang lebih terkenal dengan panggilan Cik Busu iaitu Haji Abdul Latif bin Haji Wan Endut telah datang ke Endau dari Teluk Benggala. Cik Busu mempunyai hubungan yang rapat sekali dengan Temenggung sehingga kerana pergaulan mereka tidak ubah seperti adik beradik.

Apabila Daeng Ibrahim menjadi Tengku Mahkota Johor, baginda telah memerintahkan beberapa tongkang keling (India) ke Endau; bagi membawa beberapa ekor lembu untuk diberikan kepada Cik Busu. Di ketika itu Endau lebih terkenal dengan panggilan Padang Endau. Sesampainya di sana Cik Busu telah menceritakan hal bahawa ia tidak mempunyai kawasan. Dengan ini beliau telah diberikan kawasan (dari balai polis yang ada sekarang ini) hingga ke Murid.

Ketika itu keadaan masih lagi huru-hara. Perebutan untuk mencari kawasan dan kuasa sentiasa berlaku. Dengan itu Temenggung telah menghantar Muhammad Ali bin Khamis ke tempat itu. Kemudiannya beliau terus ke Hulu Endau dan didapati Pahang sangat-sangat menghendaki Endau.

Cik Busu telah mengadakan perundingan dengan Ali bin Khamis mengenai penempatan di kawasan ini. Ali juga tidak mempunyai kawasan. Kemudian seorang pegawai kerajaan bernama Cik Bakar telah datang dari Teluk Belanga dan memberikan pula sebidang tanah kepada Ali.

Pada masa pemerintahan Al-Marhum Sultan Abu Bakar pula, Cik Busu telah dianugerahkan gelaran Datuk. Cik Busu sangat-sangat berbangga, lebih-lebih lagi telah dapat memimpin masyarakat di situ. Endau pun mula terkenal. Dengan ini ramailah orang-orang dari luar seperti dari Trengganu dan Pahang membuat penempatan di Endau. Lama kelamaan tanah-tanah di situ telah dibahagi-bahagikan sedikit demi sedikit, hingga hal membawa kepada bersaranya kedua-dua orang tadi. Dan Endau menjadi satu kawasan perkampungan.

Selepas itu pentadbiran beralih dari satu tangan ke satutangan. Tokoh-tokoh baru muncul seperti Awang Daik, Uda Mohd Ali dan beberapa orang lagi yang setengah-tengahnya tidak cekap dalam pentadbirannya. Dalam masa inilah pentadbiran mula disusun dan kawasan-kawassn pula ditetapkan. Akhirnya kawasan Endau yang muktamad ditetapkan dari Gunung Jenang hingga ke Pulau Tiuman. Tetapi malangnya kawasan ini tidak maju.

Kedudukan Endau di pantai timur bolehlah dijadikan faktor utamanya. Tetapi, haruslah diperlihatkan dengan bandar-bandar lain seperti Mersing, Pekan, Kuantan dan beberapa buah lagi yang telah membangun lebih daripada yang ada di Endau. Kalau dibandingkan dengan bandar-bandar lain di pantai barat Johor Endau tidaklah boleh dianggap sebagai sebuah bandar. Ia lebih tepat merupakan sebuah pekan di persimpangan jalan.

Sekiranya benar pula cerita-cerita lisan dari penduduk-penduduk tempatan, bahawa Endau lebih awal dibuka dari Mersing dipersetujui bahawa Sumpah itu adalah satu daripada faktor yang membawa kepada kemunduran Endau.

Walau bagaimanapun adalah diharapkan semoga ahli-ahli sejarah di tanahair kita ini agar menyelidiki perkara ini bagi mendapatkan kepastian. Lebih-lebih lagi masih terdapat kesan-kesan purba seperti pinggan dan mangkuk emas yang

boleh didapati di daerah ini.

Yang menakjubkan mengikut dongengnya, barang-barang ini boleh dipinjam untuk kenduri dengan menggunakan amalan-amalan ghaib di sebuah kolam di situ. Tetapi keadaan begitu tidak lagi berlaku di hari ini, kerana kononnya ramai orang-orang yang tidak memulangkannya pada masa dulu.

Saya sangat tertarik hati dengan tulis sdr. Sharif Saburai dalam *Mingguan Malaysia* pada 11 Mac yang lalu. Terimakasih kepada sdr. Sharif kerana membuka perbincangan dan telah sudi memberikan asal-usul Endau juga episode Romeo Juliet Endau, iaitu Damak dan Seri Mersing. Kegagalan dalam cinta menyebabkan Damak berputus asa dan akhirnya bandar Endau itu telah disumpahnya:

*"Bagi orang Endau masa hadapan, bandar ini tidak akan maju daripada apa yang saya buat."*

Lantas sdr. Sharif merumuskan "Sejak itulah Endau tidak melihatkan kemajuannya. Beliau juga telah memeriksa masalah pentadbiran dan pimpinan sebagai sebab kemunduran Endau di samping faktor alam. Namun begitu faktor yang akhir ini meragukan beliau, buktinya telah dibandingkan Endau dengan beberapa tempat lain yang juga terletak di Pantai Timur Semenanjung yang boleh dikatakan maju seperti Mersing, Pekan dan Kuantan.

Usaha sdr. Sharif membuat kajian sejarah secara lisan itu haruslah dipuji, kerana ini membolehkan kita menjalankan kaedah penjelasan dengan membandingkan kajian yang berdasarkan rekod-rekod atau bahan arkib. Dengan cara ini kebenaran sejarah dapat diwujudkan untuk tatapan peminat sejarah amnya. Tulisan ini bermaksud untuk membuat beberapa pembetulan pada rencana Saudara Sharif Saburai. Biarlah dimulakan dengan membawa pembaca Sejarah Endau sepintas lalu.

W. Linehan yang menulis mengenal Sejarah Pahang menyatakan; sebelum berlakunya Perang Saudara di Pahang, almarhum Bendahara Tun Ali pada 25 Mei 1853 telah mewasiatkan kepada pembesarnya iaitu jawatan Bendahara Pahang akan dipegang oleh Wan Mutahir. Tetapi puteranya yang seorang lagi, iaitu Wan Ahmad hendaklah diberikan Endau dan Kuantan sebagai kawasan pemakanannya. Tetapi Wan Mutahir enggan melaksanakan wasiat itu. Ia menyebabkan berlakunya perang saudara itu antara tahun 1853 hingga 1863.

Sebenarnya Endau, Pulau Tiuman, Pulau Tinggi dan Pulau Anur adalah di bawah kekuasaan Pahang sejak abad keenam belas lagi. Sempadan asal antara Johor dan Pahang ialah Sungai Sedili. Apabila Wan Ahmad berjaya menjadi Bendahara Pahang, dia berhadapan dengan Wan Abu Bakar Temenggung Seri Maharaja Johor yang ingin meluaskan pengaruh Johor. Temenggung Johor itu telah membantu Wan Mutahir tetapi gagal.

Sesudah itu hubungan Johor dengan Wan Ahmad dapat dipulihkan. Berikutan dengan satu persetujuan kedua-dua pemerintah itu, maka dalam tahun 1867 Gabenor Negeri Selat Sir Harry Ord mengumumkan sempadan Johor dan Pahang. Sungai Endau dijadikan sempadan, dan Endau diserahkan kepada Temenggung Abu Bakar, manakala Pulau Sribut, Pulau Kaban, Pulau Tiuman dan kawasan utara garis lintang  $2^{\circ} 40' 0''$  diserahkan kepada Pahang. Dari sejak itulah Endau menjadi jajahan Johor.

Jelas di situ Sejarah Endau yang akan diliputi di sini ialah kawasan tebing kanan mudik Sungai Endau. Penulis-penulis barat menyebut tebing kiri, iaitu berdasarkan hukum ilmu alam fizikal yang merojok pengaliran air dari hulu, sedangkan penulis Melayu mengirakannya dari kuala ke hulu sungai. Memang benar seperti kata Saudara Shariff Saburai iaitu Endau lebih dikenali sebagai Padang Endau. Apa yang nyata ialah sudah pun ada penduduk di Endau itu yang menjalankan kegiatan hidup hari-hari dengan mengutip getah taban, rotan selain dari berhuma dan menangkap ikan. Mereka terdiri dari orang Melayu Pahang, Trengganu dan juga orang Asli Jakun.

Saudara Shariff menyatakan nama Haji Abdul Latif bin Haji Wan Endut sebagai tokoh utama, ini tidak dapat dinafikan lagi, tetapi keganjilan yang berlaku ialah: Bila tiba di Endau, Cik Busu (Haji Latif) telah menceritakan ia tidak mempunyai kawasan, "Dengan ini beliau telah diberikan kawasan (dari balai polis yang ada sekarang ini hingga ke Murid). "Keganjilan" yang saya maksudkan ialah cara Cik Busu mendapat tanah di Endau itu agak lain daripada amalan biasa dan keduanya kesilapan fakta sejarah. Ini boleh dibuktikan dengan melihat dasar pemerintah Johor memberi kuasa,

kawasan dan perlantikan sebagai ketua di satu-satu kawasan:

"Titah Al-Marhum Sultan Abu Bakar barang siapa yang membelanjakan hutan aku itulah akan memerintah kawasan itu."

Maksudnya di sini ialah siapa yang membuka hutan-banat Johor itu secara otomatis menjadi ketua kawasan itu. Memang tidak luar biasa jika Haji Latif berasal dari Teluk Belanga, kerana disitulah pusat pentadbiran Johor sebelum pindah ke Johor Bharu.

Perlantikan Haji Abdul Latif sebagai Ketua Kawasan Endau adalah lojik jika benar dia membuka kawasan itu, ataupun paling tidak sebagai orang kepercayaan Temenggung Johor. Perlantikan Haji Abdul Latif sebagai pemerintah Endau adalah penting, lebih-lebih lagi kawasan itu baru dipindah dipindah di bawah kuasa Temenggung Johor.

Dalam tahun 1873 Haji Abdul Latif telah pun dilantik oleh Maharaja Johor sebagai Residen atau lebih dikenali di zaman itu sebagai Naib Endau. (Sila lihat *The Straits Calendar & Directory* tahun 1873). Manakala Encik Mat dinyatakan sebagai Penolong Residen Endau. *SCD* adalah satu-satunya sumber semasa yang dapat dianggap sebagai kemaskini. Sistem Residen Johor ini tidak sama dengan sistem yang diamalkan di Perak mulai tahun 1874 itu. Mengenai kenyataan Saudara Shariff yang menyebutkan:

"Apabila Daing Ibrahim menjadi Tengku Mahkota Johor, baginda telah memerintahkan beberapa tongkang Keling (India) ke Endau, bagi membawa beberapa ekor lembu untuk diberikan kepada Encik Busu ..... sesampainya di sana Encik Busu telah menceritakan hal bahawa ia tidak mempunyai kawasan....."

Jika benar saudara Shariff maksudkan Daing Ibrahim itu sebagai Sultan Ibrahim (1895–1959), baginda menjadi Tengku Mahkota Johor pada 23 Mei 1891, sedangkan Haji Latif telah dilantik menjadi Residen Endau dalam tahun 1873. Jarak tahun dan dua peristiwa disezamankan adalah mengelirukan pembaca dan bertentangan dengan kebenaran sejarah.

Jika pula Daing Ibrahim itu dimaksudkan kepada Temenggung Johor (1821–1862), nyatalah silap sama sekali, pertamanya: Tidak ada gelaran Tengku Mahkota Johor sebelum tahun 1891 dan jawatan itu diisytiharkan dengan resminya dalam Perlembagaan Johor pada tahun 1895. Keduanya: Endau diletakkan di bawah perintah Johor selepas tahun 1867, sedangkan pada tahun itu Abu Bakar telah pun menjadi pemerintah Johor.

Satu lagi fakta yang agak kabur ialah kenyataan Saudara Shariff:

"Pada masa pemerintahan al-marhum Sultan Abu Bakar pula, Encik Busu telah dianugerahkan gelaran "Datuk". Encik Busu sangat-sangat berbangga lebih-lebih lagi telah memimpin masyarakat di situ. Endau pun mulai terkenal. Dengan ini ramailah orang dari luar seperti Trengganu dan Pahang membuat petempatan di Endau. Lama-kelamaan tanah disitu telah dibahagi-bahagikan sedikit demi sedikit, hingga hal membawa kepada bersaranya kedua-kedua orang tadi dan Endau menjadi satu kawasan perkampungan". Majallah Selamat Johor yang disusun oleh Onn Jaafar dapat membuktikan kepada kita, bahawa pengurniaan pingat-pingat kebesaran Negeri Johor bermula dalam tahun 1886 diikuti kemudiannya dalam tahun 1892 tetapi memang tidak terdapat nama Haji Abdul Latif sebagai penyandang pingat-pingat DPMJ mahupun SPMJ.

Dalam penyata pencen tahun 1911 Encik Busu yang dimaksudkan itu masih disebut Tuan Haji Abdul Latif. Tetapi jika Encik Busu itu dimaksudkan kepada Mohd. Ali Khamis, itu memang benar kerana beliau telah menerima gelaran Datuk dari Sultan. Elaun bersara Datuk Mohd. Ali ialah \$720 setahun, manakala Tuan Haji Abdul Latif ialah \$420 setahun. Namun begitu tidaklah dapat dinafikan kedua-dua tokoh itu telah memainkan peranan penting dalam memajukan Endau. Malah pengurniaan pencen itu adalah merupakan pengiktirafan mereka sebagai pegawai Kerajaan Johor.

Seterusnya disebutkan juga, selepas digelar "Datuk", Endau mulai terkenal dan ramailah orang berhijrah ke Endau. Tetapi kita harus ingat bahawa orang Pahang dan Trengganu

memang telah lama ada Endau. Buktinya di Endau telah pun ada Orang Kaya Endau yang bernama Encik Nik. Dalam tahun 1897 Tuan Haji Abdul Latif dan Orang Latif dan Orang Kaya Endau itu telah dibenarkan oleh kerajaan mengusahakan kebun kelapa di Pulau Babi.

*The Straits Calendar and Directory* tahun 1883 menyebut Naib Endau (Residen) ketika itu ialah Muhd. Ali Khamis, Haji Abdul Latif sebagai penolongnya, manakala Abu Bakar Mat sebagai Kerani Pejabat Naib Endau itu. Pada 8 Jun 1910 dinyatakan seorang yang bernama Haji Abdul Latif jadi Merinnyu Ketua Polis Endau.

Usaha untuk menjadikan bandar Endau telah pernah diusahakan oleh Datuk Bentara Luar atas perintah sultan dalam tahun 1892. Sultan Abu Bakar hendakkan Teluk Sari dijadikan bandar Endau. Pada masa itu Datuk Mohd. Ali sebagai pemerintah Endau. Diturunkan di sini kenyataan Datuk Luar mengenai pembangunan Endau:

*"Pada 21 hb. Julai fakir mula menjalankan pekerjaan ukur-mengukur dari Kuala Endau di tepi laut hingga sampai ke Teluk Seri dan fakir trace satu jalan dari Kuala Endau sampai ke Teluk Sari anggaran hendak dijadikan bandar seperti mana titah....."*

Sesudah itu Datuk Luar memaklumkan kepada Abu Bakar Sultan Johor:

*".... bagaimana titah itu molek akan tetapi sukar sedikit oleh sebab [tiada pelabuhan kapal] dan perahu musim angin berlindung, diharapkan Pulau Keban jika dapat dalam perintah Johor dapatlah patek menjalankan pekerjaan menjadikan bandar Endau itu. Jika tidak dapat Pulau Keban susah menjadikan bandar Endau dan didapati boleh menjadi bandar Endau itu di simpang Semberung Endau dekat [trace] keretapi....." [tambahan sayal].*

Akhirnya Sultan telah membatalkan rancangan pembukaan Bandar Endau untuk tahun itu. Datuk Luar tidak menerangkan kepada kita apa masalah di Kuala Endau itu. Namun begitu Major Datuk Haji Mohd. Said telah menyatakan sebab kemunduran Endau.

"Adalah Endau ini suatu jajahan yang pada masa dahulu telah termasyhur tetapi bagaimana bidal sepatah hanyalah indah khabar dari berita kerana dikira-kira iaitu boleh jadi sebuah bandar besar seakan Bandar Maharani Muar dengan sungainya lanjut hingga hulunya itu dibahaskan orang boleh bertarik perahu dengan hulu Sungai Muar. Dan lagi kedudukannya bersempadan dengan Negeri Pahang. *'Tetapi berhampiran dengan kualanya ada sedikit benda yang menghilangkan waktu bagi orang-orang hilir mudik sungai itu ialah ada sekeping tanah datar yang luas dan menganjur ke tengah sungai itu seperti keadaan sebuah pulau berhubung dengan sebelah tebing sungai itu, hanyalah seperti segenting yang boleh dijadikan terus [an] pada meringkaskan perjalanan.....'*

Jelaslah petikan dari *Hikayat Johor* II ini menyatakan kehadiran pulau di tengah kuala sungai itu sebagai faktor yang menyebabkan Endau tidak dapat dimajukan, tidak seperti kuala-kuala sungai Batu Pahat dan Muar boleh dimudiki hingga ke hulunya oleh tongkang dan kapal pengangkutan juga pukat-pukat bagi kebun gambir dan lada hitam yang biasanya terletak di hulu-hulu sungai. Namun begitu di tempat yang dinamakan Padang Endau ini kemudiannya di dirikan pejabat kerajaan, sekolah dan masjid.

Menurut "*Majalah Sambutan Perayaan 60 tahun*" pula dikatakan Datuk Luar mendapati Mersing lebih sesuai dijadikan bandar. Sesungguhnya Sejarah Endau dan Mersing tidak dapat dipisahkan, seperti juga Damak dan Seri Mersing.

Mengatakan Endau mundur kerana sumpah semata masih boleh dinafikan. Buktinya apabila Lim Ah Siang diberi pajak sembilan puluh sembilan tahun Kampung Teluk Sari, ia telah membawa masuk orang Cina yang menjalankan kegiatan pertanahan di situ.

Kerajaan Johor sentiasa mengkaji hasil bumi negerinya, menurut kajian W.H. Lake dalam tahun 1892 didapati Endau ada mengandungi galian bijih timah dan besi. Memikirkan kemungkinan perjumpaan galian itu akan membawa

kemajuan Endau, lagi pun Datuk Mohammad Ali pun telah uzur, maka kerajaan telah menaikkan taraf Endau sebagai sebuah wilayah yang akan ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Kerajaan.

Dalam tahun 1908 Ungku Hussin Al-marhum Ungku Abdul Rahman telah dilantik menjadi Timbalan Pesuruhjaya bagi Endau, dan memangku jawatan Pesuruhjaya Endau itu. Jawatan Pesuruhjaya yang penuh bermula dalam tahun 1918 dan dipegang buat pertama kalinya oleh Ungku Husain juga.

Memang Endau kurang mengandungi bahan galian. Oleh itu apabila timah didapati di Jemaluang, kira-kira sembilan batu dari Mersing, ramailah orang bertumpu di situ. Ini menjadikan Mersing dapat dimajukan. Sehingga ke tahun 1910 Mersing masih belum ada pegawai daerahnya atau sebarang pegawai Kerajaan Johor di situ.

Kemerosotan Endau dalam tahun 1930 an juga diperiksa oleh Datuk Mohd. Said Sulaiman dalam Hikayat Johor itu: "..... *Adalah malang tempat ini (Endau-Mersing) apakala jadi jalanraya dan keretapi di Keluang dan jalan terus ke Kota Tinggi dan Johor Bharu dan lori sewa pun banyak. Barang barang yang patut dibawa turun ke bandar Mersing dan berkapal ke Singapura berpusing terus dibawa oleh lori-lori ke keretapi di Keluang ataupun menerusi Kota Tinggi ke Singapura, yang demikian terhentilah kapal keluar masuk ke Mersing (pusat pemerintahan Endau) itu.*" Dan taraf Mersing diturunkan kepada daerah sahaja diperintah oleh seorang Pegawai Daerah. Manakala Daerah Segamat yang ditadbirkan oleh Pegawai Daerah telah bertambah maju mulai ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Kerajaan bagi Segamat.

Saudara Sharif juga menyatakan berlakunya huru-hara di Endau, malangnya tidak pula diberikan tarikh kejadian itu, tetapi selepas tahun 1872, krisis kecil mungkin telah berlaku huru-hara hebat tidak pernah direkodkan.

Kemunduran Endau dalam aspek ekonomi, tidaklah bermakan Endau ditinggalkan dalam bidang yang lainnya. Sebelum tahun 1911 telah pun ada Sekolah Melayu di Endau dan juga Sekolah (Nahu) Arab, tetapi bangunan itu akhirnya tidak dapat dipakai kerana terlalu uzur.

Mulai 1hb. Januari 1911 murid-murid Sekolah Endau itu belajar di rumah Ungku Pemangku Pesuruhjaya, akhirnya pada 7 Jun 1911 Sultan telah memerintah pembinaan sekolah itu ...." di mana tempat yang belajar dekat dan senang kepada budak-budak datang belajar Melayu bukan Quran atau Arab." Kemudian muncullah sekolah Melayu di Endau di Teluk Sari dan lain tempat dalam daerah Endau. Dalam tahun 1916 Guru Besar Sekolah Melayu Endau ialah Haji Muhd. Nor Abd. Ghani. Sehingga tahun 1941 tidak ternampak rekod yang menunjukkan kehadiran Sekolah Inggeris di Endau.

Kesihatan penduduk juga menjadi perhatian pemerintah. Ungku Husain dan Haji Latiff telah meminta kerajaan menempatkan seorang dresser di Endau, saya petikan di sini keputusan kerajaan: "..... kerana kebanyakan orang salah (banduan) dan lain-lain dapat sakit tiada dapat pertolongan ..... telah diperiksa kepada doktor jawabnya patutlah diletakkan seorang Dresser yang pandai di Mersing atau di Endau itu kerana tempat-tempat itu selalu didatangkan penyakit dan berminggu-minggu baru dapat khabar ke Johor". Saya rasa petikan itu tadi telah menunjukkan faktor lain yang memundurkan Endau.

Untuk memaparkan kemajuan Endau buat seketika boleh ditinjau dari kenalkan perjawatan pentadbiran Endau. Dari tahun 1910 hingga 1917 taraf Naib Pesuruhjaya Endau ialah sebagai Pegawai Daerah Kanan, satu-satu jawatan yang ada dalam Johor.

Pegawai Daerah Kanan mentadbir Endau dengan bantuan Haji Nordin selaku Penolong Pegawai Daerah Kanan dan Awang Ali selaku Magistretnya. Dalam tahun 1918 taraf Pegawai Daerah Kanan itu dinaikkan menjadi Timbalan Pesuruhjaya Kerajaan Endau yang masih terus dipegang oleh Ungku Hussein, dan Magistret Awang Ali menjadi Penolong kepada Timbalan Pesuruhjaya dengan kuasa pengadilan. Dalam tahun 1918 itu pentadbiran Endau telah pun ada pejabat-pejabat Pesuruhjaya, Perbendaharaan, Syahbandar, Mahkamah Polis, Imam Besar dan Naib Kadi.

Kemajuan hasil pendapatan Daerah Endau, menyebabkan

dalam tahun 1919 Endau dinaikkan sebagai wilayah yang di-perintah oleh Pesuruhjaya Kerajaan dan Bandar Endau telah diisyiharkan mencapai taraf Lembaga Bandaran menu-rut Enakment Lembaga Bandaran 1911. A.S. Small telah dilantik sebagai Penolong Penasihat Endau dalam tahun 1920, beliau juga bertindak sebagai Pemungut Hasil Tanah. Kemajuan petempatan menyebabkan seorang Pegawai Pe-tempatan diletakkan disitu untuk mengawasi petempatan di Endau dan Mersing. Galian di Endau dan Mersing menyebabkan Awang Hussein dihantar oleh kerajaan sebagai Mandur Lombong Endau dalam tahun 1920.

Dalam tahun 1929 pula telah pun ada Kelab Endau – Mersing di sana yang dipengerusikan oleh Magistret Endau, tetapi bila Ungku Mohd Salleh Mahmud menjadi Pesuruhjaya Endau, Ungku Pesuruhjaya itu pula yang menjadi Yang Di-Pertuan Kelab itu. Sehingga tahun 1929 taraf pentadbiran Endau adalah sama seperti Muar dan Batu Pahat.

Sebab kemunduran Endau dapatlah dirumuskan sebagai berikut:

- \* Ketiadaan hasil galian yang banyak seperti di Parit Jawa (Padang), kawasan Kota Tinggi dan Jemeluang Mersing,

- \* Sungainya yang tidak tidak boleh dimudiki oleh kapal-kapal, tongkang ataupun pukat-pukat gambir lada Cina. Tidak Seperti Sungai Muar, Sungai Batu Pahat dan Sungai Johor juga sungai-sungai lain yang boleh diduduki hingga ke hulunya. Faktor ini menyebabkan perkebunan Gambir dan Lada Hitam tidak dapat dijalankan di Endau.

- \* Kedudukannya di pantai timur yang terdedah pada angin timur laut dan musim tengkujuh diikuti pula dengan tiadanya kangkar-kangkar Cina yang merupakan punca pe-tempatan dan kepadatan penduduk yang terbesar di dalam negeri Johor. Kangkar itu biasanya berhampiran dengan tebing sungai yang boleh dimudiki. Ini menyebabkan Endau kurang dihuni orang.

- \* Kehadiran jalanraya dan keretapi melalui Keluang menyebabkan Keluang yang terletak di Hulu Semberung boleh dijadikan bandar dan daerah yang tersendiri dan tidak lagi berada dalam jajahan Endau.

\* Apabila galian banyak didapati di Jemeluang Mersing, menyebabkan pentadbiran lebih penting di Mersing. Oleh itu pusat pentadbiran terpaksa dipindahkan ke Mersing yang dianggapkan ada 'potential' atau masa hadapan untuk maju.

\* Penanaman modal oleh pemodal asing dan besar tidak dapat menumpukan kegiatan di Endau atau pantai timur Johor amnya, kerana tiada usaha pembangunan dan perhubungan oleh pemerintah, sedangkan dasar Kerajaan Johor adalah giat untuk memajukan kawasan yang ada potential dan 'future' sebagai suatu keutamaan.

Berdasarkan sebab-sebab inilah pentadbiran Endau dipindahkan ke Mersing. Taraf Pesuruhjaya dijadikan Pegawai Daerah Mersing sahaja. Sejak itu tumpuan pembangunan infrastruktur ditumpukan sekitar bandar Mersing yang diharap akan dapat dimajukan.

Taraf pentadbiran Pesuruhjaya itu sebaliknya telah dimulakan di Segamat yang kian maju dan sebelumnya diperintah oleh Pegawai Daerah sahaja, *Singapore and Malayan Directory* tahun 1939 dan 1941 telah tidak lagi mencatatkan Endau sebagai satu kawasan pentadbiran dan berpejabat kerajaan.

Sesungguhnya kajian ini adalah sepintas lalu dan melihat perkembangan Endau hingga tahap sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.

Bagi menutupkan rencana ini suka juga menyorot tulisan Saudara Sharif Sabarai, iaitu tentang apa yang dikatakannya sebagai dongeng kolam yang berisi pinggan mangkuk emas.

Ini mengingatkan saya pada suatu wawancara saya di Batu Pahat dua tahun yang lalu, ketika saya mengkaji Sejarah Batu Pahat 1880 hingga 1917. Dalam temuramah saya itu beberapa orang tua di Bandar Penggaram itu telah menceritakan kisah Perigi Batu Pahat di Minyak Beku itu yang mengandungi pinggan-mangkuk seperti mana cerita Saudara Sharif itu.

Mungkin Saudara Sharif mengatakan saya menafikan kisah itu, tetapi bagi saya ciri-ciri persamaan cerita tetapi berlaku di tempat yang berlainan bukanlah satu yang luar biasa. Ini dapat saya buktikan keadaan di Perak dan Selangor iaitu Kisah Nakhoda Tenggang Yang Derhaka. Di Selangor ber-

dasarkan buku 'Nakhoda Tenggang' karya Abdul Samad Ahmad. Dapatlah difahamkan Batu Cave yang ada sekarang ini adalah "Bahtera" Tenggang yang telah menjadi batu setelah disumpah oleh ibunya.

Cerita yang sama juga berlaku di Kubang Aji, Sungai Korok, Parit Perak, iaitu kira-kira 26 batu daripada Ipoh. Semua watak, tema dan aliran ceritanya adalah sama. Tetapi di Perak, bahtera Tenggang berada di dalam sungai yang dipisahkan dari tebing Sungai Perak oleh Kunci air Jabatan Parit dan Taliair di situ.

Kononnya menurut penduduk di situ jika air sungai itu tohor orang-orang tertentu boleh nampak puncak menara kapal Tenggang itu, dan kadang-kadang dapat didengar bunyi rantai bahatera itu oleh orang-orang yang tertentu.

Saya yakin Sejarah Endau yang lengkap dapat dikaji ditulis dengan menjalankan penyelidikan secara lisan dan kajian rekod dan arkib. Sesungguhnya tidaklah keterlaluan jika saya katakan tiap-tiap daerah di Johor hari ini ada ciri-ciri kelainan dalam perkembangan sejarahnya.

Kajian sejarah Lokal di Johor seharusnya dipergiatkan dan ditulis melalui disiplin sejarah. Mengenai *relics* mahupun karun sejarah seperti pinggan mangkuk emas itu bolehlah dikhodusukan penyelidikannya oleh para arkeologi dan Pihak Muzium Negara.

## PERANG SAUDARA DI MUAR

Pada umumnya buku-buku teks Sejarah Malaysia hanya menyatakan bahawa dalam tahun 1877 Kesang telah diserahkan kepada Maharaja Abu Bakar, tidak lebih dari itu penulis-penulis sejarah itu tidak pernah mencatatkan kepentingan dan kesan sejarah yang berlaku sejak tahun tersebut. Dalam usaha menyusun semula sejarah tanah air sudah semestinya hal-hal yang berlaku antara tahun-tahun 1877 dan 1879 itu dirakamkan dalam sukanan pelajaran Sejarah Malaysia yang baru.

*'The Muar Papers'* satu-satunya dokumen terpenting untuk kajian itu selain dari buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan seperti *Tarikh Datuk Bentara Luar* karya Muhd. Haji Alias juga karya-karya Datuk Haji Muhd. Said dalam *Hikayat-Hikayat Johor I dan II* dan lain-lain lagi termasuk surat menyurat atau suratan dalam fail-fail Pejabat Tanah Jajahan Inggeris yang telah dimicrofilemkan boleh diselidiki di Perpustakaan Universiti Malaya.

Pada 20 Jun, 1877, Sultan Ali Iskandar, Yang Di Pertuan Negeri Kesang telah mangkat di Umbai, Melaka; setelah memerintah Kesang sejak tahun 1855 lagi. Beberapa jam sebelum mangkat diwasiatkan penggantinya iaitu Tengku Mahmud, yang berumur sebelas tahun, putera Al-Marhum Sultan dari isterinya yang ketiga iaitu orang kebanyakan. Putera sulung sultan dari isteri tuanya iaitu Tengku Alam tidak bersetuju dan ia menuntut takhta Kesang sebagai haknya. Kehadiran Tengku Alam adalah satu faktor yang mencepatkan keadaan yang lebih runcing.

Persengketaan merebut takhta itu diruncingkan lagi oleh tindakan Pemangku Gabenor Anson, dalam satu suratnya kepada Maharaja Abu Bakar Johor dinyatakan:

*"..... saya bertanyakan pada Tuanku sebagai orang yang rapat selain dari kerajaan ini (Inggeris) mengenai hal ehwal Muar, juga yang mengetahui tentang undang-undang dan adat-adatnya untuk mengambil alih pengawalan negeri itu sehingga selesai persoalan gelaran itu ...."* Sehari kemudian

Maharaja Johor menyatakan persetujuan untuk menerima syor Anson itu.

Gambaran ke arah meletusnya Perang Saudara ini dapat juga dikaji dari Latihan Ilmiah Abdullah Ayob '*The Johore Succession Controversy 1850 -1878*' yang ditulis dalam tahun 1953.

Pembentukan negeri Kesang ini mulai berlaku di tahun 1855 apabila satu perjanjian dibuat oleh Temenggung Ibrahim dengan Sultan Ali.

Sudah menjadi satu kenyataan dalam Sejarah Malaysia bahawa orang Inggeris suka mencampuri hal-hal tadbir negeri-negeri tempatan. Ini adalah disebabkan oleh matlamat ekonomi dan politik mereka. Di Johor tokoh-tokoh Inggeris seperti W.H. Read dan E.A. Blundell menyokong Sultan Ali, manakala Pegawai-Pegawai tadbir Inggeris seperti Butterworth, Church dan Anson menyokong Temenggung Ibrahim.

Dengan persetujuan Gabenor Negeri Selat dalam tahun 1855, Sultan Ali menerima pencen \$500 sebulan dengan tunggakan berjumlah \$5,000 dan menjadi Yang Dipertuan Kesang. Mulai saat itu Temenggung Ibrahim menjadi pemerintah de facto Negeri Johor kecuali Kesang.

Sultan Ali bukanlah seorang yang cerdik, bijak maupun gigih malah masih seperti raja-raja di Negeri Melayu lain ketika itu yang mengamalkan konsep pemerintahan feudal dan tradisional. Di Kesang ia telah bersengketa dengan Temenggung Muar Ismail, yang telah mentadbir kawasan itu sebelum penyerahannya kepada Sultan Ali. Muhammad Ibrahim Munsyi dalam karyanya "*Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi (1870-an)*" menyebutkan bagaimana Sultan Ali menggunakan Tuk Silawatang seorang panglima Bugis untuk mengancam dan menyingkirkan Temenggung Ismail. Temenggung itu lari ke Pangkalan Kota dalam kawasan Segamat, yang terletak dalam kawasan pentadbiran Johor. Akhirnya Temenggung Ismail mengaku patuh dan taat setia kepada Maharaja Johor.

Johor yang diperintah oleh Maharaja Abu Bakar terus berkembang maju, sedangkan Sultan Ali gagal untuk memajukan negerinya. Ini adalah disebabkan oleh sikap dan

peribadi Sultan Ali. Malah lebih teruk lagi Sultan Ali telah meminjam dari seorang India berjumlah \$50,000.00. Apabila cukup tempuhnya pelangsaian hutang tidak dibuat oleh Sultan Ali, akhirnya diselesaikan dengan memberikan kuasa mengutip cukai pada orang India itu di Kuala Sungai Kesang dan tebing Kiri Sungai Muar.

Malah keadaan lebih kompleks lagi apabila Sultan Ali memberi konsesi yang berlapis-lapis kepada orang India itu dan beberapa orang Inggeris, juga sebuah syarikat Amerika. Ini menunjukkan keborosan Sultan dan tiada tersusunnya sistem pentadbiran. Kesemua ini adalah faktor dan juga latar belakang yang harus ditinjau dalam mengkaji Perang Saudara di Johor ini.

Gabenor Anson dan Pejabat Tanah Jajahan di London adalah faktor penting yang menyebabkan huru-hara di kawasan utara Johor itu. Anson telah menjemput Penghulu-Penghulu dan ketua-ketua tempatan di Kesang – Muar datang ke Singapura. Di pertemuan itu menurut Gabenor Anson:

*"Mereka (pembesar Kesang yang dijemput) itu menyatakan keinginan mereka negeri itu diletakkan di bawah pengagaman Maharaja Johor....."* Tindakan Anson menyebabkan perpecahan pendapat di kalangan penghulu-penghulu dan ketua-ketua dalam Kesang sendiri. Ini disebabkan setengah daripada mereka menyokong kerabat Sultan Ali.

Anson dengan restu Pejabat Tanah Jajahan telah mencadangkan pembayaran etaun kepada kerabat-kerabat Sultan Ali sebagai penghormatan. Tengku Sulung misalnya dicadangkan untuk menerima etaun \$2,004 setahun. Manakala itu Maharaja Abu Bakar juga telah membuat persediaan bagi menghantar Tengku Mahmud (waris takhta yang diwasiatkan ke Raffles Institution di Singapura), untuk diberi pelajaran. Maharaja Johor ketika itu juga menghantar dua putera Sultan Abdullah Perak ke Institut itu.

Tengku Sulung ialah orang yang benar-benar menjalankan pentadbiran Kesang, kerana Sultan Ali sering bersemayam di Melaka dan Singapura. Anson menyatakan Tengku Sulung juga ingin menjadi raja, bagaimanapun Tengku Alam tetap membantah tindakan Anson meletakkan Maharaja Johor sebagai pentadbir Kesang.

Dalam mengkaji Perang Saudara ini juga kita dapat gambaran sistem pentadbiran kerajaan Sultan Ali. Baginda itu mempunyai Penghulu-Penghulu di Jementah, Tanjung Gading, Kuala Kesang, Tasik, dan Orang Kaya Riang. Di samping itu terdapat juga penolong Penghulu dan Orang Kaya yang dipanggil Menteri dan lain-lain lagi.

Pada 26 November 1877, Tengku Alam membantah secara resmi tindakan Anson meletakkan Maharaja Johor sebagai pemerintah Kesang Muar. Ia terus terang menyatakan ia menuntut takhta Sultan Ali itu.

Keadaan bertambah tegang apabila Tengku Alam menuduh Maharaja bersama 200 orang termasuk Wan Mohd. Salleh Temenggung Muar, dengan kapal Pulai telah menawan Muar.

Setelah Maharaja Johor Abu Bakar menerima permintaan Anson menurut Persetiaan Tahun 1855 yang antara lain menyatakan penyerahan Kesang pada bila-bila masa hendaklah terlebih dahulu ditawarkan kepada Inggeris kemudian Johor dan akhir sekali jika kedua-duanya menolak barulah boleh ditawarkan kepada kuasa lain. Dengan persetujuan itu Maharaja menempatkan Encik Andak sebagai Residen Muar bagi memulihkan kawalan pentadbiran dan ekonomi Muar – Kesang. Menurut Residen Johor itu, Kesang tiada mempunyai hasil mahsul pada masa itu.

Dalam masa itu juga di rumah Bicara Istana Sultan Ali di Singapura Tengku Alam dilantik menjadi Sultan Kesang. Tengku Alam mendapat sokongan dari kerabat diraja Kesang, juga beberapa orang penghulu dan tokoh-tokoh seperti Wan Daud (anak Temenggung Muar) yang telah dilantik oleh Tengku Alam sebagai Temenggung Paduka Tuan Muar yang baru. Ini disebabkan tindakan Temenggung Muar yang sebenarnya menyokong pihak Johor. Lain-lain tokoh yang menyokong Tengku Alam ialah Panglima Sincu, Tengku Mat dan Tengku Nong yang dilantikannya menjadi Yang Dipertuan Muda di Kesang.

Tengku Alam yang memakai gelaran Sultan Alaudin Alam Syah mempunyai seorang setiausaha atau setengah dokumen menyebut sebagai Menteri bernama Awang Ibrahim yang bertanggung-jawab terhadap Sultan Alam dan menyim-

pan surat-surat (dokumen-dokumen) juga menghubungi penyokong Sultan Alam di Muar-Kesang. Surat-surat yang ditulis oleh Awang Ibrahim ini adalah dokumentasi penting dalam sejarah Muar-Kesang. Ini boleh disemak dalam *Muar Papers* yang terdapat di Arkib Negara dan Arkib Negeri di Johor Bahru.

Dalam perang ini Panglima Sincu memegang peranan penting, turut terlibat juga ialah Raja Berambut Panjang dari Negeri Sembilan. Dalam tahun 1879 dikatakan Tengku Nong berada di Jementah, Muar (sekarang dalam daerah Segamat). Ini telah diingatkan:

"Dalam semua hal jangan tinggalkan Panglima Chu dan semua penghulu dan Datuk Saban dan kalau ada penghulu yang tidak mahu tunduk pada seri paduka kekanda (Sultan Alam) dan tidak menghargai baginda sebagai yang diper-tuan, singkirkan mereka dan jika mereka melawan lakukan apa sahaja yang difikirkan baik dan rampas barang-barang mereka."

Inilah garis genting tercetusnya Perang Saudara di Muar – Kesang itu. Antara mangsa awal dari ingatan ini ialah Penghulu Fangkak. Ia dibunuh dan rumahnya dibakar hangus kerana enggan turut sama menyerang Jementah. Pada masa itu Jementah terletak dalam pentadbiran Muar. Sesungguhnya Perang Jementah ini penting. Ia bergema dalam Majlis Undangan Negeri-negeri Selat, akhbar-akhbar di Eropah dan juga Parlimen British. Di Majlis Negeri Selat W.H. Read, bekas penyimpan mohor Sultan Ali, dalam persidangan pada 24 Disember 1879 telah mengkritik hebat: "... if we had not interfered in 1877 these disturbances would probably not have occurred ...." Di sini karya W.H. Read, *Play and Politics Recollections of Malaya*, dapat membantu kita mengkaji pandangan Read dan penyokong-penyokong kerabat diraja Muar-Kesang berhubung dengan perangan saudara ini. Read telah bertanya di Majlis itu apakah benar Kerajaan Negeri-negeri Selat membenarkan Maharaja Johor membina kubu di Bukit Asap atau lain-lain jajahan Inggeris.

Sementara itu keadaan bertambah genting. Angkatan Tengku Nong telah menjalankan gerakan merisik dan mengin-

tip. Ia mendapat tahu di Padang (Parit Jawa sekarang ini) merupakan pusat bekalan yang dikawal oleh pasukan pengaman Johor. Tetapi ketika itu banyak anggota pasukan pengaman Johor di Padang telah pergi ke Muar untuk mengawal keselamatan di sana. Residen Padang ketika itu ialah Ungku Ahmad. Panglima Sincu mengambil kesempatan menyerang dan membunuh Penghulu Bakar. Sementara itu Balai Polis di Kuala Kesang dan Tanjung Gading telah turut dibakar juga.

Angkatan perang Kesang menghadapi kesulitan wang untuk menyertai perang itu. Mereka menerima derma-derma dari simpatisan-simpatisannya. Pernah di satu ketika Tengku Nong menerima £80 dari Ah Sin dan Imam Madin. Mr. Keun membekalkan enam pucuk pistol kepada Tengku Nong. Malah seorang Cina yang dicatatkan namanya sebagai 'Tong' telah membawa sejumlah senjata dari Singapura ke Jementah.

Dalam satu suratnya Tengku Omar atau Tengku Nong diminta oleh Sultan Alam membunuh Mr. Hole seorang Inggeris yang berkhidmat dengan Maharaja. Mr. Read dan Keun juga mengapi-apikan supaya angkatan Kesang membuat kacau di Jementah. Ini membolehkan Encik Andak dan Mr. Hole datang ke sana. Sementara itu pihak Johor juga telah membuat perkubuan di tebing kanan dan kiri sungai Muar. Di Chohong telah ditempatkan seorang penyelia bernama Encik Muhammad.

Dalam keadaan ini kedapatan masing-masing pihak telah bersedia. Oleh itu pertempuran tidak dapat dielakkan lagi. Angkatan Tengku Nong telah menyerang Kesang. Pertempuran awal berlaku di Rillau (Relau), dan Air Kertau. Pada 25 Oktober 1879 Tengku Nong dan angkatannya telah menyerang dan menawan Jementah. Penghulu Jementah telah lari ke tebing kanan Sungai Muar dan membuat pengaduan kepada pihak Johor:

"Maka satu angkatan peperangan dari Muar Kanan yang diketuai oleh Ungku Ahmad telah menyerang pula Jementah itu dan dapat menawan kubu-kubu Tengku Nong tetapi mereka dapat bertahan dengan kuat."

Keadaan ini menyebabkan Maharaja Johor menghantar

panglimanya Datuk Bentara Luar Muhammad Salleh Perang mengetuai angkatan perang negeri Johor ke Muar.

Peristiwa peperangan di Jementah ini dapat diikuti dengan begitu terperinci dalam buku harian Datuk Bentara Luar itu yang telah disunting oleh Muhammad Haji Alias yang diterbitkan dalam tahun 1928 di Johor Bahru.

Dalam buku hariannya Datuk Luar mencatatkan: "Pada 25 Oktober 1879 bangkitlah pergaduhan perang di Hulu Muar dalam Jementah, hingga beberapa orang sudah mati dibunuh oleh Tengku Nong dan Panglima Sincu. Pada 2 Disember fakir diperintah oleh Duli Yang Maha Mulia membantu Ungku Ahmad, Encik Isa dan lain-lain lagi yg telah melawan perang semenjak awal". (Lihat ms. 38).

Setibanya di Muar Datuk Luar dan angkatannya terus mudik ke Jementah. Di Lubuk Besar ia bertemu dengan Penghulu Kamat, Jementah dan telah melaporkan rumah-rumah telah dibakar dua hari sebelum itu dan orang-orang perempuan serta kanak-kanak telah mlarikan diri.

Ketika itu juga Datuk Luar melihat banyak rumah sedang terbakar. Dari situ angkatan Johor itu terus ke Lubuk Bandan. Di sini Datuk Luar menyatakan: Lebih kurang pada pukul 1 pagi musuh telah menyerang kami, masa itu malam gelap, mereka menembak dan bersorak. Mereka menembak ke arah kubu kami. Orang-orang saya mahu membalas tembakan, saya beritahu mereka 'jangan'. Orang saya tidak jadi menembak pada malam itu."

Dua hari kemudian angkatan perang Johor mula meyerang musuh, akhirnya Jementah dapat ditawan semula setelah empat kubu penting Tengku Nong jatuh. Keadaan Jementah selepas ia ditawan semula oleh angkatan Johor telah dilaporkan oleh Datuk Luar sebagai berikut: "Ramai orang perempuan Jementah datang kepada saya untuk mendapatkan perlindungan, lebih kurang 60 hingga 70 orang yang telah datang, kanak-kanak pula berjumlah ratusan orang. Saya menolong mereka membina bangsal-bangsal untuk mereka. Juga melindungi tanaman mereka dan memberi mereka bekalan. Maharaja Johor telah menghantar kain-kain untuk dibuatkan pakaian. Suami mereka adalah memihak kepada

kami. Bila saya tiba di sana mereka bergabung dengan kami, dan musuh telah meyerang rumah-rumah mereka di masa mereka tiada. Orang yang berperang bagi pihak Maharaja datangnya dari Jementah, Segamat, Paguh dan lain-lain tempat.

Sementara itu musuh-musuh terus diburu. Akhirnya Tengku Nong telah dapat ditawan dekat Gunung Ledang iaitu kira-kira sehari perjalanan dari Chohong.

Wan Daud pula dapat ditangkap kira-kira setengah jam dari masa Tengku Nong ditangkap. Turut dapat ditangkap ialah Tengku Mat, Panglima Sincu, Panglima Layut (Laut?), Raja Rambut Panjang, Panglima Sarip dan lain-lain lagi.

Perang itu tamat pada akhir tahun 1879. Dengan itu barulah Maharaja Johor benar-benar dapat menguasai kawasan Kesang.

Perang Saudara di Johor ini yang lebih dikenali sebagai Perang Jementah membawa beberapa implikasi penting dalam sejarah Johor khususnya. Mulai tahun 1880 secara praktik Kesang menjadi jajahan (daerah) Johor hingga hari ini.

Tamatnya perang itu merupakan satu dari faktor-faktor pembukaan Muar dan Bandar Maharani. Proses pembangunan dijalankan di awal tahun 1880-an, dan dalam tahun 1884 Maharaja Abu Bakar menamakan dan merasmikan pembukaan Bandar Maharani. Selepas perang itu kita dapatkan peranan Temenggung Muar sudah tidak begitu penting — kuasa otonomi yang diwarisi oleh Temenggung itu sejak abad 17 telah mulai luntur, begitu juga riwayat kerajaan Kesang itu. Sebaliknya kuasa Temenggung dijalankan oleh Residen Muar-Kesang. Encik Andak adalah Residen yang pertama. Dalam tahun 1884 Residennya ialah Ungku Sulaiman dan disertai oleh Datuk Luar selaku Pesuruhjaya Kerajaan bagi Muar. Di bawahnya hadir pegawai-pegawai daerah di Padang, Tangkak, Chohong dan Segamat, Institusi kedudukan Penghulu dan Orang Kaya di Muar — Kesang juga telah tetap mulai sejak 1880-an itu. Jelaslah bahawa sejarah Perang Saudara ini tidak harus diketepikan begitu sahaja, kerana ia mempunyai implikasi yang penting.


## BIROKRASI NEGERI JOHOR DAN ELIT TRADISIONALNYA

Matlamat rencana ini adalah untuk membuat satu *penerimanan* dan penjelasan tentang ujudnya beberapa kelainan sistem birokrasi dan elit tradisional Johor jika dibandingkan dengan amalan di negeri lain di Semenanjung Malaysia. Di Johor elit tradisional dapatlah dikenali sebagai golongan *Tengku, Ungku, Raja* dan *Wan*, manakala golongan kedua terdiri dari *Datuk* iaitu bukan berdarah raja.

Jikalau susunan birokrasi moden di Kelantan wujud selepas kehadiran Inggeris di negeri itu, dapatlah ianya hanya dapat disamakan dengan keadaan negeri Johor dalam tahun-tahun itu Negeri Johor tahun-tahun 1860an dan 1870an (Lihat Rajah I). Dalam tahun-tahun itu Negeri Johor dibahagikan kepada dua bahagian yang meliputi Sungai Muar dan pantai barat Johor diperintah oleh Ungku Abdul Majid, manakala kawasan yang meliputi Endau dan pantai timur Johor diletakkan di bawah pemerintahan Ungku Abdullah, kedua-dua Ungku ini berjawatan sebagai Pesuruhjaya yang bertanggung-jawab kepada Maharaja Johor dalam soal pentadbiran dan hasil mahsul wilayah jagaannya. Dalam kawasan-kawasan itu ditempatkan pula Residen-residen yang dilantik oleh Maharaja. Residen terdiri dari rakyat biasa kecuali di Muar pada tahun 1884 apabila Ungku Sulaiman menjadi Residennya. Dalam residensi-residensi itu terdapat kampung atau kumpulan kampung yang masing-masing diketuai oleh Penghulu dan Orang Kaya Setia yang mendapat tauliah dan persetujuan Maharaja (Sultan). Jikalau Birokrasi dimaksudkan sebagai organisasi yang menjalankan pentadbiran negara saya rasa dapat dijelaskan berdasarkan rajah I itu.

Kelainan yang pertama dalam elit tradisional Johor dari yang biasa ialah kerana kebanyakan Ungku-Ungku, Tengku, Wan itu mendapat didikan sekular dari Sekolah Rev. B.P. Keasberry di Bukit Zion Singapura yang dimulai pada tahun 1856. Mereka dan rakyat Johor lainnya mendapat didikan Sekolah Melayu ini selain dari pendidikan Agama Islam.

**RAJAH I:**  
**STRUKTUR PENTADBIRAN NEGERI JOHOR 1875**



Dalam tahun 1875 dimulakan tradisi menghantar saudara-mara elit tradisional belajar di England.

Mengenai golongan kedua dalam elit tradisional itu, dapatlah dikatakan dalam tahun 1850an masih belum ada gelaran Datuk di Johor, yang ada ialah Encik Long sebagai Menteri kepada Temenggung Ibrahim. Dalam tahun 1868 barulah ditemui gelaran Datuk Bentara yang disandang oleh Jaafar Haji Mohamad. Dalam tahun 1886 kehadiran golongan Datuk ini sudah ketara; antara gelaran itu ialah:

*Datuk Menteri Besar* untuk Jaafar Hj. Muhammad  
*Datuk Bentara Luar* untuk Mohd. Salleh Perang

*Datuk Bentara Dalam* untuk Ibrahim Abdullah, Munsyi

*Datuk Seri Amar Diraja* untuk Abd. Rahman Andak

*Datuk Sri Setia Raja* untuk Abdullah Tahir

*Datuk Penggawa Timur* untuk Jaafar Nong Yahya

*Datuk Penggawa Barat* untuk Abdul Samad Ibrahim

Jika di Kelantan berlaku keadaan sistem birokrasi yang difatkan sebagai 'tertutup' tetapi keadaan seperti itu tidak ujud di Johor. Ini adalah disebabkan oleh dasar lantikan ke dalam birokrasi Johor adalah mengikut pilihan berikut:

- i. Berasaskan kebolehan dan keupayaan
- ii. Pengalaman dan kecekapan
- iii. Kekerabatan pemerintah

Walau bagaimana juga cara perlantikan, namun golongan elit tradisional ini bukanlah merupakan kelompok yang menguasai dan memonopoli birokrasi negeri Johor. Jadual I dan II dapat membuktikan jumlah elit ini yang terlibat dalam birokrasi negeri itu:

Jawatan Birokrat yang biasanya dipegang oleh elit tradisional adalah seperti berikut:

Menteri Besar

Timbalan Menteri Besar

Yang Dipertua Majlis Bandaran

Yang Dipertua Jabatan Agama

Pelindung Orang China dan Pendaftar Persatuan

Pesuruhjaya Kerajaan Jajahan-jajahan selepas perang dunia kedua Jawatan *D.O.*, *A.D.O.* dan *O.A.D.O.*

JADUAL I:

PECAHAN ELITE TRADISIONAL DALAM JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN JOHOR 1922 – 1940

JUMLAH	Lantikan Terus Ke jawatan Pegawai Di Jabatan-jabatan								Lantikan Dari Bawah Ke Traf Pegawai	
	Kadet & Askar (JMF)	Undang- Undang	Setiausaha Kerajaan	Bandaran	Polis	Haiwan	JKR	Kesihatan	Kerani 6 kerani	Private Askar (JMF)
2 Kadet		(1) Naib Hakim 1884	(1) Pegawai Percubaan	(1) Timbalan YDP (Percubaan)	(1) Timbalan Penuruh- jaya (Percubaan)	1 Vertinary Surgeon	1 Penolong Jurutera Telegrap	1 Medinyu Kesihatan jaya		
1 Lt. Muda		(1) Majestret Pelatih								
		1 Pegawai Tambahan Sementara								
19 + 1: 20 orang	3	3	1	1	1	1	1	1	6	1

JMF: Johore Military Forces.

Cerakinan: MAF/34 1973

dengan kerjasama

Encik Mohamad Haji Yusof.

Punc: RSLMOJ 1922–40

JADUAL II:

ELITE TRADISIONAL (UNGKU (U) DAN WAN (W)) DALAM BIROKRASI JOHOR  
PADA PERJAWATAN TINGKATAN KHAS, TERTINGGI DAN BIASA 1951 – 1969

Tahun	Khas Tingkatan Tertinggi (S. Scales)						Tingkatan Biasa					Jumlah Jumlah
	Staff	JJ	I A	JJ	I B	JJ	II A	JJ	II B	II C	Kadet	
1951	1	3	1	7	1	12	1	16	1	2 (U) 1 (W)	2	10
1957	2	3	1	8	2	12	2	18	1 (U) 1 (W)		2	11
1958	2	3	1	8	–	–	1	9	2	–	6	12
1965	–	–	–	–	1	7	–	–	–	3		4
1968/69	–	–	–	–	–	–	Tingkatan Biasa					2
Jumlah	5		3		4		4		7	6	10	39

JJ: Jumlah Jawatan dalam kelas-kelas di tingkatan itu

Cerakin: MAF/3473/1230 MLM

Punca: Johor Civil Service

List 1951 – 69 (Arkib Negara  
Caw. Selatan)

Dari jumlah golongan ini yang terlibat dalam pentadbiran, dan juga jumlah perjawatan, nyatalah soal golongan elit tradisional Johor memonopoli sistem birokrasi tidak timbul. Ini adalah disebabkan adanya:

- i. Perlembagaan Negeri tahun 1895
- ii. Perintah Am (*General Order*) 1913

#### Perlembagaan Negeri:

Perlembagaan Negeri Johor dikenali sebagai 'Undang-Undang Tubuh Negeri Johor'. Perlembagaan ini telah memperuntukan penubuhan dua badan: *Majlis Negeri* atau 'Mesyuarat Kerajaan' yang mempunyai kuasa perundangan dan satu lagi ialah Jemaah Menteri yang diperuntukkan mempunyai kuasa eksekutif. Sehingga tahun 1914 Jemaah Menteri merupakan badan yang menentukan dasar kerajaan. Dari sepuluh orang anggota kabinet atau Jemaah Menteri Johor itu hanya terdapat seorang sahaja Ungku iaitu Ungku Sulaiman, Pesuruhjaya Besar Kerajaan, manakala kerusi yang lain itu dipegang oleh Datuk-Datuk bergelar.

Dari para di atas ini tadi dapatlah dinafikan keadaan di mana golongan Datuk-Datuk terlalu kecil untuk mempengaruhi penentuan keputusan dalam pemerintahan.

Berdasarkan pendapat Sdr. Wahab Khalil<sup>1</sup> golongan Datuk di Johor ini termasuk dalam gulungan elit tradisional, tetapi definisi atau konsep tradisional memerlukan satu ketentuan. Sebabnya di Johor sebelum gelaran itu diberi mulai tahun 1883, kesemua mereka itu adalah terdiri dari gulungan rakyat biasa yang telah mencapai kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran Johor. Pencapaian ketingkat tertinggi dalam perjawatan itu adalah hasil dari kelayakan, pengalaman dan kecekapan, juga ikhtisas mereka. Dua contoh dapat dijadikan buktinya. Jaafar Haji Muhammad dalam tahun 1850 an berjawatan sebagai Kerani Besar, sebelum tahun 1883 menjadi Setiausaha Kerajaan Johor dan mulai tahun 1883 dilantik menjadi Menteri Besar Johor yang pertama. Bukti kedua ialah Datuk Bentara Luar Muhd. Salleh Perang, dalam

---

1. 'Gulungan yang menentukan dalam pemerintahan negara' *Dewan Masya'rahati*, Jilid XI, Bil. 3, 15 Mac 1973, h. 10-12.

tahun 1856 beliau menjadi Kerani di Pejabat Encik Long Menteri, kemudian dalam tahun 1868 menyandang jawatan Pesuruhjaya Polis Negeri akhirnya dilantik sebagai Yang Dipertua Jabatan Gambir, Lada dan Tumbuhan, iaitu bertaraf Menteri. Ini berlaku dalam tahun 1886.

Berdasarkan tingkat-tingkat pencaian itu nyatakan gulungan Datuk ini tidak memenuhi ciri-ciri tradisi, ini adalah disebabkan oleh Datuk-Datuk itu:

- i. Mendapat jawatan secara pencapaian
- ii. Jawatan dan gelaran itu tidak diwarisi (*ascribed*)
- iii. Kebanyakannya mempunyai didikan ugama dan sekular samada sekolah Melayu atau Inggeris
- iv. Mencapai Jawatan kerana pengalaman, kebolehan dan kecekapan.

Sehingga ke tahunan 1914, Sultan dan Jemaah Menteri menentukan dasar dan pemilihan pegawai kerajaan. Kehadiran Inggeris yang meminda Undang-Undang Tubuh Johor menyebabkan Jemaah Menteri hilang kuasa kerjanya. Dalam tahun 1922 sudah jelas ada tiga badan pemerintahan Johor:

- |                                      |      |
|--------------------------------------|------|
| a. Majlis Negeri (Kuasa perundangan) | 7:20 |
| b. Majlis Kerja Negeri (Kuasa Kerja) | 4: 9 |
| c. Jemaah Menteri (Kuasa Penasihat)  | 4: 8 |

Jelas di situ menunjukkan dari 9 ahli EXCO negeri hanya 4 orang sahaja Ungku-Ungku yang menganggotainya. Ini bererti kuasa membuat dan melaksanakan undang-undang dan dasar tidak dimonopoli oleh gulungan Ungku, Raja atau Wan. Ke semua elit tradisional itu tertakluk pada Perintah Am. Kekerabatan bukanlah satu alasan untuk mengelakkan seorang elit tradisional itu disingkir dari sistem birokrasi Johor. Ini adalah sikap pemerintahan Johor yang berkehendakkan kecekapan dan kelincinan jentera pentadbiran.

Atas sikap inilah menyebabkan dari tahun 1922 – 1940 hanya terdapat 20 orang elit tradisional golongan pertama yang menjawat jawatan dalam pentadbiran Johor, manakala antara tahun 1951 dan 1969 terdapat 39 orang sahaja. Dari Jadual I dan II terdapat elit tradisional yang terpaksa bertugas sebagai pelatih kerani, kemudian kerani, dalam ber-

bagai kelas dan akhirnya dapat naik menjadi Pegawai. Dari situ ia akan naik ketingkatan tertentu. Namun begitu tidaklah dapat dinafikan adanya lantikan terus ke jawatan tingkat-an biasa, belum pula saya temui rekod yang menunjukkan berlakunya perlantikan terus ke tingkatan tertinggi dalam per-jawatan Kerajaan Johor, atau apa yang disifatkan sebagai golongan yang menentukan itu nyatah hany kurang lebih 20% sahaja elit tradisional dalam sistem birokrasi Johor.

Menyentuh soal "nepotisme" pula, bagi saya amalan itu bukanlah (jika ada) hanya berlaku apabila elit tradisional diresapkan ke dalam sistem birokrasi. Amalan 'nepotisme', mungkin juga boleh berlaku terutamanya apabila elit politik dan elit ekonomi bergabung dalam "organisasi yang menjalankan pentadbiran negara."

Sebagai rumusan, dapatlah saya katakan sistem birokrasi di Johor tidaklah tertutup jika dibandingkan dengan keadaan di Kelantan seperti yang diperikan oleh Sdr. Wahab Khalil. Malah bagi saya konsep 'tertutup' dalam birokrasi memerlukan garis-garis ketentuannya setelah dibuat kajian perbandingan di kalangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini. Sistem Birokrasi Johor yang serupa itu menyebabkan lebih banyak golongan yang diperintah (rakyat biasa) yang berpendidikan dapat mencapai jawatan sebagai elit birokrat yang berkebolehan dan berkecekapan. Mungkin agak keter-laluan jika saya menyatakan terdapat ramai elit birokrat Johor telah diserapkan kedalam jawatan M.C.S. atau apa yang dikenali sekarang sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomat. Keadaan ini berlaku dalam tahun 1950an dan lebih ketara selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya.

## PASUKAN POLIS JOHOR: SATU KOMENTAR SEJARAH

Rencana ini akan membutirkan perkembangan rengkas Pasukan Polis Johor dari tahun 1858 – 1915 serta ditunjukkan juga keganjilesaannya.

Tahun 1855 dapatlah dikatakan sebagai satu titik perubahan atau proses modenisasi di Johor. Setelah mendapat kuasa mutlak ke atas Negeri Johor. Temenggung Ibrahim telah berusaha mengwujudkan keamanan di tanah besar Johor juga mengawal lalu lintas dan perdagangan negeri itu.

Kerajaan Johor telah membeli dua buah *gunboat* dalam tahun 1856 dan dua tahun kemudian Pasukan Pengaman Negeri Johor telah dibekalkan dengan 100 pucuk senapang jenis 'enfield' serta telah menerima latihan berkawad atas persetujuan dan kerjasama Pegawai Pemerintahan Markas Gerisen Singapura.

Pertumbuhan Pasukan Polis di Johor dapat diikuti dari catitan Datuk Bentara Luar Mohd. Salleh Perang. "*Pada tahun 1858 masa itu telah terbuka Polis di Iskandar Puteri iaitu Johor yang ada ini pada 3 Oktober 1858 lalu dihantar fakir menjadi Kerani di Iskandar Puteri .... segala pekerjaan yang terkandung di Mahkamah dan Polis semuanya di dalam kandungan fakir seorang meuliskan segala pengaduan dan menulis segala orang yang didakwa di hadapan mahkamah....*"

Berdasarkan petikan di atas nyatalah pasukan Polis Johor belum lagi disusun secara kemas kini dalam tahun tersebut. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan tenaga pegawai yang berkebolehan untuk mengetuai pasukan Polis tersebut.

Mohd. Salleh bin Perang telah dilatih oleh kerajaan Johor untuk mendapat pengalaman lisan selama beberapa tahun. Akhirnya pada 9 Disember 1868 Mohd Salleh Perang telah dilantik oleh Maharaja Abu Bakar sebagai Pesuruhjaya Polis Johor. Mohd. Salleh Perang memegang jawatan sebagai '*Chief Commissioner of Police*' yang mengetuai Jabatan Polis yang dibantu oleh anak saudara Maharaja Johor Ungku Sulaiman Daud sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis sejak

Januari 1874. Dalam tahun 1883 Datuk Bentara Luar mengetuai Jabatan Tanah, dan kerajaan Johor melantik Encik Abdullah Tahir (kemudian belar Datuk Seri Setia Raja) sebagai Pesuruhjaya Polis yang baru.

Dikatakan "Dalam tahun 1912, seorang Pesuruhjaya Polis Inggeris bernama G.P. Cuscaden telah dilantik menyusun sebuah pasukan polis yang lebih baik". Bagaimanapun eloklah ditinjau tugas kepolisian dalam tahun-tahun sebelum 1912. Dalam tahun 1860 – 80an Jabatan Polis Johor bertanggung-jawab menjaga keamanan beratus-ratus kawasan pekebunan gambir dan lada hitam Negeri Johor, kerana kekurangan Pegawai, Pesuruhjaya Polis terpaksa bertugas mengeluarkan geran-geran kebun gambir lada mengeluarkan surat jual beli dan hutang serta memainkan sempadan kebun bagi menyelesaikan selisih faham dikalangan pekebun Cina yang mengusahakan kebun gambir lada itu.

Walaupun Polis Johor telah wujud sejak pembukaan Johor Bahru, tetapi tidak terdapat organisasi dan fungsi Polis yang formal. Pada tahun 1290 hijrah (1870) *Council Negeri Johor* meluluskan 'Kanun iaitu Undang-Undang yang dipakai bagi Polis Johor'. Akta Polis Johor ini mengandungi 105 Fasal yang menditilkan tugas Jabatan, Polis negeri itu. Bukanlah keterlaluan jika dikatakan Pasukan Polis Johor adalah di jabatan yang telah tersusun dan sedang mencipta perkembangannya dalam tahun 1870.

Dengan berkuat kuasanya Undang-Undang Kangcu Tahun 1873, Jabatan Polis Johor turut memainkan peranannya, Fasal pertama Undang-Undang Kangcu itu menyebutkan peruntukkan 'kuasa Polis Johor dalam mendaftar permohonan gelaran Kangchu.' Fasal kesebelas pula kuasa polis mengeluarkan surat keterangan menebang hutan untuk dibuat rumah di tiap-tiap kebun gambir lada di hutan Johor. Polis Johor juga mempunyai tanggung jawab menyelesaikan perselisihan bersabit dengan kebun gambir lada menurut fasal 47 undang-undang itu.

Fasal kelima puluh enam menyatakan bahawa 'Kangkar-Kangkar di dalam daerah Johor hendaklah menyimpan satu mata-mata orang Melayu. Maka mata-mata itu juga boleh

menurut apa-apa perintahan Kangchu yang patut akan tetapi mata-mata itu hendaklah diminta kepada Commissioner daripada seorang yang baik perangai dan sebaik akalnya'. Polis juga mengeluarkan permit untuk berhimpun seperti bermain wayang yang boleh dipakai untuk selama 15 hari sahaja.

Sehingga ke tahun 1885 tidak terdapat Pasukan Tentera di Johor oleh itu Polis Johor telah memainkan peranan tidak sahaja dari segi keamanan bahkan dari keselamatan Negeri. Dalam tahun 1879 telah meletus kekacauan di Jementah dekat Segamat, kekacauan itu telah menyebabkan berlakunya Perang Saudara.

Pada 25 Oktober 1879 hijrah Ungku Ahmad mengetuai 'Orang Orang Johor' bagi menentang Tengku Nong dan Wan Daud penyokong Tengku Alam Putera Sultan Ali Kesang yang menuntut tahta kerajaan Kesang. Mohd Salleh Perang selaku Pesuruhjaya Polis Johor telah menerima surat perintah dari Maharaja Johor pada 2 Disember 1879 untuk membawa pasukan bantuan dan senjata 400 pucuk senapang dan meriam "kerana waktu itu Johor belum ada askar jawatan peperangan melainan segala alat senjata dan kekuatan Negeri itu ada tersimpan di dalam kuasa Pesuruhjaya Polis.

Berdasarkan Pemberitahu Kerajaan No. 131 yang dikeluaran oleh Pejabat Polis pada 19 November 1889, dibutirkkan seperti, tugas Polis Johor iaitu menetapkan bayaran, menge luarkan Lesen Candu dan Arak, Sukatan Cupak, Nombor Sempadan, Nombor Pukat (kapal) Ikan, Pukat Gambir lada, Perahu Melayu, Perahu Bugis dan Sekochi.

Seterusnya diperlihatkan pula perkembangan susun pangkat dan gelaran jawatan dalam konteks ini diperlihatkan contoh yang terdapat dalam tahun 1883 hingga tahun 1922. Dalam tahun 1883 Pesuruhjaya Polis ialah Abdullah Tahir, Penolong Pesuruhjaya I, Ungku Sulaiman, Penolong Pesuruhjaya II, Ungku Mohamad, Timbalan Pesuruhjaya Encik Dapat, Ketua Inspektor pula ialah Mohd. Saad Hussain yang mengawal tidak kurang dari 21 Rumah Pasung (Balai Polis) di negeri Johor. (SSD. 1882, h. 124).

Tetapi dengan penubuhan Bandar Maharani dalam tahun

1885 Pasukan Polis Johor turut berkembang maka di Jajahan Muar Pasukan Polis diketuai Pesuruhjaya dan Ketua Inspektor. Untuk membezakan jawatan di peringkat Negeri dan jajahan maka ketua Polis Negeri diberi gelaran atau pangkat Pesuruhjaya Besar Polis (*Chief Commissioner*).

Dalam tahun 1887 beberapa pangkat lagi kelihatan – dipakai seperti Sarjan Major, Havildar dan Duffeda kesemuanya jawatan Pegawai Tak Bertauliah(*SSD*, 1887). Namun begitu di Negeri Kedah pada tahun yang sama Pasukan Polisnya yang diketuai oleh Pesuruhjaya C.B. Tivendale hanya mempunyai pegawai Tak Bertauliah yang mengetuai Balai Polis. Balai Polis Kota Star diketuai oleh Sarjan Majunis /*Md. Junid*/ lain-lain Balai seperti di Langkawai, Kulim, Krian, diketuai oleh seorang Kopral.

Polis Kedah mendahului Polis Negeri Tidak Bersekutu yang lain dengan menubuhkan Pasukan Band Polis yang mempunyai Band Master, seorang Sarjan dan Kopralnya. Johor mempunyai Band dalam pasukan Askar Timbalan Setia Negeri. Bagaimanapun dalam tahun 1890 Pasukan Polis Johor cuba menyesuaikan gelaran dan nama pangkat pegawai-nya.

Penyesuaian yang jelas ialah diperingkat Polis Jajahan. Berdasarkan di Muar Ketua Polis Jajahan ialah Pesuruhjaya Polis kemudian terdapat pangkat Penguasa Polis, Inspektor, Sub-Inspektor, Sarjan Mejar, Sarjan dan Kopral. Balai Polis Bandar Maharani dan Kesang diketuai oleh seorang Inspektor, manakala di Parit Jawa, Lenga dan Tebing Tinggi diketuai oleh Sarjan Major, yang lain ditugaskan kepada seorang Sarjan atau Kopral iaitu mengikut kekuatan pasukan. Pasukan-Pasukan Polis Johor telah menubuhkan cawangan '*Detective*' dan '*Marine*' atau Polis Laut.

Jajahan Batu Pahat yang dimajukan sejak tahun 1893 juga mempunyai Ketua Polis jajahannya yang berpangkat Inspektor yang di pegang oleh Haji Salim. Dalam tahun 1901, taraf Ketua Polis Batu Pahat dinaikkan apabila Awang Cik Ghani ditukarkan ke Batu Pahat dengan pangkat Ketua Inspektor dibawahnya terdapat seorang Sarjan dan beberapa orang Kopral. Di Endau Polis Daerah diketuai oleh Inspektor

manakala di Kota Tinggi pula dipegang oleh pegawai berpangkat oleh Sarjan Major, begitu juga di Sedili, lain-lain dipegang oleh Kopral, kawasan yang lebih kecil diketuai oleh *Lance-Corporal*. Sementara itu berdasarkan rekod tahun 1909 menunjukkan bahagian detective dan Polis laut jajahan diketuai oleh Pegawai berpangkat Inspektor.

Kerajaan Johor sentiasa mengkaji perkembangan Pasukan Polis dan telah dirancangkan usaha memperkemaskannya. oleh sebab dalam tahun 1912 itu empat pegawai Inggeris yang dipinjam termasuklah seorang Pegawai Polis. G.P. Cuscaden diberi tugas sebagai Pesuruhjaya Besar Polis Johor. Johor.

Catitan minit Mesyuarat Dewan Negeri Johor pada 4 September 1912 ada menyebutkan sikap mereka terhadap orang Inggeris. 'Sebab kita mengambil orang putih kerana dia sudah pandai bekerja jika dia hendak belajar lagi menjadi dia tidak pandai' Malah pegawai Inggeris yang dipinjamkan itu sentiasa diawasi oleh pegawai Melayu untuk memastikan sumbangan pegawai Inggeris terhadap Johor.

Dalam tahun 1912 Pesuruhjaya Cuscaden telah meminta kerajaan meluluskan tambahan seorang lagi pegawai Inggeris berpangkat Inspektor kerana keadaan memerlukan pegawai Inggeris yang tahu tentang '*Penal Law*', *Indian Proceeduer code* dan juga ketiadaan Pegawai yang boleh menulis dalam Bahasa Inggeris tetapi Sultan Johor dengan tegas menyatakan 'masa ini tiada dikehendaki bangsa putih lagi dalam Polis.'

Pesuruhjaya Cuscaden memang berusaha menyesuaikan dengan Polis di Negeri Melayu Bersekutu khususnya. Pertama ia mendapatkan beberapa pegawai Inggeris lagi untuk jawatan berpangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis dan Penolong Pesuruhjaya Polis. Pegawai Melayu Polis Johor yang tertinggi pangkat ialah Mohd. Taib Ahmad, Timbalan Pesuruhjaya Polis (*SSD*, 1918, h. 505).

Cuscaden juga berikhtiar merubah susunan pangkat jawatan Pesuruhjaya Besar Polis yang pernah dipegang oleh Datuk Luar, (1868 – 1882), Datuk Sri Setia Raja Abdullah Tahir (1882 – 1896) (Datuk Mohamad Mahbob (1896 –

1903) dan Datuk Ismail Bacuk (1903 – 1912). Cuscaden meminta Jawatan Pesuruhjaya Besar digantikan dengan pangkat Pesuruhjaya Polis sahaja dan Dewan Negeri Johor telah menyetujui syor tersebut dalam mesyuaratnya pada 12 Mei, 1915.

Penyata Tahunan 1922 menunjukkan di Jajahan Muar dan Batu Pahat Ketua Polisnya adalah berpangkat Timbalan Pesuruhjaya, di Segamat *Assistant Commissioner*, di Mersing-Endau, Kota Tinggi, Kukub dan Keluang masing-masing diketuai oleh seorang Inspektor (*SSD*, 1922, h. 621–72). Dan paling menarik juga ialah perlantikan Timbalan Pesuruhjaya Polis Abu Bakar Buang sebagai Ketua Bahagian Detektif Polis Johor.

Pembesaran dan memperkemaskan pasukan Polis Johor memang tidak dapat dinafikan ketara dalam tahun 1911. Ini terbukti dari Peruntukan Belanjawan Polis Johor pada tahun itu \$135,916.00 berbanding dengan tahun 1910 untuk kawasan tumpuannya adalah Johor Bahru yang diperuntukkan \$63,460.00. Dalam tahun 1913 pula Polis Johor mendapat peruntukan sebanyak \$159,102.00 dan meningkat lagi dalam tahun 1914 iaitu \$169,754.00. Dari segi peruntukan memang tidak dapat dinafikan lagi Polis Johor menuju perkembangaannya.

Suatu lagi komentar yang dapat dikemukakan disini ialah jawatan-jawatan Pesuruhjaya Polis. Sehingga ketahun 1910 Pesuruhjaya Polis adalah menjadi Ahli Majlis Negeri Johor (Dewan Negeri) merupakan pegawai yang agak kanan dalam birokrasi kerajaan Johor. Peluang-Peluang untuk menjadi Pegawai Polis Johor lebih banyak dirasai oleh anak-anak elite yang berkuasa.

Dalam tahun 1899 Ungku Hussain Abdul Rahman dilantik sebagai *Apprentice* Timbalan Pesuruhjaya Polis, Datuk Abdullah Jaafar (anak Datuk Menteri Besar) dilantik sebagai perantis Pesuruhjaya Polis Jajahan Muar. Lain-lain yang pernah memegang jawatan Pesuruhjaya Besar Polis bukanlah dari *rank in-file* atau juga Pegawai Bertauliah, tetapi kebanyakannya dari Pegawai Awam yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Besar. Tetapi untuk jawatan Penolong Pesuruhjaya

Polis Jajahan ke dalam adalah untuk mereka yang berpangkat rendah dan yang 'bertauliah' juga.

Suatu kajian ilmiah yang menarik mengenai Polis Johor dapat dibuat dengan mencungkil beberapa sifat kepolisan Johor. Suatu yang jelas dari perbincangan di rencana ini ialah dari tahun 1858 – 1911 Polis Johor adalah di tangan orang Melayu Johor. Dari tahun 1912 Polis Johor menempatkan tiga pegawai Inggeris dalam struktur hirakinya.

Namun pegawai bertauliah lain dan pegawai Tidak Ber-tauliah yang lain adalah terdiri dari orang Melayu. Peranan Polis Johor amat penting dalam pembangunan ekonomi orang Johor. Jasa-Jasa Datuk Bentara Luar, Datuk Sri Setia Raja, Datuk Mohamad Mahbob dan Datuk Ismail Bacuk dalam kepolisan Johor patut sekali dirakamkan.

Tidak kurang dari dua orang bekas Pesuruhjaya Polis Johor yang berjaya dalam kerjaya mereka sebagai Menteri Besar Johor, seorang berakhir dengan jawatan Setiausaha Kerajaan, lain-lain sebagai Pesuruhjaya Kerajaan bagi jajahan Endau. Bagaimanapun Pegawai Polis boleh menjadi Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri juga adalah satu-satunya sifat yang unik dalam Sejarah Johor.

## PERKEMBANGAN DAN PERANAN JABATAN AGAMA JOHOR 1895 – 1940

Sudah menjadi satu ciri dalam pensejarahan Malaysia bahawa Johor sering dikecualikan. Rupert Emerson yang mengkaji pemerintahan langsung dan pemerintahan tidak langsung telah kecundang untuk menempatkan Johor dalam dua bentuk pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu pada masa itu. Dari segi pentadbiran agama juga Johor dikecualikan.

*Development of Islam as a state structure became more pronounced in the Unfederated Malay States (UFMS). This was due to less pervasive British interest, control and economic development in those states plus the higher proportion of Malays living there (and consequently, fewer Chinese and Indians). The only exception was Johor.<sup>2</sup>*

Kelainan Johor dalam semua bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial adalah disebabkan oleh faktor-faktor kedudukan Johor, kehampirannya dengan Singapura, ekonomi dan kehadiran kepimpinan dan dedikasi.<sup>3</sup> Faktor dan fakta inilah yang telah mencorakkan wajah sejarah Johor yang tersendiri. Dalam konteks perkembangan agama, pertalian dengan Riau-Lingga adalah satu lagi faktor yang telah memberi sumbangan kepada terciptanya semacam suatu kelainan.

Sebelum tahun 1895, adalah tepat jika dikatakan bahawa telah wujud jawatan Musti dan Kadi Besar. Rekod separa rasmi yang terawal yang ditemui menunjukkan dalam tahun

- 
1. Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Ruler*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 4th imp. 1970, ms. 197–198.
  2. Thomas F. Willer, "Malayan Islamic Response to British Colonial Policy", *Jurnal Sejarah* (Jurnal Tahunan Persatuan Sejarah Universiti Malaya), Jilid XII, 1973/74, ms. 82.
  3. Huraihan lanjut sila lihat M.A. Fawzi Mohd. Basri, "Johor 1850 – 1917 satu kajian Perkembangan Pentadbiran Bumiputra." Manuscrip yang belum diterbitkan.

1873<sup>4</sup> Mufti Syed Salim dan Imam Haji Abdul Rahman telah pun dilantik oleh Maharaja Johor sebagai Ahli Dewan Negeri. Dengan perlaksanaan tradisi menganugerah pingat kebesaran negeri, penyandang jawatan Mufti dan Kadi telah dianugerahkan Darjah Mahkota Kelas Pertama iaitu Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) yang membawa gelaran 'Datuk'. Dalam tahun 1893 Datuk Mufti Johor ialah Syed Salim Al-Attas, manakala Datuk Kadinya ialah Haji Abdul Rahman.<sup>5</sup> Oleh kerana menjelang tahun 1893 jajahan Muar, Batu Pahat, Daerah Barat (Pontian sekarang), Endau dan Daerah Timur (Kota Tinggi sekarang) telah dibuka, paling tidak gelaran Datuk Kadi dapat membezakan antara kadi negeri atau kemudianya dikenalkan sebagai Kadi Besar dengan kadi-kadi di jajahan dan daerah.

Sehingga ke tahun 1895 agak sukar diterangkan secara terperinci akan tugas Mufti dan Kadi negeri Johor itu. Tidak ada jabatan agama ketika itu; yang sahihnya mufti adalah juga sebagai pengapit hakim dalam Mahkamah Johor iaitu satu amalan hingga ketahun 1909.

Dalam tahun 1895 di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, pentadbiran agama Islam telah disifatkan oleh seorang pengkaji bidang ini sebagai dalam keadaan "... *vestigil, unorganized, and poorly equipped religious dignitaries of earlier days, augmented by rural ulama.*" Significantly, this growing Islamic state structure was dogmatically dominated by "..... traditional, syncretic, heterodox and often Sufi-tinged Islam....."<sup>6</sup> Malah disebutkan juga terciptanya keadaan itu adalah kerana organisasi agama di negeri itu disokong kuat oleh sultan dan golongan aristokrat tegarnya pemimpin tradisional Negeri Melayu, katanya lagi "the reformist movement never become a major threat, although a vigorous debate lasted from 1900 into the 1930's."<sup>7</sup> Bagaimana pula keadaan di Johor? mempunyai keganjilesaannya?

- 
4. *Straits Calender and Directory*, 1873, ms. 12. Dalam tahun 1883 Syed Muhamad Syekh menjadi Mufti Johor, *SSD*, 1883, ms. 123.
  5. *SSD*, 1893, lihat dibawah judul I' Johore'.
  6. Willer "... Islamic Response ..." ms. 82.
  7. *Ibid.*, ms. 83.

## JABATAN AGAMA DAN ORGANISASINYA

Berdasarkan kuatkuasa Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895 fasal 28 maka Jemaah Menteri telah di-institusikan secara bertulis. Berikut dari itu juga berlaku perombakan besar dalam struktur perjawatan kerajaan Johor. Diantara jabatan baru yang dicipta ialah Jabatan Agama dan Pelajaran.<sup>8</sup> (*Eclastical and Education Department*)<sup>9</sup>. Y.A.M. Ungku Muhd. Khalid, D.K., S.P.M.J. telah diperkenankan menjadi Yang Dipertua Jabatan Agama dan Pelajaran<sup>10</sup>. Dari segi tarafnya jabatan tersebut dapat disifatkan seolah-olah bertaraf kementerian apabila Ungku Muhd. Khalid dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri.<sup>11</sup>

Sebagai satu agensi kerajaan Jabatan Agama dan Pelajaran mempunyai satu jawatan eksekutif yang terpenting iaitu Setiausaha Jabatan Agama dan Pelajaran. Jawatan yang pertama disandang oleh Muhd. Khalid Hj. Abdullah Munsyi.<sup>12</sup> Dalam tahun 1906 bahagian Pelajaran dipisahkan sebagai suatu jabatan yang berasing. Sejak itu Jabatan Agama bergerak sendirian dan lebih khusus bidangnya. Dengan berpegang kepada *Singapore and Straits Directory* tahun 1918 dan 1921 organisasi Jabatan Agama dapat digambarajahkan seperti dalam Rajah I dan II.

Jika dipandang dari segi kakitangannya ia menunjukkan Jabatan Agama sudah jauh lebih kemas, begitu juga pengkhususan tugas, iaitu jika dibandingkan dengan keadaan di akhir abad ke 19. Di abad tersebut untuk menentukan awal Ramadan (pusat) misalnya wajib ditentukan oleh tiga tokoh agama, misalnya puasa pada 1 Ramadan 1302 disahkan oleh Hakim Haji Mohd. Salleh dan Syed Salim Ahmad Al-Attas selaku

- 
8. SSDM/SUK, Menteri Besar kepada ketua-ketua Jabatan, 14 November, 1895.
  9. Terjemahannya berdasarkan SSD, 1901, ms. 323.
  10. SSDM/SUK, 14 November 1895, Sebelum itu menjadi YDP Jabatan Tumbuhan dan Pendaftaran gambir lada.
  11. SSDM/SUK, Datuk Amar kepada Ungku Muhd. Khalid, 22 Disember 1895.
  12. SSDM/SUK, Datuk Amar kepada Ungku Ismail, Naib Hakim, 12 Mei, 1895.

*Syekh-ul-Islam Johor.*<sup>13</sup> Agak sukar ditemui peranan Syekh-ul-Islam di Johor tetapi peranan Pejabat Mufti jelas sekali iaitu bertanggungjawab mengeluarkan tauliah mengajar agama Islam kepada guru-guru agama.<sup>14</sup> Manakala Pejabat Kadi, selaku pendaftar nikah cerai dan rujuk adalah juga bertanggungjawab pada soal-soal masjid dan kakitangannya.

### Majlis Agama

Apakah dapat diterima kenyataan bahawa salah satu sebab reformis Islam tidak begitu berjaya dalam tahun 1920-an ialah kerana terciptanya Majlis Agama Islam di negeri-negeri berkenaan? Di Johor rekod yang ditemui menunjukkan Majlis Agama Islam ditubuhkan dalam tahun 1925 dibawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja.<sup>15</sup> iaitu satu peraturan khusus untuk istana dan adat istiadat raja dan bukanlah seperti yang biasa disebut Majlis Agama dan adat istiadat Melayu. Bahagian IV fasal XV menerangkan tugas Majlis Agama pada awalnya:

*"Timbangkan hal-hal berkenaan dengan kerja agama dan melihatkan yang dilakukan dengan menasabah dalam hal yang kena-mengena dengan istiadat yang terharus serta pual menimbangkan hal-hal berkenaan dengan pelajaran agama atas kerabat-kerabat Yang Maha Mulia dan istapanya dan lagi melihat makam-makam, sedekah dan lain-lain khairat."*<sup>16</sup>

- 
13. Lihat *Buku Peringatan Datuk Menteri 1885–1890*, rujuk pada 18 Jun 1885 dan 1 Ramadan 1302. Bagaimanapun jawatan Syekhul-Islam tidak terpakai lagi bila perlantikan Syed Salim Al-Attas sebagai Mufti Johor, mengikut syornya Syekh-ul-Islam adalah bertanggungjawab menghalusi fatwa Mufti, SSDM, Mohd. Ibrahim Munysi kepada Sultan, 30 Mac, 1899.
  14. Fail SS 436/1918, YDP agama kepada SUK, 25 Feb. 1918 yang ada melampirkan Penyata Tahunan Jabatan Bagi Tahun 1917.
  15. *Percanangan Dalam (Jawi)*, Bil. 3 Penggal V, Johor 16 Rejab 1343 (10 Feb. 1925). Datuk Sri Amar Diraja Abdul Rahman Andak adalah pakar rujuk dan penasihat kepada jawatankuasa yang menggubalkan Undang-undang Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Dan merupakan bakti terakhir beliau kepada Negeri Johor.
  16. *LABP*, Bab IV, fasal 15.

Oleh kerana matlamat Majlis Agama pada asalnya untuk kepentingan istana, tugas Mufti dan Kadi Besar mulai 1925 juga ditentukan bagi maksud tersebut:

**MUFTI:** *Dalam Majlis Raja menyediakan dan membaca doa*<sup>17</sup>.

**KADI BESAR :** *Melakukan istiadat berkenaan dengan agama dan nikah kahwin dan kemangkatan dan lain-lain kerja agama dan melihat iaitu bagi kerabat-kerabat dan isi istana dan berpengetahuan yang benar bagi bagi agama maka Imam Istana itu bekerja seperti pembantunya.*<sup>18</sup>

Sebagai satu dari Jabatan Istana menurut Lembaga Aturan itu Jabatan Agama adalah termasuk dalam susunan jabatan yang penting dalam Majlis Raja dan Istana. Majlis Agama yang ditubuhkan dalam tahun 1925 itu dipengerusikan oleh Yang Dipertua Jabatan Agama Negeri Johor dan Mufti sebagai pengerusi ganti.<sup>19</sup>

Dalam tahun 1926, Majlis Agama Johor yang dianggotai oleh lebih dari lapan orang ahli itu meluaskan bidangnya iaitu termasuklah menjalankan ikhtiar mengajar orang-orang kampung akan pengetahuan agama.<sup>20</sup> Walaupun tugas Mufti dan Kadi Besar bertambah namun tugas warisan sebelum itu masih mereka teruskan. Di awal penubuhannya, Majlis Agama Johor adalah terdiri dari:<sup>21</sup>

**Yang Dipertua** : *Ungku Omar Ahmad*<sup>22</sup>

**Naib Yang Dipertua** : *Datuk Syed Abd. Kadir Mohsen, Mufti*

---

17. LABP, fasal 16,

18. LABP, fasal 17,

19. LABP, fasal 15.

20. *Percanagan Dalam*, Bil 3, Penggal IV, 16 Rejab 1342 – 10 Feb., 1925.

21. MB 225/26, YDP Jabatan Agama kepada MB, 13 Oktober 1926, lihat Laporan Penyata Tahunan Jabatan Agama Johor Tahun 1925.

22. Sebelum tahun 1895 bertugas sebagai Naib Hakim Johor, mulai 7 Nov. 1895 Pengadil Muar, 26 April, 1899 menjadi Naib Pesuruhjaya kerajaan dan Peng-adil Jajahan Endau.

<b>Ahli-ahli Jawatan</b>	: <i>Kadi Besar – Datuk Haji Mohd. Nasir Imam Besar – Haji Mahmud Manan Imam Istana – Syed Idrus Ahmad Al-Habshi</i>
<b>Ahli-ahli Lain</b>	: <i>Y.B.M. Ungku Abdul Aziz Majid (Menteri Besar dan Datuk Perdana Dalam) Y.M. Syed Hassan Ahmad Al-Attas Y.B.M. Ungku Mansor Ahmad Tuan Haji Ismail Haji Sulaiman</i>
<b>Setiausaha Majlis</b>	: <i>Abdullah Abdul Rahman</i>
<b>Penolong Setiausaha Majlis</b>	: <i>Haji Osman Abdullah</i>

Dalam tahun 1936 pula Jawatankuasa Majlis Agama adalah terdiri dari para ahli agama berbeza dengan keadaan sebelumnya yang sebahagian besar anggotanya terdiri dari bintari birokrat. Dalam tahun 1936 perlantikan Ahli Majlis dikuatkuasa melalui Warta Kerajaan.<sup>23</sup>

<b>Pengerusi</b>	: <i>Yang Dipertua Jabatan Agama</i>
<b>Naib Pengerusi</b>	: <i>Mufti</i>
<b>Setiausaha</b>	: <i>Kadi Besar</i>
<b>Ahli-ahli Jawatan-kuasa</b>	: <i>Timbalan Menteri Besar Imam Besar Hj. Ismail Sulaiman Hj. Abu Bakar Hassan – Kadi Muar Haji Mohd. Fathullah Haji Suhaimi Haji Abu. Rashid Haji Mohd. Salleh-Batu Pahat.</i>

#### Peranan Majlis Agama

Dua fungsi utama Majlis ialah sebagai pengubal dasar agama Islam dan juga sebagai penyelaras agensi dalam Jabatan Agama seperti membereskan masaalah yang dihadapi oleh Pejabat Mufti, Pejabat Kadi dan Pejabat Yang Dipertua Jabatan iaitu badan yang melaksanakan keputusan Majlis.

23. *Penyata Jabatan Agama*, 1936, Jadual I, 'Jawatankuasa Majlis Agama.'

Secara umum Majlis Agama Johor berubah corak dari matlamat awalnya iaitu dari agensi untuk upacara dan Majlis Raja kepada Majlis Agama yang lebih luas peranan awamnya (lihat Rajah IV). Majlis Agama Johor biasanya mengambil keputusan berhubung dengan perkara fatwa, soal pemberian biasiswa dan taja, menyemak kandungan kitab-kitab, menggubal peraturan dan undang-undang Islam, meluluskan penubuhan tempat-tempat ibadat seperti surau dan masjid dan menapis serta menyudahkan kitab-kitab agama untuk bacaan umum dan juga meluluskan tauliah mengajar agama. Walaupun Majlis ada membincangkan masaalah pelajaran tetapi sebahagian besarnya diselesaikan oleh Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor.<sup>24</sup>

Mufti merupakan pegawai yang bertanggungjawab untuk menjawab masaalah yang kemudiannya dijadikan fatwa. Secara umum mufti bertugas memberi fatwa kepada masaalah hukum syarak “*bagi tiap-tiap bahagian di dalam iktikad, ibadat, muamalat, munakahat, jinayat dan Qudayat dan di-dalam segala hukum sirayah cawang-cawang ilmu loghat agama dan adabnya.*” Ringkasnya Majlis Agama merupakan satu forum membincangkan satu-satu masaalah sebelum dijadikan fatwa.<sup>25</sup>

Dalam kontroversi mesyarakat Johor mengenai tentang terhadap “mendaftarkan Pakatan Bekerjasama di dalam Johor.”<sup>26</sup> Walaupun undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Negeri dalam tahun 1927 lagi, tetapi hingga ke tahun 1939, masaalah *Riba* telah menggagalkan penubuhan syarikat-syarikat koperasi di negeri Johor. Bagaimanapun usaha memberi keyakinan yang syarikat kerjasama adalah dibenar-

- 
24. *Penyata Jabatan Agama*, 1936, Jadual I Ahli Jawatankuasa Pelajaran terdiri dari YDP Jabatan (Pengerusi), Mufti, Timbalan Menteri Kadi Besar, Datuk Abdullah Esa, Haji Ismail Haji Sulaiman, En. Abd. Ghaffar Arshad dan Penguasa Pelajaran (ahli dijemput). Bezanya dalam Jawatankuasa ini lebih banyak dianggotai oleh Pegawai Negeri.
25. *Penyata Jabatan Agama*, 1935, Jadual III.
26. *Undang-undang Bilangan* 18, Tahun 1927. Antara lain faedah caruman kewangan syarikat Kerjasama telah disifatkan *Riba* iaitu bertentang dengan ajaran Islam.

kan dalam Islam telah dibuat oleh Datuk Abdullah Abd. Rahman, Yang Dipertuan Jabatan Agama Johor dengan membentangkan kertas kerjanya dalam majlis akan kepentingan syarikat kerjasama.<sup>27</sup>

Akhirnya majlis itu telah membentuk jawatankuasa kecil syarikat (*bye-law*) dan mensifatkan undang-undang tahun 1927 sebagai undang-undang ibu. Pada 19 Jun 1939 majlis secara muktamad membuat tatapan yang konstruktif ber-setuju meluluskan undang-undang syarikat kerjasama dengan pindaan pada fasal-fasal tertentu.

Walaupun Majlis Agama tertakluk pada dasar jabatan, namun majlis itu telah berjaya memberi sumbangan terhadap penubuhan sekolah Arab di negeri Johor. Sejak itu juga sekolah Arab di negeri itu diberi perhatian<sup>28</sup>

Dalam tahun 1930-an beberapa pelajar Johor telah pun dihantar oleh kerajaan Johor ke Asia Barat, terutamanya di Kahirah dan Beirut. Seramai tidak kurang dari tujuh orang pelajar Johor menuntut di Beirut.<sup>29</sup> Dalam tahun 1935 Majlis telah meluluskan permohonan mendapatkan Biasiswa Johor sebanyak \$500 setahun, antara mereka itu ialah Mohd. Amin Harun (Madrasah al-Akaddin) dan Abdul Jalil Hassan (Bahagian Al-Nadzami, Azhar).<sup>30</sup> Bagi menjaga kebajikan

- 
27. Lihat *Penyata Jabatan Agama Johor*, 1939, h. 20. Antara lain beban menyatakan perkumpulan modal orang Melayu Johor secara beransur-ansur kerana "membuat modal bekerja dan meminjamkan kerana hajat yang mustahak dan lagi mengelakkan orang Melayu itu daripada pinjam-meminjam kepada lain orang dengan menggadaikan harta punya dengan membayar interest faedah wang berlebih-lebih dari patut yang kebanyakannya hingga tiada terbayar dan habis harta punya terlelong berpindah ke bangsa lain."
  28. *Penyata Jabatan Agama*, 1932. Antara sekolah-sekolah dalam penyeliaan Jabatan Agama ialah; Kuliah Al-Attas (Johor Bahru) Madrasah Al-Attas Al-Arbian (Johor Baharu), Madrasah Al-Arabiah (Batu Pahat), Madrasah Al-Haji Taib, (Parit Jamil, Muar), dan Sekolah Latihan Agama (Buloh Kasap, Segamat).
  29. Onn Jaafar (Peny.), *Selamat Johor*, (Johor Baharu, 1935), ms. 41 antaranya Abdullah Haji Taib, Mohd. Noh Omar, Hassan Abdullah Syed Abd. Aziz, Mohamad Hj. Mahmud Hj. Abd. Manaf, Ungku Ismail Abd. Rahman dan Mahmud Hj. Hussein.
  30. *Penyata Jabatan Agama*, 1935. Lihat 'Penyata Majlis Agama Johor bagi Tahun 1935.

pelajar di Asia Barat, pihak Jabatan Agama telah bersetuju dengan cadangan Majlis supaya menempatkan Pegawai Hal-Ehwal Penuntut Johor di Masir.<sup>31</sup>

Majlis Agama Johor juga merupakan Lembaga Penilai dan Penapis buku teks sekolah agama dan buku-buku agama.<sup>32</sup> Disamping itu juga dalam tahun 1933 Majlis Agama Johor telah menyetujui penerbitan buku Panduan Bagi Pekerjaan Pegawai-pegawai Agama Johor iaitu pergunaan bagi menjalankan kerja nikah cerai, rujuk, Kadi dan Naib Kadi (Jurukah), Imam, Pemeriksa Agama, Pengajar-pengajar Agama dan lain-lain di dalam negeri Johor.<sup>33</sup>

Satu lagi jentera Jabatan Agama Johor yang penting ialah Jawatankuasa Pelajaran Agama, antara lain Jawatankuasa Pelajaran Agama ini bertanggungjawab pada perkara-perkara:

- i) *Pentadbiran dan Penubuhan Sekolah Agama termasuk Sekolah-sekolah Arab.*
- ii) *Peperiksaan Sekolah Agama.*
- iii) *Pengambilan guru-guru agama dan meyelesaikan masaalah guru agama termasuk kenaikan pangkat.*
- iv) *Sukatan Pelajaran Agama, Islam.*
- v) *Menyemak kitab-kitab.*

Berdasarkan peranan Jawatankuasa Majlis Agama dan Jawatankuasa Pelajaran Agama Johor, satu rumusan dapat dibuat iaitu kedua-dua jawatankuasa itu adalah merupakan nadi yang menghayatkan Jabatan Agama Johor. Malah dapat dibuat tanggapan bahawa dua jawatankuasa tersebut adalah badan penggubal dasar manakala Jabatan Agama melalui pegawai-pegawaiannya sebagai saluran perlaksanaan dasar dan keputusan kedua-dua jawatankuasa itu.

---

31. *Ibid.*

32. *Ibid* dan *Penyata Jabatan Agama*, 1937, mesyuarat 11 Nov. 1937 meluluskan peruntukan membuat cop akuan Jabatan, "Jabatan Agama Johor Naskhah ini disahkan".

33. Buku ini tersimpan di Arkib Negara Malaysia cawangan Selatan Johor Bahru.

Banyak lagi peranan yang dimainkan oleh Jabatan Agama Johor, namun begitu kejayaannya yang agak besar ialah menganjurkan muktamar tahunan kadi-kadi di Johor yang membincangkan perkara mengenai Mahkamah Kadi, Daftar Nikah Cerai, pungutan dan pembahagian harta-harta makat dan Baitulmal.<sup>34</sup> Semasa menutup muktamar pada 20 Ogos 1932 Yang Dipertua Jabatan Agama Johor menyebut "... *inilah satu kumpulan orang yang ditanggungkan oleh Y.M.M. Tuanku Sultan yang memelihara agama Islam bagi orang Johor.*"<sup>35</sup>

Sesungguhnya banyak perkara lagi yang dapat dicungkil melalui fail-fail Penyata Jabatan Agama yang terakib di Johor Baharu. Kajian ringkas ini pasti tidak merangkumi semua aspek namun diharapkan dapat membantu ke arah penulisan sejarah kegiatan agama Islam di Johor.

34. *Penyata Jabatan Agama*, 1938. Lihat di bahagian "Penyata Majlis Agama Johor 1938."

35. SS 1139/33, YDP Jabatan Agama Johor kepada SUK, 20 April 1933. Lihat pada lampirannya 'Penyata Jabatan Agama 1932.'

Rajah I

JABATAN AGAMA JOHOR

1918

YDP Jabatan

(Ungku Omar Ahmad)

Pentadbiran

am

(Naib YDP. Ungku Abdul Rahman)

Pejabat Mufti  
(Syed A. Kadir Mokhsein)

Pejabat Kadi  
(Haji Mohd. Nasir Hj. Salim)

Bilai - Imam  
(Daerah-Daerah)

Kadi  
Batu Pahat

Kadi  
Muar

Rajah II

JABATAN AGAMA ISLAM

1921

YDP

Mufti

Pentadbiran am

Kadi

(Pendaftaran Nikah  
Cerai)

Kerani

Kadi  
Batu  
Pahat

Kadi  
Muar

Kadi  
Endau

Kadi  
Kukup

Kadi  
Segamat

Kadi  
Kota  
Tinggi

Kerani

Imam JB

Imam

**JADUAL I**  
**PEMBAHAGIAN TUGAS PEGAWAI KANAN**  
**JABATAN AGAMA JOHOR 1937**

Nama Jawatan	Nama Peribadi	Tugas – huraihan
1. Yang Dipertua	Datuk Abdullah	Pengerusi – Jawatan-kuasa Keadilan Ulangan Bicara  Pengerusi – Mahkamah Kadi Syariah.  Pengerusi – Majlis Agama – Jawatan-kuasa Pe- lajaran Agama  Nazir – Baitulmal.
2. Setiausaha Jabatan	Ahmad Awang	Setiausaha – kepada YDP Amini Baitulmal Johor.
3. Mufti	Syed Alwi Tahir Al-Hadad	Naib – Majlis Agama Pengerusi – Agama – Jawatan- kuasa Pelajaran Agama
4. Kadi	Syed Salim Hassan Al-Attas	Pengadil – Mahka- mah Kadi Syariah  Pendaftar – Nikah cerai kepala bagi Naqib Al-zakat
5. Penolong	Mas'ud Hj. Zainal Abidin	Penolong – Amini Baitulmal Pendaftar – Jawatan- kuasa Keadilan Ulangan Bicara Mahkamah Syariah.  Setiausaha Majlis Agama

## JADUAL I

### PEMBAHAGIAN TUGAS PEGAWAI KANAN JABATAN AGAMA JOHOR 1937

Nama Jawatan	Nama Peribadi	Tugas – huraihan
S. Kadi-kadi Daerah	Muar Batu Pahat	Kadi wilayah Pengadil Mahkamah Syariah
	Segamat	Timbalan Pendaftar nikah cerai dan rujuk.
	Kota Tinggi	Penolong Amini
	Keluang	Baitulmal
	Endau-Mersing	Nagib zakat Daerah (Ketua Amil)

**Rajah III**

### LEMBAGA ATURAN BAGI PEMERINTAH RAJA 1925 – 1939




Rajah IV

Organisasi Pentadbiran Agama  
Negeri Johor 1933 – 1939

Jabatan Agama

YDP  
dan



## DAERAH BATU PAHAT: PERKEMBANGAN PENTADBIRANNYA

Batu Pahat sebelum tahun 1893 telah pun ada institusi Orang Kaya-Kaya di Minyak Beku dan Bagan. Orang Kaya-Kaya dan Penghulu mentadbirkan beberapa kumpulan kampung. Dalam menjalankan tugas berat itu Penghulu-Penghulu dibantu oleh Jenang-Jenang dan Menteri yang bertaraf Naib Penghulu atau Ketua Kampung. Sebelum tahun 1893, kesemua Penghulu dan Orang Kaya-kaya itu merujukkan segala halnya ke Johor Bahru.

Batu Pahat adalah daerah ketiga dibangunkan dan ketiga terbesar dan terpenting di Johor di abad ke sembilan belas. Untuk perbincangan dari aspek pentadbirannya, dapatlah dibahagikan kepada empat unit pentadbiran, iaitu, daerah, lembaga bandaran, mukim dan kampung. Pembahagian kepada unit-unit itu adalah. Namun ia disusun begitu bagi menunjukkan kepentingan dan lebih berstruktur lagi

Pentadbiran berdaerah bermula dengan pembangunan Bandar Batu Pahat pada 2 Disember 1893. Sebelum tarikh itu, pada tahun 1883 telah dirancangkan juga pembukaan sebuah bandar Batu Pahat di Bukit Senangin, Kampung Tambak, tetapi perancangan Datuk Yahya Awaluddin dengan bantuan serta kerjasama Penghulu-penghulu setempat telah gagal<sup>1</sup> disebabkan oleh faktor geografi dan ekonomi.

Kawasan Simpang Kiri dan Simpang Kanan adalah kawasan besar di bawah Penghulu Kitam bin Dewasin dan Penghulu Rahmat bin Ragam. Kedua-dua kawasan itu memang sesuai sebagai tapak pusat bandar kerana adanya sungai-sungai besar yang boleh dijelajahi hingga ke hulu. Penghulu-Penghulu itu mahukan pembinaan bandar diteraskan setelah gagal dibangunkan dalam tahun 1883 itu. Kemajuan sebuah bandar. Lantas kedua-dua Penghulu itu terus memohon

1. Daud Sulaiman, *Ringkasan Tawarikh Orang Kaya-Kaya dan Penghulu Batu Pahat*, Muar 1955, ms. 33 dan lihat juga *Batu Pahat 10th selepas Merdeka*, Pustaka Budaya, Batu Pahat 1968, ms. 21.

pembukaan bandar Batu Pahat, kali ini mereka meminta jasa baik Datuk Bentara Luar<sup>2</sup> melalui Sultan Abu Bakar.

Akhir Sultan Abu Bakar telah memanggil Datuk Bentara Luar mengadap di istana Johor Bahru pada 10hb. November, 1893 menyuruh beliau membuka Batu Pahat.

Pada 2 Disember, Datuk Bentara Luar memulakan projek membangunkan bandar pusat pentadbiran daerah. Sudah jadi dasar beliau membuka bandar di kuala-kuala sungai seperti di Muar dan Endau. Di Batu Pahat beliau telah memilih kawasan kuala di Simpang Kanan. Dalam tahun itu, ladang kopi dan ladang gambir dan lada telah pun berkembang di situ. Oleh itu pelabuhan atau dermaga adalah diperlukan bagi mengawal eksport dan import.

Dalam membangunkan Batu Pahat, Datuk Luar tidak mendapat apa-apa bantuan dari pemerintahan Johor. Sebaliknya beliau telah meminjam wang dari Orang Kaya-kaya Bagan dan menggunakan wangnya sendiri untuk membiayai kos pembangunan itu.

Pada bulan Januari 1894, terdirilah sebuah bandar dan pusat pentadbiran daerah Batu Pahat. Bangunan-bangunan atap bagi pejabat-pejabat kerajaan, mahkamah dan polis, pejabat pos juga telah dibina. Pada 1hb. Disember 1894, nama bagi bandar Batu Pahat dirasmikan dengan nama Bandar Penggaram.<sup>3</sup>

- 
2. Datuk Bentara Luar, nama sebenarnya Mohd. Salleh Perang. Pada masa itu beliau menjadi Menteri dengan Tugas-Tugas Khas mengenai Ladang Gambir dan lada, dan merangkap Pesuruhjaya Kerajaan di Muar. Kebolehan beliau berbahasa Cina dan mengetahui budaya Cina merupakan alat penting bagi pentadbiran Johor dan daerah khasnya. Untuk penerangan mengenai Datuk Bentara Luar sila lihat perbincangan mengenai tokoh Muhammad Haji Alias, *op. cit.*, passim. Dan lihat juga Mustafa Meon, 'Datuk Bentara Luar Arkitek Pembangunan Johor Moden' *Utusan Melayu* 28 Oktober, 1970 dan Anon *Siapa dan Siapa di Tanah Melayu*, sentosa, NS, 1958, ms. 52-53, dan M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Bentara Luar': peranannya dalam konteks Sejarah Johor Moden, *Jurnal Sejarah*, PSUM 1972.
  3. Telah timbul perbezaan pendapat di kalangan penulis Sejarah Tempatan mengenai asal usul nama Bandar Penggaram itu. Antaranya mengambil sempena nama tempat menggaram ikan dan nama orang tua di situ Tok Penggaram. Saya lebih sudi memilih sebagai sempena nama kampung itu Penggaram. Untuk bandingan sila lihat H.M. Said, *Malaya 3: Unfederated Malay State*, P.Bm.P.B. Johor Bahru, 1939 ms. 51, Daud Sulaiman *op. cit.*, ms. 37, Lihat juga Othman Hamid (Ed.), *Majalah Sambutan Persiaran* 60 tahun, Johor Bahru 1955, passim dan Durai Raja Singam port Weld to Kuantan. 1939 ms. 9, serta wawancara dengan Sharum Hussein 12/3/71.

Mulai tahun itu juga buat pertama kalinya Batu Pahat ditadbir oleh Pesuruhjaya Kerajaan Memerintah Batu Pahat. Yang menarik sekali ialah sehingga tahun 1911 kesemua pegawai kanan dan kakitangan kerajaan terdiri dari orang Melayu. Manakala buruh-buruh pula terdiri dari berbagai-bagai bangsa. Struktur penjawatan pentadbiran Daerah itu sehingga tahun 1910 adalah seperti berikut:<sup>4</sup>

Datuk Bentara Luar	— <i>Wakil Raja memerintah Batu Pahat</i> <sup>5</sup>
Abdul Rahman	— <i>Setiausaha dan Tukang Wang</i>
Hamidun	
Hj. Yaakob Md. Salleh	— <i>Penolong Pesuruhjaya Tanah dan Ukur</i>
Sulaiman Md. Salleh	— <i>Ketua Kerjaraya, Bandaran dan Ukur</i>
Syed Abdul Rahman	
Abdullah Al-Habsyi	— <i>Naib Pengadil</i>
Inspektor Haji Salim	— <i>Ketua Polis</i>
Sulaiman Ali	— <i>Pegawai Daerah Tanjung Labuh</i>

Dalam tahun 1911, menjelma pula sistem pentadbiran yang berseiringan dalam mana Pesuruhjaya Kerajaan Daerah berpadu dengan Pegawai Daerah yang berbangsa Inggeris di-kenali sebagai Penolong Penasihat yang menjalankan pentadbiran.<sup>6</sup> J.L. Humphreys telah dilantik menjadi Penolong Penasihat yang pertama di Batu Pahat<sup>7</sup> dan diberi tugas dan kuasa-kuasa majistret, pemungut khazanah, tanah dan hasil-hasil daerah. Dalam bulan mac, Ungku Ahmad Muhd Khalid

- 
4. Daud Sulaiman, *op. cit.*, Hanya terdapat beberapa nama dan jawatan Jurubahasa China dan India. Jelas bumiputera Johor dapat mencapai kemajuan dalam perjawatan tanpa di ketuai oleh pegawai Inggeris.
  5. Lebih formal sebagai Pesuruhjaya Kerajaan bagi Batu Pahat mempunyai kuasa sebagai majistret dan tanah. Kuasa-Kuasa ini berakhir dengan ke-masukan Penolong Penasihat Am Inggeris pada 1911. sistem pentadbiran berseiringan ini bermatlamat untuk menghapuskan kuasa Pesuruhjaya Kerajaan.
  6. R. Emerson, *Malaysia A Study in Direct and Indirect Rule*, UMP, K.L. 1966 ms. 211.
  7. *JGG*, Jun 1, 1911, ms. 112.

telah dilantik oleh pemerintah sebagai Pesuruhjaya Kerajaan<sup>8</sup> menggantikan Datuk Bentara Luar.

Sistem pentadbiran yang berseiringan ini memperkemaskan lagi sistem pentadbiran yang sedia ada. Sedari awal perasmian bandar daerah Batu Pahat mempunyai jabatan-jabatan tertentu yang berjaya mengendalikan dan bertanggung jawab di atas kemajuan daerah. Antaranya ialah Pejabat Pesuruhjaya Kerajaan, Pejabat Penolong Penasihat, Pejabat Pelindung Orang Cina, Pejabat Tanah, Mahkamah, Pos, Pejabat Pelajaran, Syahbandar dan Lembaga Kesihatan.<sup>9</sup> Tidak kurang dari 11 jabatan telah dibentuk sehingga tahun 1914.<sup>10</sup>

Lembaga Bandaran adalah unit pentadbiran kedua pentingnya. Walaupun kawasannya terbatas, namun kemajuan bandar adalah tanggung jawab yang penting. Pembentukan lembaga ini berlaku secara tidak rasmi dalam tahun 1890-an dan kawasan-kawasan pentadbirannya tidak begitu jelas. Di awal tahun 1912 Lembaga itu diwartakan dan kawasan pentadbirannya telah ditetap:

*Sempatan: Bermula di sepanjang parit Sungai Penggaram dan mengikut tebing kiri parit Sungai Penggaram terus hingga ke persimpangan di Jalan Fatimah. Kemudian mengikut Jalan Fatimah hingga ke simpang dan pertemuannya dengan Jalan Ismail ke simpang Jalan Mohd. Akil, Seterusnya sepanjang Jalan Mohd. Akil hingga bertembung dengan Sungai Soga terus ke bawah hingga bertemu dengan sungai besar tadi. Akhir sekali mengikut tebing sungai besar memanjang hingga ke tempat permulaan tadi.*<sup>11</sup>

Tidak boleh dinafikan lagi akan pentingnya Lembaga Bandaran ini, yang menambahkan lagi cekapnya pentadbiran daerah. Antara tugas penting Lembaga itu ialah: menyediakan bekalan air, membina parit dan taliair, menjaga kebersihan

8. *Ibid.*, Jawatan PKBP berakhir pada tahun 1941 dan diganti dengan jawatan Pegawai Daerah.

9. *SSD*, 1916, ms. 508

10. *RPK BP*, 1914.

11. *JGG*, 1912, 18, ms. 3

an dan kesihatan, menguruskan pelesenan dan lain-lain lagi.<sup>12</sup>

Untuk tujuan-tujuan pentadbiran, lembaga ini telah dianggotai oleh pentadbir daerah dibantu oleh pegawai kanan dan wakil orang ramai. Dalam tahun 1917 anggota Lembaga Bandaran Bandar Pengaram terdiri dari:<sup>13</sup>

*Ungku Ahmad, Pesuruhjaya Kerajaan – Presiden  
J.D. Hall, Penolong Penasihat – Naib Presiden*

**Ahli Jawatankuasa:**

*Mohd. Doon Tahir<sup>14</sup>*

*M. Casey, (Jurutera Kerja Air)*

*Ismail Mohd. Doon (Penolong Jurutera Daerah)*

*Penghulu Rahmat Bagan<sup>15</sup>*

*Penolong Pegawai Perubatan Daerah*

*Taukeh Lim Soo Poon<sup>16</sup>*

Sehingga tahun 1917, Lembaga Bandaran itu sudah pun dapat melaksanakan tugas-tugas utama menurut ‘Enakman’ Lembaga Bandaran.

Unit pentadbiran ketiga pula ialah Mukim, yang dapat ditakrifkan sebagai sekumpulan kampung-kampung yang berada di satu kawasan tertentu. Kampung-kampung itu diletakkan di bawah pentadbiran pusat kampung yang diketuai oleh seorang Orang Kaya-kaya atau Penghulu. Sehingga tahun 1917 terdapat 10 buah mukim di Batu Pahat. Dua

---

12. JGG, 1911, Nov., 30, ms. 223.

13. JGG, 31 Disember 1916 sebelum tahun 1912 pentadbiran Lembaga Bandaran dijalankan oleh Presiden Lembaga Bandaran Johor Bahru.

14. Beliau adalah Bendahari Pejabat Daerah itu, merangkap Syahbandar dan Ketua Pejabat Pelajaran Daerah dan berpendapat Keptan sebagai Pegawai Pemerintah Kompeni Pasukan Sukarela (JVF) di Batu Pahat.

15. Beliau ialah Penghulu Mukim Simpang Kanan – bersama-sama Datuk Bentara Luar memajukan Bandar Pengaram. Jasanya diabadikan dengan menamakan sebatang jalan besar bandar itu sebagai Jalan Rahmat.

16. Beliau telah menetap di Batu Pahat sejak tahun 1870, mengusahakan kedai-kedai runcit, berkebun sagu dan gambir dan memajak sagu – Beliau salah seorang China yang berpengaruh di Batu Pahat dan juga seorang taukeh kaya di Batu Pahat. Beliau juga menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pelesenan Batu Pahat.

mukim dipimpin oleh Orang Kaya-kaya dan yang lain pula di bawah Penghulu-penghulunya.

Adalah salah tanggapan jika dikatakan dalam kurun Masihi ke sembilan belas sudah ada institusi mukim dan pimpinan penghulu. Lumrahnya di kurun Masihi ke sembilan belas Penghulu adalah Ketua sebuah kampung yang besar. Jawatan Penghulu adalah jawatan tersedia namun begitu beberapa kerabat penghulu itu membuka kampung-kampung yang berhampiran. Tidaklah hairan jika ketua-ketua Kampung yang baharu itu mendapat kekuasaan dan menyelesaikan masalah dengan Penghulu itu kerana kaitan kekeluargaan. Jadi dapatlah dikatakan atas merujuk kuasa sebagai dasar pembentukan mukim. Kehadiran Mukim dari segi ukur tanah sudah jelas dalam tahun 1910 bila pemerintah negeri menguat-kuasakan Undang-undang Tanah dan melaksanakannya. Pendaftaran Mukim<sup>17</sup> ini ditambah lagi dengan perkembangan petempatan.

Mulai tahun 1910 Orang Kaya-Kaya dan Penghulu dinaikkan taraf, mereka dilantik oleh Kerajaan dan mengetui sekumpulan kampung. Malah mereka juga diberi kuasa memilih Penghulu dan Ketua Kampung yang mereka naungi. Terdapat 9 buah Mukim yang Penghulu dan Orang Kaya-kayanya ditauliahkan.<sup>18</sup>

Dalam menjalankan tugasnya Penghulu-penghulu menyampaikan arahan pemerintah kepada anak buah di mukimnya, beliau juga selaku Penghulu atau Orang kaya bertindak sebagai wakil penduduk mukim itu dalam menyampaikan segala hal mukimnya kepada pemerintah.<sup>19</sup>

Mengenai Orang Kaya-kaya dan Penghulu-penghulu Besar itu dinyatakan; gelaran ini ialah hak raja dan yang maha mulia boleh mengurniakannya kepada sesiapa juga yang telah bekerja dengan taat setia dan berjasa kepada negeri ini.<sup>20</sup>

17. Lihat *Undang-Undang Tanah 1910*. ANJ, dan Ibrahim Abd. Rahman, *Buku Panduan Penghulu*, Johor Bahru 1951, passim.

18. Lihat *LNOP*, 1912, ms. 1-2. Dua dari mukim itu Sungai Buluh dan Parit Bakung itu digantikan namanya dalam tahun 1917.

19. Ibrahim. Rahman, *op. cit.*, ms. 1.

20. *Ibid.*

Sistem mukim dan Penghulu serta Orang Kaya-kaya itu disusun semula dalam tahun 1917. Mereka tidaklah menerima ransum dari anak buah tetapi menerima gaji dari pemerintah. Berikutkan dari penyusunan semula itu sepuluh buah mukim telah dinamakan:<sup>21</sup>

**Mukim-Mukim:**

I	<i>Lubuk</i>	— Kamaruddin Jumaat
II	<i>Bagan</i>	— Orang Kaya Jaafar Sidek
III	<i>Peserai</i>	— Hj. Mohd Siraj Mohd Yasin
IV	<i>Simpang Kiri</i>	— Muhd. Saad Kitam
V	<i>Simpang Kanan</i>	— Abd. Kadir Rahmat
VI	<i>Linau</i>	— Kassim Ragam
VII	<i>Tanjung Sembrong</i>	— Radin Hanafi
VIII	<i>Sri Gading</i>	— Yusof Abdullah
IX	<i>Minyak Beku</i>	— Orang Kaya Asrakal Ismail
X	<i>Kampung Bahru</i>	— Hj. Sulaiman Bawak

Selepas tahun 1917, Mukim-mukim itu bertambah lagi iaitu mukim-mukim Sungai Punggur (XI), Sungai Keluang (XII), Hulu Benut, Benut, Sungai Pangan, Macap Chaah dan Mukim ke 18 dan terakhir ialah Seri Medan.<sup>22</sup>

Seterusnya kita bicarakan pula unit pentadbiran terkecil tetapi penting iaitu kampung. Kampung-kampung ini terbahagi kepada tiga kategori, Kampung Melayu, Kampung Cina dan Kongsi Jepun. Sehingga tahun 1917 ketiga-tiga kategori ini mempunyai institusi kepimpinannya sendiri.

Dalam tahun-tahun 1880-an Kampung-kampung Melayu hanya diisi oleh orang Melayu sahaja, kecuali orang Melayu dari Melaka dan Sumatera. Orang Melayu lain seperti Jawa dan Bugis, Kerinci membuat perkampungan yang lebih

21. Daud Sulaiman, op. cit., ms. 48. Nama-nama Penghulu dan Orang Kaya-Kaya dikutip dari *DOKPN*, 1917 dan Mukim IV disebut 'Beroleh' dalam *DOKPN*. Senarai seperti di bawah.

22. Sekarang terdapat tiga belas Mukim, mukim yang terkeluar itu masuk ke Daerah Segamat dan Pontian, lihat Buku *Kemajuan Negeri Johor* 1969, Johor Bahru 1970, ms. 252.

regionalistik. Muncul juga kampung-kampung yang dipenuhi oleh orang Jawa, Bugis dan Arab sahaja. Bolchlah disifatkan bahawa kampung-kampung yang asal itu biasanya menjadi pusat kampung-kampung lain dan menjadi mukim kemudiannya.

Untuk menubuhkan sebuah kampung adalah perlu "..... mengandungi seratus dua buah rumah atau dalam beberapa buah kampung yang mengandung" masa yang awal rumah sedikit sekali beberapa buah rumah, dalam tiap-tiap satu kampung itu boleh diangkat seorang Ketua Kampung dan Ketua-ketua Kampung dikecualikan dari cukai tanah.<sup>23</sup> Ketua Kampung ini diletakkan di bawah pentadbiran mukim yang dikepalakan oleh Penghulu atau Orang Kaya-kaya.

Di awal abad kedua puluh orang Cina telah pun sama-sama mendiami kampung Melayu dan mereka diletakkan di bawah ketua melayu yang sama. Dalam tahun 1910 tidak kurang 110 kampung di Batu Pahat dan masih bersifat ke-daerahen.

Sejak di dekad ketiga abad kesembilan bebas, kumpulan orang Cina membuat petempatannya sendiri yang dikenali sebagai Kangkar. Di abad itu kurang lebih 13 buah kangkar kedapatan di tebing-tebing hulu sungai.<sup>24</sup> Tiap-tiap kangkar ditadbirkan oleh seorang 'kangcu'<sup>25</sup> yang bertanggung jawab dalam semua hal kangkarnya, seperti juga kuasa Ketua Kampung, sekadar kuasanya juga meliputi hal-hal tanaman dan pengeluaran gambir dan lada di kangkarnya. H. Lake yang pernah menjalankan kerja-kerja pengukuran di Johor dalam awal tahun 1890-an dengan jelas memerikan perihal perkampungan Cina itu:

"*Each group of plantation possesses what is known as a*

23. Ibrahim Abd. Rahman, op., cit., ms. 1.

24. SKMJ 1360 – 1320, passim. Lihat peta-peta Johor yang dilukis oleh Datuk Luar di Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan.

25. Untukuraian lanjut tentang Sistem Kangcu sila lihat *Undang-Undang Kangcu, 1873*, ANM, Cawangan Selatan. Lihat juga A.E. Coope, *JMBRAS*, Jilid 14, bg. 3, ms. 247 – 262, C.M. Turnbull; *JSSS*, Jilid 15, bhg. 1, ms. 43–52, J.C. Jackson, 'The Chinese Agricultural Pioneering in Singapore and Johore,' *JMBRAS*, Jilid 38, bhg. 1, 1965, ms. 77 – 104.

*'kangka' or village. Here presides the various syndicates, or 'kongsis' of Chinese speculations. The gambling - house, with the opium store, is also here. Around the central buildings, which are often of a substantial Charactor, are grouped the shops and stores, the eating - house and innumerable pig - pins, — everything built on the ground, of bamboo and round poles thatched with palm leaf."*

Kangkar-kangkar itu bertambah tahun demi tahun. "Maka dalam hal memerintah orang-orang Cina yang telah semakin ramai dijadikan seorang *mayor* daripada bangsa Cina ialah Tan Hiok Nee ..."<sup>26</sup> bagi mewakili dan menentukan kebijakan dan kesejahteraan orang China seluruh negeri Johor. Pemerintahan Johor telah mengadakan jawatan Penguasa Pelindung Orang China dan di daerah Batu Pahat pula ditempatkan Penolong Penguasa Pelindung Orang Cina yang mengawal hal ehwal candu dan kesejahteraan kangkar.

Kangkar-kangkar yang tumbuh di abad sembilan belas itu mencapai puncak perkembangan di tahun 1905 bilamana kedapatan lebih 30 kangkar.<sup>27</sup> Tetapi dari tarikh itu juga kemerosotan jumlah kangkar mula menjalar. Pemerintah Johor telah memutuskan pembubaran Sistem Kangcu, tegasnya mengakhiri riwayat seluruh kangkar.

Jika dalam kurun Masihi sembilan belas kesemua hal ehwal kangkar di laporkan di Johor Bahru. Tetapi mulai tahun 1893 Pesuruhjaya Kerajaan Daerah pula mengambil alih setengah-setengah tugas di Johor Bahru. Bagaimanapun kangcu-kangcu masih terus berhubung dengan Mayor Cina yang menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri, tetapi kuasa-kuasa kangkar-kangkar berakhir pada Disember 1917 dan dari saat itu orang Cina diletakkan di bawah pentadbiran mukim dan daerah disamping Pejabat Hal ehwal Orang Cina. Malah

---

26. Dipetik dari J.C. Jackson, *Planters and Speculators*, ms. 21.

27. *Malaya Unfederated Malay States*, ms. 36. Lihat A.E. Coope *JMBRAS*, Jilid 14, bhg. 3, ms. 258.

di beberapa tempat orang Cina mula membuat kediaman di kampung-kampung Melayu.

Orang Jepun juga ada petempatannya sendiri dan di antara kampung yang terkenal ialah *Sango Kongsi*<sup>28</sup>. Mereka mengusahakan getah para dan lombong-lombong. Kewujudan kongsi Jepun ini juga berakhir dengan pembukaan ladang-ladang getah yang memerlukan buruh dari berbagai bangsa.

---

28. Angka itu dianggar dan dipetik dari *KMGKJ* 1920 – 1325, ms. 14 – 98, *SJBSJ*, 1896 – 1916, *passim* dan *SSD*, 1885, ms. 173.

**SURAT DARI BUKIT SENYUM:**  
**Satu Kajian Mengenai Penempatan Penasihat Am**  
**Yang Pertama di Johor**

Rencana ini bermaksud untuk memberikan keadaan sebenar yang berlaku di masa penempatan D.G. Campbell sebagai Penasihat Am kerajaan Johor dalam tahun 1901<sup>1</sup>. Kehadiran Penasihat Am Inggeris di Johor telah lama diusahakan oleh Gabenor-gabenor Negeri Selat, perkara ini bermula selepas Perjanjian Johor – Inggeris Disember 1885. Gabenor Frederik Weld telah mempelopori gerakan aktif untuk menakluk Johor secepat mungkin, kemudian diikuti pula oleh Pesuruhjaya Tinggi Frank A. Swettenham. Sebelum menyerahkan tugasnya kepada Pesuruhjaya Tinggi John Anderson; F.A. Swettenham telah menyatakan Inggeris tidak boleh menggunakan kepincangan pentadbiran di Johor sebagai satu jalan menempatkan seorang Inggeris di Johor.

Langkah-langkah Inggeris cuba menguasai Johor dengan menempatkan seorang ajennya dapat disimpulkan sebagai berikut<sup>2</sup>:

1. Menyekat kerajaan Johor dari mendapatkan nasihat dari *Johore Advisory Board* di London.
2. Tektik pembinaan jalan keretapi negeri Johor.
3. Membersarkan Datuk Seri Amar Diraja dari perkhidmatan Kerajaan Johor dan digantikan dengan tokoh-tokoh yang lurus.
4. Menempatkan seorang Penasihat Am dalam tahun 1909.

Dalam tahun 1907 Pesuruhjaya Tinggi merangkap Gabenor Negeri Selat menyingkirkan Datuk Seri Amar Diraja Abd. Rahman Andak. Bagi J. Anderson Menteri Besar Johor

- 
1. Artikel ini ditulis setelah saya dapat menyelidik fail "surat-surat Dalam Perkara Tuan Campbell Jadi General Adviser, Johor. Arkib Negara Malaysia cawangan Selatan Johor Bahru. Selepas ini fail tersebut dikenalkan dengan singkatan SDPTC/GAJ.
  2. Lihat E. Thio, *JMBRAS*, Jilid 40, bahagian 1, 1967; Keith Sinclair, *JMBRAS*, Jilid 40, bahagian 1, 1967; dan Datuk Amar, penghalang cita-cita Inggeris.

Datuk Jaafar Haji Muhamad<sup>3</sup> adalah termasuk dalam golongan yang lurus, maksudnya tidak sangat menentang cita-cita Inggeris mengawal Negeri Johor.

Pada hakikatnya Datuk Jaafar Menteri Besar Johor ini adalah dalam golongan yang menentang perlantikan Penasihat Am Inggeris di Johor, namun begitu cara Datuk Jaafar bertindak berbeda dengan cara Datuk Seri Amar Diraja bertindak menasihatkan Sultan. Dalam tahun 1909 itu Datuk Jaafar merupakan satu-satunya tempat Sultan Johor bergantung mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar sepermula yang diwasiatkan oleh al-marhum Sultan Abu Bakar. Cara Datuk Jaafar bertindak tidak membahayakan cita-cita Inggeris mengawal negeri Johor iaitu melalui perlantikan seorang pegawai Inggeris sebagai Penasihat Am Johor. Dalam satu majlis jamuan negeri sempena hari keputeraan Sultan Johor, Pesuruhjaya Tinggi J. Anderson telah mengemukakan nama D.G. Campbell untuk pertimbangan sultan sebagai bakal Penasihat Am Johor.<sup>4</sup>

Sultan Ibrahim menyatakan kerajaan Johor sanggup membayar gaji D.G. Campbell seperti yang diminta oleh J. Anderson iaitu sebanyak £1,500 setahun (ialah lebih kurang \$1,072). Bagaimanapun kerajaan Johor menghadapi satu masalah lagi sebelum menerima D.G. Campbell sebagai Penasihat Am, Sultan Johor memberitahu J. Anderson:<sup>5</sup>

*I now beg to ask your Excellency to kindly let me off arranging all these until the race week is over also seeing Mr. Campbell. Sir when Mr. Campbell comes over here, I don't think we Johore would require the service of Mr. Buckley any longer.*

Lantas Pesuruhjaya Tinggi J. Anderson menasihatkan Sultan supaya tidak melukakan perasaan Mr. Buckley yang telah berkhidmat lama dengan kerajaan di Johor.<sup>6</sup> Ini menye-

3. Lihat rencana Datuk Jaafar, "Menteri Besar pertama Johor ..."

4. Gabenor John Anderson kepada Sultan Ibrahim, 28 September 1909, SDPTC/GAJ.

5. Sultan Ibrahim kepada Gabenor Anderson, 3 Oktober 1909, SDPTC/GAJ.

6. Gabenor Anderson kepada Sultan Ibrahim 5 Oktober 1909, SDPTC/GAJ.

babkan Sultan dan J. Anderson berunding untuk mengatasi masaalah ini. Semua pegawai kanan kerajaan Johor dikehendaki merahsiakan hal penyingkiran Buckley daripada perkhidmatan Kerajaan Johor. Arahan itu dibuat oleh Setiausaha Kerajaan Johor atas perintah Sultan. Tiba-tiba pula Datuk Jaafar Menteri Besar diberitakan cuba hendak membocorkan rahsia ini. Dengan hati yang sebak Datuk Jaafar memberitahu Datuk Muhamad bin Mahbob:<sup>7</sup>

*"Saya tidak sekali-kali terlintas atau terkias ucapan ini pada sesiapa, pada Buckley apatah lagi. Hari Jamuan kepada orang-orang kriket itu Tuan Buckley bertanya saya iakah di Johor hendak bubuh orang putih jawab saya tak ada dengar. Saya akan menurut titah sekiranya Buckley bertanya saya, saya akan berkata tak tahu."*

Wallah.

Usaha merahsiakan hal itu adalah langkah sementara sahaja sehingga C.B. Buckley menerima surat dari Sultan yang dirangka oleh J. Anderson.<sup>8</sup>

Bagi Datuk Menteri, C.B. Buckley adalah Penasihat tidak rasmi dalam hal-hal teknikal mengenai perundungan, kewangan dan pentadbiran. Buckley telah berkhidmat sebagai ahli Dewan Undangan Negeri atas jemputan Kerajaan Johor. Kehadiran C. B. Buckley sehingga 1909 tidak menjelaskan kemerdekaan Johor. Kemerdekaan Johor yang abadi adalah cita-cita Datuk Jaafar seperti mana yang diwasiatkan oleh Sultan Abu Bakar.

Bagaimanapun selain dari surat Sultan, C.B. Buckley juga menerima surat arahan bersara daripada Pesuruhjaya Tinggi J. Anderson. Dalam surat terakhirnya kepada Sultan, Buckley menyatakan: "*I shall go home soon afterward so it all works conveniently.*"<sup>9</sup> Tanpa Abdul Rahman Andak, Datuk Jaafar telah hilang sokongan dalam tindak tanduknya, kemerdekaan Johor hampir tamat. Datuk Jaafar yang selama ini mena-

7. Datuk Menteri kepada Setiausaha Kerajaan, 16 November 1909, SDPTC/GAJ.

8. Gabenor Anderson kepada Sultan Ibrahim, 16 Oktober 1909, SDPTC/GAJ.

9. SDPTC/GAJ. Buckley kepada Sultan, 20 November 1909.

sihatkan Sultan merasakan nasihatnya sudah diketepikan sama sekali. Sultan Ibrahim didapati terpaksa lebih banyak mendengar pendapat Anderson.

Satu dari tindakan Datuk Jaafar yang menunjukkan rasa kesalnya atas tindakan Sultan menerima seorang Penasihat Am Inggeris ialah dengan memohon maaf pada Sultan kerana tiada dapat turut serta dalam rundingan antara kerajaan Johor dengan Pesuruhjaya Tinggi J. Anderson pada 23 November 1909. Dari tempat kediamannya di Bukit Senyum, Datuk Jaafar telah menulis kepada Sultan tentang kehadiran Penasihat Am, masa depan Johor dan ingatan masa lampau. Surat ini adalah satu dokumen penting menunjukkan bahawa tidak semua pemimpin dan rakyat Johor bersetuju dengan tindakan mengambil D.G. Campbell sebagai Penasihat Am Johor. Namun begitu tidaklah terdapat rekod-rekod yang menunjukkan perluakkan di kalangan pegawai kanan negeri Johor.

Berikut diturunkan salinan surat Datuk Jaafar kepada Sultan yang bertarikh pada 22 November 1909.<sup>10</sup>

*Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Tuanku beribu-ribu ampun.*

#### *General Adviser*

*Harapkan ampun patik memaklumkan sahamlah patik dan surat titah pagi ini dijunjungkan kepada patik dari hal hendak berjumblah Tuan Yang Terutama Gabenor atas kerja Tuanku mengambil Tuan Campbell jadi General Adviser kepada Kerajaan Johor itu.*

*Harapkan ampun sebenar-benarnya sembah patik apa yang Duli Tuanku suka dan telah menerangkan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor dan kepada Tuan Buckley Adviser lama itu maka patik menyertakan dan menurut dengan sangat mengindahkan kesukaan tuanku dan patik fikir pada ikhtiar patik sangatlah baik seseorang Adviser yang berkenaan dengan Tuan Yang Terutama Gabenor atau Governmen Inggeris patik pujilah akan ke bawah Duli*

---

10. Lihat Datuk Menteri kepada Sultan, 22 November 1909 SDPTC/GAJ.

dengan kuasa-kuasa yang dapat diharapi tentulah Tuan Yang Terutama memandang dan ingat akan perjanjian Inggeris dengan Marhum (Johor) Paduka ayahanda dan juga memperhatikan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang di perusahakan oleh marhum kepada ke bawah Duli di Johor.

Jika patik mengiring sekalipun tiadalah apa-apa fikiran patik hendak berkata-kata kerana terliput dengan bunyi jawatan General Adviser yakni tentulah ia menunjuk mengajar dan menasihatkan apa-apa jua yang berfaedah bagi tuanku kerajaan dan orang-orang yang bekerja dan menurut menolong serta memelihara akan benar yang tuanku fikirkan dengan demikian itu dan tuanku pun tentu juga menurut ikhtiarnya yang berpatutan pada atau bagi sesuatu masa bila-bila pun kelak memakainya kerana ikhtiarnya itu tentulah dipandang dan dipatutkan oleh Tuan Yang Terutama Gabenor maka barang yang patut pada Gabenor itu tentulah yang telah memperkenalkan oleh Government Inggeris atau akan diperkenankan.

Patik berdatang sembah bertawakkal dan berserahlah kepada Allah dengan mengharapi akan kebaikan bagi tuanku serta berkekalan kiranya turun temurun tuanku Raja Johor.

Harapkan ampun zaman ini apatah lagi yang ke hadapan ke bawah duli terlebih maklum apabila diperhatikan tujuan apa-apa yang diperbuat oleh mesyuarat Negeri Melayu yang Bersekutu dan Singapura dan dari hal bangsa-bangsa besar empunnya rakyat dan harta dari barat dan timur dan bangsa-bangsa itu bercampur-gaul dengan bangsa-bangsa Melayu seperti orang makan nasi bersama-sama di dalam sebutir pinggan hidang pada ikhtiar patik yang sangat sayang seperti sayang akan tubuh badan sendiri begitulah sayang akan negeri Johor ialah negeri tempat kerajaan tuanku dan segala keturunan Tuanku. Maka dari sebab sayang yang demikian itu tertentulah menaruh bimbang pada kekurangan atau kecacatan peliharaan terlebih maklumlah oleh tuanku.

Hairan patik mendengar jika ada percakapan orang Melayu yang berfikir ataupun tiada boleh dihairangkan sebab mereka itu jauh fikirannya dan tiada sama perasaan berat menanggung

akan keselamatan, yang diharapi berkekalan turun temurun kerajaan Johor dari ke bawah Duli selama-lama ada di dunia ini maka mustahaklah ingatan yang berharap akan demikian ini sempat sampai zahir mahdi boleh dipelihara kekal dan disempurnakan jika tiada ada yang membantu pada zahirnya ialah ikhtiar ini pada batinnya ialah Tuhan seru sekalian Alam.

*Patik sangat yakin akan tuan Yang Terutama Gabenor Sir John Anaerson ini memperbuat apa-apa jua yang sekurang-kurangnya boleh dicampur dan yang setinggi-tinggi yang boleh dibantu dan ditolongnya akan raja di negeri.*

*Ampun tuanku orang Inggeris ini sahabat lama sama-sama kita dengan dia menanggung apa-apa jangan tuanku walang-walang hati buatlah apa-apa yang nampak baik dan ikhlas zahir dan batin dengan kehendak Tuanku seorang General Adviser itu.*

*Apa-apa kerja dan ikhtiar bagi akuan dan perjanjian dan senang sentosa itu tentulah ada kepada tuanku terbatas yang membantu atau berisi syor itu ada mempunyai sekeliling pandangan dan mengambil edaran hendak berguna bagi tiap-tiap hal yang dikehendaki bagi dan berkesan dengan Johor.*

*Ampun tuanku beribu-ribu ampun seperti titah 'dicakapkan' apa-apa yang terlebih baik kepada fikiran patik ampun Tuanku beribu-ribu ampun jua yang terlebih baik hidayat daripada Allah sebab tuanku raja yang patut tiadalah apa-apa fikiran lagi melainkan sedikit patik sebutkan di bawah ini lain daripada apa-apa yang patik telah tulis di dalam surat ini ialah boleh diambil barang yang bermakna itulah fikirat di hati patik atas kerja ini dan bagi raja dan kerajaan Johor.*

*Diharapkan Adviser ini bersabar-sabar*

*dan Tulus Ikhlas*

*Dan sangka yang molek*

*dan menurut ikhtiar Sultan yang molek*

*dan syor-syor ahli mesyuarat Kerajaan*

*ditimbangkan dengan sangka yang molek.*

*Ampun tuanku beribu-ribu ampun.*

Bukit Senyum

Johor Baharu

22 November 1909.

*Patik yang hina serta taat.*

*t-t-*

*Jaafar Hj. Muhammad*

Daripada Surat Dari Bukit Senyum itu jelas betapa nasionalistik dan futuristiknya Datuk Jaafar, walaupun pendidikannya tidak setinggi Datuk Seri Amar tetapi pengalaman dan pergaulannya selama itu memboleh Datuk Jaafar berfikir jauh ke hadapan bagi pihak rakyat.

Bagaimanapun surat dari Bukit Senyum tidak dapat menghalang kehadiran D.G. Campbell sebagai Penasihat Am di Johor. Sultan Ibrahim berada di luar negeri semasa ketibaan Campbell. Dalam satu telegramnya daripada Pulau Pinang kepada Setiausaha Kerajaan Johor pada 4 Januari 1910 diberitahu bahawa "*Campbell has instruction open my letter from Governor, arrange everything.*"<sup>11</sup>

Pada pukul 6.30 petang 7hb. Jan. 1910<sup>12</sup> di steysten kertapi Johor Bahru Datuk Muhamad Mahbob (Setiausaha Kerajaan) dan Encik (kemudian Datuk) Mustapa Jaafar telah mengetuai barisan Pegawai Johor menyambut D.G. Campbell, Penasihat Am Johor yang tiba dengan keretapi mel Utara-Selatan.

Jam 9.30 pagi 8 Januari Campbell, dibawa dilawat pejabat kerajaan negeri. Campbell merasakan dirinya sebagai Pegawai di Johor. Campbell sering membangkit soal gaji, eluan dan lain-lain keistimewaan. Inilah satu-satu yang dibimbangkan oleh Datuk Jaafar. Akhirnya segala tuntutan itu dilaksanakan oleh kerajaan Johor dengan membayar gaji D.G. Campbell sebanyak £2,000 setahun.

Kehadiran Sir Arthur Young sebagai Pesuruhjaya Tinggi dalam bulan September 1911 membolehkan Campbell menghantar memorandum mengenai kemaraan dasar penaklukan Inggeris. Johor sudah tidak berpeluang lagi mempertahankan bendera negerinya sahaja sebagai lambang kemerdekaan.

Pada 12 Mei 1914 Inggeris dan Johor bersetuju meminda 'Perjanjian 1885 fasal 3'. Di mana kuasa Penasihat Am dimantapkan seperti Residen Inggeris di Negeri-negeri Melayu

---

11. Telegram Sultan kepada Setiausaha Kerajaan, SDPTC/GAJ, 4 Januari 1910.

12. Memo Datuk Mohamad Mahbob, 7 Januari 1910, SDPTC/GAJ.

Bersikut. Beberapa ahli sejarah Inggeris menyebutkan keadaan di Johor sebagai:

*"In Johore as in the other Malay States the actual substance of political power and the control of the administrative machine were in the hands of, the British authorities in the state".<sup>13</sup>*

Sebagai penutupnya di sini tepatlah dikatakan segala kebimbangan surat Dari Bukit Senyum telah menjadi kenyataan. Kuasa politik dan kawalan pentadbiran di tangan Pegawai Inggeris. Johor hanya dapat mempertahankan benderanya sebagai simbol kemerdekaan.

---

13. R. Emerson, ms. 211.

## JOHOR NEGERI MELAYU YANG TIDAK PERNAH DITAKLUK OLEH INGGERIS?

Pernah dikatakan sebelum ini Johor adalah negeri Melayu yang tidak pernah ditakluk oleh penjajah Inggeris. Inggeris benar-benar kelihatan menjelma dalam sistem pentadbiran Johor dalam tahun 1914. Kenyataan seperti ini terasa uniknya jika dibandingkan dengan Negeri-Negeri Melayu Bersatu yang terdiri dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Negeri-Negeri ini telah dijajah dalam tahun 1870-an dan seorang Residen Inggeris ditempatkan di negeri-negeri itu. Kenyataan bahawa Johor lambat dijajah dan lambat menerima Residen Inggeris tidak boleh dinafikan. Selain dari itu terdapat beberapa fakta lain yang dapat membuktikan keunikan dan berbezanya perkembangan sejarah Johor moden dengan negerinya Melayu lainnya. Sejak tahun 1855, iaitu apabila Sultan Ali menyerahkan pemerintahan Negeri Johor kecuali Kesang – Muar, jelas Johor menunjukkan pola-pola kelainannya dalam sejarah tanahair.

Namun begitu kita harus meninjau latar belakang ke arah termaktubnya persetiaan tahun 1855 itu. Temenggung Ibrahim yang diberi pegangan keatas Johor sekarang ini telah membuka peluang-peluang dalam bidang ekonomi kepada peladang-peladang gambir dan lada hitam yang terdiri dari orang China. Imigran China itu kebanyakannya dibawa masuk dari Singapura. Kebolehan Temenggung Ibrahim memajukan ekonomi Johor menyebabkan kedudukan Temenggung Ibrahim lebih mantap jika dibandingkan dengan Sultan Johor sendiri. Dalam tahun 1853 Bendahara Johor Tun Tahir diberi pegangannya di Pahang iaitu satu lagi jajahan takluk Johor. Berikutannya pula Bendahara telah mengistiharkan dirinya sebagai pemerintah yang bebas dari takluk Johor.

Faktor ini menyebabkan Temenggung Ibrahim yang mentadbir kawasan Johor yang ada pada hari ini ingin pula menafikan kuasa Sultan Johor yang pada masa itu bersemayam di Singapura. Akibatnya keretakan berlaku di antara Temenggung dan Sultan Johor yang dapat diselesaikan melalui persetiaan 1855 itu. Dengan Temenggung Ibrahim

menguasai Johor sebagai pemerintah *de facto* dan *de jure*; bererti buat pertama kali dalam sejarah Malaysia seorang dari keturunan Temenggung menjadi pemerintah.

Sebelum itu sejak tahun 1699 Johor diperintah oleh kerabat keturunan Bendahara. Langkah awal yang dibuat oleh Temenggung Ibrahim ialah menyediakan tapak bandar dan ibu negeri Johor di Tanjung Puteri. Kemudiannya dinamakan Iskandar Puteri, akhir sekali dinamakan pula Johor Baharu oleh Maharaja Abu Bakar.

Jika di negeri-negeri Perak, Selangor dan Pahang sebelum kedatangan atau ditakluk oleh Inggeris terdapat sistem Orang Besar Berempat, Orang Besar berlapan, enam belas dan tiga puluh dua. Tegasnya di negeri-negeri itu pemerintahan negeri masih lagi bersifat fiudal. Tetapi di Johor tidak kedapatan sistem empat lipatan itu. Kita tidak dapat gambaran-gambaran Orang Besar Empat dan seterusnya. Tetapi struktur dan sistem pentadbiran Johor menunjukkan kelainannya. Ini dapat dibuktikan jika ditinjau di Istana Temenggung Ibrahim di Teluk Belanga Singapura, iaitu ketika pentadbiran Johor belum dipindahkan ke Johor Baharu sekarang ini.

Temenggung Ibrahim mempunyai kakitangan kerajaan yang teratur. Ia mempunyai seorang Menteri yang bernama Encik Long. Malah telahpun ada perkhidmatan Perkeranian. Dalam tahun 1856 Kerani Besar Temenggung Ibrahim ialah Encik Jaafar Haji Muhammad (kemudian menjadi Datuk Menteri Besar Johor).

Lain-lain tokoh yang pernah menjadi kerani ialah Encik Muhammad Salleh Perang yang kemudian bergelar Datuk Bentara Luar. Dengan adanya perkhidmatan ini sistem Orang-Orang Besar Empat, lapan dan seterusnya tidak penting kerana pegawai yang teratur dan bergaji benar-benar menjamin kecekapan dan kelincinan jentera pentadbiran. Dalam tahun 1858 Raja Ahmad telah dilantik menjadi Residen di Tanjung Puteri dan dilantik beberapa kakitangan lain bagi mentadbir dan menjaga keamanan Johor.

Apabila Temenggung Ibrahim mangkat dalam tahun 1862 ia digantikan oleh Temenggung Abu Bakar Sri Maharaja

Johor yang telah merasmikan pembukaan bandar Johor Baharu dalam bulan Januari 1866 sebagai pusat pentadbiran Johor yang baru. Faktor ilmu Alam dan khususnya kedudukannya yang berhampiran dengan Singapura menjadikan Johor dapat mencipta beberapa hal yang 'unik' jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain. Johor berjaya menyesuaikan cara-cara pentadbiran moden yang dijalankan oleh Singapura.

Pasukan Pengaman (Polis) telah ditubuhkan dan ditempatkan di kuala-kuala Sungai dalam Negeri Johor. Pasukan Polis Johor ini diketuai oleh Muhammad Salleh Perang selaku Pesuruhjaya Polis dalam tahun 1868. Maharaja Abu Bakar menyedari hakikat yang keadaan negeri yang stabil membolehkan pembangunan negeri dilaksanakan. Tetapi di Negeri-negeri Melayu lain kelihatan masih ribut dengan sengketa-sengketa politik perang saudara, dan lain-lain keadaan yang tidak stabil yang mempelawa campurtangan Inggeris. Tahun 1860-an dan 1870-an terdapat pergaduhan kongsi-kongsi gelap Hai San dan Ghee Hin. Sengketa kongsi-kongsi ini berseiring pula dengan perselisihan di kalangan golongan pemerintah tempatan. Huru-hara menjadi-jadi dan mengancam pelaburan mereka.

Keadaan ini tidak terdapat di Johor. Perang Saudara di Muar (1877 – 1879) tidak sehebat perang-perang di negeri Melayu tadi.

Walaupun orang-orang China ada terlibat dalam perang tahun 1879 itu tetapi bilangannya sedikit sekali dan keamanan dapat dikawal. Ini adalah disebabkan sistem politik yang teratur dan satu lagi faktor utama ialah adanya Undang-Undang Kangcu (1873) yang dikuatkuasakan dalam negeri itu. Sistem kangcu telahpun diamalkan sejak dekad ketiga abad 19 lagi.

Maharaja Abu Bakar sedar akan hakikat bahawa kekacauan pasti berlaku jika ada dua kongsi gelap Cina dalam sesebuah negeri. Untuk mengelakkan kekacauan yang menghuru-harakan negeri dalam fasal 13 Undang-undang Kangcu dinyatakan: "Kangcu-kangcu tidak boleh membuka Hoey lain daripada Hoey Ngee Heng .....". Kewujudan Undang-undang ini dan

kehadiran hanya satu kongsi gelap Cina sahaja terdapat di negeri Johor sahaja. Apakah ini bukan satu yang 'unik'? Inilah faktor yang menstabilkan pentadbiran ekonomi Johor.

Satu lagi faktor yang mencipta kelainan dalam negeri Johor ialah ketiadaan pembesar-pembesar jajahan yang mempunyai kuasa yang leluasa. Sehingga tahun-tahun 1880-an terdapat institusi-institusi Penghulu-penghulu dan Orang-orang Kaya di jajahan Johor. Sehingga tahun 1910 perjawatan dalam institusi adalah diwarisi secara turun-temurun. Di Batu Pahat terdapat dua Orang Kaya Setia iaitu di Minyak Beku dan Bagan, begitu juga di Muar dan Endau.

Sehingga tahun 1880-an Negeri-negeri Melayu lain berada di tangan kuasa Inggeris dan Siam, tetapi Johor tetap sebagai negeri yang 'merdeka'. Ini diakui oleh Pejabat Tanah Jajahan Inggeris. Namun begitu Perjanjian Johor – Inggeris dalam tahun 1885, Johor menyerahkan hal-hal ehwal luar negerinya untuk dikawal oleh Inggeris.

Artikel tujuh dari perjanjian itu mengakui Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan dan mengakui bahawa keturunannya sahaja berhak menjadi pemerintah Johor di masa-masa akan datang. Jelas di situ bahawa Johor mulai bernaung di bawah kuasa Inggeris, bukannya ditakluk terus. Satu hal yang menarik ialah di mana sambutan perayaan Maharaja diiktirafkan sebagai Sultan. Beberapa orang pembesar-pembesar negeri telah dikurniakan pingat-pingat *Darjah Kerabat* (D.K.), *Darjah Seri Paduka Mahkota Johor* (S.P.M.J.) juga *Darjah Datuk Paduka Mahkota Kelas II* (D.P.M.J.).

Inilah pertama kali dalam sejarah Malaysia istiadat pengurusan pingat-pingat diadakan. Ini satu lagi proses modenisasi negeri Johor yang mengujudkan kelainan. Ini adalah disebabkan Sultan menerima nilai moden akibat pergaulannya dengan orang barat.

Keamanan yang wujud tidak mengganggu pelaburan modal Inggeris menyebabkan perlindungan tentera dan politik tidak pernah ditimbulkan, sekadar cemburu Gabenor Frederick Weld sahaja yang menyebabkan perjanjian tahun 1885 itu ditandatangani.

Tidak pernah berlaku dipertengahan abad sembilan belas seorang Raja Melayu dikurniakan oleh Ratu Inggeris pingat-pingat Kebesaran England *GCMG* dan *KCSI*, kecuali Sultan Abu Bakar.

Satu lagi faktor mengapa Johor lambat menerima Penasihat Inggeris ialah kemajuannya dalam pelajaran. Pada umumnya pegawai kerajaan Johor moden mempunyai pendidikan pelajaran Inggeris, Melayu dan agama. Pegawai-pegawai itu kebanyakannya mendapat didikan di Singapura.

Jika sebelum dijajah biasanya negeri-negeri Melayu tidak mempunyai Dewan Negeri yang formal, tetapi di Johor dalam tahun 1873 telah pun mempunyai Dewan Negeri (*Council of State*). *Singapore And Straits Directory* dalam tahun 1883 mencatatkan tidak kurang dari 14 orang ahli-ahli Dewan itu. Antara lain termasuklah Jaafar Hj. Mohd (Datuk Menteri Besar) Haji Mohd Salleh (Hakim), Syed Mohd Syeikh (Mufti), Mohd Ibrahim Abdullah (Datuk Bentara Dalam), Mohd Salleh Perang (Datuk Bentara Luar). Abdullah Tahir (Pesuruhjaya Polis), Yahya Awal (Jurutera) dan Jurukur), Yahya Saaban (Penguasa Kerja Raya).

Walaupun konsep Dewan Negeri tidak sama dengan Dewan Perundangan hari ini di mana ahli-ahli dipilih oleh rakyat namun ia adalah satu hal yang unik kerana julung-julung kali dalam konteks zaman penjajahan, anak-anak Melayu bermesyuarat secara formal dan membuat undang-undang bertulis tanpa turut bersamanya pegawai-pegawai Inggeris. Dewan Negeri Perak yang ditubuhkan oleh Hugh Low lebih kurang sepuluh tahun kemudian tidak sama keanggotaannya seperti Dewan Negeri Johor. Kehadiran Dewan Negeri yang dianggotai oleh Pegawai Melayu Johor dapat menafikan Johor berada di bawah kekuasaan Inggeris. Ini ditambah pula dengan Johor mempunyai Sekretariat kerajaan Negeri yang dianggotai oleh Menteri Besar, Datuk Bentara Dalam dan Datuk Bentara Luar, Abdul Rahman Anak (Datuk Sri Amar Diraja) adalah Setiausaha Kerajaan Johor yang gigih dan menjadi teraju sekretariat yang utama. Jelaslan di situ Pentadbiran negeri Johor begitu moden, tidak perlu dinasihatkan oleh seorang Ajen Kerajaan Inggeris.

Jabatan-jabatan kerajaan juga telah ditubuhkan untuk pembangunan negeri Johor. Antaranya termasuk Jabatan-Jabatan Kerjaraya, Pos, Pelajaran, Tanah dan Galian, Ukur dan hal ehwal Gambir Lada, Jabatan-Jabatan Agama, Kehakiman, Pelindung Orang China, Pengawas Imigrasi Orang India. Kesemua ketua-ketua Jabatan itu dipegang oleh anak Johor sendiri. Selain dari Jabatan Polis satu hal yang menarik ialah Johor mempunyai Jabatan Laut yang dilengkap dengan bot-bot moden jenis lancar, bot meriam dan bot-bot lancar yang dinakhodakan oleh anak negeri Johor. Dengan adanya jabatan ini dapatlah keselamatan kapal dan ekspot impot melalui laut terjamin. Di samping itu balai-balai Polis banyak dibina di kuala-kuala sungai.

Sultan Johor sedar betapa pentingnya keselamatan Negeri. Oleh itu Pasukan Askar Timbalan Johor (*Johor Military Forces*) ditubuhkan dalam tahun 1885. Pasukan ini dilengkarkan dengan Bahagian *Infantry*, Meriam dan Pancaragam Pasukan Askar Timbalan Johor wujud hingga hari ini. Kemudian dalam tahun 1905 Pasukan Askar Sukarela Johor (*Johore Volunteer Forces*) ditubuhkan di daerah-daerah negeri Johor. Kedua-dua pasukan ini turut membantu Inggeris menghapus Pemberontakan Askar-askar India di Singapura, dalam tahun 1915.

Kerana luas pandangan dan pengalaman Sultan dan pembesar pembesarnya menyebabkan negeri Johor mencipta sejarah yang unik. Johor juga negeri Melayu yang awal mengadakan Perlembagaan Negeri iaitu Undang-undang Tubuh Negeri yang lengkap dalam tahun 1895.

Menurut perlembagaan itu dua badan pemerintahan diwujudkan, iaitu Jemaah Menteri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dalam sistem Jemaah Menteri, Menteri mempunyai fungsi-fungsinya yang khusus dan diketuai oleh Menteri Besar. Lain-lain anggota kabinetnya ialah Datuk Abdul Rahman Andak (Menteri Luar Negeri), Datuk Muhd. Ibrahim Abdullah (Menteri Dalam Negeri) Datuk Abdullah Tahir (Menteri Keamanan), Datuk Yahaya Awaluddin (Menteri Kerjaraya), Datuk Muhd. Salleh Perang (Menteri Tanah dan Ukur), Datuk Haji Muhd. Salleh (Menteri Keadilan Ugama), Ungku

Sulaiman Daud (Menteri Hasil Mahsul) dan Datuk Mohd. Mahbob (Menteri Pelajaran dan Jajahan).

Pembangunan negeri Johor dapat dilihat pesat selepas tahun 1880, iaitu apabila terbinanya bandar-bandar di Muar (1884), Batu Pahat (1893), Endau dan lain-lain lagi. Johor Baharu wujud sebagai bandar sejak tahun 1858 lagi. Pembinaan infrastruktur yang dijalankan termasuklah pembinaan Bangunan pejabat-pejabat kerajaan, jalanraya dan jalan keretapi. Dalam tahun 1885 perkhidmatan Keretapi Negeri Johor berkhidmat antara Johor Baharu dan Gemas dalam tahun 1910 an.

Dari segi ekonominya hanya negeri Johor sahajalah yang banyak mendapat hasil utama dari ekspot gambir dan lada hitam, selain dari kopi, kelapa dan pinang. Balak juga satu hasilnya sejak awal lagi hingga hari ini.

Dalam bidang pentadbiran daerah pula sekali lagi Johor menjadi negeri yang unik. Kerajaan Johor mempunyai seorang Pesuruhjaya Besar untuk mengawasi hal-hal daerahnya. Di daerah ditempatkan pegawai-pegawai tadbir tertentu. Di Muar, Batu Pahat, Endau dan akhir sekali Segamat diletakkan di bawah pentadbiran Pesuruhjaya Kerajaan. Sementara itu di kawasan pantai barat Johor (Kukub dan Pontian) terdapat Pesuruhjaya Kerajaan yang bergelar Datuk Penggawa Timur. Oleh kerana kawasan tadbir pegawai-pegawai ini luas maka ditempatkan juga Pegawai-pegawai Daerah seperti di Tanjung Labuh, Segamat, Chohong, dan Kota Tinggi misalnya. Di kawasan-kawasan pulau-pulau ditempatkan pula pegawai penjaga.

Ini satu keadaan yang terdapat sebelum 1910, di mana seluruh jentera pemerintahan Johor dipegang oleh anak-anak Negeri. Sistem pentadbiran wilayah yang menggunakan Pesuruhjaya Kerajaan ini disadur oleh Trengganu Kemudiannya.

Satu lagi perubahan berlaku dalam tahun 1910 apabila seorang Penasihat Inggeris dan lima pegawai Inggeris dipinjam untuk Sultan bagi melicinkan pentadbiran negeri. Mulai saat itu pegawai-pegawai Inggeris memegang jawatan penting selaku Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan Negeri,

Pesuruhjaya Tanah dan Galian, juga Penolong Penasihat di daerah-daerah. Di peringkat-peringkat daerah Penolong Penasihat Inggeris itu diberi kuasa kehakiman dan memungut hasil daerah. Kuasa ini dulu adalah milik Pesuruhjaya Kerajaan atau Datuk-Datuk Pegawa Johor itu. Dalam tahun 1914 secara rasmi Johor menerima kemasukan pengaruh dan kuasa Inggeris. Iaitu 39 tahun lewatnya dari Negeri Melayu Bersekutu.

Satu lagi kelainan yang terdapat ialah tidak adanya penentangan bersenjata terhadap kemasukan Inggeris di tahun 1914 itu, tidak seperti di Kelantan ada penentangan oleh Tuk Janggut (1915), di Perak (1874) dan juga di Trengganu. Kenapakah ini berlaku? Jawaban persisnya ialah sebenarnya Johor tidak pernah ditakluk dari segi tiori, tapi dari segi praktiknya, 1914 hanya merasmikan tiori penaklukan Johor. British berjaya menjajah Johor dengan cara ubah-ansur dan tipu helahnya. Ini diisyaratkan oleh Dr. Thio dalam bukunya *British Policy In The Malay Peninsula* iaitu melalui tektik-tekit merayu dan menasihatkan Sultan supaya mempersarkan Datuk Seri Amar Diraja, Abdul Rahman Andak yang dianggap oleh Inggeris terlampau bijak dan batu penghalang kemasukan Inggeris. Juga mendesak Sultan mengantikan tempat Datuk Amar dengan Datuk Mohd. Mahbob yang pada pandangan Inggeris dapat dijadikan alat.

Pembinaan jalan Keretapi Negeri Johor juga didesak supaya disegerakan. Ini bermakna Johor akan meminjam wang dari Inggeris dan membolehkan seorang Inggeris dilantik oleh Kerajaan Johor untuk mengawasi Perbendaharaan Negeri guna menentukan wang pinjaman dibayar balik.

Langkah terakhir yang dilakukan oleh Inggeris ialah dengan mendesak Sultan supaya memutuskan hubungan dengan Lembaga Penasihat Sultan di London.

Apabila ini dilakukan oleh Sultan, Pegawai-pegawai Negeri Selat dengan segera membuat perjanjian tahun 1914 itu.

Dalam bidang pelajaran sekali lagi, Johor mencipta kelainannya, iaitu dengan menghantar beberapa penuntutnya ke seberang laut di Eropah, tegasnya United Kingdom. Apa yang menarik ialah Kerajaan Johor menghantar beberapa orang

penentutnya ke Hong Kong selain dari Mesir bagi melanjutkan pelajaran tinggi. Ini dapat dilihat dalam Majallah 'Selamat Johor'.

Hingga ke masa ini Ghazal yang dikenalkan pertama kali oleh bangsawan Parsi di abad 18 tetap kekal. Ianya menjadi Lambang seni budaya Johor dan tidak pernah terdapat di negeri Melayu lain dan tidak sama dengan Ghazal parti di seberang Prai dan Kedah itu.

Seperkara lagi keunikan Johor ialah dengan tertubuhnya P.Bm.P.B. iaitu Pakaian Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa yang ditubuhkan dalam tahun 1888. Sebagai badan penyelidik soal-soal Bahasa Melayu dan persuratan Melayu P.Bm.P.B. telah berkembang luas dalam tahun 1904. Malah dalam tahun 1930an P.Bm.P.B. telah dianggotai oleh ahli cawangannya di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan dan Pahang. Dari itu dapatlah dikatakan P.Bm.P.B. ini satu pakatan persuratan dan Bahasa Melayu yang bercorak kebangsaan yang awal. Di bawah Redaksi Major Datuk Haji Muhd. Said pakatan ini dapat menerbitkan 25 siri Peredar (*Jurnal*) P.Bm.P.B. yang diisi dengan pengetahuan am, Nahu Bahasa Melayu, Kamus-Kamus, Sejarah Negeri-Negeri Melayu, luar negeri dan lain-lain lagi.

Akhirnya kita lihat perkembangan di Batu Pahat sejak tahun 1899 di mana diperkenalkan 'Tarian Naga' yang dimainkan oleh orang-orang Melayu Batu Pahat. Di Negeri Melayu lain tarian naga dimainkan keseluruhannya oleh orang-orang Cina kerana itu seni mereka. Namun di Batu Pahat sering dipertontonkan kepada umum diperayaan harijadi Sultan Johor dan ucapara-upacara rasmi. Permainan tarian ini oleh orang-orang Melayu diperkenalkan oleh Datuk Luar yang memang mahir dalam bahasa dan seni budaya Cina. Kali terakhir pertunjukan tarian naga oleh orang-orang Melayu ini diadakan dalam tahun 1955, diperaayaan menyambut Jubilee Intan Sultan Ibrahim Johor. Pasti lah terdapat beberapa lagi keunikan dalam sejarah Johor.

## LAMPIRAN 1

### Persetiaan Antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim Menyerahkan Hak Milik Kerajaan dan Semua Tanah Jajahan Johor

10hb Mac 1855

Bahawa inilah perjanjian sahabat bersahabat yang setiawan dan perdamaian serta muafakat antara Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah dengan Datuk Temenggung daing Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja kerana kedua pihak yang tersebut itu adalah bersama-sama suka berselesai dan memutuskan perselisihan dan perbezaan yang selama ini telah ada jadi di antara kedua pihak yang tersebut itu dari hal masing-masing tuntutan dan mempunyai negeri dengan segala daerahnya kerajaan Johor dan lagi supaya berlebih menetapkan dan meneguhkan perdamaian dan sahabat bersahabat yang setiawan dan selamat sempurnanya di antara kedua pihak yang tersebut itu dari masa ini hingga sampai selama-lamanya yang akan datang.

1. Perkara yang pertama – Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri maharaja sampai kepada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudian lagi disebutkan dalam surat ini.
2. Perkara yang kedua – Sebab kerana serahan itu bagaimana tersebut di dalam perkara yang pertama iaitu Datuk Daing Temenggung Ibrahim Seri Maharaja Ibn mana Temenggung Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja di dalam surat ini ada berjanji membayarkan kepada waktu terbubuh tanda tangan dan cap di dalam surat ini ialah

- wang lima ribu ringgit (\$5,000/-) pada Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah dan lagi dia berjanji bahawa Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya daripada dan kemudian disehari bulan Januari pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima (1855) iaitu mesti membayar kepada Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah sampai kepada keturunannya atau waris gantinya ialah wang lima ratus ringgit pada tiap-tiap satu bulan selama-lamanya (\$500/-).
3. Perkara yang ketiga – Adalah Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja ada melepaskan sekalian tuntutan di atas daerah tanah Kcsang ialah tanah itu di antara Sungai Kesang dan Sungai Muar dan ialah Sungai Kesang itu menjadi sempadannya sebelah utara dan Sungai Muar itu sempadan sebelah selatan dan ialah tanah itu tatkala dahulu ada di dalam daerah juga dan lagi dikabulkan Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya mempunyai dan memakai tanah itu dengan secukup-cukup kerajaan dan memiliki selama-lamanya.
  4. Perkara yang keempat – Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ada berjanji di dalam ini bahawa tanah daerah Kesang yang tersebut itu tiadalah boleh di beri atau dijualkan pada siapa-siapa atau pada lain-lain raja jikalau tiada lebih dahulu ditawarkan pada East India Co. dan kemudian kepada Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya dengan sama harga dan perjanjian yang Sultan Ali Iskandar Syah Ibn Sultan Husain Muhammad Syah sampai pada keturunannya atau waris gantinya telah sudah suka

dan boleh mendapat menyerah pada siapa-siapa atau pada raja-raja yang lain yang hendak membeli itu.

5. Perkara yang kelima – Rakyat masing-masing kedua pihak membuat perjanjian bolehlah mendapat bebas bermiaga keluar masuk pada segala negeri-negeri dan daerah-daerahnya tetapi boleh menanggung hukum dari sebab salah atau dosa yang terbuat di dalam daerah Selat atau yang lain bagaimana adat istiadat dan hukum yang terpakai di tempat itu dan lagi kedua-dua pihak yang membuat perjanjian ini ada bersungguh-sungguhnya berjanji pada dirinya sendiri sampai pada keturunannya atau waris gantinya tiadalah bolch apa-apa hal sampai akan menjadi atau menimbulkan atau menghidupkan pergaduhan di dalam negeri satu pada yang lainnya melainkan dengan bersetia yang sebenar-benarnya mengikut dan memegang perjanjian demikian yang telah terbuat ini oleh asing-asing adanya.
6. Perkara yang keenam – Kedua-dua pihak yang membuat surat perjanjian ini iaitu ada berjanji bahawa apa-apa perselisihan atau kekusutan yang kemudian akan terjadi atau terbabit di antara kedua pihak itu dari hal yang tersebut di dalam perkara yang keempat dan yang kelima bolehlah diserahkan perselesaian itu pada hukuman atau perselesaian Government India kerana sebabnya dengan ketahui Gabenor India itu perjanjian ini diantara kedua-dua pihak ada berbuat.
7. Perkara yang ketujuh – Tiada apa-apa yang tertulis atau tersebut dalam surat perjanjian ini boleh dikatakan atau disangkakan mengubah atau mencacatkan perkara-perkara dalam perjanjian yang dahulu ada terbuat pada dua haribulan Ogos pada tahun seribu lapan ratus dua puluh empat (1824) di antara East India Co. dengan al Marhum Sultan dan al Marhum Temenggung Johor adanya sahlah seperti yang tersebut ini sebab sungguh dengan nyatanya serta suka sama suka masing-masing ada membubuh tanda tangan serta memeterikan cap di

bawah syarat ini dihadapan saksinya tamat termaktub surat perjanjian ini di dalam Singapura kepada sepuluh haribulan Mac pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima, (1855).

Saksi-Saksi  
Tandatangan  
Residen Konsular, Singapura

Mohor – Sultan Ali	Mohor – Datuk Temenggung
Iskandar Syah Ibn	Daing Ibrahim Seri Maharaja
Sultan Husain Muhammad	Ibn Datuk Temenggung
Syah	Abdul Rahman Seri Ma-
	haraja. <sup>1</sup>

---

1. Daripada *Buku Teriti Johor Dengan Pertambahannya*, ms. 20 – 23.

## LAMPIRAN 2

### Teriti Persetiaan antara Datuk Temenggung Abu Bakar Johor dengan Datuk Bendahara Tun Koris Pahang.

19 Zulhijjah 1278 – 12 Jun 1862.

Bahawa inilah pada menyatakan perjanjian sahabat bersahabat yang setiawan dan perdamaian serta muafakat selama-lamanya tiada boleh mengikar sekali-kali iaitu diantara Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Johor suatu pihak dengan Datuk Bendahara Tun Koris Seri Maharaja Ibn Raja Bendahara Tun Tahir Seri Maharaja Pahang pada suatu pihak maka kedua majlis sahabat-sabahat yang tersebut iaitu adalah bersama-sama suka membuat perjanjian ini akan mematutkan negeri Johor dan negeri Pahang serta dengan daerah taaluk rantaunya dan kuasanya dan kerajaannya dan lagi akan menegakkan muafakat saudara bersaudara serta akan menetapkan sahabat kami antara kedua dengan selamat sempurnanya maka adalah kami berjanji serta mengatakan demikian ini.

1. Perkara yang pertama – Bahawa tak dapat tiada patutlah menjadi perdamaian dan bersahabat selama-lamanya antara kedua pihak dalam perjanjian ini serta dengan segala keturunannya dan negeri Johor dan negeri Pahang.
2. Perkara yang kedua – Adapun jikalau negeri Johor atau barang taaluk rantaunya telah dilanggarkan oleh musuh barang bilapun baik kemudian hari entah daripada luar negeri atau dari dalam negeri bahawa Datuk Bendahara Tun Koris Seri Maharaja Ibn Raja Bendahara Tun Tahir Seri Maharaja Pahang serta dengan segala waris gantinya haruslah datang dengan segeranya serta dengan segala rakyat tenteranya dan alat senjatanya yang ada kepada-nya akan menolong kepada Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Johor serta dengan segala waris gantinya dan lagi harus dibantukan selaku dengan seberapa kuasanya sehingga segala musuhnya itu habis dikalahkan atau dihalaukan atau didiamkannya.

3. Perkara yang ketiga – Adapun demikian pula jika negeri Pahang atau barang takluk rantaunya telah dilanggar oleh musuh pada barang bila pun balik kemudian hari entah daripada luar negeri atau dari dalam negeri bahawa Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Ibn Datuk Temenggung Daing Ibrahim Seri Maharaja Johor Serta dengan segala rakyat tenteranya dan alat senjatanya yang ada kepadaanya akan menolong kepada Datuk Bendahara Tun Koris Seri Maharaja Ibn Raja Bendahara Tun Tahir Seri Maharaja Pahang serta dengan segala warisnya gantinya dan lagi harus dibentukannya selain dengan seberapa kuasanya sehingga segala musuhnya itu habis dikalahkan atau dihalaukan atau didiamkan.
4. Perkara yang keempat – Bahawa adapun sebab telah sudah berbangkit beberapa syak wasangka di dalam hati orang lain-lain iaitu dari hal kawasan-kawasan antara kedua negeri Johor dan Pahang itu maka hendak dinyatakan pada masa ini iaitu Sungai Endau sudah ditentukan seperti dulukala sehingga pada kemudian hari akan menjadi kawasan di darat dan lagi Pulau Tioman dan segala pulau-pulau sebelah selatan dari latitude dari hujung utaranya akan menjadi pembahagian negeri Johor dan lagi segala palau-pulau sebelah utaranya menjadi pembahagian negeri Pahang.
5. Perkara yang kelima – Adapun maka segala rakyat atau orang-orang daripada kedua pihak yang mempunyai perjanjian ini patut diluluskan akan berniaga dalam kedua pihak negeri itu dan segala dagangan yang keluar dan masuk itupun mendapat sama adat hukum dan sama kebebasan seperti segala rakyat dan orang-orang yang di dalam perintah kedua pihak negeri itu tambahan pula tiada boleh salah satu pihak yang tersebut itu serta dengan segala warisnya gantinya meletakkan barang cukai atau upeti yang terlebih berat pada barang bilapun kemudian hari atas segala rakyat atau orang-orang dan dagangan segala rakyat sebelah pihak lain itu lebih diletakkan atas segala rakyat atau orang-orang atau dagangan segala rakyatnya sendiri.

6. Perkara yang keenam – Adapun kedua pihak yang tersebut itupun berjanji hendak meluluskan segala orang di bawah perintah kedua pihak negeri itu.
7. Perkara yang ketujuh – Bahawa kedua pihak yang tersebut itupun berjanji dan menyatakan antara sama sendiri serta dengan segala waris-warisnya gantinya demikian ini maka jikalau berbangkit kelak barang sesuatu pergaduhan atau perselisihan antara kedua pihak atau antara dua warisnya gantinya pada barang bilapun baik keinudian hari baik dari hal perjanjian ini atau darihal barang apa yang tersebut dalam perjanjian ini atau dari hal barang apa yang tersebut dalam perjanjian ini atau dari hal barang perkara baik darihal adat kaumnya atau adat sendirinya dapat dibicarakannya maka barang perselesaian atau ketentuan Kerajaan Inggeris iaitulah menjadi ketentuan dan haknya kepada kedua pihak.
8. Perkara yang kedelapan – Adapun kedua pihak yang tersebut itupun berjanji dan muafakat sama sendirinya serta dengan segala waris-warisnya gantinya iaitu tiada boleh salah suatu pihak itu muafakat atau balas membalias surat kiriman dengan barang-barang lain raja atau pemerintah sekalipun dengan tiada setahu dan kesukanan pada pihak yang lain dan kepada Kerajaan Inggeris yang tersebut.

Termaktub di dalam Singapura kepada 19 Zulhijjah 1278.

### Saksi

tandatangan (Officer Cavenagh Gov. Prince of Wales Isl, Singapore, and Malacca).	tandatangan	cap
		Datuk
		Temenggung Abu Bakar
	tandatangan	Cap
		Datuk
		Bendahara Tun Koris. <sup>1</sup>

1. *Daripada Buku Teriti Johor dengan Pertambahannya, ms. 29-32.*

## LAMPIRAN 3

### THE OFFICER ADMINISTERING THE GOVERNMENT S.S. TO THE MAHARAJA OF JOHOR

*Government House,  
29th, June, 1877.*

*Sir,*

*I have the honor to acquaint your Highness that I have received information of the death of Sultan Ali of Muar and that just previous to his death, he, in presence of the police Magistrate of Malacca (Mr. Ise-monger), nominated Tunku Mahmud, one of his children under age by his third wife, as his heir. As such a proceeding is, I am led to understand, not in accordance with Malay usage, and if acknowledgement might be decided that this Government will not, until there has been sufficient time to investigate the title of this or any other claimants to be considered the rightful heir and successor of Sultan Ali, acknowledge any person next of this Government most interested in the affairs of Muar, and also best acquainted with its laws and customs, to undertake the guardianship of that state until the settlement of the settlement of the question of the title to it be arrived at.*

*I have, &c.,*

*Signed A.E.H. Anson* <sup>1</sup>

---

1. Daripada, The Office Administering the Government of the S.S. kepada the Secretary of State, lampiran 2, in S.S.no. 212, Julai 1877. Government House, Singapore, 'Correspondence with Regards to the Muar Territory, 'S.S. Despatches, & C..

## LAMPIRAN 4

### SURAT PERJANJIAN SETIA KERAJAAN JOHOR 11HB DISEMBER, 1885.

Adalah surat perjanjian ini atas beberapa perkara yang khas berkenaan dengan perhubungan *Her Majesty Government of the Straits Settlements* dengan Kerajaan Johor yang merdeka telah diperbuat di antara *Right Honourable Frederick Arthur Atanley, His Majesty Secretary of the State for the Colony* bagi pihak *Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India* dengan Yang Maha Mulia Maharaja Johor.

1. Pasal yang pertama – Adapun kedua-dua kerajaan yang tersebut pada setiap masa akan bersama-sama dengan muhibah pada menentukan hal orang-orang yang mendiami dengan aman dalam jajahan yang berjiran bagi mereka dan juga pada bersatu dalam hal menahani langgaran atas jajahan masing-masing daripada langgaran musuh dari luar dan pada berbalas menyerahkan orang-orang yang dituduh atau yang telah dihukumkan salah atas sebarang salah atas sebarang kejahatan atau kesalahan ialah mengikut bagaimana syarat-syarat yang ditentukan diantara dua kerajaan yang tersebut.
2. Pasal yang kedua – Yang Maha Mulia Maharaja Johor apakala diminta oleh Kerajaan Negeri-negeri Selat pada bersama-sama membuat aturan bagi mempersenangkan perniagaan dan pada menjalankan perhubungan darat seluruh negeri Kerajaan Johor dengan Kerajaan Pahang.
3. Pasal yang ketiga – Sekiranya Kerajaan Negeri-negeri akan berkehendak pada sebarang masa meletakkan seorang pegawai British menjadi agen (wakil) mendiami dalam negeri Kerajaan Johor dengan menjalankan jawatan menyamai bagi seorang '*Consular Officer*' adalah Yang Maha Mulia Maharaja akan bersedia pada memberi dengan bersih daripada apa-apa bayaran suatu tempat kedudukan yang munasabah dalam jajahannya supaya menjadi suatu tempat kediaman bagi dibangunkan kerana penggunaan yang sedemikian.

4. Pasal yang keempat – Sebarang jenis wang perbelanjaan yang laku dalam Negeri-Negeri Selat yang dikehendaki bagi penggunaan Kerajaan Johor hendaklah diperbeikan oleh Kerajaan Negeri Selat dengan hitungan yang tidak lebih tinggi daipada yang ada bagi wang perbelanjaan yang seumpama demikian ialah seperti diperneri kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bernaung dan dengan sama hak-hak banyaknya. Yang Maha Mulia Maharaja bagi Kerajaannya atas pertolongan wang perbelanjaan iaitu dengan sesungguhnya dihadkan bagi maksud-maksud yang termustahak bagi orang-orang yang mendiami dalam negeri Kerajaan Johor dan wang perbelanjaan yang sedemikian itu dikeluarkan hendaklah menurut syarat hak-had yang sedemikian ialah yang membetuli menurut perbelanjaan wang yang sah-sah seperti yang ada berlaku dalam negeri-negeri Selat.
5. Pasal yang kelima – Ada Gabenor Negeri-Negeri Selat dengan persemangatan surat perjanjian setia yang dahulu-dahulu berkehendak pada sepanjang masa dengan segala daya upayanya menjalankan sebarang langgaran musuh dari pihak luar. Makadengan hal-hal ini atau tujuan seumpamanya adalah pegawai-pegawai bagi *Her Majesty* pada sepanjang-panjang masa mempunyai kebebasan pada memasuki laut-laut bagi-bagi negeri Johor, dan adalah negeri Kerajaan itu ataupun seberang laut yang kurang dari enam batu lebarnya ialah hingga pada suatu garis yang dikira bagi pertengahan di antara pantai laut dan buah negeri itu.
6. Pasal yang keenam – Adalah Maharaja Johor dengan persemengatan surat-surat perjanjian setia yang lebih dahulu sanggup bagi pihaknya iaitu tidak dengan tiada pengetahuan dan keredaan *Her Majesty Government* berbuat apa-apa rundingan sebarang surat perjanjian atau masuk dalam suatu perikatan dengan sebarang kerajaan keluaran atau mencampuri dalam hal siasat negeri-negeri atau pemerintahan bagi sebarang Kerajaan Melayu atau berbuat sebarang kurnia atau hak istimewa kepada lain daripada rakyat Inggeris atau syarikat-syarikat Inggeris atau orang-orang daripada bangsa Cina,

- Melayu atau lain-lain bangsa disebelah timur atau memasuki ke dalam sebarang utus mengutus perihal siasat negeri-negeri dengan sebarang kerajaan luar. Dan lagi diperjanjikan iaitu jikalau jadi suatu perbangkitan utus mengutus perihal siasat negeri di antara Yang Maha Mulia Maharaja dengan sebarang kerajaan luar maka utus mengutus yang demikian hendaklah dijalankan melalui Kerajaan *Her Majesty* kepadanyaalah Yang Maha Mulia bertumpu bagi panduan dan perjagaan perhubungan luarnya.
7. Pasal yang ketujuh — Bahawa sanya Yang Maha Mulia Maharaja Johor telah memberi ketahuan kepada Kerajaan Negeri-Negeri Selat maksud orang-orang besarnya dan orang-orangnya ialah baginya supaya memakai gelaran Sultan yang demikian diperjanjikan lagi iaitu pada menimbaangkan persahabatan yang setia dan keadaan yang muhibah yang sentiasa bagi Yang Maha Mulia telah pertunjukkan kepada Kerajaan *Her Majesty the Queen and Empress* dan juga atas syarat-syarat yang terkandung dalam surat peringatan ini adalah ianya dan waris-waris dan gantinya yang dengan sahnya menggantikan menurut adat Melayu iaitu pada kehadapan diakuanlah ianya seperti yang Maha Mulia Sultan bagi negeri dan jajahan Johor dan dialamatkan bagi sedemikian.

Pada menyaksikan yang tersebut adalah *Right Honourable Frederick Arthur Stanley* dan Yang Maha Mulia yang tersebut itu Maharaja Johor mendatangani surat perjanjian ini di *Colonial Office, London*. 11hb Disember, 1885.

<i>tandatangan</i>	Fa. A. Stanley
<i>tandatangan dalam</i>	Sultan Abu Bakar
<i>Melayu</i>	dipersaksikan oleh:
	<i>tandatangan</i> — Robert G.W. Herbert.
	<i>tandatangan</i> — Abdul Rahman b. Andak

# UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR 1895

- 
- Dirumikan dari *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor*, 1875 serta tambahan dan pindaan hingga tahun 1918. Teks asal Undang-Undang ini 1895–1909 bertulisan Jawi – pengarang.

ABU BAKAR

BISMILLAHIRRAHIMNIRRAHIM

ALHAMDULILLAH RABB AL-ALAMIN WASSALATU  
WASSALAMU ALA SAIYIDINA MUHAMMADIN WA  
ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN.

\*\*\*\*\*

Al-wasak billah Abu Bakar bagi Kerajaan dan Jajahan Johor dan segala Daerah Takluknya Sultan Yang Dipertuan Raja dan kepala bagi Darjah Kerabat Yang Amat Dihormat dan Raja dan kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Bahawa adalah kita dengan hak-hak dan kuat-kuasa Kerajaan kita dan kelebihan-kelebihan kita menjadi raja yang memerintah dan memiliki Kerajaan Johor ini dan segala Daerah Takluknya serta pula dengan syor persekutuan dan persetujuan sekelian Ahli-ahli jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan kita dan lain-lain orang-orang besar dan ketua-ketua negeri telah menimbang memikir dan mengatakan patut harus serta munasabah dengan masa dan zaman ini akan kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita dan bagi dan kerana pihak waris-waris ganti-ganti kita raja-raja yang memerintah atau Sultan-sultan Johor membuat menjadi mengada dan mendirikan dan mengurnia memberi menganugerah dan menghadiahkan kepada dan bagi dan kerana pergunaan kerajaan rakyat dan isi negeri kita suatu undang-undang dan peraturan bagi merintah dan mentadbirkan Kerajaan yang dinamakan dia "Undang-Undang Tubuh Kerajaan" iaitu yang akan berkekalan dan berpanjangan turun temurun menjadi dan bersifat undang-undang bagi Kerajaan negeri dan rakyat kita menjadi suatu pusaka yang tiada boleh diubah dipinda ditukar diorak dipecah atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula atau dibinasakan adanya.

Dan bahawa adalah kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita sendiri dan bagi dan kerana waris-waris dan ganti-ganti kita Raja-Raja yang memerintah dan memiliki

kerajaan ini iaitu Sultan-Sultan Johor berkenaan suka dan reda berbuat seperti yang tersebut di atas tadi.

**Kenyataan**  
Dan bahawa adalah pula orang-orang besar dan ketua-ketua kerajaan kita dengan nama dan bagi kerana pihak dirinya sendiri dan bagi dan kerana ganti-gantinya masing-masing serta sekalian isi negeri dan rakyat kerajaan kita demikian juga suka reda sedia dan taat pada berserta dengan dan mengikut akan kita dalam maksud dan kehendak kita yang demikian iaitu ialah seperti permohonan dan maksud dan kehendak mereka itu sekalian juga.

**Kenyataan**  
Dan bahawa oleh kerana kita sendiri dan mereka-mereka yang tersebut sangat-sangat berkehendak pada mulai mengadakan "Undang-undang Tubuh Kerajaan" itu pada masa yang baik ini maka kita permukakanlah dengan punca-punca peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti yang ada tersebut di bawah ini iaitu ialah barang-barang kita fikirkan timbangkan sifatkan yang terutama dan terulii dikehendakkan supaya menjadi asas pandu dan tauladan bagi ketetapan dan ketentuan perintahan dan tadbir kerajaan kita.

**Titah**  
Sekarang pun ketahui olehmu sekalian rakyat kerajaan kita daripada sekalian pangkat bangsa dan ugama dan ketahui juga sekalian yang berkenaan dengan negeri jajahan dan tanahair kita bahawa sesungguhnya kita buat dan jadikan barang-barang yang tersebut di bawah ini undang-undang yang benar betul teguh tentu dan tetap bagi negeri dan kerajaan kita iaitu haram jayus durhaka dan dosa bagi sesiapa orang yang enggan daripadanya dan yang mengingkarkan dia.

#### **Makna-makna Bagi Perkataan-Perkataan**

- (a) "Raja" maknanya Raja yang memerintah Kerajaan Johor dan segala Jajahan dan Daerah Takluknya Yakni Sultan Yang Dipertuan Johor.
- (b) "Waris-waris" maknanya anak raja yang bakal ganti raja.
- (c) "Waris yang kedua" maknanya anak raja yang setingkat bawah "Waris".
- (d) "Waris yang lain" maknanya seorang anak raja yang dikatakan boleh mengambil tempat "Waris yang

Kedua" dan "waris yakni yang boleh menjadi "bakal" jika Tempat-tempat dan pangkat-pangkat yang demikian itu tiada berisi.

- (e) "Menteri-menteri" iaitu ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri dan yang ada dalam bilang "jemaah menteri".
- (f) "Ketua-ketua". iaitu ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang tiada dalam bilang "jemaah menteri" dan pegawai-pegawai yang lain yang terjumlah besar pangkatnya serta orang-orang kaya dan penghulu penghulu besar yang berpangkat seperti mereka itu.
- (g) "Jemaah pengkuhan negeri" iaitu ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut dalam (e) dan (f) ialah yang dikatakan di dalam hukum syarak "Ahli Al-hal bersuara dalam pekerjaan memilih raja dan melantik dan menjadikan raja dan dalam perkara besar-besar yang mengkehendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbalan orang ramai atau isi negeri.

Anak raja yang lelaki sampai tiga keturunan daripada tiap-tiap pemerintah kerajaan Johor dimulai dari al-marhum Abdul Rahman membawa kepada almarhum Ibrahim dan yang maha mulia sultan Abu Bakar yakni Zuriat-Zuriat masing-masing itu hingga tiga pangkat ke bawah (anakanda-anakanda, cunda-cunda, cucuanda-cucuanda) ada sekaliannya termaklum dan terkandung dalam jumlah ahli-ahli jemaah pengkuhan negeri akan tetapi dalam hal memilih melantik dan menjadikan raja hanyalah yang ada berkuasa iaitu mana-mana daripadanya yang ada pada masa itu menjadi menteri-menteri atau ahli-ahli mesyuarat kerajaan atau pegawai-pegawai yang terjumlah besar pangkatnya seperti dalam (e) dan (f).

### Undang-Undang

1. Segala syarah-syarah yang ada di atas ini disifatkan seperti suatu bahagian daripada "Undang-undang Tubuh Kerajaan" itu iaitu dimana-mana yang ada berkenaan di-dalamnya.

## Raja Dan Kerajaan

Pemerintah Melayu  
darah raja ugama  
Islam.

2. Raja itu hendaklah daripada bangsa Melayu dan darah raja yang turunan daripada pemerintah-pemerintah Johor dan lelaki dan berugama Islam dan demikian juga pihak-pihak yang dikatakan "waris" dan "waris yang kedua" dan "waris yang lain".

Memilih raja zuriat  
sultan Abu Bakar

3. Raja itu (dibelakang daripada masa raja yang ada ini) hendaklah daripada zuriat yakni keturunan daripada tubuh badan darah daging Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Abu Bakar ini al-marhum Ibrahim dan hendaklah yang demikian yang diaku sebenarnya sah dan halal dan adalah zuriat yang boleh menjadi raja itu daripada anak cucu cicit dan sebagainya yang keturunan daripada sebelah lelaki dahulu lepas satu keturunan lain pula hingga akhirnya yakni tiada sekali-kali boleh dan tiada sah diperajakan yang lain daripada zuriat Yang Mulia Sultan Abu Bakar itu selagi ada keturunannya seperti yang tersebut melainkan dikecualikan pada tentang seorang keturunannya yang ditimbangkan dan ditentukan kemudian daripada sehabis-habis dan secukup-cukup siasat oleh 'jemaah pangkuhan Kerajaan' tiada layak dijadikan raja iaitu yang ada kecacatan yang besar-besar dan berat-berat yang menyalahi sifat raja-raja seperti gila dan buta dan bisu atau mempunyai sifat-sifat yang kejian yang tiada dibenarkan oleh hukum syariat menjadi raja.

Zuriat al-marhum  
Ibrahim dan al-marhum  
Abdul Rahman

4. Jikalau pada suatu masa telah habis dan tiada lagi tinggal keturunan zuriat Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar atau jikalau ada pun tada layak diperajakan oleh kerana sebab-sebab yang tersebut dalam fasal yang ketiga di atas itu hendaklah dipilih dan dilantik dijadikan raja seseorang anak raja lelaki daripada keturunan zuriat almarhum Temenggung Ibrahim maka jikalau tiada pula atau tiada yang ditimbangkan layak daripada keturunan zuriat almarhum Ibrahim itu hendaklah dipilih dan dilantik dijadikan raja seseorang lelaki daripada keturunan zuriat al-marhum Temenggung Abdul Rahman dan salah satu daripada hal ini hendaklah yang dijadikan raja itu yang sebenarnya daripada darah yang diaku sah dan halal.

kalau tiada ketuhanan daripada zuriat Abu Bakar atau Ibrahim atau Abdul Rahman.

5. Sekiranya sampai pada suatu masa tiada seorang pun tinggal lagi daripada ketiga-tiga zuriat-zuriat pemerintah-pemerintah yang tersebut dalam fasal-fasal yang lalu itu atau jika adapun tiada yang mempunyai sifat-sifat seperti yang diwajibkan oleh undang-undang ini dan hukum syarak akan terpulanglah hal memilih melantik dan menjadikan raja itu kepada maklum dan fikiran dan timbangannya mesyuarat kerajaan bersama-sama dengan jemaah pangkuhan negeri atau ahli hal-hal walakad akan tetapi adalah dipersyaratkan hendaklah yang diambil dipilih dilantik dan dijadikan raja itu seorang lelaki yang cukup umur dan sempurna akal daripada bangsa Melayu Johor betul dan rakyat kerajaan Johor serta berugama Islam dan ahli daripada darah yang merdeheka dan baik dan yang diku sah dan halal dengan ada pula pengetahuannya boleh membaca dan menulis bahasanya dan ada mempunyai nama budi pekerti tabiat perangai dan tingkah laku yang baik dan kepujian. Maka jikalau yang diambil dipilih dilantik dan dijadikan raja itu seorang yang bukan daripada darah raja akan termaklumlah hal yang demikian menjadi suatu kecualian atas undang-undang yang tersebut dalam fasal yang kedua dan sahlah adanya.

Khianat waris-waris yang diwah

6. Jikalau "waris" atau "waris yang kedua" atau "waris yang lain" atau seorang ahli daripada zuriat yang tersebut dalam beberapa fasal itu yang di atas tadi ada berbuat atau menjawab hendak berbuat sesuatu benda atau jalan atau ikhtiar yang bersifat khianat atas seseorang yang lebih hampir kedudukannya pada takhta kerajaan Johor daripada kedudukan dirinya sendiri dengan niat hendak membina sakan ahli atau ahli-ahli kerabat kerajaan yang lebih hampir itu supaya dirinya sendiri atau seorang lain daripada keturunannya atau seorang daripada darah yang lain sekali boleh dengan aturan atau jalan atau sebab khianat itu dapat menjadi raja iaitu seperti "waris" berbuat atas raja yang memerintah atau "waris yang kedua" berbuat keturunannya tiada sekali-kali mempunyai hak lagi boleh mewarisi takhta kerajaan atas "waris" atau atas salah satu daripadanya atau "waris yang lain" berbuat atas ketiga itu atau atas sesuatu daripadanya atau keturunan yang jauh daripada cadangan-cadangan bagi giliran-giliran menjadi raja di antara zuriat-

zuriat itu maka adalah perbuatan yang demikian itu ditembangkan sebesar-besarnya jahat dan salahnya dan adalah hukuman di atas seseorang atau sesuatu pasukan yang demikian berdosa jikalau bukan hukum mati dikeluarkan dia dari negeri dan di sifatkan dia dan sekalian keturunannya tiada sekali-kali mempunyai hak lagi boleh mewarisi takhta kerajaan Johor sekiranya pun sekali peredaran hal-hal dengan khidmat Tuhan membawakan pusaka itu hingga seolah-olah sampai pada dirinya atau keturunannya dan demikian juga jikalau ada hak-hak yang diperolehnya daripada kerajaan seperti pangkatnya dan belanja hidupnya akan diberhentikan dan dipulangkan kembali kepada negeri.

Gelaran bakal raja

7. "Waris" itu (seperti yang ada tersebut dalam kenyataan b) digelar akan dia "Tengku Mahkota Johor" dan bermaknalah gelaran itu yakni bakal raja dan demikian tiadalah boleh dipakai oleh atau diletakkan atas seseorang anak raja yang bukan tertentu bakal yang akan menjadi ganti raja.

Bakal raja tiada boleh campur dalam perkara negeri.

8. "Waris" itu tiada sekali-kali berkuasa atau boleh campur di dalam sesuatu perkara negeri atau kerajaan melainkan jikalau ada titah perintah rajakepadanya yang telah diberitahu kepada jemaah menteri dan demikian juga "waris yang kedua" dan "waris yang lain" dan kerabat-kerabat raja yang lain-lain.

Raja dilantik dahulu daripada cukup Umur

9. Adalah Raja itu jikalau dilantik akan dia menjadi raja dahulu daripada berumur genap dua puluh satu tahun hitungan islam tiadalah disifatkan dia cukup umur maka dalam masa belum cukup umurnya itu hendaklah ada seorang menjadi pemangkunya dan pemangku yang demikian itu hendaklah dijadikan dan ditentukan dengan pilihan Menteri-Menteri kerajaan samada daripada darah raja atau tidak.

Perbuatan-perbuatan raja yang belum cukup umur.

10. Segala perbuatan-perbuatan Raja yang kurang umur itu dalam perkara negeri tertanggunglah atas dan kepada pemangkunya maka jikalau tiada berbetulan pada perbuatan-perbuatan itu dengan adat dan undang-undang itu adalah hak dan kuasa bagi menteri-menteri itu menukar akan pemangku itu dan mengantikan lain.

Raja berangkat be-  
luar hendak me-  
sentukkan pangkuan  
Raja

11. Jikalau Raja berangkat dalam sesuatu pelayaran atau perjalanan meninggalkan jajahan Johor yang jauhnya lima hari punya perjalanan atau pelayaran bagi hendak menyaksikan tempat yang dipergikan itu iaitu dengan angkatan yang terlebih ringkas dan anggaran lama pemergiannya pergi balik tidak kurang dari tiga puluh hari hendaklah ditentukan lebih dahulu daripada berangkat itu suatu pangkuan raja dengan aturan-aturan bagaimana yang difikirkan patut pada masa itu. Maka ahli atau ahli-ahli pangkuan inilah yang jadi ganti raja dalam sepeninggalannya pada tentang pekerjaan-pekerjaan kerajaan yang teradat bagi Raja sendiri mengambil fadhlul di dalamnya.

Raja meninggalkan  
terlalu lama

12. Jikalau Raja meninggalkan negeri dan jajahan Johor lebih dari lima (5) tahun daripada masa ia mula pertama bertolak dari negerinya dan bersemayam di tempat atau di tempat-tempat orang lain denga tiada suatu kesakitan yang sebenarnya boleh menahan akan dia daripada balik atau dengan tiada suatu keuzuran atau pekerjaan atau hal yang menjadikan patut ia berlama-lamaan berhenti lagi di negeri atau negeri-negeri asing adalah hak dan kuatkuasa bagi Mesyuarat Kerajaan boleh mesyuarat pada menimbangkan hal itu hingga dapat suatu ketetapan adakah patut dinanti lagi akan raja berangkat balik dan jikalau ditetapkan patut dinanti lagi bagi berapa lamakah lagi patut dinanti itu atau patut dan wajib disifatkan halnya yang sebenarnya tiada hendak balik lagi dan demikian boleh dilantik dan diangkat akan gantinya.

Diangkat raja baru

13. Jikalau kiranya dengan sebab ketiadaan Raja bersemayam di dalam Negeri dan Jajahan Johor genap lima tahun lamanya bagaimana yang tersebut dalam fasal yang kedua belas atas tadi maka telah dilantik dan diangkat akan gantinya akan disifatkanlah Raja yang lama itu seperti sudah menarik diri daripada kerajaan dan hak-hak dan tuntutan-tuntutan atas kerajaan dan hal-halnya pada tentang kerajaan akan terjumlah pada keadaan seorang bekas Raja juga dan demikian akan termaklumlah dia pada undang-undang yang menentukan dan menghukumkan perkara perkara yang berkenaan dengan bekas Raja.

Tiada wajib raja  
baharu mengembalikan kerajaan

Raja tiada boleh  
menyerahkan negeri  
kepada kerajaan lain

Menteri-menteri dan  
jemaah pangkuhan  
negeri tiada boleh  
menyerahkan negeri  
kepada kerajaan lain.

Raja hendak berhenti  
daripada kerajaan

14. Jikalau kemudian daripada telah dilantikkan diangkat akan raja baharu maka balik bekas Raja itu tiadalah hal baliknya itu boleh mewajibkan turun Raja gantinya itu daripada takhta kerajaan dan menyerahkan kembali hak-hak kerajaan kepadanya meskipun baliknya itu sehari sahaja pun di belakang daripada telah dilantik dan diangkat akan gantinya itu.

15. Raja itu tiada sekali-kali boleh menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak menyerahkan akan negeri atau suatu bahagian daripada negeri dan Kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan atau kuasa bangsa Eropah atau sebarang lain kerajaan atau bangsa samada oleh kerana pada fikirannya susah atau keberatan padanya menjadi Raja atau oleh kerana tiada suka dia memerintah atau oleh kerana hendak mendapat mengambil dan menerima sebarang bayaran atau penceh daripada bangsa atau kerajaan lain dan demikian juga ada larang dan tetahan ini terletak dan terhukum di atas segala dan tiap-tiap seorang daripada waris dan kerabat raja.

Maka jikalau dilalui atau dicuba lalui larang dan tegahan ini jika raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanat yang di letakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya dan jika kerabat raja durhaka ia kepada raja dan kerajaan dan demikian bolehlah dihukumkan dengan sebarang hukuman yang ditimbangkan patut.

16. Menteri-Menteri dan Jemaah Pangkuhan Kerajaan tiada juga boleh sekali-kali berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang kuasa atau kerajaan Eropah atau lainnya dengan maksud hendak menyerahkan negeri dan kerajaan Johor. Maka jikalau dilanggar atau dicubanya hendak melanggar akan larangan dan tegahan ini terjawuhlah ia pada hukuman orang yang durhaka kepada Raja dan Kerajaan dan bolehlah dihukumkan sekalian yang berdosa itu dengan berdosa itu dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya.

17. Jikalau Raja itu pada sebarang masa ia diatas kerajaannya tiada suka lagi menjadi Raja dan demikian hendak berhenti dan melepaskan hak-hak dan kuatkuasa kerajaan oleh kerana sebarang rupa atau jenis keuzuran samada ke-

uzuran itu redha ia menzahirkan atau tidak bolehlah ia lepas dan berhenti daripada menjadi Raja serta adalah hak baginya boleh duduk di mana-mana tempat yang diperkenannya samada di dalam Jajahan Johor atau di dalam mana-mana negeri yang bermuhibbah dan yang tiada berkelahi dengan Kerajaan Johor.

18. Jikalau pada masa Raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya ada ia di dalam negerinya sendiri hendaklah titah dan pertandaan dan persaksian bagi perbuatan itu diperbuat dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan serta dengan tapak tangan Raja itu sendiri dengan sekurang-kurangnya tiga orang Menteri kerajaan hadir menyaksikan dengan tanda tangan masing-masing dan hendaklah hal itu diberitahu dan dizahirkan oleh Jemaah Menteri kepada isi negeri dengan seberapa segera serta dinyatakan sekali sesiapa yang mengantikan dia iaitu jikalau sudah tentu gantinya dengan mengikut bagaimana aturan undang-undang ini di atas hal yang demikian.

19. Jikalau pada masa raja hendak berhenti dan menarik diri daripada kerajaannya itu tidak ia di dalam negerinya yakni ada sebuah negeri asing tiadalah dipersyaratkan perbuatannya itu dengan aturan-aturan bagaimana yang ada disebutkan dalam fasal yang lalu tadi melainkan mana-mana aturan yang patut dan yang disifatkan sah sahajalah wajib dibuat dalam hal menentukan dan menyaksikan kelepasannya daripada menjadi Raja itu.

20. Raja yang sudah menarik diri dan berhenti daripada kerajaannya seperti yang tersebut dalam fasal-fasal yang ketiga belas dan ketujuh belas itu tiada sekali-kali boleh bercampur atau ganggu atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri dan Kerajaan samada ia duduk dalam Jajahan Johor atau jajahan asing melainkan dengan permintaan Raja yang memerintah yang telah menggantikan dia yang disertai oleh Mesyuarat Kerajaan atau dengan permohonan Mesyuarat Kerajaan yang diterima dan diperkenankan oleh Raja yang memerintah.

21. Bekas Raja itu samada ia duduk dalam Jajahan Johor atau tidak adalah hak baginya boleh mendapat bagi

belanja hidupnya suatu bayaran daripada hasil negeri yang tiada lebih dari suku atau seperempat daripada jumlah yang ditentukan bagi angkatan hidupnya pada masa ia menjadi Raja yang memerintah serta pula ada hak boleh mendapat suatu rumah tempat kediaman yang layak baginya jika ia duduk di dalam Jajahan Johor iaitu pun pada tempat-tempat yang berpatutan juga dan belanja hidup yang demikian itu berpanjanganlah sampai mangkatnya dan rumah tempat kediamannya itu kemudian daripada mangkatnya akan terpulangnya menjadi pusaka kepada warisnya mengikut bagaimana hukum syariat.

Salah besar bekas Raja mengacum-acum orang suruh mendurhaka.

Tuntutan hendak menjadi Raja Muda Bendahara dan Temenggung ada hak bagi raja boleh menjadikan.

22. Jikalau bekas Raja itu mencampuri atau menganggu atau masuk mulut dalam sebarang perkara negeri tiada dengan syarat-syarat seperti yang tersebut dalam fasal yang kedua puluh di atas itu adalah hak bagi Kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya dan lama masa tahanan itu terpulang makluman kepada Raja yang memerintah dengan Mesyuarat Kerajaan. Dan jikalau bekas Raja itu mengacum-ancum orang pada berbuat durhaka atau bermuafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing dengan niat hendak berbuat atau mendatangkan kecederaan atas negeri atau faedah negeri maka adalah hak bagi Kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya serta memandang atasnya dan mensifatkan dia seperti seorang yang berdosa kepada Kerajaan.

23. Tiada sekali-kali boleh menuntut atau wajib atau harus diterima tuntutan seorang kerabat Raja berkehendakan dirinya dilantik atau dijadikan atau digelar Raja Muda, Bendahara atau Temenggung atau sesuatu gelaran yang lain yang pada zaman dahulu telah ada atau telah biasa dipakai dalam kerajaan Johor akan tetapi ada hak bagi Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan boleh melantik menjadikan dan mengelar daripada kerabatnya samada yang jauh atau yang dekat seseorang Raja muda atau Bendahara atau Temenggung atau kedua-duanya atau ketiga-tiganya maka dalam hal-hal yang demikian adalah pangkat mertabat jawatan pekerjaan kuasa-kuasa hak-hak dan lain-lain aturan seperti berketurunan atau tidak gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat yang demikian itu semuanya dalam kuasa Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan dan mene-

Pangkat – pangkat dan jawatan-jawatan raja muda bendahara dan temenggung

tapkan pada masa melantik dan menjadikan itu dan lagi adalah hak dan kuasa pada raja dengan persekutuan mesyuarat kerajaan boleh memecar akan mereka itu jikalau ada cukup kesalahan atau dosanya yang mengharuskan demikian.

Belanja raja

24. Jikalau ada Raja Muda dan Bendahara dan Temenggong adalah tertentu bagi ketiga-tiganya itu terjumlah pada ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri dan adalah pangkatnya di antara masing-masing itu bagaimana yang disebutkan aturan gelaran-gelarannya di sini juga.

Belanja Kerabat-kerabat siapa yang boleh dapat

25. Adalah pada tentang Raja yang dikurniakan Allah Tuhan Yang Maha Tinggi dan dengan berkat Nabi Muhamad s.a.w. ada lagi memerintah ini (iaitu kita Abu Bakar Sultan bagi Kerajaan dan Jajahan Johor yang telah dengan sebab dan Perkenan Tuhan Rabbialamin telah monolong menjadikan Kerajaan Johor apa yang ada rupanya ini ialah bagi yang demikian mengucap kita syukur beribu-ribu syukur) dengan keredhaan dan timbang Mesyuarat Kerajaan kita tiada ditentukan sesuatu jumlah wang yang tetap bagi belanja kita kerana istana-istana dan angkatan-angkatan tubuh badan kita sendiri akan tetapi adalah kita dengan surat ini menjadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bagi Raja-Raja Johor yang dibelakang daripada kita tiada sekali-kali boleh seseorang pun mengambil dan memakai bagi pergunaan dirinya satu duit pun lebih dari jumlah yang telah ditentukan daripada sesuatu masa kepada suatu masa oleh Mesyuarat Kerajaan maka pada tentang itu inilah pula kita jadikan undang-undang dan hukuman yang kuat dan terang bahawa hendaklah jumlah wang yang ditentukan bagi belanja Raja itu sebenar-benarnya berpatutan cukup dan padan dengan pangkat dan mertabat kebesaran Raja Kerajaan dan dalam aturan memataktan berapa banyak belanja Raja itu tiadalah sekali-kali boleh diambil fadhlul atas apa-apa pendapatan Raja itu yang terbit daripada harta-harta dan hak-haknya sendiri dan yang bukan hak kerajaan.

26. Belanja-belanja hidup bagi kerabat-kerabat Raja semuanya terserah pada maklum Raja dengan syor dan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan banyaknya dan adalah kerabat-kerabat yang ditentukan ada hak boleh dapat belanja-belanja hidup itu seperti di bawah ini:—

- (1) Isteri Raja yang bergelar Sultanah atau Permaisuri.
- (2) Putra-putra dan putri-putri Raja.
- (3) Saudara-saudara Raja lelaki dan perempuan.
- (4) Ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara Raja.
- (5) Anak-anak saudara Raja yang sudah mangkat ayahanda atau bondanya.

(Yang Raja punya saudara-saudara benar seperti dalam fasa (3) itu) jika ada dua beradik atau lebih boleh dapat sekurang-kurangnya setengah daripada pendapatan ayahanda atau bondanya yang sudah mangkat itu iaitu di bahagikan di antaranya masing-masing dengan aturan yang berpatutkan jadi pemberian kerajaan bagi belanja hidupnya istimewa dan terutama ditimbangkan hal-hal anak-anak saudara Raja yang demikian itu yang kecil-kecil atau yang perempuan dan yang tiada bersuami. Maka yang lain daripada yang tersebut ini tiadalah sekali-kali hak atas belanja hidup dariapda kerajaan melainkan jika ada dikurniakan ialah semata-mata oleh pandangan dan timbangan Raja dengan syor dan persetujuan mesyuarat kerajaan.

Adalah erti "Raja" itu iaitu "Raja yang ada tengah memerintah atau sudah yang memerintah dan sudah mangkat.

Hak-anak raja yang pegawai.

27. Anak-anak Raja (lelaki) yang ada memegang jawatan-jawatan Kerajaan boleh mendapat kurnia yang ditentukan bagi jawatan-jawatan itu meskipun telah ada menerima belanja hidupnya daripada Kerajaan ialah keadaannya sama dengan pegawai-pegawai yang lain juga dalam hal yang demikian.

### JEMAAH MENTERI

Menteri-menteri

28. Adalah Menteri-menteri itu iaitu dijadikan daripada pegawai-pegawai besar kerajaan dan adalah termaklum hak baginya terjumlah menjadi Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan maka tiap-tiap pegawai yang termaklum ada kedudukannya menjadi Menteri itu hendaklah ada titah perintah Raja menyebut dan menerangkan yang demikian itu supaya mengsaahkan hak-haknya dan pangkatnya.

Berapa orang menteri.

29. Hendaklah bilangan banyak Menteri itu tiada kurang dari delapan orang dan tiadalah lebih dari dua belas orang

dan adalah gelaran ketua daripada Menteri-menteri itu iaitu Menteri Besar (lain daripada gelarannya yang lain jika ada) dan dialah yang menjadi Yang Dipertua Mesyuarat Kerajaan.

30 Hendaklah Menteri-menteri itu daripada bangsa Melayu dan rakyat Johor dan berugama Islam dan adalah kuatkuasa undang-undang ini membawa dan menarik ke belakang juga yakni jika ada Menteri yang bukan daripada bangsa rakyat dan ugama yang tersebut tiadalah sah keadaanya itu daripada masa diluluskan undang-undang ini. Dan hendaklah disahkan semula dengan aturan-aturan yang membetuli akan dia.

31. Hendaklah tiap-tiap pegawai yang dijadikan Menteri itu mengangkat sumpah dan sumpah itu disahkan dengan tanda tangannya dalam sebuah kitab yang ditentukan bagi itu di hadapan dua orang saksi-saksi daripada pegawai-pegawai Kerajaan menyatakan dirinya sebenarnya daripada bangsa Melayu dan rakyat Johor dan ugama Islam serta mengaku bersetia dengan Raja dan Kerajaannya.

32. Jikalau ada kekurangan bilangan dalam Jemaah Menteri itu bolehlah dipenuhi semula dengan aturan sama dengan pilihan Raja yang dipersertai oleh Jemaah Menteri atau dengan pilihan Jemaah Menteri itu yang diperkenankan dan diakui oleh Raja dan hendaklah titah perintah menjadikan akan seseorang pegawai dan memasukkan di dalam Jemaah menteri itu dengan surat yang bercap dengan cap besar kerajaan dan yang menyebut sekali nama jawatannya.

33. Jikalau keduanya Raja dan Jemaah Menteri itu berlain-lain memilih seorang bagi mencukupkan bilangan Jemaah Menteri itu maka berselisih yakni tiada sama pilihannya akan terpulanglah maklum hal itu kepada Raja dengan syor Menteri Besar dan Naib Menteri Besar pada menimbang dan menentukan siapa daripada dua itu munasabah dan baik diterima.

34. Adapun hal menjadikan dan memilih akan menteri besar itu semata-mata hak bagi Raja dan hal memilih akan naib Menteri Besar itu hak bagi Jemaah Menteri tetapi hendaklah juga dengan perkenan Raja dahulu daripada disah dan ditetapkan.

Menteri – menteri boleh memohon lepas dari jawatannya.

Menteri – menteri yang sudah undur boleh dipilih semula

Tidak terpaksa pegawai jadi menteri.

Menteri – menteri tak usah dengan ada gelaran

Raja ada hak mengeluarkan Menteri dan Jemaah Menteri boleh memohon lepaskan seorang daripada tulannya.

35. Tiada boleh dijadikan Menteri Besar atau Naib Menteri Besar akan seseorang yang bukan sudah sedia ada dalam bilangan pegawai-pegawai besar kerajaan dan sudah menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan.

36. Menteri Besar dan Naib Menteri Besar dan lain-lain Menteri ada masing-masing itu kuasa baginya boleh memohon lepas daripada Jemaah Menteri dan jika diterima permohonannya itu akan lepaslah akan tetapi tiadalah hal ia undur daripada Jemaah Menteri itu mengharuskan dia menarik diri daripada Mesyuarat Kerajaan melainkan dengan kesukaannya sendiri itu pun jika diterima permohonannya.

37. Seseorang pegawai besar yang telah masuk dalam Jemaah Menteri dan telah undur daripada Jemaah itu dengan aturan yang tersebut dalam fasal yang diatas ini adalah ia sentiasa dalam keadaan boleh dipilih dan dimasukkan menjadi ahli lagi dalam Jemaah dan Mesyuarat Kerajaan.

38. Tiadalah terpaksa seseorang pegawai menjunjung titah perintah memasukkan ia dalam Jemaah Menteri atau Mesyuarat Kerajaan dan tiada wajiblah dia menyatakan sebab-sebab yang tiada sanggup itu.

39. Tiada diwajibkan bagi seseorang pegawai yang menjadi Menteri walaupun Menteri Besar atau Naib Menteri Besar itu ada ia mempunyai gelaran "Datuk" samada gelaran Datuk bagi kerajaan atau gelaran Datuk bagi sesuatu darjah yang dikurniakan oleh raja kepadanya atau sesuatu gelaran yang lain akan tetapi adalah termaklum pangkatnya di antara tulan-tulannya dan dalam istiadat-istiadat kerajaan dan di hadapan isi negeri oleh kerana hak jawatan menjadi menteri itu.

40. Adalah hak dan kuatkuasa bagi Raja boleh melepaskan dan mengeluarkan seseorang Menteri daripada jawatannya dan ada hak dan kuatkuasanya Jemaah Menteri itu boleh memohon kepada raja meminta lepas dan keluarkan seseorang tulannya daripada jawatannya dan Jemaah Menteri itu jikalau menteri yang demikian itu telah berbuat sesuatu kesalahan yang berat dosanya pada hukum syariat atau pada undang-undang negeri atau pada timbangan istiadat kehormatan dan yang telah dapat dengan cukup siasat telah

terang dan didapati ia berdosa dengan cukup siasat telah terang dan didapati ia berdosa iaitu seperti mendurhaka atau mencuba hendak mendurhaka kepada raja atau kerajaan atau membunuh atau menyuruh atau berserta pada mencuba atau bersubhat membunuh orang atau merompak menyamun atau mencuba berbuat sesuatu daripada itu atau makan suap atau mencuba hendak makan suap atau suatu lain perbuatan yang jahat dan berdosa pada hukum Allah dan hukum negari dan bolehlah kelepasan dan keluarganya daripada jawatannya itu samada dengan ditambah atasnya sesuatu hukuman lain atau tidak atau samada dengan pecat atau diturunkan dia daripada pangkatnya (Jikalau ada ſa berpangkat atau gelaran yang lain) atau tidak mengikuti bagaimana timbangan raja pada masa menimbangkan dosa pegawai yang demikian itu.

41. Jikalau seseorang Menteri atau pegawai ada gelaran Datuk atau lain-lain gelaran kerajaan keluar dari jawatannya dengan memohon lepas atau dilepaskan daripada jawatannya dengan tiada sesuatu kesalahan atau dosa seperti yang tersebut di atas tadi hanyalah tercabut daripada namanya gelaran yang tertentu atau khas. Bagi jabatannya sahaja iaitu misalnya "Datuk Penggawa" atau "Datuk Bentara" jikalau ia memohon keluar daripada jemaah menteri akan tercabutlah daripadanya gelaran yang menjadikan jawatannya iaitu "Penggawa" atau "Bentara" dan teranglah gelaran atau pangkat "Datuk" itu sahaja kepada danya dan demikian juga aturan gelaran-gelaran yang terbit daripada darjah yang dikurniakan kepada seseorang pegawai kerajaan.

42. Adalah Jemaah Menteri itu kaedahnya menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada Raja maka dari sebab itu harus wajib dan berbahagia bagi Raja mengambil syor fikiran dan ikhtiar daripada jemaah itu dalam segala pekerjaan dan perkara yang berkenaan dengan faedah-faedah negeri dan rakyat dan demikian pula patut dan harus bagi tiap-tiap mengeri itu dalam perkara-perkara yang besar-besar dan berat-berat dalam jawatannya sendiri meminta dan mengambil syor fikiran dan ikhtiar tulat-tulannya yakni aturannya tolong menolong akan tetapi adalah tanggungan-tanggungan baik jahat jawatannya ia sendiri juga.

Persidangan jemaah menteri      43. Hendaklah Jemaah Menteri itu bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali melainkan dalam bulan Ramadhan dan pada hari-hari besar tidak diwajibkan dan pada lain-lain masa bila-bila dikehendakkan.

Pertama — Dengan titah perintah raja.

Kedua — Dengan permintaan Menteri Besar atau Naib.

Ketiga — Dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri.

Cukup bilangan jemaah menteri      44. Dalam sesuatu persidangan Jemaah Menteri lima (5) orang jadi ahli suatu "cukup bilang" jika la Raja ada bersama-sama hadir tiga orang ahli memadailah bagi suatu cukup bilang akan tetapi diwajibkan jika ada masa diberitahu kepada semua ahli yang ada dalam negeri hal hendak diadakan persidangan itu.

### MESYUARAT KERAJAAN

Timbalan am bagi kerajaan      45. Adapun timbalan yang am kepada kerajaan iaitu "Mesyuarat Kerajaan" namanya dan yang menjadi ahli-ahli baginya iaitu Menteri-Menteri dan lain pegawai besar dan ketua-ketua kerajaan yang dijadikan oleh raja dengan syor jemaah menteri daripada suatu masa kepada suatu masa.

Ahli Mesyuarat Kerajaan      46. Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang lain daripada menteri-menteri itu hendaklah dijadikan dengan pilihan raja dan dengan syor atau persekutuan Jemaah Menteri dan bilangan ahli-ahlinya tiada kurang dari 16 orang iaitu masuk seorang Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua.

Wajib daripada rakyat Johor      47. Tidak diwajibkan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan itu semuanya daripada bangsa Melayu atau Ugama Islam akan tetapi diwajibkan semuanya daripada rakyat Johor.

Mengangkat sumpah bersetia      48. Hendaklah tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu masuk dengan mengangkat sampah bersetia kepada raja dan kerajaan dan mengaku akan memberi segala syor fikiran dan ikhtiar dengan hati yang betul dan niat yang baik bagi kesempurnaan dan keuntungan negeri dan rakyat.

49. Adapun pekerjaan-pekerjaan Mesyuarat Kerajaan itu iaitu terutamanya membantu akan Raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat iaitu seperti membuat dan menjadikan membetul dan menambah atau membezakan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa melainkan undang-undang Agama dan hukum syarak dan themikirkan hal membuka negeri dan mengerjakan ummrah negeri dan memberi ikhtiar-ikhtiar yang baik bagi menerbitkan hasil dan menambah akan perniagaan dan membaiki hal-hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman dalam negeri dan daerah takluk jajahan Johor dan memanjangkan muhibbah dan perdamaian dengan kerajaan-kerajaan asing.

Cukup bilang mesyuarat kerajaan.

50. Adalah cukup bilang bagi sesuatu persidangan Mesyuarat Kerajaan itu tujuh (7) orang jikalau jumlah semua ahlinya, tiada kurang dari enam belas (16) orang dan lima belas (15) orang jikalau semuanya tiada kurang dari tiga puluh dua (32) orang dan tiga puluh satu (31) orang jikalau semuanya tiada kurang dari enam puluh empat (64) orang atau lebih.

Persidangan - persidangan Mesyuarat Kerajaan

51. Hendaklah Mesyuarat Kerajaan itu bersidang sekurang-kurangnya dua bulan sekali atau bila-bila ada titah perintah menyuruh atau bila-bila diminta oleh Jemaah Menteri atau bila-bila dikehendakkan oleh tiada kurang dari separuh daripada jumlah bilangan ahli-ahli dalam jemaah Mesyuarat Kerajaan itu. Iaitu hendaklah kehendak ahli-ahli itu dan pekerjaan atau perkara yang hendak dimesyuaratkan itu dinyatakan kepada jemaah menteri jelas tiga (3) hari lebih dahulu dan tiada diwajibkan sesuatu persidangan itu diadakan dalam bulan puasa atau pada hari-hari yang tertentu hari besar kerajaan atau hariraya atau kelepasan orangramai. Dan adalah makna dua bulan sekali itu iaitu renggang di antara penghabisan suatu masa yang dikatakan ada lagi duduk mesyuarat (samada banyak hari-harinya atau sedikit) dengan masa permulaan persidangan yang baharu hendak diadakan.

Ahli-ahli sama dan setara hak-haknya dalam persidangan.

52. Di dalam segala persidangan dan pada segala masa bersidangan Mesyuarat Kerajaan adalah sekelian ahli itu sama dan setara hak-hak dan kuatkuasa seorang dengan lain iaitu

tiap-tiap seorang ada suatu "suara" yang boleh digunakannya pada menyertai atau berlawan atas barang yang dimesyuaratkan itu akan tetapi tiadalah diwajibkan atas tiap-tiap ahli mesyuarat kerajaan itu menggunakan "suaranya" melainkan dengan kesukaannya sendiri.

Maka apa-apa keputusan pihak yang banyak bilangan suara itulah yang diterima dan boleh disembahkan kepada raja.

Ingatan persidangan disimpan.

53. Hendaklah hal-hal yang jadi dalam persidangan persidangan masyuarat kerajaan itu ditulis dan disimpan ingatannya (minit, dalam suatu kitab dengan terang dan sempurna dan undang-undang atau aturan-aturan atau benda-benda yang berkenaan dengan isi negeri hendaklah dizahirkan setelah dapat lulusan atau kebenaran Raja.

Kebenaran-kebenaran Raja

54. Hendaklah tiap-tiap lulusan atau kebenaran raja itu menentukan pada apa masa akan mulai berlaku undang-undang atau aturan-aturan yang telah dijadikan itu.

Tiada dapat kebenaran Raja atas keputusan-keputusan.

55. Jikalau ada sesuatu undang-undang atau aturan atau perkara atau benda yang tidak lulus atau dibenarkan oleh Raja bolehlah dibawa semula ke dalam persidangan Mesyuarat. Kerajaan pada kali yang lain bersidangannya dan jikalau sudah tiga kali berturut-turut tiada lulus dan dibenarkan oleh raja tiadalah boleh perkara itu dibawa lagi melainkan setahun di belakang daripada masa yang akhir telah dipersidangkan.

Mesyuarat Kerajaan.

Maka jikalau ditetapkan demikian juga timbangannya perkara itu oleh Mesyuarat Kerajaan pada kali yang keempatnya haruslah dilulus dan dibenarkan oleh raja kerana yang demikian hapuskan tafsir raja.

Cadangan dalam undang-undang ini.

56. Adalah dicadangkan dalam undang-undang ini bagi Mesyuarat Kerajaan itu ada hal bagi raja dan kerajaan boleh membaiki dan membentuk meminda-minda dan menambah-nambah akan aturan-aturan dan undang-undang bagi persidangan dan kedudukan mesyuarat kerajaan akan tetapi hendaklah apa-apa aturan dan undang-undang yang ada tengah berjalan dan dipakai itu dilakukan dengan kuat dan sebenarnya selagi belum ada dipecah atau dimansuhkan dengan lain.

## BERBAGAI-BAGAI INGATAN

57. Adalah yang dikatakan "Agama Negeri" bagi jajahan dan kerajaan Johor ini iaitu ugama Islam maka yang demikian hendaklah ugama Islam itu berpanjangan dan berkekelan selama-lamanya menjadi dan diaku dan disebut "Agama Negeri" yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang agama lain. Dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala ugama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut di benarkan dengan aman dan sempurna boleh diperagamakan dalam segala dan segenap daerah takluk kerajaan Johor oleh orang-orang yang berugamakan dia.

58. Hendaklah segala undang-undang dan adat-adat negeri dijalankan dan diperlakukan dengan adil dan benar oleh segala Mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan di antara sekelian isi negeri dan yang dagang yang berhenti dan duduk bernaung di dalamnya samada bagi sementara atau dengan berlanjut-lanjutan masanya yakni dengan tiada sedikit jua pun melebih akan timbang rasa atau pandangan atau cenduerung kepada pihak-pihak yang beragamakan agama negeri iaitu Islam atau memperbezakan rakyat negeri dengan yang bukan rakyat negeri.

59. Hendaklah raja dan kerajaan Johor sentiasa dan berkekelan ada dalam keadaan dan kedudukan yang muhibbah dan baik dengan kerajaan-kerajaan lain istimewanya dan terutamanya dengan bangsa dan kerajaan lain istimewanya terutamanya dengan bangsa dan kerajaan British (Inggeris).

60. Selagi tidak ada perbuatan yang sah dan terang aniaya yang besar dan jahat dari pihak bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan yang ada perjanjian (*treaty*) dengan kerajaan Johor dan tiada perbuatan-perbuatannya yang memecahkan perjanjian atau perjanjian-perjanjian (*treaty-treaty*) yang telah ada sedia diperbuat atau yang akan diperbuat dengan kerajaan-kerajaan asing itu.

61. Hendaklah ucapan kerajaan iaitu "Kepada Allah Berserah" itu dan tanda kerajaan dan mahkota serta segala alatan kerajaan dan bendera raja dan bendera negeri atau bangsa itu sekeliannya itu selama-lamanya dipakai dan diperkekalkan dengan rupa dan keadaannya bagaimana yang

ada itu juga dengan tiada diubah dan dipindah-pindah dan demikian juga ucapan kerabat raja itu "muafakat itu berkat" hendaklah dipakai dan diperkekalkan.

Daerah dan pingat besi dikenakan.

62. Hendaklah dua jenis darjah yang ada sekarang selama-lama dipakai dan diperkekalkan bagaimana rupa dan keadaannya yang ada itu juga iaitu Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati dan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulai itu dan daripada pingat-pingat yang ada itu hendaklah selamanya dipakai dan diperkekalkan "pingat besi" itu iaitu balasan bagi kebernaian dan jasa-jasa kepada kerajaan dalam pekerjaan-pekerjaan yang merbahaya kepada nyawa.

Ingatan jangan de-ras membuat darjah.

63. Sungguhpun dinyatakan di dalam undang-undang ini hendaklah dipakai dan diperkekalkan darjah-darjah yang tersebut itu tiada pula dilarang atau ditegah akan raja daripada membuat menjadi dan mengadakan darjah-darjah dan tanda-tanda kemuliaan dan kebesaran yang lain kerana Raja itu matair bagi segala kemuliaan dan kebesaran akan tetapi adalah diperingatkan janganlah diperbuat dijadi dan diadakan sesuatu darjah lain dengan sebab semata-mata hendak membanyakkan dan menambahkan bilangan darjah-darjah sahaja dengan iada difikirkan dengan cermat dan baik adakah berguna dan berkehendak dijadikan yang baharu kerana banyak bilangan dan terlalu banyak kelihatan di dalam negeri tanda-tanda kemuliaan dan kebenaran itu akan menjadikan kurang mutu dan kurang harga semuanya itu istimewa pada tentang suatu kerajaan yang kecil.

Mesyuarat Kerajaan boleh menambah atas undang-undang ini.

64. Pada akhir undang-undang dan ingatan ini adalah kita percadangkan dan persyaratkan bagi diri kita dan waris ganti kita dengan syor dan persekutuan mesyuarat kerajaan sentiasa ada hak dan kuatkuasa boleh menambah-nambah dan membesar-besarkan kawasan undang-undang ini daripada suatu masa kepada suatu masa bila-bila sahaja difikirkan patut atau wajib diperbuat demikian iaitu dengan aturan tiada mengubah meminda mengorak memecah dan membina-sakan asas atau maksud atau tujuan undang-undang yang kita telah perbuatkan adakan dirikan dan tetapkan ini. Dan lagi pula ada hak dan kuatkuasa bagi kita dan waris-waris ganti kita dengan pertolongan dan persekutuan mesyuarat kerajaan atau bagi mesyuarat kerajaan sahaja boleh menentu dan

menetapkan syarah-syarah tafsir-tafsir bacaan-bacaan dan makna-makna segla atau sesuatu daripada fasal-fasal yang terkandung di dalam undang-undang ini jika pada sebarang masa yang ke hadapan kelak didapati patut dan harus diperbuat demikian oleh kerana hendak menjadikan dia lebih dan makna-makna maka yang demikian kelak ditentu dan ditetapkan akan jadi dan diterimalah seperti suatu bahagian daripada undang-undang tubuh kerajaan ini juga dan akan terpakailah dengan tiada boleh ditampik-tampik lagi adanya.

Bahkan demikianlah undang-undang dan aturan-aturan tabuh kerajaan Johor.

Barang dihormati Allah Subhanahu Watala mulk-almulk dan diberkati Habi Muhammad s.a.w. akan segala Undang-undang dan Aturan-aturan Tubuh Kerajaan Johor ini selama-lamanya Amin yarabbul-alamin.

Diperbuat dalam istana kita di Johor Baharu pada 18 hari-bulan Syawal Hijaratan Nabi s.a.w. seribu tiga ratus dua belas sennat (1312) bersamaan dengan hitungan Masihi 14 hari-bulan April seribu delapan ratus sembilan puluh lima (1895) iaitu tahun yang ketiga puluh empat kita di atas kerajaan.

Pada menyaksikan lulus dan ketetapan Undang-undang Tubuh Kerajaan ini serta persekutuan dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan dengan aturan yang taat teguh bersetia dan benar adalah sekalian ahli Mesyuarat Kerajaan yang hadir membubuh tandatangan masing-masing di bawah ini:

Mohd. Khalid b. Ibrahim Ungku dan Datuk Kerabat	Ibrahim Tengku Mahkota dan Datuk Kerabat	Ungku Sulaiman Ungku dan Datuk Kerabat
Jaafar b. Hj. Muhammad Datuk Menteri Johor	Hj. Muhammad Salleh Datuk dan Hakim	Syed Salim bin Ahmad Al-Atas Datuk dan Mufti
Muhammad Ibrahim b. Hj. Abdullah Munsyi Datuk Bentara Dalam	Muhammad Salleh b. Perang Datuk Penggawa Luar	Jaafar b Nong Yahya Datuk Penggawa Timur

Abd. Samad Ibrahim Datuk Penggawa Barat	Muhammad Yahya b. Awalud- din Datuk	Al-Haj Abdul Rahman Datuk dan Kadi
Abdullah b. Tahir Datuk Seri Setia Raja	Yahya b. Syabaan Datuk	Andak Datuk
Muhammad b. Mahbob Datuk	Abdul Rahman b. Anak Datuk Seri Amar Diraja	

Dengan nama Allah subhanahu Watala mengaku kita dengan sebenar-benarnya berlaku Undang-Undang Tubuh Kerajaan ini di atas kita dan kerajaan kita adanya.

IBRAHIM

CAP KERAJAAN.

Shahid Ali Zulk

Jaafar bin Haji Muhammad.

Istana Besar

24 Hari Rabiul Awal Sannat 1313.

Berbetulan 14 September tahun Al-Masih 1895.

**TAMBAHAN UNDANG-UNDANG TUBUH  
KERAJAAN JOHOR**  
**(22 April 1908)**

Telah diluluskan dan dibubuh tanda tangan oleh sekalian ahli-ahli mesyuarat pada hari Rabu 22 April 1908

\*\*\*\*\*

Bahawa adalah kita Ibrahim Sultan Yang Dipertua bagi negeri dan jajahan Johor telah berkenaan suka dan bersetuju dan dengan syor dan keredaan dan Persekutuan ahli Mesyuarat Kerajaan membuat mengadakan undang-undang ini supaya jadi penambah bagi undang-undang tubuh kerajaan yang telah diadakan pada Hijrat 1312 (tahun 1895) dan iaitu mengikuti bagaimana yang tersebut di dalam fasal 64 pada akhir undang-undang itu.

Ialah supaya dipakai dan dilakukan di dalam Johor dan segala daerahnya daripada tarikh ini sehingga selama-lamanya dan kepada keturunan waris-waris dan ganti-ganti kita.

Maka undang-undang ini dinamakan Undang-undang Tambahan Undang-undang Tubuh Kerajaan bagi Hijrat 1326 bersamaan dengan tahun 1908 ialah seperti di bawah ini:—

1. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya ditahan akan dia atau dipenjarakan melainkan dengan mengikuti perjalanan yang betul bagi undang-undang. (*Law*) walau oleh Sultan sendiri sekalipun kebebasan dan kemerdekaan segala orang-orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang (*Law*) ialah asas bagi kesemua government yang baik.

2. Oleh tersangatlah wajib suatu perjalanan yang betul bagi keadilan dan bagi perjagaan nyawa kemerdekaan dan harta bagi tiap-tiap orang maka hakim-hakim dan pengadil-pengadil hendaklah semata-mata merdehaka dirinya daripada sebarang asuhan yang datang terus atau tiada terus padanya supaya menyempurnakan pekerjaan yang patut dijalankan dengan adil jika tidak demikian nescaya tiadalah boleh ber-

laku keadilan atau kepercayaan rakyat pun tiada lah membetuli atas pekerjaan menjalankan undang-undang (*Law*) itu dengan sepertinya.

Tidaklah boleh Sultan atau barang siapa daripada menteri-menterinya memberi perintah kepada mereka itu (Hakim Hakim atau Pengadil-Pengadil) dalam sebarang perkara yang ada dihadapan mahkamah .

3. Barang siapa yang kena paksa daripada kebebasannya atau ditahan dalam kurungan atau dipenjarakan dikecualikan dalam perjalanan yang benar bagi undang-undang (*Law*) bolehlah ia sendiri atau siapa bagi pihaknya meminta kepada Hakim Mahkamah supaya dibawa ia dengan segera di hadapan Mahkamah tatkala itu hendaklah mahkamah menimbangkan iaitu jika ada sebab yang menjadikan terpenjara itu patut atau tahanan itu mengikut undang-undang hendaklah mahkamah dengan segera menjalankan apa yang dikehendaki oleh keadilan maka jika tiada nampak kepatutannya dalam undang-undang (tiada sah) hendaklah mahkamah perintah lepaskan dia setetika itu juga.

4. Hendaklah Sultan membawa dirinya kepada semua rakyat-rakyatnya dengan kelakuan yang hormat dan adil dengan menunjukkan kasih sayang dan timbangan kepada semua mereka itu dan memerintah mengikut undang-undang (*Law*) kerana bukanlah seorang pemerintah yang sebenarnya jika kehendak dan kesukaan hatinya yang memerintah dan bukan undang-undang (*Law*) yang memerintah dan lagi hendaklah memelihara agama Islam yang ada itu serta hak-hak dan kemerdekaan-kemerdekaan rakyat-rakyat ingatlah yang sultan itu telah dilantik atas tempat yang tinggi itu oleh rakyat-rakyat negeri dengan kepercayaan mereka itu yang ia boleh menyempurnakan harapan mereka atasnya.

5. Bayaran gaji bagi sebarang pegawai kerajaan tiada boleh ditahan bila sampai tempohnya jika dengan tiada satu perintah dari kepala perjabatan yang tempat pegawai itu bekerja maka perintah yang demikian itu pula hendaklah ditimbangkan oleh sultan dalam mesyuarat. Dan lagi sekiranya ada sebarang hutang yang telah disabitkan oleh mahkamah atas sebarang pegawai kerajaan tiada lah boleh diberi perintah

tahan akan gajinya itu oleh mahkamah jika tiada lain dengan tulisan dari setiausaha kerajaan.

Dengan titah perintah  
Mohammad bin Mahbot  
*Setiausaha Kerajaan.*

Dewan Kerajaan  
Johor Bahru 22 April 1908.  
(20 Rabbiul Awal 1326)

**TAMBAHAN UNDANG TUBUH  
KERAJAAN JOHOR  
(17 SEPTEMBER 1912)**

IBRAHIM

CAP KERAJAAN

**BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM**

Alha dullillah Rabb Al-alamin Wassalatu  
wassalamu ala Saiyidina Muyammadin wa ala  
alihi wasahbihi ajmain.

Al-wasak billah Ibrahim bagi kerajaan dan jajahan Johor  
dan segala daerahnya Sultan Yang Dieprtuan Raja dan kepala  
bagi darjah kerabat yang amat dihormati dan raja dan kepala  
bagi darjah mahkota Johor yang amat mulia.

Serubukaan

Bahawa dengan kuatkuasa undang-undang tubuh kerajaan  
negeri Johor kita bertarikh 18 haribulan Syawal 1312 bersamaan  
tarikh 14hb April 1895 adalah dengan persetujuan dan  
persertaan ahli mesyuarat Jemaah Menteri kita dan mesyuarat  
kerajaan kita sukar menjadikan lagi syarat kerana kerajaan  
bagi negeri dan jajahan Johor kita dan kita dengan surat ini  
lafadzkan maksud dan kesukaan kita seperti di bawah ini:-

Keadaan mesyuarat  
kerja

Maka hendaklah diadakan suatu Mesyuarat Kerja Dewan  
kerana kerajaan kita dan mesyuarat yang tersebut itu hendaklah  
mengandungi orang yang tersebut seperti yang sekarang  
ada menjadi ahli-ahli mesyuarat yang tersebut dan lain-lain  
orang ialah yang kita jadikan dari suatu masa ke suatu masa  
dengan akuan perintah yang ada bertandatangan kita bertulis  
dan hendaklah sekalian orang yang tersebut menanggung  
jawatannya dalam mesyuarat yang tersebut selama yang kita  
sukai.

Titah

Sayugia yang demikian adalah kita sekarang menjadikan  
dan memperbuat butir-butir yang tersebut di bawah ini  
ialah jadi suatu hakim yang benar dan tetap bagi mesyuarat  
kerja Dewan yang tersebut.

**HUKUM BAGI MESYUARAT KERJA DEWAN**

Pangkat susunan

1. Ahli bagi Mesyuarat Kerja Dewan mendapati akan  
lebih pangkatnya dan pangkat susunnya seperti yang di-

tentukan oleh raja maka jika tiada yang demikian iaitu pegawai-pegawai yang lebih lama jawatannya ataupun sekiranya dijadikan dengan sama dalam surat menurut susunan nama-nama masing-masing disebutkan di situ.

umpah setia  
Mesyuarat kerja tidak menjalankan kerja melainkan dipanggil

2. Maka boleh Raja itu bila ada berfikir patut berkehendak akan sebarang ahli mesyuarat muafakat dewan bersumpah setia dan bersumpah yang demikian hendaklah disahkan dengan tandatangan ditulis dalam sebuah buku yang diadakan kerana pergunaan itu di hadapan dua seksi yang hadir daripada antara pegawai-pegawai kerajaan.

3. Tiadalah boleh Mesyuarat Kerja Dewan itu menjalankan kerja-kerja jika tiada sempurna dipanggil dengan titah raja dan tiada boleh juga jika tiada dua ahli sekurang-kurangnya (tidak masuk Raja atau ahli menjadi pengerusi) hadir dan menolong dalam seluruh masa mesyuarat bagi menjalankan sebarang kerja waktu itu. Maka tiadalah wajib dipanggil sebarang ahli mesyuarat yang tiada dalam negeri di mana mesyuarat itu diadakan.

Boleh diadakan mesyuarat kerja dalam sebarang tempat.  
Raja menjadi pengurus  
Setiausaha kerajaan menjunjung titah

4. Maka bolehlah Raja menitahkan pada mengadakan suatu Mesyuarat kerja Dewan dalam sebarang tempat dalam negeri Johor di mana ianya ada bersemayam dan dalam mesyuarat yang demikian itu disifatkan lulus pada menjalankan kerja meskipun ia tidak dengan sempurna menitahkan panggil lebih daripada dua ahli yang hadir.

5. Maka bolehlah Raja hadir dan menjadi pengerusi pada segala Mesyuarat Kerja Dewan dikecualikan kerana gering atau lain-lain sebab yang menahankan maka ketiadaannya itu sebarang ahli yang dititahkannya bolehlah menjadi pengerusi atau jika tiada ahli yang tersebut maka ahli yang lebih tua bagi mesyuarat itu yang ada hadir bolehlah menjadi pengerusi maka masa raja tiada berangkat hadir hendaklah segala salinan yang betul bagi segala minit persidangan itu disembahkan dengan masa yang sebeberapa segera ialah bagi pengetahuannya atau persetujuannya demikianlah menurut perihalnya.

6. Maka hendaklah Setiausaha Kerajaan menjunjung titah Raja kepada Mesyuarat Kerja Dewan ialah apa-apa yang dititahkan oleh Raja dari suatu masa ke suatu masa.

Raja dan Setiausaha Kerajaan membawa perkara.

Disimpan peringatan mesyuarat kerja.

Mesyuarat diadakan lain daripada tempat kedudukan kerajaan

Setiausaha kerajaan membawa kepada timbangan Mesyuarat Kerja.

Boleh raja menggunakan kuasa menyahali mesyuarat kerja

7. Hanyalah Raja dan Setiausaha Kerajaan boleh berkuasa membawa perkara ke dalam Mesyuarat Kerja Dewan kerana nasihat dan timbangannya tetapi sekiranya setiausaha Kerajaan enggan daripada membawakan sebarang soal perkara ke dalam mesyuarat itu bila diminta dengan bertulis oleh sebarang ahli berbuat demikian maka terharuslah kepada ahli yang tersebut meminta supaya iaitu dibawa ingatan bersama-sama dengan jawab yang dikembalikan oleh Setiausaha Kerajaan dalam perkara itu.

8. Maka hendaklah disimpan suatu buku peringatan hari hari dan minit-minit yang sempurna dan betul bagi segala perkara yang dalam Mesyuarat Kerja Dewan dan hendaklah peringatan-peringatan dan minit-minit itu dibetulkan dan diakukan oleh Setiausaha Kerajaan dan seorang lagi ahli bagi mesyuarat itu.

9. Apakala suatu persidangan bagi mesyuarat itu diadakan dalam suatu tempat iaitu lain daripada tempat kedudukan kerajaan maka hendaklah minit perkara yang dibangkitkan dalam tempat mesyuarat yang tersebut diutuskan ketempat kerajaan dan disimpan dengan lain peringatan bagi mesyuarat maka hendaklah yang demikian diaku oleh sekurang-kurangnya dua orang ahli.

10. Maka Setiausaha Kerajaan pada melakukan kuasanya yang telah dikurniakan oleh Raja hendaklah dalam sekalian hal itu membawa kepada timbangan Mesyuarat Kerja Dewan dikecualikan dalam perkara-perkara yang hal keadaanya iaitu pada timbangannya adalah kerja Raja itu akan menjadi gendala dengan sebab mengambil syor mesyuarat dalam hal itu atau apakala perkara-perkara yang hendak diputuskan itu itu tiada berapa mustahak berkehendakkan syor mesyuarat atau tidak bermasa lagi mengambil syor mesyuarat dalam demikian maka hendaklah dengan seberapa segera yang boleh diutuskan kepada Mesyuarat Kerja Dewan akan perbuatan yang telah dilakukan itu serta dengan meberi sebab-sebabnya.

11. Maka bolehlah Raja itu menggunakan kuasanya ber-salah dari nasihat yang disebahkan kepadanya oleh ahli-ahli mesyuarat Kerja Dewan jika ia berfikir dalam se-

barang hal itu betul dibuat demikian ialah pada menjalankan kuasa-kuasa hak-hak dan kelebihan yang benar bagi pihaknya tetapi dalam perkara yang demikian bolehlah ia menulis bagi ingatan yang penuh atas hal kejadian-kejadian dan sebab-sebab bagi yang demikian.

Dipersyaratkan dalam hukum ini.

12. Adalah dipersyaratkan dalam hukum ini iaitu berkenaan dengan Mesyuarat Kerja Dewan Raja dan Kerajaan berkuasakan pada membaikkan dan pada membetulkan lagi pada mengubah. Pada menambah kepada peraturan dan aturan yang berkenaan dengan persidang-persidangan dan kedudukan jemaah-jemaah bagi Mesyuarat Kerja Dewan tetapi dikehendakkan iaitu apa-apa pun fasal-fasal dan peraturan-peraturan yang ada dijalankan dan digunakan hendaklah iaitu dengan sebenar-benarnya dan sebetul-betulnya diperlukan seberapa lama yang hukuman itu tidak dimansuhkan atau digantikan dengan lain.

Diperbuat Istana Besar kita di Johor Bahru pada 5 hari-bulan Syawal Hijrat Al-Nabi s.q.w. seribu tiga ratus tiga puluh sannat (1330) bersamaan dengan hitungan Masihi tujuh belas hari September, seribu sembilan ratus dua belas (1912) iaitu tahun yang ketujuh belas kita di atas kerajaan.

### PEKERJAAN BAGI MESYUARAT KERJA

Adalah dipertentukan oleh Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan Johor pada 5 Syabab seribu tiga ratus tiga puluh dua (1332) bersamaan dengan 29 Jun seribu sembilan ratus empat belas (1914).

Adalah pekerjaan bagi mesyuarat kerja iaitu lain daripada perkara-perkara yang lazim bagi kerajaan menimbangkan segala permohonan bagi tanah tanaman dan galian-galian segala borongan-borongan dan tawaran-tawaran bagi jambatan kerjaraya — segala permohonan cuti — perihal naik pangkat-pangkat — demikian juga syor memperdayakan undang-undang dan lain-lain perkara yang mustahak.

**TAMBAHAN UNDANG TUBUH  
KERAJAAN JOHOR  
(12 MEI 1914)**

IBRAHIM

Cap Kerajaan

ALHAMDULILLAH RABB AL ALAMIN WASSALATU  
WASSALAMU ALA SAIYIDINA MUHAMMADIN WA ALA  
ALIHI WASAHBIHI AJAMIN

\*\*\*\*\*

Al wasak billah Ibrahim bagi Kerajaan dan Jajahan Johor dan segala Daerahnya Sultan Yang Dipertuan Raja dan Kepala bagi Daerah Kerabat Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepada bagi Darjah Mahkota Yang Amat Dihormati dan Raja dan Kepada bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Serubukaan

Bahawa sanya adalah kita dengan fasal yang ke 47 undang-undang tubuh kerajaan Johor bertarikh 18hb Syawal 1312 bersamaan dengan 14 April 1895 menentukan dan menjadikan iaitu tidak diwajibkan Ahli Mesyuarat Kerajaan semunya daripada bangsa Melayu Ugama Islam akan tetapi diwajibkan semuanya daripada rakyat Johor:

Ahli tambahan bagi  
mesyuarat kerajaan.

Dan bahawa sanya pada menjalankan kuasa yang dicadangkan dalam fasal 64 bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan dan dengan syor dan persetujuan Mesyuarat Kerajaan adalah kita sekarang suka menentukan iaitu bagi tambahan daripada enam belas orang Ahli Mesyuarat itu bagaimana yang ada tersebut dalam fasal yang ke 46 bagi undang-undang yang tersebut bolehlah dari satu ke satu masa dibenarkan Ahli Mesyuarat itu daripada lain-lain orang tidak daripada rakyat Johor dengan dinamakan dia "Ahli Tambahan."

Akuan yang bertulis

Maka sekarang pada mesyuarat dan menjalankan kuasa terhad di atas kita seperti yang tersebut di atas itu adalah kita menentukan iaitu orang-orang yang tersebut itu layak dimasukkan dalam mesyuarat yang tersebut seolah-olah adalah mereka itu seperti rakyat Johor yang tersebut itu

layak dimasukkan dalam mesyuarat yang tersebut seolah-olah adalah mereka itu seperti rakyat Johor yang tersebut sungguhpun tiadalah terwajib baginya mengangkat sumpah setia kepada Raja dan Kerajaan tetapi adalah ia berkehendakkan smemberi satu akuan yang tertulis akan memberi segala syor fikiran dan ikhtiar dengan hati yang betul dan niat yang baik bagi kesempurnaan dan keuntungan negeri dan rakyat.

Diperbuat dalam Dewan Johor Bahru pada 16 Jemadiakhir Hijratnabi s.a.w. seribu tiga ratus tiga puluh dua bersamaan dengan hitungan Masihи dua belas hari Mei seribu sembilan ratus empat belas iaitu tahun yang kesembilan belas kita di atas kerajaan.

**TAMBAHAN UNDANG TUBUH  
KERAJAAN JOHOR  
(17 JULAI 1918)**

IBRAHIM

Cap Kerajaan

**BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM**

Alhamdulillah Rabb Al-alamin Wassalatu  
wassalamu ala Saiyidina Muhammaddin wa ala  
alihi wasahbihi ajmain.

Al-wasak billah Ibrahim bagi kerajaan dan Jajahan Johor dan segala Daerah Takluknya Sultan Yang Dipertuan Raja dan Kepala bagi Darjah Kerabat Yan Amat Dihormati dan Raja dan Kepala bagi Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia.

Bahawa sanya oleh sebab telah terbit faham yang bersalah-salahan tentang pengertian yang betul bagi fasal yang ke 26 dalam undang-undang Tubuh Kerajaan Johor kita bertarikh 18 Syawal 1312 bersamaan dengan 14 April 1895 maka wajiblah faham yang bersalah-salahan itu supaya ditentukan yang demikian kita dengan syor dan persekutuan dan perstujuan ahli-ahli Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan kita, berkenaan suka memperbaut tambahan pada fasal yang tersebut itu bagaimana yang tersebut di bawah ini:

"Tiap-tiap orang yang ada menerima belanja hidup menurut fasal ini pada tarikh ini kerana ianya menjadi anak saudara lelaki atau anak saudara perempuan kepada Raja bolehlah kekal ia menerima belanja hidup yang demikian itu selama hidupnya dengan menurut syarat yang disebutkan di bawah ini.

Tiap seorangpun iaitu anak lelaki atau anak perempuan kepada saudara raja yang lelaki atau saudara raja yang perempuan yang telah mangkat yang tiada menerima belanja hidup pada tarikh ini menurut fasal ini boleh terhak dapat belanja hidup pada tarikh ini menurut fasal ini boleh terhak

dapat dahulu daripada tarikh ini tetapi tiap-tiap seorang yang demikian itu dari tarikh ini dengan menurut syarat yang disebutkan di bawah ini ialah bagaimana yang ditentukan oleh raja dengan syor dan persekutuan mesyuarat kerajaan atas masing-masing bagi tiap-tiap seorang itu.

Dipersyaratkan lazimlah jika sebarang daripada orang yang menerima belanja hidup menurut fasal ini menyerahkan atau memindahkan milik belanja hidup yang tersebut itu ataupun kena hukum dihadapan sebarang mahkamah dalam negeri ini atau sebarang negeri yang dipunyai oleh kerajaan Inggeris atau negeri yang lain-lain ialah kerana sebarang dosa atau kesalahan pada hal pada menghidangkan maruah ataupun orang itu jadi jatuh muflis (bangkrap) maka dalam tiap-tiap hal yang demikian itu nescaya berhentilah belanja hidupnya itu dengan serta merta.

Muhammad bin Mahbob  
Timbalan Menteri Besar.

Dewan Kerajaan  
Johor Bahru 17 Julai 1918  
(8 Syawal 1336)

Adalah ulangan cetak undang-undang tubuh kerajaan Johor ini serta dengan tambahan-tambahan bertarikh 22 April 1908, 17 September 1912, 12 Mei, 1914 dan 17 Julai 1918 diperlulus dan dipertetapkan dengan sempurnanya oleh sekelian ahli-ahli mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 haribulan Zulkaedah 1349 bersamaan dengan 14 April 1931.

ISMAIL  
(Tuanku Mahkota of Johore, Datuk Kerabat)  
ABU BAKAR OF JOHOR  
(Tuanku Aris Bendahara, Datuk Kerabat)  
AHMAD,  
(Tuanku Temenggung, Datuk Kerabat).

**MUSTAPHA BIN JAAFAR,**  
(Datuk Menteri Besar, Yang Dipertua Mesyuarat)

**ABDUL AZIZ BIN ABDUL MAJID**  
(Ungku, Datuk Kerabat, Timbalan Yang Dipertua Mesyuarat)

**MUHAMMED BIN MUHAMED KHALID,**  
(Ungku, Datuk Kerabat)

**MUHAMED SALLEH BIN ALI**  
(Datuk Peduka Sri Priwara).

**HAJI MUHAMED SAID BIN HAJI SULAIMAN**  
(Major, Datuk Paduka Sri Setia)


**ABU HAMID BIN YUSOF**  
(Lieutenant-Colonel, Datuk Penghulu Beracana)

**KOLEKSI GAMBAR MENGENA:  
SEJARAH JOHOR MODEN  
1855 – 1940.**

---

\* Gambar-Gambar yang diterbitkan adalah dari koleksi yang dibuat oleh penulis dan koleksi yang terdapat di Muzium Negara Malaysia.





Pemandangan Ladang Gambir di negeri Johor di akhir abad ke 19.



Buruh Cina sedang mengusahakan Kebun Lada Hitam di sebuah Kongkar.



Datuk Jaafar Haji Mohamad, Menteri Besar Jelor yang pertama 1882 – 1914



*Datuk Sri Amar Diraja, Abdul Rahman Andak. Penasihat Khas politik kepada Sultan Johor.*



Datuk Bentara Luar, Muhd. Salleh Perang Arkitek Pembangunan Negeri Johor.



Peta Muar dan Batu Pahat yang dilukis oleh Datuk Bentara Luar.



Serba-satu lagu peta Batuk Bentara I atau yang pertama disusun dan diterjemahkan di Flores sejalan Pada tahun 1910 oleh Achmad Djamil dan Djafar.



Datuk Bentara Dalam Muhd. Ibrahim Munsyi, Birokrat yang dedikasi dan kreatif.



*Datuk Bentara Dalam berpakaian istiadat  
sebagai Timbalan Menteri Besar Johor.*



*Sultan Abu Bakar, dimasa baginda Negeri Johor mencapai kegemilangannya.*




Jalan Saga, B.Pahat 1930's

Pemandangan di Jalan Saga Batu Pahat dengan bangunan kedai yang dibina semasa pemerintahan Datuk Bentara Luar.



Jalan Saga Batu Pahat 1955 - suatu perbandingan.




*Pembukaan Setesyen keretapi Segamat dalam tahun 1909.*



Keretapi Kerajaan Muar (Muar State Railway).

JALAN KERETAPI MUAR 1911



M. A. FAWZI BASRI 10775


Peta Jalan keretapi Muar.



*Maharaja Abu Bakar dan Anson*



Datuk Ismail Bacuk - Elit Birokrat Johor.



Barisan Kehormatan Polis Daerah Segamat dalam tahun 1917. Di hadapan sekali ialah Inspektor Uda Awang



Pegawai kerajaan Batu Pahat 1910 – 1920 bersama dengan Ungku Ahmad Pesuruhjaya kerajaan Batu Pahat.




*Kediaman Datuk Jaafar di Bukit Senyum.*



Datuk Jaafar yang menulis surat sinis dari Bukit Senyum.



Datuk Mohamad Bin Mahbob, Menteri Besar Johor yang Kedua.



*Bandar Johor Bahru yang sedang membangun.*



ميجر موسى بن يوسف  
ستياؤسها عام يشكحمة  
ف.بم.ف.ب.دراج

*Major Musa Yusof atau 'Pak Lomak' Setiausaha Kehormat  
P.Bm.P.B. Di Raja, penulis Johor Bahru 100 Tahun dan Tokoh  
Ghazali Johor.*



*Pembukaan Tambak Johor, Lambang terikatnya Johor kepada kuasa Inggeris.*



Datuk Bentara Luar, Muhd. Salleh Perang Arkitek Pembangunan Negeri Johor.

## BIBLIOGRAFI SEJARAH JOHOR

### A. PRIMRI

1. *The Colonial Office Correspondence*, Co 273/97, 131, 132, 133, 134,: 1878-1885.
2. *East India Company Record*. PUS Malacca Proceedings.  
Jilid I, 1852-1855  
Jilid II, 1856-1858
3. *Kumpulan Surat-surat Peribadi yang Disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor, 1852-1927*. ANJ
4. *Kumpulan surat-surat yang Disimpan oleh Setiausaha Kerajaan Johor, 1834-1927*. ANJ
5. *Letter Book*, ANJ.
  - a. His Highness Maharaja of Johore, 1858-1885.
  - b. His Highness Maharaja of Johore, 1885-1888.
  - c. State Secretariat, 1885-1893.
6. *Muar Papers*. ANJ.
  - a. William Napier, 'Memorandum Regarding the Maharaja of Johore: His title and position, London, 31hb. Disember, 1872.
  - b. Straits Settlements: 'Copy of the Treaty of 1855 between Sultan of Johore and His Temenggung and for the Correspondence respecting Muar since the death of the late Sultan of Johore, '19hb. Jun 1899.
  - c. 'Punic Faith,' (by an Englishment)
  - d. 'The Order in which the Documents ought to be read in Regima versus Encik Awang Ibrahim, 'The Government Prosecution, Police Court, 10hb. Mac. 1880.
  - e. Bryant, 'The Muar Disturbances, 'Singapore, 1884.
7. *Straits Settlements Despatches & C.*  
'Correspondence with regard to the Muar Territory'.

8. *Straits Settlements Despatches to Secretary of State* PNS  
 G.D. 1 — 22 Mac 1867 — 2 Jun 1866.  
 G.D. 9 — 7 Januari 1873 — 26 Julai 1873.  
 G.D. 10 — 31 Julai 1873 — 12 Mac 1874  
 G.D. 13 — 30 Disember 1874 — 15 Ogos 1875.  
 G.D. 14 — 10 Februari 1876 — 10 Ogos 1876.  
 G.D. 16 — 21 Januari 1877 — 14 November, 1877.  
 G.D. 17 — 14 November 1877 — 29 Jun 1878.  
 G.D. 18 — 25 Jun 1878 — 24 Januari 1879.  
 G.D. 20 — 17 Oktober 1879 — 31 Disember 1880.
9. *Straits Settlements Factory Record*. PNS.  
*Siri R*, Surat-surat Gabenor ke Bengal.  
 R 13 — Jun 1845 — Februari 1846.  
 R 14 — November 1846 — Julai 1847.  
 R 24 — April 1852 — Disember 1852.  
 R 27 — November 1854 — Jun 1855.  
 R 33 — Februari 1859 — November 1858.  
 R 36 — Disember 1859 — Mei 1860.  
 R 38 — Oktober 1860 — Mac 1861.  
 R 39 — April 1861 — Disember 1861.  
 R 40 — Oktober 1861 — Disember 1861.  
 R 41 — Februari 1862 — Januari 1867.  
*Siri V*, Surat-surat miscellaneous daripada Gabenor  
 V 19 — Februari 1854 — Ogos 1854.  
 V 20 — Disember 1854 — Mei 1856.  
 V 21 — Jun 1856 — Disember 1856.  
 V 22 — Januari 1857 — Mei 1857.  
 V 23 — Mei 1857 — November 1857.  
 V 24 — November 1857 — Jun 1858.  
 V 26 — November 1858 — Mac 1859.  
 V 27 — Julai 1859 — November 1859.  
 V 29 — November 1859 — Mac 1860.  
 V 30 — Jun 1860 — Oktober 1860.  
 V 32 — Oktober 1860 — Mac 1861.  
 V 33 — April 1861 — Oktober 1861.  
 V 35 — November 1861 — Februari 1863.  
 V 37 — Februari 1863 — Oktober 1863.  
 V 41 — Januari 1864 — April 1866.  
 V 45 — Mei 1866 — Mac 1867.

*Siri W. Surat-surat miscellaneous kepada Gabenor*

- W 19 — Januari 1853 — Disember 1853.
- W 21 — Januari 1855 — Disember 1855.
- W 22 — Januari 1856 — Julai 1856.
- W 24 — Januari 1857 — Mei 1857.
- W 25 — Jun 1857 — Mei 1857.
- W 26 — Januari 1858 — Mei 1858.

10. *Straits Settlements Governor, 1861-1867. PUS*

'Correspondence between His Highness the Governor and the Highness the Raja of Johore on the subject of the jurisdiction over the Port of Tanjung Putri in the Old Straits of Singapore.' 1863 - 1867.'

11. *Swettenham, Sir Prank Athelstane Papers*

'Narrative of the Proceedings of Straits Settlements with regards of the recent operation of the East Coast of the Malay Peninsula, 1863 - 1867'.

B *SEKONDRI*

a. *TULISAN YANG BELUM DITERBITKAN*

1. Abdullah bin Ayob, "The Johor Succession Controversy. 1850-1878." B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1853, PUS.
2. David Pung Mau Ming, "British-Johore Relations 1885-1951," B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1966, PUS.
3. Shanmugasundram, P., "Economic Development of Johore, 1862-1896", B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1958. PUS.
4. Tan Soo Chye, "British Relation with Johore 1855-1869," B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1951. PUS.
5. Zakaria bin Mohammad Ali, "The Reign of Abu Bakar of Johore, 1862-1895," B.A. Academic Exercise, University of Singapore, 1954. PUS.

b. *BUKU*

1. Abdullah bin Abdul Kadir, Munshi, *Hikayat Abdullah*, teribitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966, 2 Jilid.
2. Barzun, J. and Graff, H.F., *The Modern Researchers*, New York, 1962.
3. Buckley, C.B. An. *Anecdotal History of Old Times in Singapore, 1819-1867*. Jilid 1. Singapura. 1902.
4. Caddy, Mrs. Florence, *To Siam and Malaya in the Duke Sutherland's Yacht 'Sans Peur'* London, 1884.
5. Cavenagh, General Sir Offeru, *Reminiscences of an India Official*, London, 1884.
6. Cowan, C.D. *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, London. 1961.
7. Dato' Bentara Dalam Johor, *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim, Munshi, 1871-1872*, Johor Bahru, 1956.
8. Dennys, N.B. *Descriptive Dictionary of British Malaya*, London 1894.
9. Emerson, Rupert, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur. 1966.
10. Gullick, J.M. *Indigenous Political System of Western Malaya*, London, 1869.
11. Hill, Thomas Heslop, *Report on Johore*, Singapore, 1878.
12. Maxwell, Sir William G, and Gibson, W.S., *Treaties and Engagement Affecting the Malay State and Borneo*, London, 1929.
13. Mill, L.A. *British Malaya, 1824-1867*, Kuala Lumpur 1966, Lihat Juga JMBRAS, Jilid 3, Bhg.2. 1925.
14. Muhammad bin Haji Elias, *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*, Johor Bahru, 1928.
15. Muhammad Said bib Haji Sulaiman, Datuk Capt. Haji,

- Sulaiman, Datuk Capt Haji, (Kemudian Major) *Buku Teriti Johor dengan Pertambahannya*, Johor Bahru 1941.
16. , *Hikayat Johor dan Tawarikh al Marhum Sultan Abu Bakar*, Johor Bahru, 1940.
17. , *Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Berhampirannya*. Singapura, 1939.
18. , *Hikayat Johor dan Tawarikh Sultan Ibrahim*, Johor Bahru, 1951.
19. , *Malaya III. Unfederated Malaya States*, Singapura, 1539.
20. Newbold, Lt. T.J. *Political and Statistical account of the British Settlements in the Straits of Malacca*. 2 Jilid, Murray, 1894.
21. Norman, Sir Henry, *The People and Polities of the Far East*, London, 1894.
22. Parkinson, G.B. *British Intervention in Malaya, 1867-1877*, Kuala Lumpur. 1964.
23. Penal Code, 1929, Singapore.
24. Raja Ali Haji Riau, al marhum, *Tuhfat al Nafis, Sejarah Melayu dan Bugis*, Singapore, 1965.
25. Read, W.H. (An Old Resident), *Play and Politics: recollection of Malaya*, London, 1901.
26. Sadka, Emily, *The Protected Malay States, 1874-1895*. Kuala Lumpur. 1970.
27. Swettenham, Sir Frank Athelstane, *British Malays*, London 1948.
28. Thio, Eunice, *British Policy in the Malaya Peninsula, 1880-1910*. Singapore, 1968 (Salinan yang belum dibetulkan).

29. Trenggung K.g., (edited) *Malaysia Historical Sources*, Singapore, 1965.
30. Turnbill, C.M. 'The Origins of British political Control in the Malay States before Colonial Rule, 'Malayan and Indonesian Studies, edited by Bastin, J. and Roolvink, R., Oxford, 1964.
31. *Undang-undang Kangcu*. 1873, (taipskrip) ANJ
32. *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, Johor Bahru* 1895. ANJ.
33. Wilkonson, R.J. *Papers on Malay Subjects, 1907-1916*. Kuala Lumpur, 1971. (cetakan)

C *JERNAL*.

1. *The colonial Directory of the Straits Settlements*. 1873-1975, Singapore.
2. Coope, A.E. 'The Kangchu system in Johore, 'JMRAS, jilid 14, bhg 3, 1936.
3. Cowgill, A.V., 'Chinese Place Names in Johor, 'JMBRAS, jilid 11, bhg. 3, 1924.
4. Dennys, Ph.D. 'A Contribution to Malayan Bibliography, 'JSBRAS, Jilid 5, 1885.
5. Khoo Kay Kim, 'Johor in the 19th. Century; A Brief survey, 'Journal of the Historical Society, University of Malaya. Kuala Lumpur, Jilid 6, 1967/68.
6. Lake, Harry, 'Johore' Geographical Journal, Jilid 3, bil.4, 1894.
7. Linehan, William, 'A history of Pahang,' JMBRAS, Jilid 14, bhg. 2, 1936
8. Oxley, Dr. Thomas, 'Gutta Perca, 'Journal of the Indian and Eastern Asia, Jilid 1, 1847.
9. Sinclair, Keith, 'The British Adbance in Johore, 1885-1914,' JMBRAS, Jilid 40, bhg. 1. Julai 1967.

10. \_\_\_\_\_, 'Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office policy towards British concessionaries and investors., 1878-1907,' *Modern Asian Studies*, Bil. 1. bhg. 3. 1957.
11. The *Singapore and Straits Directory*, 1880-1885 , Singapore.
12. Skinner, A.M. 'The Malay Peninsula, 'Eastern Geography', Singapore, 1884.
13. The *Straits Calender and Directory*, 1955 Singapore.
14. The *Straits Calender and Directory*, 1870, 1872, dan 1874. Singapore.
15. Swettenham, Sir Frank Athelstane, 'Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula, *Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society*, Jilid 6., 1886.
16. Tarling, Nicholas, 'British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871, *JMBRAS*, Jilid 30, bhg. 3, 1957. Telah dibukukan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur. 1969.
17. Thio, Eunice, 'The Extension of British Control to Pahang, *JMBRAS*, Jilid 30, bhg. 1. 1957.
18. Turnbull, C.M. 'The Johore Gambier and Pepper Trade in the mid 19th. Century. *Journal of the south Seas Society*, Jilid 15, bhg. 1. 1959.
19. Winstedt, Sir R.O., 'A History of Johore, 1365-1895, *JMBRAS*, Jilid 10, bhg. 3, 1932.
20. \_\_\_\_\_, 'A History of Perak -, *JMBRAS*, Jilid 12, bhg., 1. 1934.
21. \_\_\_\_\_, 'A Hisotry of Selangor *JMBRAS*, Jilid 12, bhg. 3, 1934.
22. \_\_\_\_\_, 'Negeri Sembilan: The History Policy and Beliefs of the Nine States, *JMBRAS*, Jilid 12, bhg. 3, 1934.

23. \_\_\_\_\_, 'Temenggong of Muar,' *JMBRAS*, Jilid 10, bhg. 3, 1932.

D. *RENCANA KHUSUS*

1. M.A. Fawzi (Pawzi) Basri, Sejarah Batu Pahat Sepintas lalu,' *Berita Minggu*, 19hb. Mac, 1972.
2. \_\_\_\_\_, 'Sejarah Perang Saudara di Muar,' *Berita Minggu*, 5hb. Mac, 1972.
3. \_\_\_\_\_, 'Johor Negeri Melayu Yang Tidak Pernah di takluk oleh Inggeris?,' *Berita Minggu*, 12hb. Mac, 1972.
4. \_\_\_\_\_, 'Peranan dan Sejarah Pakatan Bahasa Johor' *Berita Minggu*, 26hb. Mac, 1972.
5. \_\_\_\_\_, 'Major Datok Haji Mohd. Said b. Haji Sulaiman: Peranan dan karyanya dalam sejarah Persuratan dan Kesusastraan Melayu Moden,' *HUMANISMA* (Jenal Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia). Bil. 1. 1972.
6. \_\_\_\_\_, 'Tarian Naga oleh orang-orang Melayu di Batu Pahat: Satu yang unik dalam sejarah Malaysia,' *JEBAT* (Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur). Bil. 1, 1971/1972.
7. \_\_\_\_\_, 'Datuk Bentara Luar: Peranannya dalam konteks Sejarah Johor Moden, *Jurnal Sejarah* (Persatuan Sejarah Universiti Malay), Jil. X, 1971/72.
8. \_\_\_\_\_, 'Daerah Batu Pahat 1880-1917: satu kajian lengkap mengenai perkembangan pentadbiran daerah-daerah dalam negeri Johor,' *JEBAT*, Bil. 2, 1972/73.
9. \_\_\_\_\_, 'Datuk Jaafar Haji Muhamad: Menteri Besar Johor yang pertama: 1886-1919,' *JEBAT*, Bil. 2, 1972/73.
10. \_\_\_\_\_, 'Datuk Sri Amar Di Raja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk negeri Johor,' *Malaysian In*

*History* (Jurnal Bil-Lingual Persatuan Sejarah Malaysia), Bil. XV, Bil. 2. Disember, 1972.

11. \_\_\_\_\_, 'Apakah benar Sultan Abu Bakar Bapa Johor Moden?'. *Berita Minggu*, 20hb. Mac, 1973.
12. \_\_\_\_\_, 'Birokrasi Negeri Johor dan Elite Tradisionalnya,' *Dewan Masyarakat*, Jil, XI, Bil. 5 Mei, 1973.
13. \_\_\_\_\_, 'Perkembangan Ekonomi dan Infrastruktur Batu Pahat 1880-1917,' *Jurnal Sejarah*, Jil, XI, 1973/74.
14. \_\_\_\_\_, 'Segamat dalam tahun 1917,' *Malaysian In History*, Jil, XVI, Bil. 1, 1973.
15. \_\_\_\_\_, 'Sejarah Endau: Suatu komenter Mingguan Malaysia 25 Mac, 1 & 9 April 1973.
16. \_\_\_\_\_, 'Surat dari Bukit Senyum: Satu kajian mengenai penempatan General Adviser Inggeris yang pertama di Johor,' *SEMESTA*. (Majallah Tahunan Kolej Pertama, Universiti Kebangsaan Malaysia), 1973/74.
17. \_\_\_\_\_, 'Pasukan Polis Johor: Satu komenter sejarah, 'Berita Harian 2 April 1975 dan Utusan Malaysia, 15 April 1975.
18. \_\_\_\_\_, 'Perkembangan dan peranan Jabatan Agama Johor: 1895-1940,' *Malaysia In History*, vol. XVIII, No. 1. 1975.
19. \_\_\_\_\_, 'Sejarah Parit Jawa: satu komentar,' Berita Hairan, 17 Oktober, 1975.
20. \_\_\_\_\_, 'Keretapi Muar 1890-1918,' *JEBAT*, iii/iv, (1977).
21. \_\_\_\_\_, 'Kisah Pelayaran ke Riau suatu pengenalan dan Anotasi.' *Dewan Bahasa*, Jilid 21 Bilangan 9, Sept. 1977.

22. \_\_\_\_\_, 'Mohd Ibrahim Munsyi; Birokrat Pemaju Pendidikan Melayu Johor' *Widya*, (Kuala Lumpur Adabi), April, 1978.

**DAFTAR BAHAN ARKIB NEGARA  
MENGENAI SEJARAH JOHOR\***

**ASKAR TIMBALAN SETIA NEGERI JOHOR:**

Anggaran Hasil dan Perabalanjaan 1942.

Barracks for the Johore Military Forces, 1940

Daftar Tauliah Askar Johor, (Jawi), 1915-1936

Penyara Tahunan, 1969.

**BADAN-BADAN BERKANUN NEGERI JOHOR:**

Penyata Tahunan, 1937-1940.

**Keretapi Negeri Johor:**

Proposed Railway Johor Bahru - Segamat, 1892.

Penyara Tahunan 1932, 1932 (Jawi)

**MARA**

Penyata Tahunan, 1954-1957, 1969

**Majlis Bandaran Johor Bahru:**

Penyata Tahunan, 1951

**Majlis Bandaran Bandar Penggaram:**

Reports of the Town Council Elections, 1951

Autonomous Town Council (Budgets, 1960)

**Perpustakaan Sultan Ismail:**

Penyata Tahunan, 1966-1968.

**BAHAGIAN HAL-EHWAL DALAM:**

Penyata Tahunan, 1966-1970

**BAHAGIAN PELAKSANAAN BAHASA KEBANGSAAN:**

Kenyataan Bahasa Kebangsaan 1964-1966.

---

\* Bahan ini dapat di kajisemak di Arkib Negera Malaysia cawangan selatan, di Johor Bahru Pengarang

**BAHAGIAN PENILIAN JOHOR:**

Penyata Tahunan, 1968-1970.

**BAHAGIAN PENTERJEMAHAN KERAJAAN**

Buku Catitan Dewan Mesyuarat (Jawi), 1899-1907 1920-1923, 1933-1941.

Buku Keputusan Dewan Mesyuarat (Jawi), 1919-1940.

**DEWAN NEGERI:**

Buku Peringatan Perkara-perkara Mesyuarat (Jawi), 1899, 1935-1941.

Daftar Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan (Jawi), 1895-1930, 1931-1933.

Johore State Constitution, 1895.

List of Members of the Council of Ministers, Council of Johore, 1936.

Penyata Persidangan, 1939-1941, 1948-1953, 1962-1966. Peraturan Tetap, 1919, 1927, 1929, 1933, 1937, 1948. Perkara-perkara yang dibawa kepada Mesyuarat Kerja (Jawi), 1910-1929, 1933-1934, 1938.

Register (Daftar) Minit-minit Mesyuarat (Jawi), 1917-1923.

Register of Precis for the State Executives Council, 1950-1951.

Statutes of the Court, Palace and Religious Establishments of Johore, 1923.

Supplement to the Constitution, 1948.

Surat-surat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Rahsia), 1948-1954.

**GOVERNMENT ENGLISH SCHOOL, BATU PAHAT.**

Annual Report, 1919.

**JABATAN BURUH JOHOR:**

Penyata Tahunan, 1950-1951.

**JABATAN DIRAJA:**

A Sovenir Comemorating the Diamond Jubilee of H.H The Sultan of Johor. 1895-1955.

Birthday Celebrations, 1933.

Dattar Surat-surat, 1886.  
Genealogical Tree of the Royal Family, 1540-1895-1818-1895.  
Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail 1960.  
Keturunan Temenggung Muar (jawi), 1966.  
Keturuanan Raja-raja Melayu dan Bugis (Jawi), T.H. 1282.  
Pemberita Perjawatan (jawi), 1918, 1926, 1928, 1930.  
Penyata Tahunan, 1969.  
Private Secretary to H.H. The Sultan (jawi), 1912-1914.  
— Bss.  
Undang-undang dan peraturan: Darjah Mahkota Johor .  
1896/dan/ Darjah Kerabat Johor, 1896.  
Undang-undang dan Peraturan bagi Darjah Kerabat Johor/  
Peraturan Memakai/1896.

#### JABATAN GALIAN:

Penyata Tahunan, 1969.  
The Geology and Mining Industries of Johore, 1928.  
— PL.

#### JABATAN HAL-EHWAL ORANG ASLI

Location and Distribution of Johore Aborigines, 1961.

#### JABATAN HUTAN:

Penyata Tahunan, 1926-1940, 1951-1969.  
Working Plan for the Forests of Johore n.d.

#### JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT:

Penyata Tahunan, 1967-1970.

#### JABATAN KEHAKIMAN JOHOR:

Penyata Tahunan, 1964-1966.

#### JABATAN KERJARAYA:

Appeal to H.H. The Sultan against the Findings of the,  
Committee to Enquire into the Administration and  
Organisation of the P.W.B. Johor, 1939. — L Jabatan  
Kerjaraya Johor, 1929-1940, 1951-1953, Pt. Jabatan  
Kerjaraya Pontian, 1969,—pt. Pusat Kurari Lynchoo  
Masai, 1969-1970. — Pt. Report of the Committee to

Enquire into the Organisation and Administration of  
P.W.D. Johore, 1848. — L.

**JABATAN KESIHATAN BATU PAHAT:**

Penyata Tahunan, 1946.

**JABATAN ODIT:**

Penyata Tahunan Johor, 1967.

Laporan Kira-kira Johor, 1956-1958, 1965.

**JABATAN LAUT:**

Penyata Tahunan, 1969.

**JABATAN PARIT DAN TALIAIR:**

Penyata Tahunan, 1962, 1965-1966.

Report of Drainage and Irrigation Department, Johor on work in connection with the Emergency, 1950-1951.

Report of the Adviser Drainage and Irrigation Malay States States on his visit to Johore,

Report on the silting of fivers in Johore. 1935.

**JABATAN PELAJARAN**

Pelbagai Laporan:

Education in Johore, 1928-1933.

Penyata Tahunan 1829-1931, 1939.

Peraturan-peraturan bagi sekolah-sekolah;

Johore English Schools, 1929.

Johore Malays Schools (Jawi), 1937.

**JABATAN PELINDUNG MERGASTUA:**

Penyata Tahunan, 1969.

**JABATAN PENERANGAN:**

Kejayaan Negeri Johor, Januari 1963.

**JABATAN PENYIASATAN KAJIBUMI:**

The Geology and Mining Industries of Johore, — PL  
(Lihat Jabatan Galian)

**JABATAN PECETAKAN JOHOR:**

Warta Kerajaan, 1910-1914, 1915-1942, 1948-1952, 1955-1965 (tambahan), 1964-1965, 1912-1914 (Jawi), 1916-1917 (Jawi), 1927-1932 (Jawi) 1937-1939 (Jawi).

**JABATAN PERIKANAN:**

Penyata Tahunan 1969.

**JABATAN PERTANIAN:**

Report on Agricultural Development in Johore, 1934, — PL.

Penyata Tahunan, 1934-1935, 1937-1938, 1966-1967..

**JABATAN TELEKOM JOHOR:**

Panduan Telekom, 1935, 1937, 1939.

**JABATAN AGAMA:**

An Introduction the Religion of Islam, 1972

Kempen Sebaran Ajaran Islam, Kali Kedua, Ogos 1972.

Majalah Ahkam Johor, (Jawi), 1913. — Bp

Panduan Bagi Pegawai-Pegawai Agama Johor (Jawi) 1933.

Penyata Sekolah Agama (Jawi), 1939, 1951.

Penyata Tahunan, 1951, 1953.

Penyata Zakat, 1935-1939.

**JOHOR PLANTERS' ASSOCIATION:**

Annual Reports, 1938-1931.

**LEMBAGA PERUSAHAAN GETAH TANAM SEMULA:**

Johore Branch Annual Report, 1964.

Penyata Tahunan, 1965, 1967-1970.

**PEJABAT DAERAH/TANAH BATU PAHAT.**

Chief Settlement Officer Cirulars, 1934.

Fail, 1911-1943, 1948.

Panduan dan Arahan Banjir Daerah Batu Pahat. 1971/72.

Report on District of Batu Pahat, 1919.

**PEJABAT DAERAH/TANAH PONTIAN:**

Fail 1934-1939.

**PEJABAT KEBUN BUNGA KERAJAAN:**

Fail 1928-1939, 1942- 1943.

Penyata Tahunan, 1936-1940, 1946-1947, 1951.

**PEJABAT MENTERI BESAR:**

Buku Peringatan Datuk Menteri (Jawi), 1885-1890.  
Daftar Keputusan-keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Ke-adilan (Jawi), 1896-1911, 1908-1912.

Daftar surat-surat, 1930-1936 (Jawi),  
1947-1948.

Daftar Tauliah Penghulu-penghulu dalam Daerah Muar (Jawi) T.H. 1290.

Daftar Tauliah Persuruhjaya-Persuruhjaya Kerajaan (Jawi), 1922-1940 (Jawi), 1942-1944 (Jawi).

Kumpulan Perancangan Dalam (Jawi), 1920-1941.

Perkara-Perkara yang berlaku dalam Johor (Jawi), 1926-1964.

**PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR:**

Kemajuan Negeri Johor, 1970.

**PEJABAT PENASIHAT BRITISH:**

Buku Faharasat/Indeks/, 1915.

Daftar Surat-surat, 1910-1912.

Fail-fail, 1910-1919.

**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI.**

Choronological Table fo Johore Encatments, 1924-1927,  
1930-1932, 1935-1938, 1940.

Johore Enactments and Rules, 1910-1935, 1936 (loose copies), 1939, 1941-1942, 1910-1942, 1910-1935 (Jawi), 1937 (Jawi).

Johore Laws, 1910-1927, 1935, 1937-1939 (tambahan), 1941 (tambahan).

Johore State Police Regulations, 1935-1936.

Rules and Regulations issued under Johor Enactments, 1936-1938.

Subsidiary Legislation, 1950.

Undang-undang Kangcu, 1873.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN:**

C.L. & M Circulars, 1934, 1937-1940.

**PEJABAT PENGAWAL PERBEKALAN:**

Daftar surat-surat, 1942-1945.

**PEJABAT PERSURUHJAYA KERAJAAN:**

Buku Peraturan, 1946-1947

Persuruhjaya Kerajaan Batu Pahat, 1914.

Surat Pekeliling, 1946-1948.

Panduan Candu Johor, 1941.

Panduan Cukai Johor, 1936.

Panduan Penghulu Johor, 1951.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN.**

Penyata Tahunan, 1911, 1912\*, 1913-1914, 1915\*-1916 ,  
1917-1918\*, 1919-1920, 1921-1922, 1923-1924, 1925-  
1939, 1946, 1949-1950.

**Peraturan Gaji:**

Johore Government Salary Shcemes, 1938.

Malay Officers Scheme Johore, 1938.

Peraturan-peraturan bagi Kerajaan Johor  
(Jawi), 1939.

**Perintah-Perintah Am:**

Johore General Orders, 1913, 1934.

Perintah-perintah Am (Jawi), 1934.

**Senarai Perjawatan:**

Daftar bagi nama Orang Kaya-kaya, Penghulu-penghulu  
dan Naib Penghulu di Johor (Jawi), 1927, 1934.

Johore Civil Service List, 1951-1953, 1955, 1957-1959,  
1964-1965, 1968-1969.

List of European Officers Employed in Johore, 1920-1921,  
1923-1924, 1926, 1928-1931, 1933-1935.

List of General Advisers, Britian Advisers and Resident  
Commissioner, 1910-1955.

Records of Service and leaves of Johore Malay Officers, 1923-1926, 1928-1935, 1937, 1939-1940.

Senarai Perjawatan Kerani-Kerani Negeri Johor, 1964, 1969.

Rekod-rekod Buangan Negeri:

Instructions Regarding Procedure under the Banishment Enactment, 1914.

Orders of Banishment, 1927-1941.

Warrants of Arrest and Detention, 1930-1941.

Warrants of Detention, 1926-1941.

Warrants of Executive Orders of Banishment, 1926-1941.

State Level Civics Course Programme for Penghulu and Naib Penghulu Johore, 1955.

Buku Salinan surat-surat:

English, 1955-1893, 1900-1911.

Jawi, 1886-1899, 1934-1936, 1938-1942.

Surat-surat Persembahan (Jawi), 1907-1913.

Surat Pekeliling:

Circulars in force in Johore, 1932, 1935, 1938, 1940, 1935 (Jawi), 1938 (Jawi).

Instructions to land Officers in Johore, 1929, 1936.

Johore Secretariat Circulars, 1914-1943, 1948-1952, 1954-1955, 1912-1917 (Jawi), 1920-1929 (Jawi), 1931, 1937 (Jawi).

List of Johore Government Circulars, 1912-1920.

Miscellaneous Circular Letters, 1948-1949.

Buku-Buku Peraturan, 1948-1954.

Daftar,

Buku Kira-kira Hasil (Jawi), 1897-1912.

Buku Pengaduan dan Ikrar, Johor Bahru (Jawi) 1910-1916.

Buku Pengaduan dari Timur dan Barat (Jawi). 1899-1912.

Daftar Kakitangan Kerajaan yang memiliki tanah, 1946-1950.

Daftar Orang Kaya-kaya, Penghulu dan Naib-Naibnya, 1917-1922, 1904-1924.

Daftar Permohonan Paspot (Jawi), 1939-1942.  
Daftar surat-surat dan minit yang diterima (Jawi), 1918, 1920, 1923-1926.  
Daftar surat-surat jual beli, pajak dan hutang (Jawi), T.H. 1284-1301\*, T.H. 1306-1312\*. T.H. 1314-1329\*, T.H. 1313-1334\*, T.H. 1316-1324\*.  
Daftar surat-surat keterangan berkebun (Jawi), T.H. 1260-1320\*, T.H. 1298-1325\*.  
Pemberitahu-pemberitahu Kerajaan (Jawi), 1889-1906.  
Register of applications for licences for construction of building, 1951-1953.  
Register of Appointments, resignations, dismissals etc., 2264 (?) (1944).  
Registers of Correspondence, 1937-1938.  
Register of Inquiry on Indebtedness of Government Servants, 1951-1952.  
Register of Pawn brokers, 1918-1933.  
Register surat-surat Kongsi Bahagian Sungai (Jawi), T.H. 1314-1328\*.  
Register surat-surat.  
Daftar surat-surat serahan Bahagian Sungai (Jawi), T.H. 1314-1327\*.  
Register surat-surat Wakil Bahagian Sungai (Jawi). T.H. 1314-1328.  
Fail, 1911-1942, 1910-1920 (Jawi), 1922, (Jawi).  
Pelbagai surat -, 1843-1927\*. - S.

#### PEJABAT TIMBALAN SETIA NEGERI:

Penyata Tahunan, 1971. (Lihat Askar Timbalan Setia Negeri Johor).

#### PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:

Kemajuan Johor, 1961-1968.

#### PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR:

Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor, 1965.

Kemajuan Johor, 1961-1969.

#### PENASIHAT PEKEBUN KECIL:

Penyata Tahunan, 1969.

- PERBENDAHARAAN NEGERI JOHOR:**
- Anggaran Hasil dan Perbilanjaan;  
Classification of Expenditure, 1942.  
Johore Estimates, 1908 (Jawi), 1910-1944, 1948-1957 ,  
1959-1960, 1962, 1963-1964.  
Majlis Bandaran Bandar Maharani, 1966.  
Majlis Bandaran Johor Baharu, 1966.  
Majlis Bandaran Bandar Penggaram, 1966  
Majlis Bandaran Segamat, 1966.  
Financial Commissioner's Office, 1914-1939.  
Johore Finance Office Circulars, 1948. – Sp.  
Johore Financial Orders, 1929.  
Johore Financial Statements, 1925-1939, 1948-1959.  
1962-1964.  
Peraturan-peraturan Wang Kerajaan Johor (Jawi), 1929.  
Johore Treasury Circulars, 1947. – Sp.

**SURUHANJAYA PILIHANRAYA JOHOR:**

Daftar Pengundi:

- Air Molek Ward, Johor Baharu, 1951.  
Batu Pahat Dalam Ward, Air Hitam, 1958.  
Batu Pahat Inland Constituency, 1954.  
Buluh Kasap Ward, Segamat, 1953.  
Gemereh Ward, Segamat, 1953.  
Gunung Soga Ward, Batu Pahat, 1951.  
Jalan Sultana Ward, Batu Pahat, 1951.  
Kampung Petani Ward, Batu Pahat, 1951.  
Kota Tinggi Constituency, 1954.  
Maharani Ward, Bandar Maharani 1951.  
Muar Constituency, 1954.  
Nong Cik Ward Johor Baharu, 1951.  
Parit Setongkat Ward, Bandar Maharani, 1951.  
Sultan Ibrahim Ward, Bandar Maharani, 1951.  
Tebrau Ward, Johor Baharu, 1951.

- Daftar-daftar Pengundi Bahagian Parlimen dan Negeri, 1969.  
Report on the Johore State Council Elections, 1954.L

Johore Financial Statements, 1925-1939, 1948-1959,  
1962-1964.

Peraturan-peraturan Wang Kerajaan Johor (Jawi), 1929.  
Johor Treasury Circulars, 1947. - Sp.

Twentieth Report of the Standing Committee on Finance,  
Johor, 1952.

#### PERKHIDMATAN BOMBA:

Penyata Tahunan, 1969.

#### PERKHIDMATAN PERUBATAN:

Estates Medical Cess Commission Johore, record of proceedings, 1939-1940.

Government Hospital, Batu Pahat Annual Report, 1919.  
Penyata Tahunan, 1922-1926, 1928-1940.

Planning for Health in Johore State, 1970-75.

Sanitation Notes for Policies, Penghulu, Asst. Officers, Johore, 1952, - Sp.

#### PERKHIDMATAN POS JOHOR:

Penyata Tahunan, 1929, 1931-1939.

#### PERSATUAN SEJARAH JOHOR:

Ucapan Perasmian Batu Peringatan Makam Sultan Alauddin Riayat Syah di Kampung Raja Paguh, Muar, 25hb.  
Februari, 1972.

#### PERSURUHJAYA TANAH DAN GALIAN:

Alsagoff Concession, 1978.

Fail, 1910-1944.

Pejabat Tanah Kota Tinggi, 1969.

Penyata Tahunan, 1919, 1937-1938, 1959-1960.

The Settlement Arrears Scheme of Batu Pahat, 1933-1938.

#### PETA:

Bandar Johor Bahru:

Skil 1 rantai 1 inci, 1933.

Skil 4 rantai 1 inci, 1924, 1941.

Skil 4 rantai 1 inci, 1941, (Peta Kontor).

Skil 4 rantai 1 inci, 1941, (Peta Kontor).  
Skil 16 rantai 1 inci, 1950.

Daerah Batu Pahat:

Skil 1 batu 1 inci, 1926

Daerah Endau:

Skil 1 batu 1 inci, 1926

Daerah Kota Tinggi:

Skil 1 batu 1 inci, 1926.

Daerah Muar:

Skil 1 batu 1 inci, 1926.

Daerah Segamat:

Skil 1 batu 1 inci, 1926.

Skil 6 batu 1 inci, 1907

Sil 3 batu 1 inci, 1936

Kawasan Polis Johor:

Skil 4 batu 1 inci, 1949.

Muar dan Batu Pahat:

Skil 1 batu 1 inci, 1904.

Pejabat-pejabat Kerajaan Johor Bahru: rancangan layout.  
(16 Helai), 1938.

Peta Kontor Johor:

Syor 31/3, 1929.

Rancangan lokaliti Johor Bahru, 1952.

Topo Survey Air Hitam.

3L/1 Skil 1 batu 1 inci, 1933.

Topo Survey Gunung Blumut.

3 4/15 Skil 1 batu 1 inci, 1931.

Topo Survey Kampung Penyabung;

Skil 1 batu 1 inci, 1924.

**Topo Survey Mawai:**

Skil 1 batu 1 inci, 1924.

**Topo Survey Sungai Palong:**

Skil 1 batu 1 inci, 1929.

**POLIS DIRAJA MALAYSIA, JOHOR:**

Laporan Tahunan, 1962.

Panduan Bagi Polis Johor (Jawi), 1912. - Sp

Report on the State of Crime and the Administration  
of the Johore Police Force, 1930. - L.

**PUSAT LATIHAN URUSAN HAIWAN, KELUANG:**

Penyata Tahunan, 1968-1969.

**RUMAH SAKIT OTAK TAMPOI:**

Penyata Tahunan, 1969.

**STATE WAR EXECUTIVE COMMITTEES (JOHORE):**

Administrative/District Officer, 1952-1955.

Assitance State Home Guard Officers, Johore Bahru,  
1953-1953.

D.Os./State Home Guard Officers, 1953-1954.

E.A.Os./ Resettlement Supervisors, 1953.

Fail, 1950-1955.

Federal Co-ordinating Committee for Work in New Villages ,  
1952-1955.

Minit Mesyuarat:

District War Committees:

Batu Pahat, 1956-1957.

Johor Bahru, 1950-1957.

Keluang, 1950-1957.

Kota Tinggi, 1950-1957.

Mersing, 1950-1957.

Muar, 1956-1957.

Pontian, 1951-1957.

Rompin, 1952-1954.

Segamat, 1956-1957.

Johore State War Committee, 1956-1958.

Sub-committee fo State War Executive Committees,  
1955-1956.

Special Operations Sub-commitee Johor Bahru District,  
1953.

Sub-District War Committees:

Gelang Patah, 1953-1956.

Kulai, 1953-1956.

Masai, 1951-1955.

New Villages Voluntary Organisation Committee Johor,  
1952-1956.

Kota Tinggi, 1950-1957.

Mersing, 1950-1957.

Muar, 1956-1957.

Pontian, 1951-1957.

Rompin, 1952-1954.

Segamat, 1956-1957.

Special Operation & Sub-committee Johor Bahru District,  
1953.

Sub-district War Committees:

Gelang Patha, 1953-1956.

Kualis, 1953-1956.

Masai, 1951-1955.